




# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI PAHANG**  
TAHUN 2009

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009 NEGERI PAHANG



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA  
No. 15, Aras 1-5  
Persiaran Perdana, Presint 2  
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)



# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI PAHANG  
TAHUN 2009**

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



## KANDUNGAN

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xi
<b>BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI</b>	
Pendahuluan	3
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang <i>Pelaksanaan Dan Pengagihan Projek Perumahan Rakyat Dimiliki</i>	3
Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang <i>Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Terhadap Agensi Kerajaan Negeri Pahang</i>	20
Jabatan Pertanian Negeri Pahang <i>Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani Di Kampung Awah, Maran</i>	30
Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong <i>Pengurusan Pemberimilikan Tanah</i>	42
Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang <i>Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar</i>	50
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang <i>Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Pahang</i>	72
Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang <i>Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW)</i>	82
Majlis Perbandaran Bentong <i>Pengurusan Premis Perniagaan</i>	103
<b>BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI</b>	
Pendahuluan	119
<i>LKPP Corporation Sdn. Bhd.</i>	119
<i>LKPP Padi Sdn. Bhd.</i>	139
<i>PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd.</i>	157
<b>BAHAGIAN III - PERKARA AM</b>	
Pendahuluan	173
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008	173
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	189
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	189
<b>PENUTUP</b>	193



## KATA PENDAHULUAN

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi/Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang tahun 2009 ini disediakan hasil daripada Pengauditan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 11 buah Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong, Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, Jabatan Bekalan Air Negeri, Majlis Perbandaran Bentong, LKPP Corporation Sendirian Berhad, LKPP Padi Sendirian Berhad dan PKNP Mineral Industries Sendirian Berhad. Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pelaksanaan Dan Pengagihan Projek Perumahan Rakyat Dimiliki, Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Terhadap Agensi Kerajaan Negeri, Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani Di Kampung Awah, Pengurusan Pemberimilikan Tanah, Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri, Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW), Pengurusan Premis Perniagaan, Pengurusan Syarikat LKPP Corporation Sendirian Berhad, LKPP Padi Sendirian Berhad dan PKNP Mineral Industries Sendirian Berhad.
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai semua program yang dirancang sama ada telah dilaksanakan dan diurus dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi Negeri Pahang pada tahun 2009 masih terdapat kelemahan. Di antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kelemahan pemantauan telah memberi impak kepada alam sekitar, kelemahan pelaksanaan pengurusan Air Tidak Berhasil telah mengakibatkan kadar kehilangan Air Tidak Berhasil yang tinggi. Di samping itu, kelemahan pelaksanaan projek dan pemantauan projek telah mengakibatkan pihak Kerajaan Negeri menanggung kos tambahan dan pembinaan projek tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Permohonan terhadap pemilikan tanah juga mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Selain itu, bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri tidak mengikut syarat perjanjian, kegagalan Agensi mematuhi peraturan

perolehan telah meningkatkan kos perolehan dan kelemahan dalam tadbir urus korporat syarikat.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi tindakan susulan yang telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2008 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Laporan ini juga penting dalam usaha menangani krisis ekonomi serta menjadikan perkhidmatan awam satu mekanisme dalam melaksana dan menterjemah segala program dan dasar awam seperti untuk memastikan pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber secara mampan, memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat serta memperkemaskan lagi tadbir urus syarikat. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara bagi memenuhi slogan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penjawat awam di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

  
**(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)**

**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**  
**25 Jun 2010**



# INTISARI LAPORAN

# INTISARI LAPORAN

## BAHAGIAN I – AKTIVITI JABATAN/AGENSI

### 1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang - *Pelaksanaan Dan Pengagihan Projek Perumahan Rakyat Dimiliki*

Projek Perumahan Rakyat Dimiliki (PPRM) dilaksanakan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri yang termampu, selesa dan selamat. Jabatan Perumahan Negara (JPN), Wilayah Timur Pahang bertanggungjawab melaksanakan projek PPRM manakala Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bertanggungjawab menguruskan pengagihan rumah kepada pemohon yang layak. Pelaksanaan projek PPRM secara keseluruhannya menghadapi banyak masalah seperti projek sakit, projek lewat disiapkan dan kelewatan mendapatkan kelulusan CFO. Masalah ini adalah disebabkan ketidakcekapan Juruperunding dan kontraktor dalam melaksana serta menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan projek dengan berkesan. Akibatnya pihak Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan berjumlah RM6.20 juta yang sepatutnya boleh dielakkan. Selain itu, proses penawaran rumah yang memakan masa lama telah mengakibatkan pemohon lewat dapat menduduki rumah. Manakala rumah yang terbiar kosong untuk tempoh yang lama mengakibatkan pihak Kerajaan terpaksa menanggung kos membaik pulih dan penyelenggaraan berjumlah RM5.97 juta.

### 2. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang - *Pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Terhadap Agensi Kerajaan Negeri Pahang*

Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman yang diberi diperoleh daripada tiga sumber iaitu Akaun Hasil Disatukan, Kumpulan Wang Pembangunan (termasuk juga pinjaman yang dibuat daripada Kerajaan Persekutuan) dan Kumpulan Wang Amanah. Had peruntukan pinjaman adalah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Sehingga akhir tahun 2009, baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi Agensi dan PBT di Negeri Pahang telah mencatatkan kenaikan sedikit sejumblah RM1.03 juta atau 0.4% daripada RM239.57 juta pada tahun 2008 kepada RM240.60 juta. Secara keseluruhannya, pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut adalah tidak memuaskan disebabkan bayaran balik pinjaman oleh Agensi dan PBT yang tidak mengikut syarat perjanjian. Selain itu, kekurangan penguatkuasaan terhadap Agensi dan PBT yang tidak mematuhi atau telah ingkar kepada syarat-syarat perjanjian juga menyebabkan tunggakan baki bayaran balik pinjaman boleh dituntut semakin meningkat. Kesan daripada ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa menanggung beban hutang yang semakin meningkat kepada Kerajaan Persekutuan. Keadaan ini seterusnya menjelaskan perancangan pembangunan ekonomi Kerajaan Negeri dalam memastikan ia

mencapai matlamat seperti yang telah ditetapkan di dalam Bajet Tahunan Kerajaan Negeri yang telah diluluskan.

### **3. Jabatan Pertanian Negeri Pahang - *Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani Di Kampung Awah, Maran***

Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani di Kampung Awah, Maran telah mula dirancang untuk dilaksanakan di bawah RMKe-9. Projek ini merupakan projek Jabatan Pertanian Negeri Pahang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang. Pembinaan Akademi Usahawan Tani bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi serta progresif bagi membawa industri pertanian lebih maju dan berdaya saing. Projek pembinaan Fasa 1 telah disiapkan pada 18 Oktober 2006 dengan kos berjumlah RM6.86 juta. Manakala, tarikh siap projek Fasa 2 mengikut kontrak adalah pada 16 April 2010 dengan kos berjumlah RM2.53 juta. Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani Fasa 1 adalah tidak memuaskan kerana berlaku kesilapan reka bentuk, kualiti kerja pembinaan yang rendah dan kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi. Selain itu, ketiadaan perancangan awal yang teliti telah menyebabkan banyak pengubahsuaian dilakukan setelah projek siap dilaksanakan dan pihak kontraktor juga telah menggunakan *Table Tender Drawing* dan bukan *Construction Drawing* sebagai rujukan semasa menjalankan kerja pembinaan.

### **4. Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong - *Pengurusan Pemberimilikan Tanah***

Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong adalah merupakan Agensi utama yang bertanggungjawab terhadap semua aspek pentadbiran tanah dan pembangunan daerah di Pentadbiran Daerah Bentong. Tanggungjawab utama Pejabat ini adalah merancang pembangunan tanah, pemberian hak milik tanah selain menguatkuasakan undang-undang, pungutan cukai dan hasil berkaitan tanah. Daerah Bentong telah dibahagikan kepada 3 Mukim iaitu Bentong, Sabai dan Pelangai dengan jumlah keluasan 183,112 hektar. Jumlah hak milik tanah di Daerah Bentong pada tahun 2009 adalah sebanyak 42,988. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan program pemberimilikan tanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong adalah tidak memuaskan kerana Pejabat lambat menyelesaikan fail-fail permohonan dan telah menyebabkan hasil tanah lewat dipungut. Selain itu, prestasi Pegawai Petempatan juga kurang memuaskan kerana tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Arahan Pentadbiran Tanah Negeri.

### **5. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang - *Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar***

Pengusaha pasir perlu memohon dan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan bagi memastikan aktiviti yang dijalankan tidak memberi impak negatif terhadap alam sekitar. Kegagalan pengusaha memohon untuk mengambil pasir di Kuala Sungai Miang telah menyebabkan Kerajaan Negeri kehilangan hasil daripada royalti berjumlah RM3.23 juta. Selain itu, kegagalan pengusaha mematuhi syarat yang ditetapkan telah memberi kesan negatif terhadap alam sekitar seperti berlakunya hakisan tebing sungai, pencemaran

kawasan operasi, perubahan kepada *regime* sungai sehingga menjelaskan kehidupan penduduk setempat.

## **6. Jabatan Kehakiman Syariah Pahang - Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah Negeri Pahang**

Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (Jabatan) telah ditubuhkan pada 19 Januari 1995 yang sebelum itu dikenali sebagai Mahkamah Qadhi di Jabatan Agama Islam Pahang. Jabatan ini bertanggungjawab mengurus, mendengar dan memutuskan kes-kes di semua peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di dalam pengurusan Kes Mal dan Kes Jenayah. Jabatan ini mempunyai dua Mahkamah Tinggi Syariah dan 12 Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Negeri Pahang. Berdasarkan Laporan Statistik e-Syariah pada tahun 2009, sebanyak 4,610 Kes Mal dan Jenayah telah didaftarkan dan sebanyak 2,301 (49.9%) belum selesai perbicaraan di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pahang. Secara keseluruhannya, pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pahang adalah tidak memuaskan kerana kaedah dalam enakmen belum diwartakan dan sistem pautan e-Syariah tidak dilaksanakan sepenuhnya.

## **7. Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang - Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW)**

Air Tidak Berhasil (*Non Revenue Water* (NRW)) adalah jumlah kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem agihan tetapi tidak memberi pulangan hasil kepada agensi yang menguruskan bekalan air. Melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (JBA Pahang) telah diberi peruntukan sejumlah RM150.34 juta untuk melaksanakan program bagi mengurangkan NRW. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah RM121.03 juta (80.5%) telah dibelanjakan termasuk RM6.20 juta untuk projek bukan NRW. Secara keseluruhannya, pengurusan NRW di Negeri Pahang adalah kurang memuaskan kerana anggaran kehilangan hasil yang tinggi iaitu sejumlah RM65.50 juta pada tahun 2008, dua meter pengeluaran yang dibeli pada tahun 2003 tidak dipasang dan meter yang dipasang sukar dibaca. Selain itu, pemantauan terhadap penggunaan tanpa kebenaran tidak dijalankan menyebabkan banyak berlaku kes kecurian air.

## **8. Majlis Perbandaran Bentong - Pengurusan Premis Perniagaan**

Pengurusan premis perniagaan adalah di bawah tanggungjawab Majlis Perbandaran Bentong (Majlis). Sehingga akhir tahun 2009, Majlis mempunyai 1,974 pegangan premis perniagaan yang terdiri daripada rumah kedai jenis teres, bangunan kedai sesebuah dan lot perniagaan dalam kompleks perniagaan. Secara keseluruhannya, pengurusan premis perniagaan Majlis adalah tidak memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan. Antaranya ialah ketidakpatuhan dalam kerja ubahsuai rumah rehat Bentong, harga bekalan yang tidak munasabah, pemborosan dalam perbelanjaan, kajian kemungkinan tidak dijalankan, penyenggaraan premis perniagaan tidak dijalankan secara berkala dan semakan semula kadar sewa premis tidak dibuat. Selain itu kaedah kutipan tunggakan sewa kurang berkesan manakala promosi kurang dijalankan.

## **BAHAGIAN II – PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

### **9. *LKPP Corporation Sdn. Bhd.***

LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB) telah memulakan operasinya pada 1 Mac 1994 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal saham berbayarnya setakat ini sejumlah RM49.46 juta. LCSB merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) dengan 100% modal saham berbayarnya adalah dimiliki oleh LKPP. Visi syarikat adalah sebagai peneraju utama dalam pembangunan industri pertanian dan industri pemprosesan yang berkaitan seperti pengurusan ladang, pemprosesan minyak sawit, pelancongan tani dan penternakan. Secara keseluruhannya pengurusan syarikat LCSB adalah baik. Prestasi kewangan syarikat berada pada kedudukan yang kukuh dan prestasi aktiviti juga adalah baik. Namun pengurusan tadbir urus korporat syarikat perlulah dipertingkatkan bagi menjadikan LCSB sebagai syarikat yang lebih berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi Negeri Pahang.

### **10. *LKPP Padi Sdn. Bhd.***

LKPP Padi Sdn. Bhd. (LPSB) merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) yang memiliki 100% modal berbayarnya. LPSB telah ditubuhkan pada 28 Jun 1995 dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayarnya setakat ini sejumlah RM5 juta. Penubuhan LPSB adalah bertujuan untuk membangunkan sawah komersial di kawasan tanah terbiar terutama di Daerah Rompin. Dalam mempelbagaikan aktivitinya LPSB juga terlibat dalam aktiviti pengeluaran ikan air tawar yang diusahakan secara sewaan kolam dan perladangan kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat subsidiari LKPP iaitu LKPP Corporation Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, pengurusan syarikat LPSB adalah memuaskan. Prestasi kewangan syarikat adalah kukuh dan prestasi aktiviti juga adalah semakin meningkat dan membawa keuntungan kepada syarikat. Bagaimanapun, pengurusan tadbir urus korporat syarikat hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan secara lebih berhemat bagi menjadikan LPSB sebagai sebuah syarikat yang lebih berdaya saing.

### **11. *PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd.***

PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd. (PMISB) merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM100,000 dan modal berbayarnya setakat ini sejumlah RM2 dimiliki sepenuhnya oleh PKNP. Pada awalnya, PMISB dikenali sebagai BIM Land Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 13 Januari 1999 bagi memegang harta tanah yang dimiliki oleh PKNP di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pada 27 April 2007, nama syarikat telah ditukar kepada PMISB setelah melibatkan diri dalam industri perlombongan bijih besi bagi pihak PKNP. Aktiviti utama PMISB adalah jualan harta tanah dan perlombongan bijih besi dalam bentuk

usaha sama bagi pihak PKNP dengan beberapa syarikat yang diberi hak untuk melombong di tanah milik PKNP. Secara keseluruhannya, pengurusan syarikat PMISB adalah kurang memuaskan. Syarikat ini diwujudkan pada asalnya untuk menjalankan aktiviti berkaitan harta tanah, namun syarikat telah mengalami kerugian daripada aktiviti ini. Kemudian syarikat beralih pula kepada aktiviti perlombongan bijih besi secara usaha sama dengan syarikat bersekutu. Syarikat telah menerima dividen daripada pelaburannya dalam aktiviti perlombongan bijih besi ini. Walaupun syarikat telah ditubuhkan melebihi tempoh 10 tahun, namun syarikat masih belum mempunyai struktur pengurusannya sendiri.



## BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI

# **BAHAGIAN I**

## **AKTIVITI JABATAN/AGENSI**

### **1. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957, menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program atau aktiviti Jabatan untuk menentukan sama ada ia telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini, Jabatan Audit Negara telah memilih lapan program atau aktiviti untuk dikaji secara mendalam dan menilai sejauh mana keberkesanannya. Pada tahun 2009, Pengauditan Prestasi telah dijalankan terhadap Pelaksanaan Dan Pengagihan Projek Perumahan Rakyat Dimiliki, Projek Pinjaman Boleh Dituntut Terhadap Agensi Kerajaan Negeri Pahang, Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani, Pengurusan Pemberimilikan Tanah, Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Pengendalian Kes Di Mahkamah Syariah, Pengurusan Air Tidak Berhasil (NRW) dan Pengurusan Premis Perniagaan. Hasil pengauditan tersebut seperti yang dilaporkan ini telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan yang berkenaan dan hanya isu yang ketara sahaja yang dilaporkan.

### **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG**

### **2. PELAKSANAAN DAN PENGAGIHAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT DIMILIKI**

#### **2.1 LATAR BELAKANG**

**2.1.1** Projek Perumahan Rakyat Dimiliki (PPRM) merupakan dasar baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menggantikan Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR). Tujuan PPRM dilaksanakan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri yang termampu, selesa dan selamat. Buat masa ini, hanya Negeri Pahang sahaja yang telah melaksanakan projek ini berbanding negeri-negeri lain yang melaksanakan Projek Perumahan Rakyat DiSewa (PPRS). Jabatan Perumahan Negara (JPN) bertanggungjawab melaksanakan projek PPRM, manakala Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Bahagian Perumahan) bertanggungjawab menguruskan pengagihan rumah kepada pemohon yang layak.

**2.1.2** Dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (RMKe-8), sebanyak 26 projek PPRM yang mengandungi 3,552 unit rumah telah dirancang untuk disiapkan melibatkan peruntukan berjumlah RM160 juta. Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 17 projek telah berjaya disiapkan, empat projek telah ditamatkan kontrak (*terminate*), satu projek ditamatkan secara bersama (*mutual termination*) manakala tiga projek dalam proses mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dan satu projek masih belum siap. Daripada 17 projek yang

telah siap yang mengandungi 2,668 unit, sebanyak 2,421 unit rumah telah pun ditawarkan kepada pemohon yang layak, manakala sebanyak 247 unit masih lagi kosong. Setiap unit rumah dijual pada harga RM30,000 dan RM35,000. Pembelian rumah dibuat sama ada secara tunai atau pinjaman daripada institusi kewangan.

## **2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek PPRM telah dilaksanakan mengikut jadual dan pengurusan pengagihan telah dibuat dengan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan terhadap 26 projek PPRM yang dilaksanakan di bawah RMKe-8 dan RMKe-9 iaitu dari tahun 2001 hingga 2009. Manakala pengagihan pula melibatkan 17 projek PPRM yang telah siap mengandungi sebanyak 2,668 unit rumah. Pengauditan dijalankan di JPN dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Di JPN, semakan dibuat terhadap dokumen kontrak, fail pelaksanaan projek, laporan kemajuan projek, minit mesyuarat dan rekod yang berkaitan. Sementara di Bahagian Perumahan, semakan dibuat terhadap fail permohonan, fail pengagihan, laporan permohonan dan pengagihan serta minit mesyuarat yang berkaitan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan dan pengagihan PPRM telah diadakan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Di samping itu, lawatan telah dibuat ke 17 projek PPRM melibatkan projek yang telah siap, sedang dalam proses kelulusan CFO dan juga Projek Sakit bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan projek tersebut.

## **2.4 PENEMUAN AUDIT**

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan antara Oktober 2009 hingga Februari 2010 mendapati pada keseluruhannya pelaksanaan projek adalah tidak memuaskan di mana telah menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan daripada Projek Sakit dianggarkan berjumlah RM6.20 juta. Sementara itu, pihak Kerajaan juga terpaksa menanggung kos membaik pulih dan penyelenggaraan rumah yang tidak dapat diduduki untuk tempoh yang lama berjumlah RM5.97 juta. Antara kelemahan lain yang diperhatikan ialah hampir keseluruhan projek gagal disiapkan mengikut jadual; kontraktor yang dilantik tidak mempunyai pengalaman mengurus projek, kurang kemahiran, tiada pengalaman dan masalah kewangan; proses penawaran rumah melalui beberapa peringkat dan berulang; lokasi projek tidak sesuai kerana kurang kemudahan infrastruktur dan masalah pemohon yang tidak layak untuk mendapatkan pinjaman dengan institusi kewangan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut:

#### 2.4.1 Projek Sakit

Sehingga akhir tahun 2009, daripada 26 projek yang dilaksanakan didapati sebanyak empat projek telah pun ditamatkan kontrak yang keseluruhannya bernilai RM15.67 juta. Penamatan kontrak terpaksa dibuat setelah kontraktor masih gagal menyiapkan projek walaupun lanjutan masa telah diberikan. Adalah didapati tahap pelaksanaan projek adalah di antara 75% hingga 85%. Kesemua projek ini sepatutnya disiapkan antara tahun 2004 hingga 2007. Bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor pula berjumlah RM12.04 juta. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengkategorikan projek ini sebagai Projek Sakit. Butiran projek yang telah ditamatkan kontrak sehingga akhir tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

**Jadual 2.1**  
**Kedudukan Projek Yang Telah Ditamatkan Kontrak**  
**Sehingga Akhir Tahun 2009**

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah Bayaran (RM Juta)	Tarikh Patut Siap	Tarikh Lanjutan Masa	Tarikh Kontrak Ditamatkan	Tahap Kemajuan Projek (%)
1.	PPRM Simpang Pelangai, Bentong	5.15	3.64	6.9.2004	16.1.2007	7.7.2007	75
2.	PPRM Kuala Pahang Fasa II, Pekan	1.81	1.21	4.11.2007	12.4.2008	23.4.2009	75
3.	PPRM Kg. Sri Jaya, Maran	6.62	5.52	13.3.2005	28.10.2008	1.12.2008	84
4.	PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut	2.09	1.67	17.10.2004	30.6.2007	6.7.2007	85
<b>Jumlah</b>		<b>15.67</b>	<b>12.04</b>				

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

Semakan Audit mendapati faktor yang menyebabkan Projek Sakit adalah seperti berikut:

- a) Kontraktor tidak menunjukkan kesungguhan dan komitmen untuk menyiapkan kerja walaupun lanjutan masa telah diberi dalam usaha untuk membantu kontraktor menyiapkan baki kerja yang tinggal.
- b) Kegagalan dan kelemahan Perunding Pengurusan Projek (*Project Management Consultant* (PMC)) yang dilantik dalam menguruskan projek dengan baik dan memuaskan sehingga membawa kepada penamatan kontrak mereka oleh pihak JPN.
- c) Kenaikan harga bahan yang mendadak pada tahun 2008 menyebabkan kontraktor mengalami masalah pembekalan bahan ke tapak projek.

Lawatan ke tapak projek telah dilakukan melibatkan projek PPRM Kuala Pahang Fasa II (Pekan), PPRM Kg. Sri Jaya (Maran) dan PPRM Bandar Baru Fasa II (Jerantut) bagi melihat sendiri keadaan projek yang bermasalah tersebut. Didapati keadaan projek yang ditinggalkan adalah tidak memuaskan terutama bagi PPRM Bandar Baru Fasa II (Jerantut) dan PPRM Kg. Sri Jaya (Maran) kerana telah terbengkalai melebihi tempoh setahun dari tarikh kontrak ditamatkan. Kawasan tapak bina, peralatan serta bahan binaan terbiar dan

dinggalkan tanpa sebarang kawalan keselamatan yang menyebabkan terdedah kepada kecurian dan vandalisme. **Foto 2.1** hingga **Foto 2.8** menunjukkan keadaan Projek Sakit yang dilawati.

**Foto 2.1**  
**Bahagian Luar Projek Yang Telah Ditumbuhki Semak Di PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut  
Tarikh: 4 November 2009

**Foto 2.2**  
**Tangki Najis Yang Ditinggalkan Dalam Kawasan Projek Di PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut  
Tarikh: 4 November 2009

**Foto 2.3**  
**Kesan Dalam Bangunan Yang Di Ceroboh Di PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut  
Tarikh: 4 November 2009

**Foto 2.4**  
**Aktiviti Vandalsme Dalam Bangunan Di PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut  
Tarikh: 4 November 2009

**Foto 2.5**

Bahagian Luar Projek Yang Ditumbuhki Semak  
Dan Terbiar Di PPRM Kg. Sri Jaya, Maran



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Kg. Sri Jaya, Maran  
Tarikh: 3 November 2009

**Foto 2.6**

Jerji Keselamatan Pada Tingkap Yang Telah  
Dicuri Di PPRM Kg. Sri Jaya, Maran



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Kg. Sri Jaya, Maran  
Tarikh: 3 November 2009

**Foto 2.7**

Keadaan Projek Yang Terbengkalai Di PPRM  
Kuala Pahang Fasa II, Pekan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Kuala Pahang Fasa II, Pekan  
Tarikh: 27 Oktober 2009

**Foto 2.8**

Rumah Yang Belum Siap Di PPRM  
Kuala Pahang Fasa II, Pekan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Kuala Pahang Fasa II, Pekan  
Tarikh: 27 Oktober 2009

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada JPN pada Jun 2010 menjelaskan bahawa daripada empat Projek Sakit ini, satu projek iaitu PPRM Simpang Pelangai (Bentong) telah dilantik kontraktor penyiap dengan kos RM4.67 juta. Manakala PPRM Kuala Pahang Fasa II (Pekan) telah ditarik balik daripada kategori Projek Sakit oleh KPKT dan telah meluluskan Lanjutan Masa sehingga 26 Julai 2010. Projek tersebut telah disambung semula oleh kontraktor asal tanpa melibatkan tambahan kos. PPRM Bandar Baru Fasa II (Jerantut) dan PPRM Sri Jaya (Maran) telah di tender semula pada April dan Jun 2010. Secara anggaran, pertambahan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada Projek Sakit ini berjumlah RM6.20 juta.

Nilai projek yang di tender semula melebihi baki kos projek sebelumnya kerana mengambil kira kos pemuliharaan semula tapak projek serta kos membaik pulih kerosakan pada struktur bangunan setelah projek ditinggalkan. Butiran anggaran kos tambahan yang ditanggung oleh Kerajaan mengikut perkiraan Audit adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Anggaran Kos Tambahan Yang Ditanggung Oleh Kerajaan**

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah Bayaran (RM Juta)	Baki Kos Projek (RM Juta)	Anggaran Nilai Tender Baru* (RM Juta)	Anggaran Kos Tambahan Kerajaan** (RM Juta)	Status Projek (Setakat Februari 2010)
1.	PPRM Simpang Pelangai, Bentong	5.15	3.64	1.51	4.67	3.16	Telah ditawarkan semula pada 12.11.2009
2.	PPRM Kg. Sri Jaya, Maran	6.62	5.52	1.10	3.30	2.20	Telah ditender semula pada Jun 2010
3.	PPRM Bandar Baru Fasa II, Jerantut	2.09	1.67	0.42	1.26	0.84	Telah ditender semula pada April 2010
<b>Jumlah</b>		<b>13.86</b>	<b>10.83</b>	<b>3.03</b>	<b>9.23</b>	<b>6.20</b>	

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

Nota: \* - **Anggaran Nilai Tender Baru** berdasarkan kepada peratusan Nilai Tender Baru projek PPRM Simpang Pelangai, Bentong @ kenaikan ±300% daripada Baki Kos Projek lama.

\*\* - **Anggaran Kos Tambahan Kerajaan** adalah perbezaan antara Anggaran Nilai Tender Baru dengan Baki Kos Projek lama.

Selain itu, kegagalan projek ini juga telah menyebabkan penjualan dan pengagihan rumah tidak dapat dilakukan mengikut perancangan.

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PPRM adalah tidak memuaskan sehingga menyebabkan Projek Sakit. Selain itu, Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan akibat kegagalan kontraktor manakala pemohon pula terpaksa menunggu lama untuk menduduki rumah.**

#### 2.4.2 Projek Lewat Disiapkan

Sebanyak 26 projek PPRM telah dirancang dan dilaksanakan di bawah RMKe-8 dan RMKe-9. Status pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2009 mendapati sebanyak 17 projek telah siap, tiga projek sedang menunggu kelulusan CFO, empat projek telah ditamatkan kontrak, satu projek ditamatkan secara bersama dan satu projek masih belum siap. Semakan Audit terhadap 17 projek yang telah siap mendapati hanya projek PPRM Padang Tengku (Lipis) telah berjaya disiapkan mendahului jadual iaitu dua bulan lebih awal dari tempoh sepatutnya. Bagaimanapun, sebanyak 16 projek lagi telah lewat disiapkan melibatkan tempoh kelewatan antara lapan hingga 45 bulan. Kesemua projek tersebut sepatutnya disiapkan antara tahun 2004 hingga 2006 tetapi hanya dapat disiapkan sehingga tahun 2008. Butiran tempoh penyiapan dan kelewatan projek adalah seperti di **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Tempoh Kelewatan Penyiapan Projek PPRM Sehingga Akhir Tahun 2009**

Bil.	Nama Projek	Tempoh Projek		Tarikh Siap Sebenar	Tempoh Kelewatan (Bulan)
		Mula	Siap		
1.	PPRM Kg. Pamah Kasih, Temerloh	5.2.2003	13.7.2004	1.4.2008	45
2.	PPRM Tg. Putus, Raub	5.11.2002	6.9.2004	16.4.2008	43
3.	PPRM Tg. Selangor Fasa I, Pekan	22.4.2004	4.10.2005	13.11.2008	38
4.	PPRM Bukit Mendi, Bera	5.2.2003	20.7.2004	1.10.2007	38
5.	PPRM Kg. Parit Raja, Rompin	5.2.2003	20.7.2004	31.8.2007	37
6.	PPRM Kg. Hijrah, Kuantan	17.2.2003	1.8.2004	30.4.2007	33
7.	PPRM Kg. Baru Gambang, Kuantan	17.2.2003	1.8.2004	29.4.2007	33
8.	PPRM Kerambit, Lipis	5.2.2003	26.10.2004	1.12.2006	25
9.	PPRM Tg. Agas, Pekan	5.2.2003	20.7.2004	31.3.2006	20
10.	PPRM Batu 17, Tersang, Raub	26.7.2004	8.1.2006	30.7.2007	19
11.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	5.2.2003	20.7.2004	29.10.2005	15
12.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	24.4.2005	8.10.2006	1.1.2008	13
13.	PPRM Kuala Pahang Fasa I, Pekan	5.11.2002	4.10.2004	30.9.2005	12
14.	PPRM Jengka, Maran	5.11.2002	22.3.2004	11.4.2005	12
15.	PPRM Paloh Hinai, Pekan	5.2.2003	20.7.2004	17.5.2005	9
16.	PPRM Tg. Batu, Pekan	5.11.2002	4.10.2004	30.6.2005	8

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

Semakan Audit mendapati kelewatan menyiapkan projek ini adalah disebabkan kelemahan kontraktor utama dan subkontraktor dalam melaksanakan projek berkenaan. Kontraktor tidak komited untuk melaksanakan kerja mengikut jadual serta tidak mempunyai asas kewangan yang kukuh.

*Maklum balas yang diterima daripada JPN mendapati kelewatan ini adalah juga disebabkan perkara seperti berikut:*

- a) Kelewatan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Teknikal seperti Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Indah Water Konsortium (IWK) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berkaitan keperluan projek seperti Pelan Bangunan dan Pelan-pelan Pembinaan.
- b) Kelewatan pembinaan Loji Rawatan Kumbahan (STP) oleh Syarikat Pembinaan Jaya Bumi Sdn. Bhd. (PJ Bumi) yang merupakan syarikat konsesi Kerajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) melalui Kontrak Pusat.
- c) Kesukaran mendapatkan bekalan bahan binaan berdasarkan besi.
- d) Kelewatan disebabkan halangan daripada penduduk tempatan dan status kedudukan tanah yang diberikan.

Semakan Audit mendapati kontraktor telah menjadikan masalah kelewatan kelulusan di peringkat PBT dan Jabatan Teknikal, kesukaran mendapatkan bahan binaan dan juga masalah cuaca menjadi penyebab kontraktor memohon lanjutan masa. Lanjutan masa atas sebab kekurangan bahan besi di pasaran adalah dibenarkan untuk tempoh yang sewajarnya berdasarkan Surat Ketua Pengarah Kerja Raya bertarikh 30 Jun 2004 yang memperakui berlaku situasi tersebut dari Januari hingga April 2004. Bagaimanapun, didapati sebahagian

projek telah dibenarkan tempoh lanjutan masa yang terlalu lama. Sebanyak 16 projek telah diberikan satu hingga tujuh kali lanjutan masa melibatkan tempoh antara dua hingga 38 bulan atau melebihi tiga tahun. Daripada jumlah tersebut sebanyak enam projek telah diberikan lanjutan masa melebihi tempoh kontrak sebenar. Kelewatan untuk menyiapkan projek mengikut jadual telah menyebabkan projek tersebut lewat dijual dan ditawarkan kepada pembeli yang layak. Butiran berkaitan lanjutan masa yang telah diberikan adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Bilangan Dan Tempoh Lanjutan Masa Bagi Projek Yang Telah Siap**

Bil.	Nama Projek	Tempoh Projek (Bulan)	Bilangan Lanjutan Masa Diluluskan	Tempoh Lanjutan Masa (Bulan)
1.	PPRM Tg. Selangor Fasa I, Pekan	17	4	38*
2.	PPRM Kg. Parit Raja, Rompin	18	7	32*
3.	PPRM Pamah Kasih, Temerloh	17	7	29*
4.	PPRM Kg. Baru Gambang, Kuantan	17	7	28*
5.	PPRM Kg. Hijrah, Kuantan	17	6	25*
6.	PPRM Bukit Mendi, Bera	18	6	24*
7.	PPRM Tg. Agas, Sekukoh, Pekan	18	4	12
8.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	18	3	12
9.	PPRM Kuala Pahang Fasa I, Pekan	23	4	9
10.	PPRM Batu 17, Tersang, Raub	17	3	7
11.	PPRM Paloh Hinai, Pekan	18	2	7
12.	PPRM Tg. Batu, Pekan	23	2	6
13.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	19	2	4
14.	PPRM Jengka, Maran	17	2	2
15.	PPRM Tg. Putus, Raub	22	1	-
16.	PPRM Kerambit, Lipis	21	1	-
17.	PPRM Padang Tengku, Lipis	20	-	-

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

Nota: \* - Tempoh Lanjutan Masa melebihi tempoh kontrak sebenar

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek PPRM adalah tidak memuaskan kerana gagal disiapkan mengikut jadual sehingga menyebabkan rumah lewat ditawarkan kepada pembeli yang layak.

#### 2.4.3 Kelewatan Kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO)

Setiap projek yang dilaksanakan perlu mendapat surat sokongan daripada Jabatan Teknikal sebelum boleh mendapatkan kelulusan CFO daripada PBT. Tempoh memproses dan membuat keputusan setiap permohonan dan mengeluarkan CFO adalah dalam tempoh 14 hingga 60 hari bekerja mengikut PBT masing-masing dengan syarat permohonan lengkap diterima. Semakan Audit mendapati daripada 20 projek PPRM yang dilaksanakan, sebanyak 11 projek telah lewat mendapat kelulusan CFO antara empat hingga 43 bulan. Sebanyak lapan daripada projek tersebut telah pun siap, manakala tiga projek lagi dalam proses mendapatkan kelulusan CFO sehingga Disember 2009. Senarai projek yang lewat mendapat kelulusan CFO adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Senarai Projek Yang Lewat Mendapat Kelulusan CFO**

Bil.	Nama Projek	Tarikh Siap Sebenar	Tarikh Kelulusan CFO	Tempoh Kelewatan (Bulan)
1.	PPRM Tg. Batu, Pekan	30.6.2005	6.2.2009	43
2.	PPRM Jengka, Maran	11.4.2005	2.4.2008	36
3.	PPRM Tg. Agas, Pekan	31.3.2006	23.6.2008	27
4.	PPRM Kuala Pahang Fasa I, Pekan	30.9.2005	20.6.2006	9
5.	PPRM Padang Tengku, Lipis	21.4.2004	15.12.2004	8
6.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	29.10.2005	22.5.2006	7
7.	PPRM Pamah Kasih, Temerloh	1.4.2008	31.7.2008	4
8.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	1.1.2008	21.4.2008	4
9.	PPRM Kg. Leban Condong, Rompin	31.12.2007	-	Dalam proses CFO
10.	PPRM Kg. Ibol Tunggal, Jerantut	31.3.2008	-	Dalam proses CFO
11.	PPRM Kg. Paya Sok, Temerloh	31.11.2008	-	Dalam proses CFO

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

*Maklum balas yang diterima daripada JPN menjelaskan bahawa punca kepada kelewatan mendapatkan kelulusan CFO daripada PBT adalah disebabkan:*

- a) Kelewatan mendapatkan sokongan daripada IWK berhubung Loji Rawatan Kumbahan yang merupakan syarat utama dalam pengeluaran CFO. Pada peringkat permulaan, pembinaan loji rawatan bagi projek-projek berkenaan dilaksanakan oleh PJ Bumi yang merupakan satu-satunya kontraktor yang disenaraikan dalam Kontrak Pusat oleh Kementerian Kewangan bagi pembinaan loji rawatan berkenaan. Bagaimanapun, kegagalan syarikat tersebut dalam menyiapkannya setelah beberapa lanjutan masa diberi menyebabkan JPN menamatkan kerja subkontraktor PJ Bumi dan mengarahkan kontraktor utama menyiapkan baki kerja yang ditinggalkan sehingga selesai. Kebanyakan kontraktor utama menghadapi kesukaran untuk menyiapkan loji rawatan tersebut kerana mereka tidak memiliki kapakan yang diperlukan. Kegagalan kontraktor menyiapkan loji rawatan mengikut kehendak dan spesifikasi yang ditetapkan oleh IWK menyebabkan kelewatan dalam mendapatkan sokongan sehingga semua komen dan ulasan yang dikeluarkan oleh IWK diperbaiki dan dipenuhi.
- b) Syarat-syarat tambahan yang dikeluarkan oleh PBT selain daripada kelulusan asal yang perlu dipenuhi oleh kontraktor sebelum sokongan CFO dikeluarkan seperti menyediakan lampu jalan. Disebabkan syarat tambahan ini tidak termasuk dalam skop asal kontrak maka JPN perlu mendapatkan peruntukan tambahan untuk melaksanakan kerja ini yang memakan masa untuk diluluskan.
- c) Kelewatan mendapatkan bekalan air daripada JBA seperti yang berlaku di PPRM Tg. Batu (Pekan). Permohonan untuk mendapatkan bekalan air ke tapak projek tidak dapat dibuat kerana terdapat kebocoran pada paip utama JBA. Sokongan untuk pengeluaran CFO daripada JBA hanya diperoleh setelah mempunyai bekalan air ke tapak projek.

Kelewatan kelulusan CFO ini telah menyebabkan unit rumah yang telah siap, terbiar untuk tempoh yang lama. Rumah itu juga lewat dijual dan ditawarkan kepada pembeli yang layak.

**Foto 2.9** dan **Foto 2.10** merupakan contoh Loji Rawatan Kumbahan di PPRM Leban

Chondong (Rompin) yang mengalami masalah kegagalan kontraktor asal menyiapkannya mengikut jadual.

**Foto 2.9**  
**STP Yang Menghadapi Masalah Pembinaan Di PPRM Kg. Leban Chondong, Rompin**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Leban Chondong, Rompin  
Tarikh: 28 Oktober 2009

Pada pendapat Audit, proses mendapatkan CFO adalah tidak memuaskan kerana mengambil masa yang lama untuk diluluskan disebabkan masalah yang dihadapi oleh kontraktor yang berkaitan. Selain itu, syarat tambahan oleh PBT yang tidak termasuk dalam skop asal kontrak memerlukan masa untuk mendapatkan kelulusan peruntukan tambahan menyebabkan rumah lewat ditawarkan kepada pembeli yang layak.


#### **2.4.4 Masalah Pengagihan Rumah**

Pengagihan rumah PPRM dilaksanakan sebelum rumah siap tetapi penyerahan kunci dibuat selepas kelulusan CFO diperoleh. Proses pengagihan rumah dilakukan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang berdasarkan permohonan yang dibuat melalui Sistem Perumahan Awam Pahang (SPAP). Bahagian Perumahan akan mengemukakan senarai nama pemohon yang layak mengikut kawasan projek kepada Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Dan Pemilihan Peserta Daerah (JKPD). Jawatankuasa tersebut diurussetiakan oleh Bahagian Perumahan dan ahlinya merupakan ADUN terlibat dan wakil Pegawai Daerah. Ia berperanan untuk memilih calon yang layak ditawarkan rumah PPRM. Senarai pemohon yang dipilih oleh JKPD akan dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan Negeri (JKPN). Senarai pemohon yang diperakukan oleh Mesyuarat JKPN dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk keputusan. Surat Tawaran dikeluarkan kepada bakal pembeli yang telah diluluskan.

Semakan Audit sehingga Februari 2010, mendapati sebanyak 17 projek PPRM telah siap dibina mengandungi 2,668 unit rumah sedia untuk diagihkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,421 unit telah dijual, manakala sebanyak 247 unit atau 9.3% masih kosong. Daripada 2,421 unit yang telah dijual, sebanyak 1,696 unit telah pun diberi kunci dan boleh diduduki, sebanyak 190 telah lulus pinjaman dan menunggu serahan kunci manakala 535

masih dalam proses mendapatkan pinjaman. Butiran berkaitan agihan rumah projek PPRM yang telah siap adalah seperti di **Carta 2.1**.

**Carta 2.1**  
**Kedudukan Pengagihan Rumah PPRM**  
**Sehingga Februari 2010**



*Sumber: Bahagian Perumahan, SUK*

**Foto 2.11** dan **Foto 2.12** menunjukkan projek PPRM yang telah siap dan diduduki.

**Foto 2.11**

**Projek Siap Dan Telah Diduduki  
Di PPRM Pamah Kasih, Temerloh**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Pamah Kasih, Temerloh  
Tarikh: 3 November 2009*

**Foto 2.12**

**Sebahagian Rumah Yang Telah Diduduki  
Di PPRM Tg. Putus, Raub**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Tanjung Putus, Raub  
Tarikh: 3 November 2009*

Selain itu, pihak Audit mendapati berlaku kelewatan dalam proses menawarkan rumah bagi projek yang telah siap iaitu di antara satu hingga 41 bulan melibatkan sebanyak 13 projek. Manakala empat projek lagi telah dapat ditawarkan lebih awal iaitu di antara lima hingga 13

bulan sebelum tarikh kelulusan CFO. Tempoh kelewatan ini adalah dengan mengambil kira dari tarikh kelulusan CFO sehingga tarikh surat tawaran rumah yang pertama dikeluarkan. Butiran penawaran rumah adalah seperti di **Jadual 2.6**.

**Jadual 2.6**  
**Masa Diambil Untuk Tawaran Rumah PPRM**

Bil.	Nama Projek	Bilangan Unit	Tarikh CFO	Tarikh Tawaran Pertama	Tempoh Proses (Bulan)	Bilangan Tawaran Dibuat	Tempoh Tawaran (Bulan)
1.	PPRM Paloh Hinai, Pekan	150	31.12.2004	15.5.2008	41	5	32
2.	PPRM Padang Tengku, Lipis	100	15.12.2004	27.2.2007	27	3	31
3.	PPRM Jengka, Maran	300	2.4.2008	2.11.2006	17	4	38
4.	PPRM Kg. Hijrah, Kuantan	150	3.4.2007	28.8.2008	17	3	16
5.	PPRM Kerambit, Lipis	100	9.8.2005	11.11.2006	15	3	31
6.	PPRM Kg. Baru Gambang, Kuantan	150	15.5.2007	4.8.2008	15	5	16
7.	PPRM Kuala Pahang Fasa I, Pekan	318	20.6.2006	20.3.2007	9	3	20
8.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	150	21.4.2008	18.12.2008	8	2	12
9.	PPRM Bukit Mendi, Bera	150	30.11.2007	5.6.2008	6	5	8
10.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	150	22.5.2006	22.9.2006	4	3	37
11.	PPRM Tg. Selangor Fasa I, Pekan	100	15.11.2008	17.7.2008	4	3	17
12.	PPRM Kg. Parit Raja, Rompin	150	7.11.2007	4.2.2008	3	5	22
13.	PPRM Tg. Agas, Pekan	150	23.6.2008	17.7.2008	1	3	4
14.	PPRM Batu 17, Tersang, Raub	150	30.7.2007	8.3.2007	-5	8	35
15.	PPRM Tg. Batu, Pekan	150	6.2.2009	17.7.2008	-7	6	18
16.	PPRM Tg. Putus, Raub	100	16.4.2008	13.3.2007	-13	5	31
17.	PPRM Kg. Pamah Kasih, Temerloh	150	31.7.2008	7.11.2006	-21	6	32

Sumber: Bahagian Perumahan, SUK

Adalah didapati proses penawaran rumah juga mengambil masa yang lama untuk diselesaikan iaitu di antara empat hingga 38 bulan sehingga Februari 2010. Semakan lanjut mendapati punca proses penawaran rumah mengambil masa yang lama adalah disebabkan perkara seperti berikut:

- a) Proses penawaran rumah terpaksa melalui beberapa peringkat bermula daripada menyenaraikan nama pemohon, JKPD, JKPN dan MMK.
- b) Senarai nama yang dikemukakan ke JKPD oleh Bahagian Perumahan kurang daripada bilangan rumah yang patut diisi.
- c) Senarai nama yang diperakukan dalam Mesyuarat JKPD masih belum mencukupi untuk menampung bilangan rumah yang patut diisi menyebabkan proses penawaran terpaksa dibuat berulang kali.
- d) Kesukaran pembeli yang telah ditawarkan rumah mendapatkan kemudahan pinjaman perumahan daripada institusi kewangan kerana mereka tidak mampu atau menghadapi

masalah bebanan kewangan. Sementara itu, pihak institusi kewangan pula mengenakan syarat tertentu sebelum meluluskan sesuatu pinjaman kepada pembeli. Adalah didapati sehingga Februari 2010, 246 daripada 535 pemohon pinjaman atau 46% telah dibatalkan atau ditolak oleh pihak institusi kewangan. Kedudukan pinjaman perumahan yang telah ditolak pada Februari 2010 adalah seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Kedudukan Pinjaman Perumahan Peserta Projek PPRM**  
**Sehingga Februari 2010**

Bil.	Nama Projek	Bil. Unit	Lulus Pinjaman		Proses Pinjaman	
			Lulus Pinjaman/ Tunai Dan Telah Diserahkan Kunci	Lulus Dan Belum Dapat Kunci	Proses Pinjaman	Untuk Batal
1.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	150	135	1	14	0
2.	PPRM Kg. Parit Raja, Rompin	150	81	3	66	46
3.	PPRM Kerambit, Lipis	100	58	2	22	21
4.	PPRM Padang Tengku, Lipis	100	86	3	11	6
5.	PPRM Jengka, Maran	300	275	9	16	0
6.	PPRM Bukit Mendi, Bera	150	76	6	68	23
7.	PPRM Batu 17, Tersang, Raub	150	82	12	35	17
8.	PPRM Tg. Putus, Raub	100	82	1	17	0
9.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	150	71	12	50	43
10.	PPRM Kg. Pamah Kasih, Temerloh	150	87	11	40	32
11.	PPRM Tg. Agas, Pekan	150	6	62	3	0
12.	PPRM Paloh Hinai, Pekan	150	80	14	41	11
13.	PPRM Kuala Pahang Fasa I, Pekan	318	226	14	7	0
14.	PPRM Tg. Selangor Fasa I, Pekan	100	81	8	11	0
15.	PPRM Tg. Batu, Pekan	150	89	6	55	42
16.	PPRM Kg. Hijrah, Kuantan	150	55	15	66	4
17.	PPRM Kg. Baru Gambang, Kuantan	150	126	11	13	1
<b>Jumlah</b>		<b>2,668</b>	<b>1,696</b>	<b>190</b>	<b>535</b>	<b>246</b>

Sumber: Bahagian Perumahan, SUK

Berdasarkan maklum balas yang diterima, Bahagian Perumahan telah mengambil tindakan untuk mempercepatkan proses penawaran rumah daripada 11 proses sedia ada kepada 7 proses sahaja. Ia dilakukan semasa “Business Process Reengineering”. Antara pindaan yang telah dibuat seperti had pendapatan yang dibenarkan untuk memohon daripada RM1,500 kepada RM3,000. Had umur memohon dari 21 tahun dan berkahwin kepada 18 tahun jika berkahwin dan 35 tahun jika bujang. Selain itu, proses temu duga juga telah dimansuhkan manakala proses cabutan undi dan tandatangani Surat Perjanjian Jual Beli dibuat serentak semasa cabutan undi berbanding dulu dibuat di pejabat peguam. Bahagian Perumahan memaklumkan bahawa sebanyak 2,668 unit daripada 17 projek yang telah siap dibina dan telah memperoleh CFO, sebanyak 3,671 Surat Tawaran telah dikeluarkan kepada pembeli yang telah dipilih sehingga Mei 2010. Bilangan serahan kunci pula telah meningkat dengan ketara sejak tahun 2007 sebanyak 81 kepada 2,128 sehingga Mei 2010. Bagaimanapun, bilangan serahan kunci adalah rendah berbanding Surat Tawaran yang dikeluarkan kerana pembeli gagal mendapatkan pinjaman.

Bilangan Surat Tawaran yang telah dikeluarkan dan bilangan serahan kunci mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Bilangan Surat Tawaran Dikeluarkan Dan**  
**Serahan Kunci Sehingga Mei 2010**

Tahun	Bilangan Surat Tawaran Dikeluarkan	Bilangan Serahan Kunci (Kumulatif)
2006	469	-
2007	418	81
2008	1,600	462
2009	955	1,630
2010	229	2,128
<b>Jumlah</b>	<b>3,671</b>	

*Sumber: Bahagian Perumahan, SUK*

Bagi peserta yang gagal untuk mendapatkan pinjaman dan masih berminat untuk memiliki rumah mereka akan berusaha untuk mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan lain. Ada pula di antaranya tidak memaklumkan status permohonan pinjaman mereka kepada Bahagian Perumahan menyebabkan proses penawaran menjadi semakin lama. Pembeli yang gagal mendapatkan pinjaman menyebabkan rumah yang ditawarkan kembali kosong dan terpaksa ditawarkan semula kepada pembeli lain dan proses ini akan berulang sehinggalah kesemua rumah dapat dijual dan diisi. **Foto 2.13** hingga **Foto 2.16** menunjukkan rumah-rumah yang masih kosong.

**Foto 2.13**  
**Sebahagian Rumah Yang Masih Kosong**  
**Di PPRM Kerambit, Lipis**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Kerambit, Lipis  
Tarikh: 4 November 2009*

**Foto 2.14**  
**Sebahagian Rumah Yang Masih Kosong**  
**Di PPRM Bolok Hilir, Temerloh**



*Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Bolok Hilir, Temerloh  
Tarikh: 3 November 2009*

**Foto 2.15**  
**Sebahagian Rumah Telah Diduduki Dan  
Sebahagian Lagi Masih Kosong  
Di PPRM Batu 17 Tersang, Raub**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Tg. Faris, Raub  
Tarikh: 3 November 2009

**Foto 2.16**  
**Sebahagian Rumah Telah Diduduki Dan  
Sebahagian Lagi Masih Kosong  
Di PPRM Tg. Agas, Pekan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: PPRM Tg. Agas, Pekan  
Tarikh: 27 Oktober 2009

Semakan Audit mendapati kelewatan proses penawaran dan penjualan rumah ini telah menyebabkan rumah terbiar kosong untuk tempoh yang lama dan ada di antaranya sehingga 65 bulan sebelum ia diduduki. Keadaan ini telah mengakibatkan rumah tersebut mengalami kerosakan dan usang. Kerajaan terpaksa pula menanggung kos membaik pulih bagi memastikan pembeli dapat menduduki rumah dengan selesa.

*Maklum balas JPN menyatakan sehingga akhir tahun 2009, sejumlah RM5.97 juta telah dibelanjakan bagi kerja penyelenggaraan rumah melibatkan sebanyak 19 projek PPRM. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM5.32 juta adalah daripada peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1), manakala selebihnya berjumlah RM0.65 juta daripada peruntukan JPN. Kerja-kerja penyenggaraan melibatkan kerja membaiki kecacatan atau kerosakan rumah termasuk kecurian dan vandalisme serta kerja penyenggaraan infrastruktur.*

Perbelanjaan ini boleh dilakukan atau dikurangkan sekiranya pengagihan dan pengisian rumah dapat dibuat lebih awal. Butiran kos penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 2.9**.

**Jadual 2.9**  
**Kos Penyenggaraan Projek PPRM Sehingga Akhir Tahun 2009**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Projek</b>	<b>Kos Penyenggaraan (RM)</b>		
		<b>PRE 1</b>	<b>JPN</b>	<b>Jumlah</b>
1.	PPRM Kg. Hijrah, Kuantan	903,792	-	903,792
2.	PPRM Kuala Pahang 1, Pekan	645,235	235,561*	880,797
3.	PPRM Jengka, Maran	496,911	354,144	851,055
4.	PPRM Bukit Mendi, Temerloh	399,255	-	399,255
5.	PPRM Tg. Agas, Sekukoh, Pekan	361,418	-	361,418
6.	PPRM Kg. Parit Raja, Rompin	306,216	-	306,216
7.	PPRM Kg. Bolok Hilir, Temerloh	294,632	-	294,632
8.	PPRM Tanjung Batu, Pekan	283,041	-	283,041
9.	PPRM Tanjung Putus, Raub	210,413	41,372	251,784
10.	PPRM Kg. Paya Sok, Temerloh	212,352	-	212,352
11.	PPRM Kg. Pamah Kasih, Temerloh	193,549	-	193,549
12.	PPRM Kerambit, Lipis	169,072	15,200	184,272
13.	PPRM Kg. Ibol Tunggal, Jerantut	180,095	-	180,095
14.	PPRM Padang Tengku, Lipis	145,952	-	145,952
15.	PPRM Batu 17, Tersang, Raub	144,375	-	144,375
16.	PPRM Paloh Hinai, Pekan	124,418	-	124,418
17.	PPRM Kg. Baru Gambang, Kuantan	122,621	-	122,621
18.	PPRM Kg. Leban Chondong, Rompin	84,128	-	84,128
19.	PPRM Muadzam Shah, Rompin	46,812	-	46,812
<b>Jumlah</b>		<b>5,324,285</b>	<b>646,277</b>	<b>5,970,562</b>

Sumber: Jabatan Perumahan Negara

**Nota:** \* - Termasuk kos membaiki/mengganti bumbung rosak akibat ribut pada tahun 2008 berjumlah RM80,000

Pada pendapat Audit, pengagihan rumah projek PPRM adalah kurang memuaskan kerana mengambil masa yang lama untuk diuruskan. Kerajaan juga terpaksa menanggung kos membaik pulih rumah yang tinggi.

## 2.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pelaksanaan projek PPRM secara keseluruhannya menghadapi banyak masalah disebabkan ketidakcekapan juruperunding dan kontraktor dalam melaksanakan projek serta menyelesaikan masalah dengan berkesan. Akibatnya, Kerajaan terpaksa menanggung kos tambahan yang sepatutnya boleh dielakkan. Selain itu, proses penawaran rumah yang memakan masa lama telah mengakibatkan pemohon lewat dapat menduduki rumah. Manakala rumah terbiar kosong untuk tempoh yang lama disebabkan oleh kelewatan memperoleh CFO dan kelulusan pinjaman. Keadaan ini telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa menanggung kos membaik pulih rumah yang tinggi. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya JPN dan Bahagian Perumahan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) JPN memilih hanya kontraktor yang berwibawa dengan mengambil kira prestasi kerja, kemahiran pengurusan dan kemampuan kewangan untuk melaksanakan projek.

- b)** Pusat Hentian Setempat (OSC) perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan Jabatan Teknikal.
- c)** JPN mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan projek mengikut jadual di peringkat lebih awal.
- d)** Bahagian Perumahan mempercepatkan proses pemilihan peserta agar rumah dapat diduduki dengan segera.
- e)** Bahagian Perumahan memastikan hanya peserta yang benar-benar layak dari segi kewangan sahaja ditawarkan rumah.

## PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG

### 3. PENGURUSAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TERHADAP AGENSI KERAJAAN NEGERI PAHANG

#### 3.1 LATAR BELAKANG

**3.1.1** Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi yang menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman yang diberi diperoleh daripada tiga sumber iaitu Akaun Hasil Disatukan, Kumpulan Wang Pembangunan (termasuk juga pinjaman yang dibuat daripada Kerajaan Persekutuan) dan Kumpulan Wang Amanah. Pinjaman daripada Akaun Hasil Disatukan biasanya digunakan bagi maksud membiayai modal kerja atau belanja mengurus dan mengatasi masalah kewangan Agensi. Manakala sumber pinjaman daripada Kumpulan Wang Pembangunan pula adalah bertujuan untuk membiayai kos pembangunan. Selain itu, pinjaman daripada Kumpulan Wang Amanah adalah untuk tujuan penubuhan Kumpulan Wang Amanah tersebut.

**3.1.2** Had peruntukan pinjaman adalah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Bagi sumber pinjaman yang diperoleh melalui Akaun Hasil Disatukan, ia telah diperuntukkan di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri (PKN) yang akan diselaraskan ke satu akaun kawalan iaitu Akaun Peruntukan Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain. Pinjaman yang diberi akan dikeluarkan daripada Akaun Peruntukan tersebut tertakluk kepada had peruntukan yang ditetapkan dan amaun pinjaman yang telah diluluskan.

**3.1.3** Sehingga akhir tahun 2009, baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi Agensi di Negeri Pahang telah mencatatkan kenaikan sedikit sejumlah RM1.03 juta atau 0.4% daripada RM239.57 juta pada tahun 2008 kepada RM240.60 juta seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tempoh 2005 Hingga 2009**

Bil.	Nama Agensi	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	154.60	160.90	168.55	169.56	175.24
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	71.62	56.52	53.67	52.67	52.02
3.	Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian	18.89	14.18	11.89	10.95	7.45
4.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.85	1.59	6.59	6.39	5.89
<b>Jumlah</b>		<b>246.96</b>	<b>233.19</b>	<b>240.70</b>	<b>239.57</b>	<b>240.60</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2009

### **3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai pengurusan pinjaman boleh dituntut yang diberikan kepada Agensi sama ada telah diurus dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

### **3.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan dan pengeluaran Pinjaman Boleh Dituntut yang telah dikeluarkan kepada Agensi dari tahun 2006 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan di PKN dan Agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bagi projek Perindustrian Gebeng Fasa II berjumlah RM45 juta dan projek Perindustrian Bentong Fasa II berjumlah RM8 juta; Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) bagi Tabung Kumpulan Modal Bumiputera Pahang (KUMIPA) berjumlah RM50 juta dan RM20 juta serta Penyusunan Semula Mentiga Corporation Berhad (MCB) berjumlah RM22 juta; Majlis Daerah Bera (MDB) pinjaman bagi menampung kos projek pembinaan bangunan pejabat berjumlah RM5 juta dan Majlis Daerah Raub (MDR) bagi pinjaman membiayai keperluan menangani masalah Y2K yang berjumlah RM221,044.

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti Perjanjian Pinjaman, Daftar Pinjaman, Jadual Bayaran Balik Pinjaman, Laporan Penyesuaian Akaun Pinjaman, Laporan Pengesahan Baki Akhir, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri/Agensi dan Minit Mesyuarat serta surat menyurat yang berkaitan. Selain itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mengesahkan maklumat yang telah diperoleh. Lawatan dan pemeriksaan fizikal terhadap setiap projek dan program yang dipilih yang dibiayai melalui pinjaman yang dikeluarkan turut dijalankan melibatkan PKN dan Agensi yang dipilih. Analisis Audit juga dijalankan bagi menentukan prestasi bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut oleh Agensi dan punca kelewatan bayaran balik pinjaman.

### **3.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada Ogos hingga Disember 2009 mendapati pada keseluruhannya pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut Terhadap Agensi Kerajaan Negeri Pahang adalah kurang memuaskan dan perlu dipertingkatkan. Antara perkara yang diperhatikan ialah kurangnya penguatkuasaan terhadap Agensi, tidak mematuhi syarat perjanjian pinjaman dan tunggakan bayaran balik pinjaman yang meningkat.

#### **3.4.1 Syarat Perjanjian Pinjaman Tidak Menjamin Kepentingan Kerajaan**

Dokumen perjanjian merupakan dokumen rasmi yang penting bagi mengikat antara Kerajaan Negeri dengan Agensi yang diluluskan pinjaman. Setiap perjanjian yang disediakan bagi pihak Kerajaan Negeri perlu mengambil kira aspek berkaitan kepentingan Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian rasmi mendapati perkara seperti berikut:

**a) Percanggahan Fasal Perjanjian Mengenai Bayaran Balik Pinjaman**

Merujuk Fasal 3.02, mengenai Syarat-syarat Pinjaman dengan Jadual Bayaran Balik Pinjaman (JBB) antara Kerajaan Negeri dengan ASPA bagi pinjaman berjumlah RM50 juta untuk KUMIPA menetapkan bahawa bayaran balik pinjaman adalah sejumlah 6% daripada bayaran dividen tahunan yang dikeluarkan oleh KUMIPA pada setiap tahun. Manakala JBB pula menetapkan bahawa jumlah bayaran balik adalah bersamaan dengan anuiti tahunan yang berjumlah RM3 juta setahun selama tempoh 17 tahun.

Semakan Audit mendapati wujud percanggahan terhadap kadar bayaran balik pinjaman menyebabkan ketidaksamaan jumlah bayaran balik tahunan yang sepatutnya dibayar oleh ASPA kepada Kerajaan Negeri.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri menjelaskan perkara ini akan dipanjangkan ke MMK bagi tujuan penjadualan semula bayaran balik pinjaman.*

**b) Fasal Khusus Tidak Diwujudkan Dalam Perjanjian Terhadap ASPA Dan PKNP Yang Tidak Atau Lewat Membuat Bayaran Balik Pinjaman**

Semakan Audit terhadap perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan ASPA bagi pinjaman berjumlah RM50 juta dan PKNP berjumlah RM45 juta serta RM8 juta mendapati tiada fasal khusus di dalam perjanjian berkaitan tindakan yang boleh diambil oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap ASPA dan PKNP sekiranya tidak atau lewat membuat bayaran balik.

Ketiadaan fasal ini boleh memberi ruang kepada ASPA dan PKNP untuk tidak atau lewat membuat bayaran balik pinjaman. Bagaimanapun, bagi perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan MDB dan MDR pula ada menetapkan fasal berkaitan dengan kuasa Kerajaan Negeri untuk membuat potongan ke atas geran tahunan yang diberikan sekiranya Majlis Daerah gagal membuat bayaran balik pinjaman seperti yang telah ditetapkan.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri menjelaskan perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.*

**c) Syarat Khas Perjanjian Yang Tidak Munasabah**

Fasal 5.01 di dalam Syarat-syarat Khas Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan ASPA bagi pinjaman yang berjumlah RM20 juta menetapkan bahawa sekiranya ASPA gagal membayar balik pinjaman atau faedah maka Kerajaan Negeri boleh membuat potongan ke atas geran tahunan yang diberikan. Bagaimanapun, temu bual yang dijalankan dengan Penolong Pegawai Kewangan ASPA mengesahkan bahawa tiada sebarang geran tahunan diterima oleh ASPA. Keadaan ini bertentangan dengan Fasal 5.01 yang menetapkan pemotongan geran tahunan terhadap sebarang kegagalan bayaran balik pinjaman atau faedah oleh ASPA.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri menjelaskan perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.*

**Pada pendapat Audit, syarat perjanjian pinjaman adalah tidak memuaskan kerana tidak menjamin kepentingan Kerajaan Negeri.**

### **3.4.2 Syarat Perjanjian Pinjaman Tidak Dipatuhi**

Pihak Agensi yang telah menandatangani perjanjian perlu mematuhi setiap syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian yang dimeterai. Ia adalah penting bagi memastikan ketelusan setiap perjanjian yang disediakan kerana Kerajaan Negeri merupakan pihak utama yang akan menanggung segala implikasi kewangan sekiranya perjanjian yang dimeterai tidak mengambil kira faktor kepentingan Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian rasmi bagi setiap Agensi yang telah dipilih mendapati perkara seperti berikut:

#### **a) Akaun Khas Bagi Pinjaman PKNP Tidak Disediakan**

Fasal 4, perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan PKNP untuk pinjaman berjumlah RM45 juta dan RM8 juta telah menetapkan bahawa satu Akaun Khas perlu diwujudkan untuk merekodkan semua kutipan hasil projek selepas tamat tempoh pertangguhan, manakala pengeluaran hanya dibenarkan untuk membuat bayaran balik pinjaman sahaja.

Semakan Audit mendapati tiada satu Akaun Khas dibuka bagi tujuan seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian tersebut. Temu bual yang telah dijalankan dengan Penolong Akauntan yang bertanggungjawab terhadap urusan pinjaman di PKNP mengesahkan bahawa tiada satu Akaun Khas yang dibuka untuk setiap pinjaman. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar kutipan hasil projek yang diperoleh oleh PKNP bagi kedua-dua projek tersebut.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri memaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada PKNP untuk diambil tindakan.*

#### **b) Laporan Kemajuan Projek Tidak Dikemukakan**

Fasal 6.01(g), perjanjian pinjaman berjumlah RM45 juta dan RM8 juta antara Kerajaan Negeri dengan PKNP menyatakan bahawa peminjam hendaklah mengemukakan laporan kemajuan projek yang disahkan setiap enam bulan mulai dari tarikh perjanjian tersebut dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Cawangan Audit Negeri. Semakan Audit mendapati tiada laporan kemajuan projek dikemukakan oleh PKNP.

Manakala Fasal 5.02, perjanjian pula menetapkan bahawa apabila peminjam berkehendakkan satu pengeluaran pinjaman, maka satu notis pengeluaran bersama dengan laporan kemajuan projek hendaklah dikemukakan dan disahkan oleh Pegawai

Pengawal. Semakan Audit mendapati laporan kemajuan projek telah disediakan. Bagaimanapun, laporan tersebut tidak dikemukakan mengikut syarat perjanjian yang ditetapkan di Fasal 6.01(g).

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri memaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada PKNP untuk diambil tindakan.*

**c) Letter Of Assignment (LOA) Tidak Disediakan**

Fasal 4, Syarat Khas Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan ASPA berjumlah RM22 juta menetapkan bahawa ASPA hendaklah mengeluarkan LOA selepas tarikh berkuat kuasa pinjaman. ASPA mengaku janji akan menyerahkan hasil pelaburan dan harta-harta seperti yang ditetapkan dalam Fasal 4.03 di dalam perjanjian sekiranya ia gagal membayar sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri.

Selain itu, Fasal 4.04 pula menghendaki ASPA mengaku janji akan membuat perjanjian dengan MCB bagi maksud menyerahkan hasil pelaburan dan aset kepada Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan dalam fasal perjanjian tersebut sekiranya ASPA gagal membayar sepenuhnya pinjaman.

Semakan Audit mendapati LOA dan Perjanjian dengan MCB tidak dilaksanakan oleh ASPA sebagaimana yang ditetapkan. Ketiadaan dokumen tersebut akan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak berhak mendapat hak milik ke atas pelaburan dan aset yang dicagarkan seperti yang telah ditetapkan.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri menjelaskan perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri bagi memastikan kepentingan Kerajaan Negeri terjamin.*

**d) Laporan Penggunaan Pinjaman Tidak Disediakan**

Fasal 7.01(c) dan 7.01(d) di dalam Klaus 7, Lain-lain Syarat Pinjaman bagi perjanjian pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan ASPA berjumlah RM20 juta telah menetapkan bahawa ASPA mengaku janji akan mengemukakan Laporan Penggunaan Pinjaman kepada Kerajaan Negeri pada akhir setiap enam bulan mulai dari tarikh berkuat kuasa pinjaman. Selain itu, ASPA juga perlu memberi maklumat yang lengkap dan kemas kini kepada Kerajaan Negeri mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan urusan dan lain-lain kegiatan KUMIPA sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

Semakan Audit mendapati tiada laporan penggunaan pinjaman dan maklumat berkaitan kegiatan KUMIPA dari semasa ke semasa dikemukakan kepada Kerajaan Negeri seperti yang ditetapkan di dalam perjanjian pinjaman.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri memaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada ASPA untuk diambil tindakan.*

**e) Tabung Pelaburan Pahang Tidak Ditubuhkan**

Fasal 2.03, Jadual Pertama Perjanjian Pinjaman antara Kerajaan Negeri dengan ASPA berjumlah RM50 juta menetapkan bahawa pinjaman diberikan bagi maksud menubuhkan Tabung Pelaburan Pahang. Tabung ini akan digunakan untuk memberi pinjaman kepada keluarga termiskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi membeli saham KUMIPA.

Semakan Audit mendapati Tabung Pelaburan Pahang tidak ditubuhkan seperti mana yang telah ditetapkan. Temu bual dengan Pengurus Kewangan dan Pentadbiran ASPA menjelaskan bahawa tabung tersebut tidak diwujudkan dan jumlah pinjaman RM50 juta yang diterima telah diakaunkan ke dalam Akaun ASPA.

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri memaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada ASPA untuk diambil tindakan.*

**Pada pendapat Audit, syarat-syarat perjanjian pinjaman perlu dipatuhi oleh Agensi.**

**3.4.3 Bayaran Balik Pinjaman Tidak Mengikut Syarat Perjanjian**

Semakan Audit terhadap proses pembayaran balik pinjaman oleh Agensi mendapati amaun anuiti bayaran balik pinjaman tidak mengikut kadar amaun seperti yang telah ditetapkan. Semakan terhadap daftar pinjaman berkaitan mendapati perkara seperti berikut:

**a) Pinjaman Antara Kerajaan Negeri Dengan ASPA Berjumlah RM50 Juta**

Merujuk kepada JBB antara Kerajaan Negeri dengan ASPA menetapkan anuiti bayaran balik pinjaman berjumlah RM3 juta setahun selama tempoh 17 tahun. Semakan Audit terhadap Daftar Pinjaman mendapati jumlah amaun anuiti bayaran balik pinjaman tidak mengikut perjanjian seperti di **Jadual 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman ASPA Berjumlah RM50 Juta**  
**Kepada Kerajaan Negeri Dari Tahun 1995 Hingga 2009**

Tahun	Jumlah Anuiti Sepatutnya Dibayar (RM Juta)	Jumlah Anuiti Sebenar Yang Dibayar (RM Juta)	Jumlah Baki Pinjaman Tertunggak Belum Dibayar (RM Juta)
1995	3.00	3.00	47.00
1996	3.00	3.00	44.00
1997	3.00	3.00	41.00
1998	3.00	3.00	38.00
1999	3.00	0.00	38.00
2000	3.00	3.50	34.50
2001	3.00	1.13	33.37
2002	3.00	0.00	33.37
2003	3.00	1.10	32.27
2004	3.00	1.65	30.62
2005	3.00	1.00	29.62
2006	3.00	1.00	28.82
2007	3.00	1.85	26.77
2008	3.00	1.00	25.77
2009	3.00	0.65	25.12

Sumber: Daftar Pinjaman Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang

Analisis Audit mendapati bayaran balik pinjaman ASPA tidak mengikut amaun anuiti yang ditetapkan semenjak tahun 2001. Mulai tahun tersebut, kadar bayaran balik anuiti pinjaman didapati semakin berkurangan. Pengurangan amaun anuiti bayaran balik ini telah memberi kesan kepada tempoh bayaran balik pinjaman.

**b) Pinjaman Antara Kerajaan Negeri Dengan ASPA Berjumlah RM22 Juta**

Fasal 3.04, perjanjian pinjaman menetapkan ASPA membayar balik pinjaman termasuk faedah berjumlah RM26.40 juta dalam tempoh dua bulan pada tahun 2003. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati jumlah bayaran balik tidak mengikut JBB seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman ASPA Berjumlah RM22 Juta**  
**Kepada Kerajaan Negeri Dari Tahun 2003 Hingga 2009**

Bil.	Tarikh Sepatutnya Dibayar	Jumlah Anuiti Sepatutnya Dibayar (RM Juta)	Tahun Sebenar Dibayar	Jumlah Anuiti Sebenar Yang Dibayar (RM Juta)	Jumlah Baki Anuiti Tertunggak Belum Dibayar (RM Juta)
1.	22.10.2003	13.20	-	-	13.20
2.	22.11.2003	13.20	-	-	26.40
3.	-	-	2004	-	26.40
4.	-	-	2005	-	26.40
5.	-	-	2006	14.10	12.30
6.	-	-	2007	-	12.30
7.	-	-	2008	-	12.30
8.	-	-	2009	-	12.30

Sumber: Daftar Pinjaman Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang

Analisis Audit mendapati ASPA tidak pernah membuat bayaran balik sejak dari Oktober 2003. Bagaimanapun, jumlah bayaran balik telah dibuat pada tahun 2006 iaitu sejumlah RM14.10 juta dan sehingga akhir tahun 2009 baki tunggakan pinjaman adalah berjumlah RM12.30 juta.

**c) Perjanjian Pinjaman Antara Kerajaan Negeri Dengan ASPA Berjumlah RM20 Juta**

Fasal 3 dan 4, menetapkan bahawa ASPA perlu menjelaskan segala pinjaman termasuk faedah kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, JBB telah menetapkan bahawa tempoh bayaran balik pinjaman adalah selama lapan tahun dan selesai pada tahun 2006. Semakan Audit terhadap Daftar Pinjaman dan rekod berkaitan mendapati jumlah bayaran balik tidak mengikut perjanjian dan bayaran balik pinjaman yang telah dijelaskan sehingga tahun 2009 berjumlah RM2.20 juta. Manakala, baki tunggakan pinjaman adalah berjumlah RM27.40 juta seperti di **Jadual 3.4**.

**Jadual 3.4**  
**Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman ASPA Berjumlah RM20 Juta**  
**Kepada Kerajaan Negeri Dari Tahun 1999 Hingga 2009**

Bil.	Pinjaman		Tahun Sebenar Dibayar	Jumlah Anuiti Sebenar Yang Dibayar (RM Juta)	Jumlah Baki Anuiti Tertunggak Belum Dibayar (RM Juta)
	Tahun	Jumlah Anuiti (RM Juta)			
1.	1999	1.20	1999	1.20	-
2.	2000	1.20	-	-	1.20
3.	2001	1.20	-	-	2.40
4.	2002	1.20	-	-	3.60
5.	2003	1.20	-	-	4.80
6.	2004	1.20	-	-	6.00
7.	2005	1.20	-	-	7.20
8.	2006	21.20	-	-	28.40
9.	-	-	2007	1.00	27.40
10.	-	-	2008	-	27.40
11	-	-	2009	-	27.40

Sumber: Daftar Pinjaman Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang

*Maklum balas yang diterima daripada Pegawai Kewangan Negeri mencadangkan penjadualan semula dilaksanakan di samping memastikan ASPA membuat bayaran anuiti.*

**Pada pendapat Audit, bayaran balik pinjaman adalah tidak memuaskan kerana tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian pinjaman.**

#### **3.4.4 Prestasi Bayaran Balik Pinjaman Tidak Memuaskan**

Pada tahun 2009, Agensi perlu membayar ansuran pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM225.77 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM5.61 juta dan tunggakan berjumlah RM220.16 juta seperti di **Jadual 3.5**.

**Jadual 3.5**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pada Tahun 2009**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tunggakan Pada 1.1.2009 (RM Juta)	Anuiti Tahun 2009 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan Tahun 2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	158.60	2.11	160.71
2.	Amanah Saham Pahang	59.67	3.00	62.67
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.89	0.50	2.39
<b>Jumlah</b>		<b>220.16</b>	<b>5.61</b>	<b>225.77</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2009

Analisis Audit terhadap prestasi bayaran balik pinjaman mendapati perkara seperti berikut:

**a) Peningkatan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman**

Pada tahun 2009, tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM23.26 juta kepada RM222.42 juta seperti di **Jadual 3.6**. Tunggakan tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

**Jadual 3.6**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi Kepada Kerajaan Negeri Dari Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	143.74	154.37	156.48	158.60	160.71
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	46.22	35.32	36.67	38.67	59.82
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.22	1.27	1.59	1.89	1.89
<b>Jumlah</b>		<b>191.18</b>	<b>190.96</b>	<b>194.74</b>	<b>199.16</b>	<b>222.42</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2009

**b) Baki Pinjaman Boleh Dituntut**

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2009 telah meningkat sejumlah RM4.53 juta atau 1.9% daripada RM228.62 juta pada tahun 2008 kepada RM233.15 juta. Baki pinjaman boleh dituntut dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 3.7**. Baki tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

**Jadual 3.7**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Dari Tahun 2005 Hingga 2009**

Bil.	Pinjaman	Baki Pinjaman Boleh Dituntut				
		2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang	154.60	160.90	168.55	169.56	175.24
2.	Amanah Saham Pahang Berhad	71.62	56.52	53.67	52.67	52.02
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	1.85	1.59	6.59	6.39	5.89
<b>Jumlah</b>		<b>228.07</b>	<b>219.01</b>	<b>228.81</b>	<b>228.62</b>	<b>233.15</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2009

**Pada pendapat Audit, prestasi bayaran balik pinjaman tidak memuaskan kerana tunggakan dan baki pinjaman meningkat.**

### **3.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan Pinjaman Boleh Dituntut adalah tidak memuaskan disebabkan oleh bayaran balik pinjaman oleh Agensi yang tidak mengikut syarat perjanjian. Di samping itu, kekurangan penguatkuasaan terhadap Agensi yang tidak atau telah ingkar kepada syarat-syarat perjanjian juga menyebabkan tunggakan baki bayaran balik pinjaman boleh dituntut semakin meningkat. Kelemahan kepada perjanjian yang telah ditandatangani juga menyebabkan Kerajaan Negeri tidak boleh mengambil sebarang tindakan terhadap Agensi yang tidak mematuhi syarat perjanjian tersebut.

Oleh itu, untuk mengatasi masalah tersebut dan membantu mengukuhkan kewangan Kerajaan Negeri, pihak Audit mengesyorkan Pegawai Kewangan Negeri untuk mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- a)** Menubuhkan Jawatankuasa Khas yang berfungsi untuk memantau sebarang tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi terlibat.
- b)** Menguatkuasakan tindakan terhadap sebarang ketidakpatuhan kepada syarat perjanjian yang telah ditetapkan.
- c)** Meneliti semula semua tunggakan bayaran balik pinjaman agar proses bayaran boleh dibuat dalam bentuk bulanan untuk mengurangkan beban yang perlu ditanggung oleh Agensi yang terlibat.
- d)** Menyelenggara dan mengemaskinikan dokumen penting yang terlibat dengan proses pinjaman supaya tahap kesempurnaan dan kelancaran operasi pengurusan pinjaman boleh dipertingkatkan.
- e)** Mengemaskinikan fungsi dan perjawatan Unit Pinjaman di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri supaya kecekapan pengurusan boleh dipertingkatkan.

## **JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

### **4. PROJEK PEMBINAAN AKADEMI USAHAWAN TANI DI KAMPUNG AWAH, MARAN**

#### **4.1 LATAR BELAKANG**

**4.1.1** Projek pembangunan Akademi Usahawan Tani (Akademi) di Kampung Awah, Maran telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Projek ini merupakan projek Jabatan Pertanian Negeri Pahang (Jabatan) dan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang (JPS). Objektif penubuhan Akademi adalah bertujuan untuk melahirkan usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi serta progresif bagi membawa industri pertanian lebih maju dan berdaya saing.

**4.1.2** Projek pembinaan Akademi dibahagikan kepada Fasa 1 dan Fasa 2. Projek Fasa 1 merangkumi sebuah bangunan pentadbiran, sebuah bangunan memproses makanan, dua blok kuarters pelajar, sebuah kafeteria dan tandas serta satu blok bilik kuliah. Manakala projek Fasa 2 merangkumi dua blok asrama, dua unit kuarters kelas E, satu unit kuarters kelas F dan sebuah surau. Mengikut kontrak, tarikh mula projek Fasa 1 adalah pada 1 Jun 2005 dan tarikh siap pada 18 Oktober 2006 dengan kos berjumlah RM6.51 juta. Projek Fasa 1 telah disiapkan pada 18 Oktober 2006 dengan kos sebenar berjumlah RM6.86 juta. Manakala tarikh mula projek Fasa 2 adalah pada 28 November 2008 dan tarikh siap adalah pada 16 April 2010 dengan kos berjumlah RM2.53 juta. Mengikut Laporan Ringkasan Kemajuan Kerja projek Fasa 2 pada 15 Mac 2010, kemajuan kerja adalah sebanyak 83% dan jumlah bayaran kemajuan adalah RM1.07 juta atau 42.2%.

**4.1.3** Bakal usahawan yang telah dikenal pasti akan dilatih secara mendalam dengan menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan Tanaman Buah-buahan. Sayur-sayuran Secara Fertigasi dan Pemprosesan Hasilan Buah-buahan serta Pembibitan Cendawan secara komersial. Tempoh latihan akan mengambil masa enam hingga lapan bulan bergantung kepada produk yang akan diusahakan. Di samping itu, kursus jangka pendek juga dijalankan bagi memaksimumkan penggunaan Akademi kepada usahawan ataupun pegawai dan kakitangan Jabatan. Akademi telah melaksanakan kursus/latihan untuk petani dan pegawai mulai Mac 2009. Sebanyak 14 kursus/latihan telah dilaksanakan pada tahun 2009 iaitu Kursus Fertigasi, Kursus Landskap, Kursus Penggunaan Peralatan Pemprosesan dan sebagainya.

#### **4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada projek ini telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap serta dipantau dengan berkesan bagi mencapai matlamat pembinaannya.

### **4.3 SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pengauditan meliputi projek membina dan menyiapkan Fasa 1 dan Fasa 2 Akademi Usahawan Tani di Kampung Awah, Maran, Pahang dan juga aktiviti latihan Akademi termasuk peralatan yang digunakan. Semakan Audit telah dijalankan di Jabatan, JPS dan Akademi.

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, kertas kerja projek, dokumen kontrak dan lain-lain dokumen yang berkaitan dengan perancangan projek, proses pemilihan kontraktor, pengurusan dan pemantauan projek. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dibuat bagi mengesahkan maklumat yang diterima. Lawatan ke tapak projek juga telah dilakukan.

### **4.4 PENEMUAN AUDIT**

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada Oktober 2009 hingga Februari 2010, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan Akademi. Antara kelemahan tersebut ialah kualiti kerja projek Fasa 1 yang tidak memuaskan kerana berlaku pengelupasan konkrit di bangunan asrama, keretakan dinding di bangunan blok pentadbiran, bilik kuliah dan asrama serta kewujudan kos tambahan disebabkan oleh pengubahsuaian yang dibuat terhadap perubahan kerja yang dilaksanakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

#### **4.4.1 Kerja Pembinaan Tidak Berkualiti Dan Tidak Mengikut Spesifikasi**

##### **a) Pengelupasan Konkrit Berlaku Di Bahagian Bawah Lantai Konkrit Tingkat Atas Bangunan Asrama**

Kod amalan yang digunakan di Malaysia bagi reka bentuk struktur konkrit tetulang menetapkan bahawa ketebalan penutup konkrit (*concrete cover*) bagi lantai konkrit adalah sekurang-kurangnya 20 mm dari bahagian luar ke besi tetulang. Ia bertujuan untuk melindungi besi tetulang dari kelembapan yang boleh menyebabkan besi tetulang berkarat, seterusnya menjelaskan keutuhan struktur konkrit tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati pengelupasan konkrit telah berlaku di bahagian bawah lantai konkrit tingkat atas bangunan asrama sehingga menampakkan besi tetulang lantai konkrit tersebut seperti di **Foto 4.1** hingga **Foto 4.3**.

**Foto 4.1**  
**Pengelupusan Konkrit Di Bahagian**  
**Bawah Lantai Konkrit Tingkat Atas**  
**Bangunan Asrama**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 17 Disember 2009

**Foto 4.2**  
**Pandangan Dekat Pengelupusan Konkrit**  
**Di Lokasi "A" Seperti di Foto 4.1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 17 Disember 2009

**Foto 4.3**  
**Pandangan Dekat Pengelupusan Konkrit**  
**Di Lokasi "B" Seperti di Foto 4.1**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bangunan Asrama Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 17 Disember 2009

Keadaan ini amat membimbangkan kerana tanda-tanda pengelupusan telah mula merebak dan boleh memberikan kesan kepada keutuhan struktur lantai tersebut bagi jangka masa panjang. Masalah pengelupusan ini berlaku disebabkan oleh ketebalan penutup konkrit yang tidak mengikut spesifikasi pembinaan. Faktor kelemahan penyeliaan kerja-kerja pembinaan oleh JPS menjadi punca ketidakpatuhan kepada spesifikasi pembinaan. Pembaikan kerosakan ini akan melibatkan kos yang tinggi kerana hanya kontraktor pakar sahaja yang boleh membaik pulih kerosakan tersebut.

JPS menjelaskan, merujuk kepada Pelan 3.BPP.945.04, Jurutera Perunding menyatakan minimum 'concrete cover' bagi lantai adalah 13 mm. JPS melaksana pembinaan

berdasarkan pelan dan spesifikasi daripada Jurutera Perunding. JPS mencadangkan penggunaan bahan ‘Epoxy’ bagi tujuan membaiki kecacatan tersebut. Jabatan juga bersetuju untuk mengambil tindakan susulan dengan Jurutera Perunding kerana masalah berpunca daripada kesilapan reka bentuk pelan.

**Pada pendapat Audit, kualiti struktur lantai bangunan adalah tidak memuaskan kerana berlaku pengelupasan konkrit dan pumbaikan perlu dilakukan segera bagi menjamin keutuhan struktur lantai bangunan asrama tersebut.**

**b) Keretakan Dinding Bangunan**

Setiap kontrak pembinaan akan menetapkan dengan jelas reka bentuk dan spesifikasi yang perlu dipatuhi dan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mematuhi. Selain itu, pemantauan dan penyeliaan oleh Agensi Pelaksana perlu dilakukan dengan rapi bagi memastikan pematuhan terhadap reka bentuk dan spesifikasi yang telah ditetapkan.

Pemeriksaan Audit mendapati berlaku keretakan pada dinding bangunan di blok pentadbiran, blok bilik kuliah dan blok asrama. Walaupun keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur, namun keretakan tersebut telah mencacatkan pemandangan fizikal dinding bangunan seperti di **Foto 4.4** hingga **Foto 4.7**.

**Foto 4.4**  
Keretakan Pada Dinding Bangunan  
Di Blok Pentadbiran




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok Pentadbiran, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.5**  
Keretakan Pada Dinding Bangunan  
Di Blok Bilik Kuliah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok Bilik Kuliah, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.6**  
Keretakan Pada Dinding Bangunan  
Di Blok Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok Asrama, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.7**  
Keretakan Pada Dinding Bangunan  
Di Blok Bilik Kuliah



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok Bilik Kuliah, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Secara tidak langsung, Jabatan terpaksa menanggung kos tambahan untuk pembaikan semula bangunan berkenaan kerana Tempoh Tanggungan Kecacatan telah tamat pada Oktober 2007.

*JPS memaklumkan bahawa keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur tetapi hanya bahagian permukaan. JPS mencadangkan dinding di kawasan yang retak dipecahkan untuk membolehkan Rasuk Lintol dipasang manakala kemasan baru dibuat pada permukaan dinding yang retak. Selain itu, tindakan susulan akan dibuat dengan Jurutera Perunding bagi menyelesaikan masalah ini.*

Pada pendapat Audit, keadaan fizikal dinding bangunan adalah tidak memuaskan kerana terdapat banyak dinding yang telah retak dan pembaikan perlu dilakukan segera agar tidak mencacatkan pemandangan dan menjaskan keselesaan pengguna.

c) **Pita Pembumian Kilat Membahayakan Keselamatan Pengguna**

Peraturan asas menetapkan ketinggian penutup pita pembumian kilat adalah tidak kurang daripada 2,500 mm dari aras tanah. Pita pembumian kilat akan mengalirkan arus elektrik apabila peranti perlindungan kilat berfungsi ketika disambar kilat dan boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna jika tersentuh semasa arus elektrik mengalir. Pemeriksaan Audit mendapati penutup pita pembumian kilat yang dipasang pada bangunan hanya berketinggian 1,815 mm sahaja seperti di **Foto 4.8** dan **Foto 4.9**.

**Foto 4.8**

Pita Pembumian Kilat Yang Tidak Ditutup  
Boleh Dicapai Dengan Tangan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Blok Pentadbiran Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.9**

Ukuran Ketinggian Penutup Pita Pembumian Kilat Kurang Daripada 2,500 mm



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Blok Pentadbiran Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Kedudukan pita pembumian yang mudah dicapai boleh membahayakan keselamatan pengguna. Keadaan ini berlaku disebabkan kelemahan penyeliaan dan pemantauan oleh JPS semasa pembinaan dijalankan.

*Jabatan bersetuju dengan cadangan JPS untuk menambah ketinggian penutup pita pembumian kilat mengikut spesifikasi pelan yang ditetapkan.*

**Pada pendapat Audit, pemasangan penutup pita pembumian kilat adalah tidak memuaskan kerana boleh membahayakan keselamatan pengguna Akademi.**

**d) Bahan Aluminium Digunakan Sebagai Pita Pembumian Kilat**

Setiap kontrak pembinaan akan menetapkan dengan jelas spesifikasi bahan binaan dan kualiti yang perlu dipatuhi. Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mematuhi kualiti bahan yang telah ditetapkan. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan oleh Agensi Pelaksana perlu dilakukan dengan rapi bagi memastikan pematuhan terhadap spesifikasi dan kualiti bahan yang telah ditetapkan. Mengikut Lukisan Kontrak, pita pembumian kilat yang perlu dipasang pada bangunan ialah dari bahan Kuprum. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati bahan Aluminium telah digunakan sebagai pita pembumian kilat di semua bangunan Akademi seperti di **Foto 4.10**.

**Foto 4.10**  
**Bahan Aluminium Digunakan Sebagai**  
**Pita Pembumian Kilat**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Blok Bilik Kuliah, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Sebarang perubahan pada spesifikasi asal yang telah ditetapkan, pihak kontraktor hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pelanggan. Masalah ketidakpatuhan kepada spesifikasi ini berlaku kerana kelemahan penyeliaan dan pemantauan oleh JPS semasa projek ini dilaksanakan.

*JPS memaklumkan Aluminium boleh diguna pakai memandangkan ia juga bahan pengalir elektrik yang baik dan boleh mengelak berlakunya kecurian.*

**Pada pendapat Audit, penggunaan bahan Aluminium sebagai pita pembumian kilat adalah kurang memuaskan kerana kos yang ditanggung oleh Jabatan adalah berdasarkan penggunaan Kuprum.**

**e) Kedudukan Paip Air Membahayakan Keselamatan Pengguna**

Pembinaan jalan, longkang dan paip air perlu diselaraskan supaya tidak terdapat sebarang halangan yang boleh mengganggu keselesaan dan keselamatan pengguna. Pemeriksaan Audit mendapati pemasangan S-bend paip air telah memasuki bahagian tepi jalan utama seperti di **Foto 4.11**.

**Foto 4.11**  
**Kedudukan Paip Yang Membahayakan**  
**Keselamatan Pengguna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Pemasangan paip ini menunjukkan hasil kerja yang tidak mengikut spesifikasi oleh kontraktor. Keadaan paip air yang memasuki ruang jalan masuk utama ini boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan kerana berisiko terlanggar paip tersebut dan boleh mengakibatkan kemalangan. Perkara ini berlaku kerana kelemahan penyeliaan oleh JPS dan koordinasi antara kontraktor.

*Jabatan bercadang untuk mengecat kawasan berkenaan dengan warna ‘Hazard Area’ (belang hitam kuning) sebagai tanda amaran.*

**Pada pendapat Audit, kedudukan paip air yang dipasang adalah tidak memuaskan kerana telah memasuki ruang jalan masuk utama dan membahayakan keselamatan pengguna.**

**f) Jeriji Penutup Longkang Tidak Mengikut Spesifikasi**

Lukisan kontrak menetapkan jeriji penutup longkang yang digunakan mestilah terdiri daripada Keluli Alah Tinggi bergaris pusat 16 mm bagi memastikan jeriji yang digunakan adalah kukuh dan tidak membahayakan pengguna terutama kenderaan yang melaluinya. Pemeriksaan Audit mendapati jeriji penutup longkang yang digunakan adalah tidak mengikut spesifikasi iaitu garis pusat Keluli Alah Tinggi yang digunakan untuk jeriji tersebut hanya berukuran 12 mm. Ketidakpatuhan kepada spesifikasi ini telah menyebabkan jeriji penutup longkang yang dipasang bengkok atau patah apabila menerima bebanan yang berat dan membahayakan keselamatan pengguna seperti di **Foto 4.12** dan **Foto 4.13**.

**Foto 4.12**  
**Jeriji Penutup Longkang Bengkok**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.13**  
**Jeriji Penutup Longkang Patah**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Keadaan ini berlaku disebabkan kelemahan penyeliaan dan pemantauan oleh JPS semasa projek pembinaan dijalankan.

*Jabatan bersetuju dengan cadangan JPS untuk membuat penambahan ‘Angle Iron’ sebanyak dua batang di tengah-tengah rentang.*

**Pada pendapat Audit, jeriji penutup longkang yang digunakan adalah tidak memuaskan kerana garis pusat Keluli Alah Tinggi yang digunakan tidak mengikuti spesifikasi.**

#### **4.4.2 Pengubahsuaian Terhadap Perubahan Kerja Yang Telah Dilaksanakan**

Fasal 24 dan 25, Syarat-syarat Kontrak membenarkan Pegawai Penguin (PP) membuat perubahan atau ubahsuaian terhadap reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja. Kebenaran ini juga termasuklah kepada penambahan, peninggalan atau penggantian apa-apa kerja dan perubahan jenis bahan binaan. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Kerja Raya, PP perlu menganggarkan nilai kerja perubahan yang terlibat dan nilai tersebut merupakan nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya. Setelah kontraktor melaksanakan semua Arahan Perubahan Kerja tersebut, pengiraan akhir perlu dilaksanakan untuk mendapatkan nilai muktamad sama ada tambahan atau kurangan kepada Harga Kontrak dan pembayaran interim hendaklah dibuat berdasarkan Harga Kontrak semasa.

Semakan Audit mendapati Jabatan telah melakukan perubahan kerja bagi memasang lima pintu gelongsor di Makmal Memproses Makanan dengan kos sejumlah RM6,468. Bagaimanapun, setelah bangunan tersebut siap dibina, Jabatan telah melakukan pengubahsuaian dengan mengalih kedudukan satu pintu gelongsor dan membuang dua pintu gelongsor yang telah dipasang seperti di **Foto 4.14** dan **Foto 4.15**.

**Foto 4.14**  
**Kedudukan Asal Pintu Gelongsor**  
**Yang Dialih**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Makmal Pemprosesan, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

**Foto 4.15**  
**Lokasi Pintu Gelongsor**  
**Yang Telah Ditanggalkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Makmal Pemprosesan, Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Keadaan ini adalah disebabkan oleh kelemahan perancangan awal sebelum pembinaan dilaksanakan menyebabkan pintu gelongsor yang ditanggalkan tidak digunakan oleh Akademi. Selain itu, wujud tambahan kos untuk membina dinding konkrit sejumlah RM5,020.


*Jabatan memaklumkan bahawa pintu gelongsor ditanggalkan bagi memudahkan pemasangan mesin dan peralatan pemprosesan serta untuk menempatkan ‘Conveyer’. Bagaimanapun, pintu gelongsor yang ditanggalkan akan digunakan semula sebagai pintu masuk ke Bahagian Pentadbiran. Manakala dinding telah digantikan dengan konkrit disebabkan dinding asal daripada jenis ‘Gibson Board’ tidak memenuhi spesifikasi Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dan ‘Gibson Board’ berkenaan telah diguna semula di ruang Pentadbiran.*

**Pada pendapat Audit, perubahan kerja yang dilaksanakan adalah tidak memuaskan kerana tidak dirancang dengan teliti.**

#### **4.4.3 Table Tender Drawing Diguna Pakai Oleh Kontraktor Di Tapak Semasa Menjalankan Kerja Pembinaan**

*Construction Drawing merupakan pelan yang diterima pakai bagi tujuan pembinaan. Kontraktor perlu merujuk kepada pelan ini bagi kerja pembinaan untuk memastikan pematuhan kepada reka bentuk yang telah ditetapkan. Semasa lawatan, pihak Audit mendapati kontraktor telah mengguna pakai Table Tender Drawing sebagai rujukan di tapak seperti di Foto 4.16.*

**Foto 4.16**  
**Table Tender Drawing Digunakan Sebagai Rujukan Di Tapak Oleh Pihak Kontraktor**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pejabat Tapak Pembinaan Projek Fasa II,  
Akademi Usahawan Tani  
Tarikh: 11 Januari 2010

Kontraktor tidak sepatutnya mengguna pakai *Table Tender Drawing* ini kerana pelan tersebut bukanlah merupakan pelan akhir yang telah dipersetujui oleh Jabatan Pelaksana. Sebarang perubahan kepada pelan awal hanya boleh didapati pada *Construction Drawing*. Keadaan ini berlaku kerana kelemahan pemantauan oleh JPS bagi memastikan kontraktor telah merujuk kepada pelan yang betul dan sah semasa projek dilaksanakan. Kesan daripada penggunaan *Table Tender Drawing* sebagai rujukan di tapak menyebabkan Pengurus Tapak tidak dapat mengenal pasti perubahan yang dilakukan ke atas pelan jika terdapat sebarang perubahan yang telah dipersetujui.

*JPS memaklumkan bahawa masalah ini berlaku kerana Jurutera Perunding lewat mengemukakan Pelan Pembinaan. Bagaimanapun, tiada sebarang perubahan ke atas ‘Table Tander Drawing’ semasa projek dijalankan sehingga ‘Construction Drawing’ diterima daripada Jurutera Perunding.*

**Pada pendapat Audit, proses pemantauan kerja projek ini adalah tidak memuaskan kerana wakil kontraktor di tapak projek telah menggunakan *Table Tender Drawing* sebagai rujukan kerja di tapak.**

#### 4.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan Projek Pembinaan Akademi Usahawan Tani Fasa 1 adalah tidak memuaskan kerana berlaku kesilapan reka bentuk, kualiti kerja pembinaan yang rendah dan kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi. Selain itu, ketiadaan perancangan awal yang teliti telah menyebabkan banyak pengubahsuaian dilakukan setelah projek siap dilaksanakan. Kontraktor juga telah menggunakan *Table Tender Drawing* dan bukan *Construction Drawing* sebagai rujukan semasa menjalankan

kerja pembinaan. Bagi penambahbaikan terhadap kelemahan-kelemahan yang berlaku, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah seperti berikut:

- a) Agensi Pelaksana hendaklah memastikan reka bentuk dan pelan yang disediakan oleh Jurutera Perunding mematuhi Piawaian Kod Amalan.
- b) Pemantauan dan penyeliaan yang lebih rapi oleh JPS terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor untuk memastikan kerja pembinaan yang dilaksanakan adalah berkualiti dan mematuhi spesifikasi.
- c) Perancangan awal hendaklah dilakukan dengan teliti bagi memastikan tiada pembaziran berlaku dalam pelaksanaan projek.
- d) Agensi Pelaksana perlu memastikan kontraktor menggunakan dokumen yang sepatutnya semasa melaksanakan projek bagi memastikan tidak berlaku percanggahan semasa kerja pembinaan dijalankan.
- e) Kontraktor yang melaksanakan kerja tanpa mengikut kehendak kontrak hendaklah disenaraihitamkan.

## **PEJABAT DAERAH DAN TANAH BENTONG**

### **5. PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH**

#### **5.1 LATAR BELAKANG**

Daerah Bentong mempunyai kawasan tanah seluas 183,112 hektar atau 1,831 km persegi yang terdiri daripada tiga mukim iaitu Mukim Bentong, Mukim Sabai dan Mukim Pelangai. Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong (Pejabat) bertanggungjawab terhadap semua aspek pentadbiran tanah dan pembangunan daerah di Pentadbiran Daerah Bentong. Tanggungjawab utama Pejabat ini adalah merancang pembangunan tanah, pemberian hak milik tanah selain menguatkuaskan undang-undang, pungutan cukai dan hasil berkaitan tanah. Di samping itu, Pejabat ini juga berperanan untuk mengeluarkan lesen-lesen seperti Lesen Minuman Keras, Lesen Penulis Awam, Lesen Penggunaan Air Mentah dan lain-lain yang berkaitan dan kutipan hasil pelbagai. Jumlah keseluruhan hak milik tanah bagi Daerah Bentong pada tahun 2009 adalah sebanyak 42,988. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah RM29.86 juta hasil premium tanah, RM42,183 hasil permohonan tanah dan RM63,200 hasil pendaftaran hak milik tanah telah berjaya dipungut oleh Pejabat ini. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan kepada Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Kaedah Tanah Pahang, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri, Piagam Pelanggan serta Manual Prosedur Kerja Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong.

#### **5.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pemberimilikan tanah telah diurus dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

#### **5.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini adalah tertumpu kepada pengurusan pemberimilikan tanah kepada individu bagi Daerah Bentong untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan pemberimilikan tanah seperti Daftar Permohonan Tanah, fail-fail permohonan dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah Bentong (JKPTD). Selain itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang terlibat untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh. Pengauditan juga dilakukan secara persampelan iaitu sebanyak 10% atau maksimum 50 fail telah dipilih secara rawak sebagai sampel. Selain itu, lawatan telah dilakukan ke lokasi tanah Kerajaan Negeri yang telah diluluskan pemberimilikan tanah.

## 5.4 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada Ogos hingga Disember 2009, pihak Audit mendapati tahap pengurusan pemberimilikan tanah di Pejabat adalah tidak memuaskan kerana permohonan pemberimilikan tanah lambat diselesaikan sehingga melebihi tempoh 10 tahun, permohonan mengambil masa yang lama untuk ditolak ringkas manakala prestasi siasatan fail oleh Pegawai Petempatan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Arahan Pentadbiran Tanah Negeri (APTN). Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

### 5.4.1 Permohonan Pemberimilikan Tanah Lambat Diselesaikan

Piagam Pelanggan Pejabat menetapkan bahawa proses permohonan yang telah didaftarkan sehingga penentuan permohonan boleh diproses selanjutnya atau ditolak ringkas oleh Pentadbir Tanah Daerah adalah dalam tempoh satu hingga tiga bulan. Selain itu, proses permohonan bagi mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri hingga pendaftaran hak milik pula adalah dalam tempoh satu hingga dua tahun.

Semakan Audit terhadap fail permohonan yang melebihi tempoh 10 tahun untuk siap diproses mendapati bagi tempoh 2007 hingga 2009, sejumlah empat fail diluluskan, empat fail dibatalkan dan 186 fail ditolak bagi Mukim Bentong. Manakala sejumlah lima fail diluluskan, lapan fail dibatalkan dan 92 fail ditolak bagi Mukim Sabai. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tiada fail yang diluluskan atau dibatalkan bagi Mukim Pelangai dan hanya lapan fail ditolak dalam tempoh tersebut. Statistik fail permohonan yang lambat diselesaikan mengikut mukim adalah seperti di **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1**  
**Statistik Permohonan Tanah Yang Diselesaikan**  
**Melebihi Tempoh 10 Tahun**

Bil.	Mukim	Diluluskan	Dibatalkan	Ditolak
1.	Bentong	4	4	186
2.	Sabai	5	8	92
3.	Pelangai	0	0	8
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>	<b>12</b>	<b>286</b>

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong

Pejabat memaklumkan bahawa proses permohonan tanah lambat diselesaikan adalah disebabkan kelewatan siasatan dan semakan oleh Pegawai Petempatan, terlalu banyak fail untuk diproses, kekurangan Pegawai Petempatan dan penggunaan Land Application Monitoring System (LAMS) yang melambatkan proses permohonan tanah. Selain itu, Piagam Pelanggan telah diwujudkan pada tahun 2008 iaitu proses permohonan bagi mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri hingga pendaftaran hak milik adalah dalam tempoh satu hingga dua tahun. Bagaimanapun, ia tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana tunggakan fail terlalu banyak dan Pejabat akan memastikan proses permohonan tersebut tidak mengambil masa yang terlalu lama.

Semakan Audit terhadap Daftar Permohonan Tanah pada Disember 2009 pula mendapati sebanyak 286 fail permohonan yang telah melebihi tempoh 10 tahun masih belum diselesaikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 225 fail permohonan atau 79% adalah antara tempoh 10 hingga 15 tahun, manakala sebanyak 50 fail permohonan atau 17% adalah antara tempoh 16 hingga 20 tahun dan sebanyak 11 fail permohonan atau 4% telah melebihi tempoh 20 tahun. Kedudukan permohonan bagi setiap mukim adalah seperti di **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Permohonan Yang Melebihi Tempoh 10 Tahun**  
**Yang Masih Belum Selesai Diproses**

Bil.	Mukim	Tempoh (Tahun)		
		10 – 15	16 – 20	21 – 25
1.	Bentong	101	9	0
2.	Sabai	70	30	9
3.	Pelangai	54	11	2
<b>Jumlah</b>		<b>225</b>	<b>50</b>	<b>11</b>

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong*

Kelewatan menyelesaikan fail permohonan tersebut adalah berpunca daripada kelewatan siasatan dan semakan oleh Pegawai Petempatan. Selain itu, kelemahan pemantauan oleh Pejabat turut menyumbang kepada kelewatan ini. Keadaan ini telah menyebabkan tunggakan permohonan semakin meningkat dari setahun ke setahun dan anggaran hasil premium tanah sejumlah RM364,476 lewat dapat dipungut. Selain itu imej Pejabat ini serta perkhidmatan awam turut terjejas.

*Pejabat telah memaklumkan bahawa tindakan telah diambil untuk menyelesaikan fail yang telah lama tertungggak iaitu permohonan pada tahun 1995 dan sebelumnya telah diproses manakala permohonan bagi tempoh 1996 hingga 2000 sedang diproses. Selain itu, Daftar Permohonan Tanah juga telah dikemaskinikan bagi menunjukkan kedudukan sebenar jumlah permohonan yang belum selesai. Sehingga Mei 2010, sebanyak 200 fail yang melebihi tempoh 10 tahun masih belum selesai diproses.*

**Pada pendapat Audit, tempoh proses penyelesaian fail permohonan adalah tidak memuaskan kerana masih terdapat 200 permohonan yang telah melebihi tempoh 10 tahun masih belum diselesaikan.**

#### **5.4.2 Permohonan Mengambil Masa Yang Lama Untuk Ditolak Ringkas**

Kaedah Tanah Pahang dan APTN Bil. 2 Tahun 2008 berkaitan langkah-langkah mempercepatkan proses permohonan tanah telah membenarkan Pentadbir Tanah Daerah untuk menolak ringkas permohonan atas sebab-sebab berikut:

- a) Permohonan tidak lengkap.
- b) Tanah dimohon termasuk dalam Kawasan Rezab Melayu.

- c) Permohonan atas Tanah Milik/Tanah Rizab/Kawasan Hutan Simpan/Rizab Sungai/Pajakan Lombong ditanda untuk kegunaan Kerajaan.
- d) Pemohon telah disahkan meninggal dunia.
- e) Atas arahan Pihak Berkuasa Negeri.

Piagam Pelanggan Pejabat pula menetapkan permohonan tersebut akan ditolak ringkas oleh Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dalam tempoh satu hingga tiga bulan dari tarikh ia daftarkan. Semakan Audit mendapati daripada 2,438 permohonan yang dikemukakan pada tahun 2008 dan 2009, sebanyak 442 permohonan telah ditolak ringkas oleh PTD. Bagaimanapun, 394 permohonan tersebut telah ditolak ringkas dalam tempoh melebihi tiga bulan. Analisis pengumuran permohonan yang lewat ditolak ringkas mengikut mukim adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3**  
**Analisis Pengumuran Permohonan Pada Tahun 2008 Dan 2009**  
**Yang Ditolak Ringkas Melebihi Tempoh 3 Bulan**

Bil.	Mukim	Tempoh Proses (Bulan)		
		4 Hingga 12	13 Hingga 24	Melebihi 25
1.	Bentong	102	83	1
2.	Sabai	45	17	0
3.	Pelangai	43	103	0
<b>Jumlah</b>		<b>190</b>	<b>203</b>	<b>1</b>

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong*

Fail tersebut mengambil masa yang lama untuk ditolak ringkas kerana berlaku kelewatan memproses fail-fail berkenaan. Keadaan ini boleh menjelaskan imej Pejabat dan perkhidmatan awam kerana Pejabat gagal untuk mematuhi Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.

*Pejabat memaklumkan fail-fail permohonan tanah ini lewat ditolak ringkas kerana Pembantu Tadbir perlu merujuk kepada Ketua Penolong Pegawai Petempatan terlebih dahulu sebelum keputusan untuk menolak ringkas dibuat. Pejabat telah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses permohonan ini dengan membenarkan Pembantu Tadbir Mukim dan Pelukis Pelan untuk mengesyorkan fail terlibat ditolak ringkas oleh PTD mengikut Kaedah Tanah Pahang 6 (a), (b), (c), (d) dan (e).*

**Pada pendapat Audit, proses menolak ringkas fail permohonan adalah tidak memuaskan kerana Pejabat tidak mematuhi Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.**

#### **5.4.3 Kelemahan Pengurusan Fail Permohonan**

Panduan Pengurusan Pejabat telah menetapkan bahawa fail mestilah diuruskan dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan. Selain itu, pergerakan fail hendaklah direkod bagi memudahkan pengawalan dan pengesanan fail.

Semakan Audit terhadap kedudukan terkini 286 fail yang masih belum selesai mendapat 47 atau 16% daripada fail permohonan tersebut tidak dapat dikesan. Fail pendua sebagai fail sementara telah dibuka selepas lawatan pihak Audit. Keadaan ini berlaku kerana Pejabat tidak menyelenggara rekod pergerakan fail dengan kemas kini. Akibatnya, maklumat awal permohonan telah hilang dan Pejabat terpaksa melakukan proses permohonan dari awal. Selain itu, terdapat permohonan yang tidak dapat diproses kerana Pejabat tidak mempunyai maklumat yang lengkap berkaitan permohonan tersebut. Bilangan fail permohonan yang hilang bagi tiga mukim tersebut adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4 Bilangan Fail Permohonan Tanah Yang Hilang		
Bil.	Mukim	Bilangan Fail Hilang
1.	Bentong	1
2.	Sabai	14
3.	Pelangai	32
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Bentong*

*Pejabat memaklumkan kelemahan pengurusan fail ini adalah disebabkan oleh pertukaran pegawai dan pegawai baru yang mengambil alih tugas-tugas pegawai lama perlu menyemak semula kedudukan fail dan sebahagian daripada fail-fail lama sukar ditemui. Pejabat telah menyediakan satu format borang untuk diisi oleh setiap Pembantu Tadbir Mukim untuk merekodkan pergerakan fail.*

**Pada pendapat Audit, tahap pengurusan fail permohonan tanah di Pejabat adalah tidak memuaskan kerana telah berlaku kehilangan fail.**

#### 5.4.4 Prestasi Siasatan Fail Oleh Pegawai Petempatan Tidak Mencapai Sasaran

APTN Bil. 3 Tahun 2007 menetapkan semua Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan supaya setiap Pegawai Petempatan yang menjalankan kerja-kerja laporan di lapangan perlu menyiapkan 20 fail permohonan sebulan. Ia adalah bagi memastikan proses pelupusan tanah dapat dilaksanakan dengan lancar selain dapat mengelakkan peningkatan tunggakan fail permohonan.

Semakan Audit mendapati pada tahun 2009, Pejabat mempunyai lapan orang Pegawai Petempatan yang ditugaskan untuk membuat siasatan terhadap fail-fail permohonan tanah di Daerah Bentong. Berdasarkan kepada 20 fail yang perlu disiasat oleh seorang Pegawai Petempatan pada setiap bulan, jumlah fail yang perlu diselesaikan pada tahun 2009 adalah 1,920 fail. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati jumlah fail yang telah disiasat pada tahun 2009 adalah sebanyak 1,318 fail atau 68.6% iaitu purata 14 fail sebulan bagi setiap pegawai. Adalah didapati sebanyak lima hingga 49 fail telah diproses oleh setiap Pegawai Petempatan pada setiap bulan pada tahun 2009. Keadaan ini menunjukkan ketidakpatuhan terhadap Arahan Pentadbiran yang telah ditetapkan. Kelemahan ini adalah disebabkan kurang pemantauan oleh Pegawai Penyelia. Selain itu, sikap sesetengah pegawai yang kurang

komited terhadap tugasannya turut menyumbang kepada ketidakpatuhan ini. Kesan kelemahan ini telah menyebabkan permohonan lewat diangkat ke Mesyuarat JKPTD untuk pertimbangan dan kelulusan serta fail permohonan yang belum siap diproses semakin meningkat.

*Pejabat menjelaskan jumlah fail yang disiasat tidak mencapai sasaran kerana Pegawai Petempatan juga terlibat dalam kerja permohonan perizaban, lesen pendudukan sementara, tolak ringkas dan kerja pembangunan luar bandar dan sosial. Selain itu, faktor lokasi tanah yang dimohon yang jauh, tapak permohonan yang luas, tempoh hari bekerja yang terhad, pegawai berkursus, pegawai baru berkhidmat dan juga sikap pegawai yang bermasalah. Pejabat telah menyediakan satu format laporan yang perlu diisi oleh setiap Pegawai Petempatan pada setiap bulan bagi memastikan piawaian bulanan iaitu 20 fail bagi setiap pegawai tercapai.*

**Pada pendapat Audit, prestasi siasatan fail oleh Pegawai Petempatan adalah kurang memuaskan kerana tidak dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh APTN.**

#### **5.4.5 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Tanah Daerah Tidak Dilaksanakan Seperti Yang Ditetapkan**

APTN Bil. 6 Tahun 2009 menetapkan supaya mulai tahun 2009, Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) perlu mengadakan mesyuarat JKPTD sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Bagaimanapun, mesyuarat tidak dapat dilaksanakan sebagaimana sepatutnya pada tahun tersebut kerana Pejabat tidak menyediakan jadual perancangan mesyuarat. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2009 iaitu pada 29 Januari, 15 Mei, 26 Jun dan 21 Julai 2009. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan Mesyuarat tersebut dilaksanakan berdasarkan kelapangan masa ahli-ahli mesyuarat. Keadaan ini telah menyebabkan fail-fail permohonan lewat diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan.

*Pejabat memaklumkan Takwim Mesyuarat telah disediakan pada awal tahun 2010. Mesyuarat tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana ada ahli mesyuarat yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab tertentu.*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan mesyuarat JKPTD adalah tidak memuaskan kerana Jawatankuasa gagal bermesyuarat sebagaimana ditetapkan oleh APTN.**

#### **5.4.6 Bilangan Fail Yang Dihantar Ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pada Setiap Bulan Tidak Mematuhi Arahan Pentadbiran**

APTN Bil. 3 Tahun 2007 menetapkan supaya Pejabat Daerah Dan Tanah menghantar tidak kurang daripada 100 fail sebulan ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (PTG) untuk diproses dan diangkat ke MMK. Semakan Audit mendapati bilangan fail yang dihantar ke PTG pada setiap bulan bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah antara kosong hingga 121 fail seperti di **Jadual 5.5**.

**Jadual 5.5**  
**Bilangan Fail Yang Dihantar Ke PTG Oleh PDT Bentong**  
**Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Tahun	Bilangan Fail												Jumlah
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogs	Sept	Okt	Nov	Dis	
2007	2	1	3	0	35	55	1	0	8	42	10	8	165
2008	4	4	0	2	77	44	39	20	86	0	0	0	276
2009	26	121	58	15	0	54	88	25	0	0	0	0	387

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang

Keadaan ini berlaku disebabkan Mesyuarat JKPTD yang tidak diadakan secara berkala dan mengakibatkan tiada fail yang dapat dihantar untuk diproses. Selain itu, kelemahan pemantauan oleh pihak pengurusan menyebabkan fail-fail tidak dapat diproses sebagaimana ditetapkan oleh APTN. Akibatnya, Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Permohonan Tanah Negeri tidak dapat menimbangkan permohonan tanah daripada Daerah Bentong.

*Pejabat menjelaskan bilangan fail yang dihantar ke PTG kurang daripada 100 fail kerana mesyuarat JKPTD yang tidak diadakan secara berkala. Pejabat telah memperkenalkan format borang pelaporan bulanan untuk memastikan 70 fail dihantar kepada Ketua Penolong Pegawai Tanah (Pelupusan) oleh setiap Pembantu Tadbir (Pelupusan).*

**Pada pendapat Audit, penghantaran fail ke PTG adalah tidak memuaskan kerana tidak dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh APTN.**

#### **5.4.7 Tiada Tindakan Susulan Terhadap Fail Yang Dihantar Ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (PTG)**

Setiap fail permohonan yang telah disokong oleh JKPTD akan dihantar ke PTG bagi membolehkan Jawatankuasa Penapisan Permohonan Tanah Negeri membuat penilaian akhir sebelum diangkat untuk kelulusan MMK. Seterusnya, PTG akan mengembalikan semula fail-fail yang telah mendapat kelulusan MMK kepada PDT berkenaan bagi membolehkan Notis 5A dikeluarkan dan seterusnya pendaftaran hak milik dilakukan. Koordinasi yang baik perlu wujud antara PDT dan PTG bagi membolehkan urusan pemberimilikan ini berjalan lancar.

Semakan Audit terhadap rekod Pejabat mendapati sebanyak 37 fail permohonan yang telah dihantar ke PTG pada tahun 2004, 2006 dan 2007 masih belum mendapat maklum balas mengenai status permohonan tersebut sama ada diluluskan atau ditolak oleh MMK. Keadaan ini menyebabkan status permohonan tersebut direkodkan sebagai belum selesai di Pejabat. Permohonan tersebut terdiri daripada dua fail yang dihantar pada tahun 2004, dua fail dihantar pada tahun 2006 dan 33 fail dihantar pada tahun 2007. Bagaimanapun, pengesahan daripada pihak PTG menunjukkan fail tersebut telah mendapat keputusan MMK. Permohonan tersebut sepatutnya telah diselesaikan dengan mengeluarkan geran hak milik kepada pemohon yang berjaya. Kelemahan koordinasi antara pihak Pejabat dan PTG

telah mengakibatkan proses selanjutnya tidak dilaksanakan dengan segera selepas ia diluluskan oleh MMK. Keadaan ini mengakibatkan fail permohonan tersebut lewat diselesaikan dan hasil tanah lewat dipungut.

*Pejabat memaklumkan pegawai berkenaan ada membuat tindakan susulan terhadap fail yang dihantar ke PTG. Bagaimanapun, tindakan tersebut tidak direkodkan atau tidak dibuat secara formal melalui surat. Pejabat akan memastikan tindakan susulan terhadap fail-fail tersebut dibuat secara formal dan direkodkan untuk tujuan semakan dan pemantauan.*

**Pada pendapat Audit, tindakan susulan terhadap fail permohonan yang dihantar ke PTG adalah tidak memuaskan dan telah menjejaskan proses pemberimilikan tanah.**

## 5.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, tahap pengurusan program pemberimilikan tanah di Pejabat adalah tidak memuaskan kerana Pejabat lambat menyelesaikan fail-fail permohonan dan telah menyebabkan anggaran premium sejumlah RM364,476 lewat dipungut. Selain itu, prestasi siasatan fail oleh Pegawai Petempatan juga kurang memuaskan kerana tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan oleh APTN. Keadaan ini boleh menjejaskan imej Pejabat kerana tidak dapat mencapai Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Bagi meningkatkan tahap pengurusan pemberimilikan tanah, pihak Audit mengesyorkan langkah-langkah seperti berikut:

- a) Pejabat hendaklah sentiasa mematuhi Arahan Pentadbiran yang telah dikeluarkan oleh PTG.
- b) Pejabat perlu mematuhi Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan bagi memastikan imej Pejabat dan perkhidmatan awam tidak terjejas.
- c) Pejabat hendaklah meningkatkan koordinasi dengan pihak PTG bagi membolehkan permohonan tanah diselesaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

## **PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI PAHANG**

### **6. PENGURUSAN AKTIVITI PENGAMBILAN PASIR SUNGAI DAN KESANNYA KEPADA ALAM SEKITAR**

#### **6.1 LATAR BELAKANG**

**6.1.1** Pemberian permit untuk mengeluarkan pasir adalah di bawah tanggungjawab semua Pentadbir Tanah Daerah di mana kawasan pengambilan pasir dimohon. Permohonan perlu disertakan ulasan teknikal daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang (JAS) untuk menilai kesesuaian pengambilan pasir dari segi kawasan, sumber dan potensi pencemaran kepada alam sekitar sebelum permohonan disokong oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG) dan dibawa untuk pertimbangan kelulusan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK). Aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir dijalankan sama ada di atas tanah milik Kerajaan atau tanah hak milik individu.

**6.1.2** Pengambilan pasir di Negeri Pahang adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), Enakmen Air 1984, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perlombongan 1959, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian dan Arahan Pentadbiran Tanah Negeri. Pada tahun 2009, terdapat sebanyak 147 pengusaha yang menjalankan kegiatan pengambilan pasir di Negeri Pahang. Manakala jumlah pasir yang telah dikeluarkan pula adalah sebanyak 867,076 meter padu ( $m^3$ ) yang menyumbang hasil daripada royalti yang dikutip berjumlah RM1.73 juta.

**6.1.3** Aktiviti pengambilan pasir sungai jika diurus dengan baik akan membawa kebaikan dari segi mengurangkan mendapan pasir di dasar sungai agar sungai tidak cetek, mengelakkan kejadian banjir, memudahkan laluan pengangkutan air dan menjana hasil kepada Kerajaan Negeri melalui royalti. Bagaimanapun, aktiviti pengambilan pasir sungai secara tidak terkawal boleh menimbulkan beberapa masalah seperti hakisan tebing sungai, pencemaran kualiti air sungai, mendapan di bahagian saluran pengambilan air (*water intakes*), kerosakan kepada struktur jambatan, habitat flora dan fauna dan sebagainya.

#### **6.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai pengurusan aktiviti pengambilan pasir sama ada telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar.

## **6.3 SKOP DAN KADEAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini tertumpu kepada pengurusan aktiviti pengambilan pasir sungai untuk tempoh tiga tahun iaitu dari tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Pahang (PTG), Pentadbir Tanah Kuantan, Pekan, Temerloh, Jerantut, Bentong dan JPS. Pengauditan ini dijalankan dengan cara menyemak fail, rekod dan dokumen, soal selidik dan temu bual orang awam, serta pegawai-pegawai di Jabatan yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan aktiviti pengambilan pasir. Untuk menilai kesan alam sekitar daripada aktiviti pengambilan pasir, pihak Audit merujuk kepada JAS untuk mendapatkan bantuan khidmat kepakaran terutama terhadap impak kepada kualiti air. Tumpuan juga dibuat terhadap aspek pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti pengambilan pasir sungai di kawasan sungai yang mungkin memberi impak kepada alam sekitar seperti hakisan dan ketidakstabilan tebing sungai, perubahan ke atas *regime* sungai yang mengubah aliran air sungai dan impak kepada infrastruktur dan utiliti. Beberapa siri lawatan juga dilakukan bersama pegawai-pegawai Jabatan yang berkaitan ke kawasan pengambilan pasir dan lokasi-lokasi di mana kesan daripada pengambilan pasir terhadap alam sekitar berlaku.

## **6.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara Oktober 2009 hingga Februari 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan aktiviti pengambilan pasir di Negeri Pahang adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada Kerajaan berjumlah RM3.23 juta daripada royalti yang tidak dikutip malahan memberikan kesan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kurangnya pematuhan terhadap syarat pengambilan pasir seperti yang ditetapkan oleh JPS; pemantauan yang kurang efektif oleh Jabatan yang berkaitan menyebabkan pencemaran dan kemusnahan sungai menjadi tidak terkawal serta kurangnya koordinasi di antara Pentadbir Tanah Daerah, PTG dan JPS dalam memastikan pengusaha tidak merosakkan alam sekitar semasa aktiviti pengambilan pasir dijalankan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **6.4.1 Impak Kepada Kedalaman, Hakisan Dan Perubahan *Regime* Sungai**


Sebarang aktiviti pengorekan dan pengambilan pasir sungai perlu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Sebelum itu, permohonan perlu dibuat melalui Pentadbir Tanah Daerah bagi mengenal pasti status tanah, kedudukan lokasi serta kesesuaian dengan operasi yang hendak dijalankan. Ulasan daripada Jabatan Teknikal seperti JPS, JAS, JKR dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu diperoleh terlebih dahulu bagi memastikan kesesuaian pengeluaran bahan tersebut termasuk mengambil kira kesan kepada alam sekitar. Jabatan Teknikal akan mengenakan syarat-syarat tertentu sekiranya permohonan tersebut dibenarkan dalam memastikan impak minimum terhadap alam sekitar daripada operasi tersebut. Royalti akan dikenakan terhadap pengeluaran pasir dengan kadar RM2 bagi setiap meter padu.

Kerajaan Negeri Pahang melalui MMK Yang Ke 20/2008 pada 25 Jun 2008, telah bersetuju mewujudkan sebuah kawasan perindustrian baru di Tg. Agas, Pekan untuk menempatkan Industri berdasarkan *supply base and marine services*. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) adalah bertanggungjawab memajukan kawasan tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan seluas 407 hektar bagi pembangunan Peringkat 1 kepada PKNP untuk pembangunan Projek Kompleks Terminal Logistik Bersepadu (KTLB) mengikut keperluan seperti berikut:

- a) Tanah seluas 202 hektar yang melibatkan kawasan seluas 40 hektar Hutan Simpan Sungai Miang dan 160 hektar Tanah Kerajaan bagi pembangunan Peringkat 1a serta kawasan laluan cadangan pembinaan jalan masuk ke tapak Peringkat 1a seluas tiga hektar.
- b) Tanah seluas 202 hektar lagi Tanah Kerajaan yang dikenali sebagai Peringkat 1b.

Kedudukan lokasi serta Pelan Cadangan Projek adalah seperti di **Peta 6.1** dan **Pelan 6.1**.

**Peta 6.1**  
**Kedudukan Lokasi Projek Tanjung Agas Oil, Gas  
And Maritime Industrial Park**



Sumber: Google Earth

**Pelan 6.1**  
**Pelan Cadangan Projek Tanjung Agas Oil, Gas**  
**And Maritime Industrial Park**



Sumber: Pentadbir Tanah Pekan

Semakan Audit mendapati kerja-kerja pembangunan yang melibatkan pengorekan dan pengambilan pasir di Kuala Sungai Miang telah dimulakan sejak Oktober 2009. Pengambilan pasir adalah bagi pembinaan jajaran jalan serta penambakan kawasan projek. Pentadbir Tanah Pekan dan JPS Daerah Pekan pula tidak dimaklumkan berhubung dengan kerja yang sedang dilaksanakan. Pada 30 Disember 2009 akhbar Sinar Harian dan pada 6 Januari 2010 akhbar Berita Harian telah menyiarkan berita berkaitan kesan daripada operasi yang dijalankan oleh syarikat berkenaan. Menurut laporan akhbar tersebut, kerja-kerja yang dijalankan telah menyukarkan nelayan yang menggunakan Kuala Sungai Miang sejauh 1.5 kilometer sebagai laluan keluar masuk bot mereka untuk ke laut menangkap ikan. Menurut mereka, kuala sungai telah menjadi semakin cetek dan dipenuhi pasir yang menghalang pergerakan bot. Akibatnya nelayan terpaksa menunggu hingga air laut pasang sebelum turun ke laut. Selain itu, berlaku hakisan di tebing sungai sepanjang 20 meter daripada pantai dalam tempoh dua bulan operasi pengorekan pasir dilaksanakan menyebabkan pokok di tebing sungai tumbang. Kewujudan tunggul kayu di dalam sungai telah membahayakan bot nelayan terutama mereka yang pulang pada waktu malam. Pancang-pancang kayu bagi mengikat pam penyedut pasir pula masih ditinggalkan di dalam sungai yang telah memburukkan lagi keadaan. Dilaporkan sehingga kini sebanyak tiga buah bot nelayan telah rosak akibat terlanggar tunggul kayu yang timbul di sungai itu dan mengalami kerugian dianggarkan melebihi RM5,000. Berita yang disiarkan dalam akhbar adalah seperti di **Keratan Akhbar 6.1** dan **Keratan Akhbar 6.2**.

**Keratan Akhbar 6.1**  
**Laporan Akhbar Sinar Harian Berkaitan Operasi Pengambilan Pasir Di Kuala Sungai Miang, Pekan**

**Sinar PEKAN**  
 www.sinarharian.com.my | RABU 30 DISEMBER 2009 | 019 988 2894 / 019 988 6226 | skuad cakna | P19

## Kuala cetek ancam rezeki nelayan



**SUNGAI MIANG** – Nyalaya lebih 20 nelayan kocii Kampung Sungai Miang, Pantai terancam selepas kerja mengorek pasir di sini dilakukan semula di sini dilakukan semula tidak turut dan menyebabkan hakisan teruk di Kawasan.

Zaliki nelayan di sini, Zaliki Zahari, 36, mendakwa keadaan tepi sungai yang terhakis akibat kerja mengorek pasir bagi membahru jalan di Kawasan Taman Industri Minyak, Gas dan Maritim Tanjung Agas berhampiran menyumbang kepada hakisan tersebut.

Menurutnya, kerja mengorek pasir yang tidak sekata itu juga menyebabkan pasir di beberapa kawasan tengah sungai timbul dan air sungai menjadi semakin cetek sekali gus menghalang aktiviti nelayan di sini untuk mencari rezeki.

"Hakisan dari tebing sungai sepanjang 20 meter dari pantai berlaku dalam masa dua bulan sahaja semenjak kerja mengorek pasir dilakukan dan pokok

Zaliki berkata, semua nelayan kecil di sini menggunakan bot engin sanggot dan sehingga kini, tiga buah bot nelayan di sini masih sekutu terlengang tunggu lalu yang timbul di sungai.

"Nelayan di sini sering turun ke laut pada waktu petang sebelum pulang semala ke jeti pada sebelah malam dan keadaan yang gelap menyebabkan kami terpaksa bertarung nyawa melalui kawasan kuala sungai sejauh 1.5 kilometer yang dipenuhi tungku dan ada di antaranya sedang menunggu massa untuk tumbang."

"Kami juga terpaksa menunggu air laut pasang sebelum turun ke laut kerana lauan kuala sungai di sini semakin mengelil dan dipenuhi pasir yang menghalang gerangan bot," katanya.

Menurutnya, mereka perlu menggunakan keselamatan nyawa ketika

pasir memperbaiki struktur kuala yang semakin rosak.

"Sebahayalima punya pertama yang berada di kawasan ini kuala ini sejak kerja mengorek pasir dijalankan dan pancing kayu yang dipasangkan ke dalam sungai begi."

● Kerja mengorek pasir gitu dilakukan sejak dua bulan lalu bagi meratakan jalan dan setiap kali di kawasan Taman Industri Minyak, Gas dan Maritim Tanjung Agas berlangsung.

● Nelayan di sini merilhat kuala sungai di sini yang semakin cetek dan dipenuhi tungku kayu yang turunkan akibat hakisan.

**SUARA HATI KOMUNITI**

**Kuala sungai cetek, terhakis**



Hampir 95 peratus penduduk di sini terdiri daripada golongan nelayan yang mencari rezeki di laut bagi menyara kehidupan keluarga masing-masing. Keadaan kuala sungai yang semakin rosak menyebabkan aktiviti manungkap hasil laut menjadi semakin

Zaliki Zahari, 36 tahun

Sumber: Sinar Harian  
 Tarikh: 30 Disember 2009

**Keratan Akhbar 6.2**  
**Laporan Akhbar Berita Harian Berkaitan Operasi Pengambilan Pasir Di Kuala Sungai Miang, Pekan**

## Bot langgar tunggul



**MUARA Sungai Miang yang semakin cetek, manakala gambar bawah keadaan hakisan akibat kerja korek pasir.**

Oleh Ainaf Marhanon Abd Ghani  
 bmnw@beritaharian.com.my

**P**EKAN: Lebih 20 nelayan pantai Kampung Sungai Miang, dekat sini diburu keimbangan berikutnya keadaan kuala sungai itu semakin cetek, dan berbahaya kepada bot selepas kerja mengorek pasir di kuala itu dimulakan sejak Ogos lalu.

Selain itu, kejadian hakisan pantai juga semakin teruk ketika berlaku kejadian ombak dan fenomena air pasang besar kerana pasir ditenggalkan di bahagian tengah kuala sungai dibawa

**Pokok tumbang apabila tebing sungai terhakis**

**Kerja korek pasir punca pokok tumbang terapung, muara Sungai Miang makin cetek**

saikan sendiri masalah ini kerana sebelum aktiviti mengorek pasir dijalankan, kami bebas keluar masuk antara kuala sungai kerana lajuannya selamat tanpa sebarang ancaman tungku kayu dan air cetek berbanding hari ini," katanya.

Jamaluddin Hassan, 65, menyifatkan keadaan kuala Sungai Miang semakin teruk dan nyawa nelayan sentiasa dalam bahaya, terutama ketika malam.

"Dua minggu lalu bot saya terlanggar tungku kayu dan nyaris terbalik, tetapi saya bernasih baik kerana ada pengalaman dalam mengenda-

Sumber: Berita Harian  
 Tarikh: 6 Januari 2010

Pihak Audit telah melakukan lawatan ke kawasan operasi projek pada 5 Januari 2010 bersama dengan Pegawai dari Pentadbir Tanah Pekan serta JPS Daerah Pekan. Adalah didapati apa yang dilaporkan dalam akhbar berkenaan ada kebenarannya. Kerja-kerja pengorekan dan pengambilan pasir sedang giat dijalankan. JPS mengakui paras air di kuala

sungai semakin cetek berbanding sebelumnya. Diperhatikan wujud longgokan pasir ditinggalkan di bahagian tengah kuala sungai. JPS memaklumkan antara punca muara sungai menjadi semakin cetek adalah disebabkan longgokan pasir yang ditinggalkan itu dibawa arus semasa air pasang. Keadaan ini juga telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap *regime* sungai di kawasan tersebut. Pengorekan pasir telah menyebabkan arus air menjadi semakin laju di bahagian tersebut tetapi di bahagian yang lain paras air menjadi semakin cetek. **Foto 6.1** hingga **Foto 6.6** menunjukkan keadaan yang berlaku di kawasan operasi.

**Foto 6.1**  
**Longgokan Pasir Yang Ditinggalkan  
Di Tengah Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

**Foto 6.2**  
**Bot Nelayan Terpaksa Berhati-Hati Melalui  
Kawasan Cetek Dan Longgokan Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

**Foto 6.3**  
**Kerja Pengorekan Dan Pengambilan  
Pasir Sedang Giat Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

**Foto 6.4**  
**Pasir Digunakan Untuk Pembinaan Jalan  
Dan Penambakan Kawasan Projek**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

**Foto 6.5**  
Pasir Digunakan Untuk  
Menambak Kawasan Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

**Foto 6.6**  
Bot-Bot Nelayan Di Jeti  
Kuala Sungai Miang



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kuala Sungai Miang, Pekan  
Tarikh: 5 Januari 2010

Semakan Audit mendapati syarikat baru sahaja memohon permit untuk mengambil, mengalih dan mengangkut pasir di kawasan tersebut pada 9 Februari 2010 melalui Borang 8(2). Permohonan adalah untuk tempoh dari 1 Februari hingga 31 Disember 2010 melibatkan sebanyak 6 juta m<sup>3</sup> pasir seperti di **Borang 6.1**.

**Borang 6.1**  
**Permohonan Pengambilan Pasir Pada 9 Februari 2010**

6.	Kegunaan bahan batuan yang akan dialih : <i>AKTIVITI BAHAN YANG MELULUSCAK CANTIK PROJEK OIL &amp; GAS DAN MARITIME INDUSTRIAL PARK, PEKAN</i> (Jika untuk projek Kerajaan Negeri, sebutkan nama projek dan disahkan oleh Ketua <i>PEKAN</i> Jabatan Berkanaan.)
7.	Jumlah bahan batuan yang dialih : <i>6 JUTA M<sup>3</sup></i> (meter padu)
8.	Bilangan lori yang akan digunakan : <i>100</i>
(i)	No. Pendaftaran Lori : <i>—</i>
(ii)	No. Pendaftaran Syovel (jika ada) : <i>5 B/1/1</i>
9.	Bilangan jam bekerja setiap : <i>8.00 PAGI - 6.00 PETANG</i>
10.	Permit diperlukan dari : <i>01 FEB 2010</i> (tarikh) hingga : <i>31 DIS 2010</i>
11.	*Saya/kami kemukakan bersama ini fe yang ditcapkan sebanyak RM _____ Saya dengan ini mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar dan dengan ini bersenjuu mematuhi apa-apa syarat atau syarat-syarat yang dikenakan ke atas saya.
Tarikh :	<i>9 FEB 2010</i>
12.	Untuk kegunaan Jabatan/Agenzia Pelaksana, jika berkaitan. Disahkan betul (i) Nama Projek:

Tandatangan Pemohon

Sumber: Pentadbir Tanah Pekan

Maklum balas yang diterima daripada PTG menyatakan bahawa permohonan syarikat tersebut telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 13 Mei 2010 untuk tempoh dari Januari hingga Disember 2010. Ini bermakna syarikat berkenaan telah menjalankan operasi pengambilan pasir tanpa kelulusan sebelum ini.

Sementara itu, maklum balas yang diterima daripada Pentadbir Tanah Pekan menyatakan bahawa berdasarkan kepada "Bill of Quantity" dari Oktober sehingga 16 Jun 2010 jumlah pasir yang telah diambil, dialih dan diangkut adalah sebanyak 1.62 juta  $m^3$  dan royaltinya masih belum dikutip.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pahang telah kehilangan hasil daripada royalti yang tidak dikutip sehingga 16 Jun 2010 berjumlah RM3.23 juta seperti ditunjukkan di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Jumlah Royalti Yang Tidak Dikutip Sehingga 16 Jun 2010**

Bil.	Butiran	Jumlah
1.	Tarikh Mula Pengeluaran Pasir	Oktober 2009
2.	Tarikh Lesen Diluluskan	13 Mei 2010
3.	Tempoh Royalti Tidak Dikutip	Oktober 2009 hingga 16 Jun 2010
4.	Jumlah Pengeluaran Sehingga 16 Jun 2010	1,616,928 $m^3$
5.	Kadar Royalti Pasir	RM2/ $m^3$
6.	Jumlah Royalti Yang Patut Dikutip	1,616,928 $m^3$ x RM2= <b>RM3,233,856</b>

Sumber: Pentadbir Tanah Pekan

Pada pendapat Audit, operasi pengorekan dan pengambilan pasir di Kuala Sungai Miang adalah tidak memuaskan kerana dijalankan tanpa kebenaran sehingga telah menjaskan alam sekitar serta kehidupan nelayan di kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga telah kehilangan hasil daripada royalti yang tidak dikutip.


#### 6.4.2 Impak Kepada Kestabilan Tanah Dan Tebing Sungai

Setiap aktiviti pengambilan pasir sungai perlu mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh JPS. Ia bagi memastikan sungai dan kawasan persekitarannya terpelihara daripada sebarang ancaman seperti hakisan, mendapan pasir serta risiko banjir kesan daripada aktiviti yang dijalankan. Sehubungan itu, JPS telah menetapkan beberapa syarat untuk dipatuhi oleh setiap pengusaha antaranya:

- a) Peralatan struktur binaan yang digunakan untuk aktiviti pengambilan pasir sungai seperti *Hopper*, *Stockpile*, kolam takungan dan bangunan/Pejabat Tapak hendaklah didirikan sekurang-kurangnya 20 meter daripada tebing sungai.
- b) Pasir hanya boleh diambil sepertiga di bahagian tengah sungai sahaja.
- c) Pengusaha dikehendaki memastikan tali pengukuh dan paip penghantar pasir ke *stockpile* tidak menjadi penghalang kepada laluan pengangkutan air.
- d) Mesin seperti jengkaut dilarang sama sekali berada dalam saluran sungai.


Kedudukan bahagian sungai yang dibenarkan mengambil pasir dan jarak *stockpile/hopper* yang dibenarkan bagi pengambilan pasir adalah seperti di **Gambar Rajah 6.1** dan **Gambar Rajah 6.2**.

**Gambar Rajah 6.1**  
**Keratan Sungai Menunjukkan Bahagian Yang Dibenarkan**  
**Pengambilan Pasir Dan Kedudukan Stockpile**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang

**Gambar Rajah 6.2**  
**Pelan Menunjukkan Kedudukan Pam Penyedut Pasir Dan Hooper**  
**Perlu Berada Semasa Bagi Aktiviti Pengambilan Pasir Sungai**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang

Lawatan Audit ke beberapa tapak operasi pengeluaran pasir sungai seperti di Pasir Kemudi (Kuantan), Kg. Machang (Kuantan), Pulau Tawar (Jerantut), Kg. Mempatih Lanchang (Temerloh) dan Kg. Buntut Pulau (Temerloh) mendapati berlaku keruntuhan pada tebing sungai serta kestabilan tanah di sekitar kawasan operasi terjejas. Keadaan ini adalah

disebabkan kegagalan pihak pengusaha mematuhi syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i) Peralatan seperti *Hooper*, *Stockpile*, kolam takungan serta bangunan/Pejabat Tapak terletak kurang 20 meter daripada tebing sungai menjadikan kestabilan tebing sungai terjejas.
- ii) Pasir disedut melebihi daripada sepertiga tengah sungai iaitu terlalu hampir dengan tebing sungai menyebabkan berlaku gelongsoran pada tebing sungai.
- iii) Paip penghantar pasir ke *stockpile* merentangi sungai sehingga menghalang laluan pengangkutan air.
- iv) Kerja-kerja seperti melonggok, mengaut dan membuang sisa pasir dilakukan sehingga ke tebing sungai.
- v) Jentera berat yang digunakan untuk kerja penyenggaraan dan mengaut pasir beroperasi sehingga ke tebing sungai.

Perlanggaran terhadap syarat yang ditetapkan oleh JPS tersebut menjadi salah satu punca berlakunya kejadian tebing runtuh serta kestabilan tebing sungai terjejas terutama berhampiran dengan kawasan operasi. Kejadian yang berlaku berhampiran kawasan penempatan dan pertanian juga telah menjelaskan kepentingan awam. **Foto 6.7** hingga **Foto 6.14** menunjukkan beberapa kes pelanggaran syarat yang ditemui semasa lawatan ke tapak operasi pengambilan pasir sungai serta kesan yang disebabkan olehnya.

**Foto 6.7**  
Kedudukan *Hopper*, Kolam Takungan Dan Bangunan Kurang 20m Dari Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Mempatih, Lanchang, Temerloh  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.8**  
Alat Penyedut Pasir Beroperasi Hampir Dengan Tebing Sungai Dan Menghalang Laluan Pengangkutan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Buntut Pulau, Temerloh  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.9**  
**Stockpile Berada Kurang 20m Daripada Tebing Sungai. Kerja Mengisi Pasir Ke Dalam Lori Sedang Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.10**  
**Jentera Berat Digunakan Di Tebing Sungai Menjejas Kestabilan Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 27 April 2010

**Foto 6.11**  
**Tebing Sungai Berhampiran Ladang Kelapa Sawit Yang Mengalami Gelongsoran Tanah Kesan Daripada Aktiviti Pengambilan Pasir**




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.12**  
**Tebing Sungai Yang Mengalami Hakisan Tanah Kesan Daripada Aktiviti Pengambilan Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Machang, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.13**  
**Saluran Paip Mengepam Pasir Merentangi Sungai Menghalang Laluan Pengangkutan Air**



Sumber: Google Maps  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan

**Foto 6.14**  
**Kawasan Tebing Sungai Yang Mengalami Hakisan**




Sumber: Google Maps  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan

Pada pendapat Audit, kegagalan pengusaha pasir mematuhi syarat yang ditetapkan telah memberi kesan terhadap kestabilan tanah dan struktur tebing sungai di kawasan operasi.

#### 6.4.3 Impak Kepada Pencemaran Kawasan Operasi Dan Kualiti Air Sungai

JPS telah menetapkan bahawa pengusaha adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa pencemaran seperti minyak, sampah sarap dan lain-lain kepada sungai akibat daripada pengambilan pasir dan mereka hendaklah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasinya. Menurut Garis Panduan Memproses Permohonan Pasir Sungai yang dikeluarkan oleh JPS, pengusaha perlu mematuhi Pelan Sistem Kolam Takungan yang sempurna untuk memerangkap pepejal terampai dan sisa mendapan sebelum air dilepaskan ke sungai. Mengikut Pelan tersebut, air yang disedut bersama pasir perlu melalui sekurang-kurangnya dua kolam takungan. Ia adalah bagi memerangkap pepejal terampai dan sisa mendapan sebelum dilepaskan ke sungai. Sistem Kolam Takungan yang dimaksudkan adalah seperti di **Rajah 6.3**.

**Gambar Rajah 6.3**  
**Pelan Sistem Kolam Takungan Seperti**  
**Yang Dikehendaki Oleh JPS**



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pahang

Pengukuran tahap pencemaran air sungai bagi aktiviti pengambilan pasir perlu berada pada julat Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) sekurang-kurangnya Kelas III iaitu sederhana tercemar dengan bacaan nilai parameter antara 51.9 hingga 76.5 di mana air Kelas III adalah sesuai untuk kegunaan minuman, aktiviti akuakultur dan pertanian. Mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia, ia juga sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut. Klasifikasi mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia adalah seperti di **Jadual 6.2**.

**Jadual 6.2**  
**Klasifikasi Indeks Kualiti Air Negara (IKAN)**

Kelas	Julat IKAN	Klasifikasi
I	Lebih daripada 92.7	Pemulihan alam sumber air yang asli dan tidak memerlukan sebarang rawatan
II	76.5 – 92.7	Berstatus bersih, mengikut Interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut
III	51.9 – 76.5	Berstatus bersih, mengikut interim Piawaian Kualiti Air Kebangsaan Malaysia sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan lanjut diperlukan untuk tujuan tersebut
IV	31.0 – 51.9	Tujuan pengairan sahaja
V	Kurang daripada 31.0	Tiada seperti di atas

Sumber: Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Lawatan Audit ke beberapa tapak operasi pengeluaran pasir mendapati pengusaha gagal mematuhi syarat yang ditetapkan. Adalah didapati kawasan operasi pengeluaran pasir di Pasir Kemudi (Kuantan) telah dijadikan pusat longgokan sampah dan sisa bahan binaan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kesempatan ini diambil disebabkan pengeluaran pasir oleh pengusaha berkenaan tidak lagi aktif dan tidak beroperasi lagi. Sementara itu, di kawasan pengeluaran pasir di Kg. Padang dan Kg. Pandan (Kuantan) mendapati sampah sarap dan sisa kayu yang tidak diguna dilonggokkan di tebing sungai. Sisa pasir daripada operasi juga telah dilonggok sehingga memasuki kawasan alur sungai. Berlaku juga keadaan di mana tompokan minyak dalam sungai di sekitar kawasan operasi yang dihasilkan daripada alat penyedut pasir. Keadaan ini telah menyebabkan kawasan sekitar pengeluaran pasir tercemar dan alur sungai menjadi semakin sempit. **Foto 6.15** hingga **Foto 6.18** menunjukkan keadaan di lokasi pengeluaran pasir yang dimaksudkan.

**Foto 6.15**  
**Sampah Sarap Dilonggak Berhampiran Tebing Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Padang, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.16**  
**Sisa Pasir Dilonggok Sehingga Ke Dalam Alur Sungai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kg. Padang, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.17**  
**Sisa Bahan Binaan Dan Sampah Dibuang Dalam Kawasan Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

**Foto 6.18**  
**Tompokan Minyak Dalam Sungai Yang Dihasilkan Daripada Alat Penyedut Pasir**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 29 Disember 2009

PTG memaklumkan bahawa tindakan akan diambil untuk menambah syarat kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) Bercantum Permit dengan mensyaratkan kepada pengusaha permit pasir supaya membina pagar kawasan operasi dan mengunci pagar setelah tamat operasi pada setiap hari bagi tujuan mengelak daripada diceroboh orang awam dan dijadikan tempat pembuangan sisa buangan/sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sementara itu, didapati sistem aliran air yang menghala balik ke sungai tidak mengikut pelan seperti yang dikehendaki JPS. Hasil lawatan Audit ke beberapa lokasi pengeluaran pasir mendapati Sistem Kolam Takungan hanya mempunyai sebuah kolam sahaja. Pasir yang disedut daripada sungai melalui *hopper* yang berfungsi untuk menapis sampah sarap. Bagaimanapun, air yang mengandungi kotoran dan mendapan terus masuk ke kolam utama. Daripada situ, air dialirkan terus masuk ke sungai melalui longkang. Ini menyebabkan pepejal terampai dan sisa mendapan tidak ditapis dan terus masuk ke sungai yang menyumbang kepada pencemaran sungai. Keadaan tersebut ditunjukkan seperti di **Foto 6.19** dan **Foto 6.20**.

**Foto 6.19**  
Air Yang Keluar Daripada Pam  
Terus Dialirkan Ke Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pulau Keladi, Pekan  
Tarikh: 7 Januari 2010

**Foto 6.20**  
Air Keruh Daripada Aktiviti Pengambilan  
Pasir Masuk Terus Ke Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pulau Tawar, Temerloh  
Tarikh: 17 Disember 2009

Lawatan tapak ke *Intake Kg. Kobat Baru* dan kawasan pengambilan pasir di Pasir Kemudi (Kuantan) telah dilakukan pada 27 April 2010 bagi menguji kualiti air mentah (IKA) di kawasan tersebut. Selain Jabatan Audit Negara (JAN), proses pengujian tersebut turut melibatkan Agensi lain seperti Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) Daerah Kuantan, Bahagian Pengurusan Pentadbir Tanah Daerah Kuantan serta Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (JBA). Tujuan pengujian ini adalah bagi menentukan sama ada aktiviti pengambilan pasir telah menjaskan kualiti air sungai di kawasan yang berkaitan berdasarkan Parameter Kekeruhan (NTU (*Nephelometric Turbidity Unit*)). Hasil daripada pengujian tersebut adalah seperti di **Jadual 6.3**.

**Jadual 6.3**  
Keputusan Ujian Bagi Parameter Kekeruhan (NTU)

Bil.	Nama Lokasi	Agensi	Masa	Bacaan Kekeruhan (NTU)
1.	<i>Intake Kg. Kobat Baru</i>	JKNP	9.11 pagi	67.4
		JAN		63.3
2.	Kawasan Pengambilan Pasir – Pasir Kemudi (Hilir)	JKNP	10.38 pagi	44.6
		JAN		44.6
3.	Kawasan Pengambilan Pasir – Pasir Kemudi (Hulu)	JKNP	10.44 pagi	41.9
		JAN		42.4

Sumber: Bahagian Pengauditan Air, Jabatan Audit Negara  
Dan Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Daerah Kuantan

Nilai bacaan NTU di atas tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan nilainya masih jauh di bawah tahap piawaian yang dibenarkan Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu nilai **Kekeruhan < 1,000 NTU**. Bagaimanapun, JBA Negeri Pahang telah menetapkan nilai kekeruhan di peringkat loji yang perlu diberi perhatian adalah apabila nilai **Kekeruhan > 200**

**NTU.** Proses pengambilan sampel dan pengujian kualiti air mentah yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Foto 6.21** hingga **Foto 6.24**.

**Foto 6.21**  
Pengambilan Sampel Air Di *Intake*  
Kg. Kobat Baru




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Intake Kg. Kobat Baru  
Tarikh: 27 April 2010

**Foto 6.23**  
Pengambilan Sampel Air Di Kawasan  
Pengambilan Pasir, Pasir Kemudi




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 27 April 2010

**Foto 6.22**  
Bacaan NTU Di *Intake* Kg. Kobat Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Intake Kg. Kobat Baru  
Tarikh: 27 April 2010

**Foto 6.24**  
Bacaan NTU Di Hulu Kawasan Pengambilan  
Pasir, Pasir Kemudi



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Pasir Kemudi, Kuantan  
Tarikh: 27 April 2010

Sementara itu, berdasarkan kepada IKA yang diperoleh daripada JAS bagi sebahagian sungai yang terlibat dengan aktiviti pengeluaran pasir di Negeri Pahang pada tahun 2009 menunjukkan purata bacaan IKA adalah di antara 85 hingga 94.5 atau berada di Kelas I dan II. Mengikut Piawaian Interim Air Sungai Kebangsaan, IKA di Kelas II bermakna air berstatus "Bersih" dan sesuai untuk bekalan air tetapi rawatan konvensional diperlukan untuk tujuan tersebut. Data IKA bagi sebahagian sungai yang terlibat dengan aktiviti pengambilan pasir tahun 2009 di Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4**  
**Indeks Kualiti Air Bagi Sebahagian Sungai**  
**Di Negeri Pahang Pada Tahun 2009**

Bil.	Sungai	Lokasi Stesen	No. Stesen	Purata IKA	Kelas
1.	Pahang	Bandar Temerloh	3424607	87.0	II
2.	Pahang	Kg. Paloh Hinai, Pekan	3431602	86.0	II
3.	Pahang	Jambatan Sultan Abu Bakar, Pekan	3533601	89.0	II
4.	Pahang	Pekan Kuala Kenau	3723611	89.0	II
5.	Pahang	Kg. Durian Hijau, Jerantut	3724613	89.0	II
6.	Pahang	Jerantut Feri, Jerantut	3924614	88.0	II
7.	Pahang	Padang Piol, Jerantut	4023615	88.0	II
8.	Pahang	Lubuk Paku, Maran	3527604	85.0	II
9.	Benus	Jalan Lama Bentong, Bentong	3519623	91.0	II
10.	Benus	Lintang, Bentong	3316824	94.0	I
11.	Kuantan	Jalan Gambang, Kuantan	3733601	80.0	II
12.	Kuantan	Pasir Kemudi,Kuantan	3831603	87.7	II
13.	Kuantan	Kg. Machang, Kuantan	3931604	92.3	II
14.	Kuantan	Kg. Kuala Kenau, Kuantan	3930607	93.0	I
15.	Kuantan	Hulu Sungai Kuantan	39296--	94.5	I
16.	Pahang	Bandar Temerloh	3424607	87.0	II


*Sumber: Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang*

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap syarat pengambilan pasir sungai oleh pengusaha adalah tidak memuaskan dan telah menyebabkan berlakunya pencemaran di kawasan operasi. Bagaimanapun, secara keseluruhannya ketidakpatuhan mereka ini masih belum menjaskan kualiti air sungai.

#### **6.4.4 Impak Kepada Infrastruktur Dan Utiliti**

Garis panduan JPS telah menetapkan bahawa pasir tidak boleh diambil dalam lingkungan 200 meter daripada struktur hidrolik seperti jambatan, bangunan dan sebagainya. Manakala syarat JKR pula menetapkan bahawa pemohon/pengusaha hendaklah bertanggungjawab atas kerosakan jalan akibat lori pengangkut dan mestilah membaik pulih kerosakan dengan segera. Pelan kedudukan jarak kawasan lesen dengan struktur jambatan adalah seperti di **Pelan 6.2**.

**Pelan 6.2**  
**Pelan Menunjukkan Kedudukan Jarak Di Antara**  
**Kawasan Lesen Dengan Struktur Jambatan**



Sumber: JPS Negeri Pahang

Semakan Audit mendapati Pentadbir Tanah Bentong telah meluluskan lesen untuk mengambil pasir kepada sebuah syarikat di Sungai Benus, Batu 9, Jalan Kuala Lumpur Lama, Bentong pada tahun 2006 hingga 2008. Pada Januari 2009, JPS tidak menyokong permohonan memperbaharui lesen berkenaan untuk disambung pada tahun 2009. Penolakan permohonan ini disebabkan JPS Daerah Bentong telah menerima bantahan penduduk dan mengesahkan bahawa tebing sungai terjejas akibat daripada operasi yang dijalankan sebelum ini. JPS turut mengarahkan operasi tersebut dihentikan serta merta. Bagaimanapun, pada Oktober dan November 2009, JPS Daerah Bentong telah memberi kebenaran kepada pengusaha berkenaan bagi kerja-kerja mengorek sungai untuk menstabilkan tebing yang runtuh. Pada 22 Oktober 2009, akhbar Sinar Harian telah menyatakan laporan mengenai bantahan penduduk berhubung dengan aktiviti pengeluaran pasir yang sedang dijalankan. Mereka mendakwa aktiviti tersebut telah menyebabkan tebing sungai terhakis dan boleh menjelaskan struktur jambatan berhampiran yang digunakan penduduk untuk mengangkut hasil pertanian. Laporan akhbar Sinar Harian pada 22 Oktober 2009 adalah seperti di **Keratan Akhbar 6.3** dan **Keratan Akhbar 6.4**.

Keratan Akhbar 6.3  
Laporan Akhbar Sinar Harian Berkaitan Operasi  
Pengambilan Pasir Di Sungai Benus, Bentong

# Korek pasir bahaya penduduk ▶ P15



Penduduk sekitar Sungai Benus, Bentong bimbang aktiviti jejas jambatan dan tebing sungai terhakis

● Beberapa jentera digunakan dalam kerja mengorek pasir di tebing sungai berhampiran jambatan.

Sumber: Sinar Harian  
Tarikh: 22 Oktober 2009

Keratan Akhbar 6.4  
Laporan Akhbar Sinar Harian Berkaitan Operasi  
Pengambilan Pasir Di Sungai Benus, Bentong

# Pemilik tanah bimbang aktiviti korek pasir

BATU 10 - Pemilik lot tanah di sekitar Sungai Benus, Jalan Lama Kuala Lumpur yang terdiri daripada pengusaha pertanian bimbang dengan aktiviti mengorek pasir yang dijalankan sebahul syarikat berlamarat di Kuala Lumpur berhampiran jambatan penghubung antara kebun mereka dan jalan utama di sini.

Seorang pemilik kebun, Leon Chong Fook, 44, berkata, operasi mengorek pasir begitu ramai dijalankan sejak kebelakangan ini hingga meningkatnya rasa kurang membumikan rasa kurnian semasing di hati mereka.

Menurutnya, mereka semua bimbang dengan aktiviti ini memandangkan ia dijalankan berhampiran jambatan dan menyebabkan tebing sungai terhakis.

"Jambatan merontangi sungai berkenaan dibina untuk memudahkan kami (pemilik tanah) menjalankan aktiviti barisan ternakan. Memanglah hasil pertanian dan jambatan ini juga mendapat kesanaran daripada pihak berwajib."

"Kami bimbang struktur jambatan ini bermasalah sekitarannya aktiviti mengorek



● CHONG FOOK  
● DARJIT SINGH

pasir temen dilakukan berhampiran jambatan dan kerana sekiranya ia rontali sesuatu bagotnya, sudah pasti kamu tidak dapat berulang-alik ke kawasan tanah masing-masing dan pembinaan semula sudah pasti menelan belanja yang besar," katanya kepada Sinar Harian.

Chong Fook berkata,



● Beberapa jentera lagi digunakan mengorek pasir terdapat di tebing sungai berhampiran jambatan.

...ia dijalankan berhampiran jambatan dan menyebabkan tebing sungai terhakis.

pengusaha pasir sungai,

Darjit Singh, 30, berkata, berdasarkan paparan tanda yang ada di kawasan itu merata.

ialah, mengapa syarikat berkenaan masih terus beroperasi dan menjalankan operasi mengorek pasir di kawasan itu walaupun permit

walaupun permit mereka sudah tamat dan tiada tanda baru yang diakon di kawasan tersebut sebagai pembiatan kepada umum.

"Selain itu, mereka juga

mengorek pasir berhampiran jambatan berhampiran pada mereka. Sementara itu, seorang

jambatan berhampiran.

"Apa yang menjadi tanda

lesukan. Memandangkan sedemikian pihak saya juga sering memohon untuk mengambil pasir di kawasan itu tetapi tidak dibenarkan korang dikatakan berdekatan dengan jambatan."

Mereka semua amat berharap agar penjelasan tersebut dapat diberikan berkenaan status aktiviti pengambilan pasir yang dijalankan syarikat terbabit supaya tidak terjadi kesan yang tidak baik.

"Yang mana merupakan ka-


wasan yang tidak boleh di-

Sumber: Sinar Harian  
Tarikh: 22 Oktober 2009

Lawatan Audit ke lokasi pengeluaran pasir tersebut bersama Pegawai JPS Daerah Bentong pada 10 Disember 2009 mendapati kedudukan kawasan lesen terletak kurang 200 meter daripada struktur jambatan. Manakala wujud kesan hakisan pada tebing sungai di lokasi pengeluaran pasir tersebut. Bagaimanapun, aktiviti pengeluaran pasir telah dihentikan mulai

November 2009 dengan arahan JPS Daerah Bentong. **Foto 6.25** dan **Foto 6.26** menunjukkan keadaan di kawasan pengeluaran pasir tersebut semasa lawatan Audit pada 10 Disember 2009.

**Foto 6.25**  
**Jambatan Yang Terletak Kurang 200 Meter Daripada Kawasan Lesen**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Benus, Bentong  
Tarikh: 10 Disember 2009

**Foto 6.26**  
**Tebing Sungai Benus Yang Mengalami Hakisan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sungai Benus, Bentong  
Tarikh: 10 Disember 2009

**Pada pendapat Audit, aktiviti pengorekan dan pengeluaran pasir berhampiran dengan struktur jambatan adalah tidak memuaskan kerana telah menimbulkan rasa kurang senang penduduk terhadap kesan daripada aktiviti yang dijalankan.**

#### **6.4.5 Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

Aspek pemantauan dan penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan objektif pengurusan aktiviti pengambilan pasir dan pelindungan alam sekitar tercapai. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan dan penguatkuasaan mendapati aktiviti penguatkuasaan terhadap pengeluaran pasir adalah di bawah tanggungjawab Unit Penguatkuasaan setiap Pentadbir Tanah Daerah serta PTG. Adalah didapati Pentadbir Tanah Daerah dan JPS ada menyimpan daftar dan rekod aduan awam dan pemantauan hanya dilaksanakan berdasarkan aduan yang diterima. Bagaimanapun, pemantauan secara berjadual terhadap operasi pengeluaran pasir tidak dijalankan kerana masalah kekurangan kakitangan. JPS menyerahkan tanggungjawab penguatkuasaan kepada Pentadbir Tanah Daerah kerana JPS tidak mempunyai Unit Penguatkuasaan sendiri dan tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan. JPS hanya melakukan siasatan di lapangan di peringkat mendapatkan ulasan Jabatan Teknikal semasa permohonan dan pembaharuan lesen. Pemantauan yang dibuat oleh JAS pula lebih tertumpu kepada isu-isu alam sekitar yang serius seperti pencemaran air dan udara. Pemantauan khusus terhadap aktiviti pengeluaran pasir tidak dijalankan.

*Maklum balas PTG menjelaskan bahawa sebagai tindakan jangka panjang, merancang lawatan kerja bersama di antara Pentadbir Tanah dan Jabatan Teknikal secara berkala atau*

*sekurang-kurangnya sekali sebelum LPS Bercantum Permit diperbaharui. Selain itu, PTG memohon Pihak Berkuasa Negeri menyemak semula Enakmen bagi Jabatan Teknikal untuk membolehkan Jabatan Teknikal berkaitan mengambil tindakan penguatkuasaan ketidakpatuhan mengikut syarat-syarat yang dikeluarkan.*

Pada pendapat Audit, aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan adalah tidak memuaskan kerana Pentadbir Tanah Daerah tidak dapat melaksanakan aktiviti pemantauan secara berkesan disebabkan masalah kekurangan kakitangan. JPS pula tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap sebarang pelanggaran syarat lesen.

## 6.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya aktiviti pengambilan pasir telah menimbulkan banyak masalah disebabkan kegagalan pengusaha memohon serta mematuhi syarat teknikal seperti yang telah ditetapkan. Akibatnya, ia telah memberi kesan serius terhadap alam sekitar yang sepatutnya boleh dielakkan. Selain itu, ia turut memberi kesan terhadap orang awam yang tinggal berhampiran dengannya kerana telah menjelaskan aspek ekonomi dan keselamatan mereka. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang di masa akan datang, adalah disyorkan supaya PTG, Pentadbir Tanah Daerah serta Jabatan Teknikal yang berkaitan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Operasi secara bersepadan melibatkan PTG, Pentadbir Tanah Daerah, JPS serta JAS perlu melaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan aktiviti pengambilan pasir mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
- b) Memastikan pengusaha membaiki sebarang kerosakan seperti hakisan tebing sungai, struktur jalan dan jambatan yang boleh menjelaskan kepentingan awam dengan serta-merta.
- c) Mengenakan deposit yang lebih tinggi kepada pengusaha bagi menampung kos pembaikan kerosakan.
- d) Mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengusaha yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## **JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG**

### **7. PENGURUSAN PENGENDALIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PAHANG**

#### **7.1 LATAR BELAKANG**

**7.1.1** Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (Jabatan) telah ditubuhkan pada 19 Januari 1995 yang sebelum itu dikenali sebagai Mahkamah Qadhi di Jabatan Agama Islam Pahang. Dengan penubuhan tersebut mahkamah terpisah dari pentadbiran Jabatan Agama Islam Pahang dan mempunyai struktur organisasinya sendiri. Penubuhan Mahkamah Syariah diperuntukkan di bawah Seksyen 42, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam No. 3 tahun 1991. Jabatan diletakkan di bawah pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang yang diketuai oleh Ketua Hakim Syari'e. Beliau juga bertindak sebagai Pengurus Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Di bawah pengawalannya terdapat dua orang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, seorang Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan lima orang Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

**7.1.2** Jabatan ini bertanggungjawab mengurus, mendengar dan memutuskan kes-kes di semua peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan di dalam pengurusan Kes Mal dan Kes Jenayah. Kes Mal merujuk kepada harta tetapi dalam konteks perundangan, ia merujuk kepada kes-kes bukan jenayah seperti tuntutan nafkah isteri, tuntutan nafkah anak, permohonan wali hakim, permohonan Sijil Faraid, tuntutan penceraian dan tuntutan Khul'/Tebus Talaq. Manakala Kes Jenayah pula melibatkan kesalahan yang menyalahi hukum syarak seperti minum arak, khalwat, sumbang mahram, poligami tanpa kebenaran mahkamah dan akuan palsu untuk berkahwin. Bagi melicinkan proses dan kemudahan kepada orang ramai, Jabatan mempunyai dua Mahkamah Tinggi Syariah dan 12 Mahkamah Rendah Syariah di seluruh Negeri Pahang. Pada tahun 2009, berdasarkan Laporan Statistik e-Syariah di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pahang sebanyak 4,610 kes Mal dan Jenayah telah didaftarkan berbanding sebanyak 2,301 (49.9%) belum selesai perbicaraan.

#### **7.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Syariah Negeri Pahang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

### **7.3 SKOP DAN KAE DAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini meliputi pengurusan pengendalian kes bagi tempoh 2007 hingga 2009 yang melibatkan tiga daripada 12 Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Pahang iaitu Mahkamah Rendah Syariah Kuantan (MRS Kuantan), Mahkamah Rendah Syariah Bentong (MRS Bentong) dan Mahkamah Rendah Syariah Pekan (MRS Pekan). Kaedah pengauditan adalah berasaskan kepada penyemakan rekod, fail kes dan dokumen yang diselenggarakan. Antara rekod dan dokumen yang disemak seperti daftar permohonan, fail kes dan rekod hasil serta maklumat yang berkaitan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai juga dilakukan. Selain itu, lawatan ke tiga Mahkamah tersebut turut dijalankan bagi menentukan pengurusan pengendalian kes berjalan dengan lancar dan cekap.

### **7.4 PENEMUAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, didapati pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pahang yang telah dijalankan pada September 2009 hingga Mac 2010 adalah tidak memuaskan. Faktor utama yang menyumbang kepada kelemahan pengurusan pengendalian kes ialah sistem e-Syariah yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi melancarkan proses pengendalian kes dengan lebih efisien. Selain itu, faktor beban kerja di mana seorang hakim terpaksa mengendalikan lebih daripada satu mahkamah dalam menyelesaikan kes. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan lain yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

#### **7.4.1 Kaedah Dalam Enakmen Belum Diwartakan**

Seksyen 229, Enakmen Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah 2002 menyatakan Ketua Hakim boleh membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan peruntukan enakmen ini tanpa menjaskan peruntukan yang terdahulu seperti fi, borang, buku akaun, laporan dan dokumen lain yang hendak digunakan, perjalanan mahkamah, bentuk dan kaedah pelaksanaan suratcara serta pelantikan mana-mana pegawai atau ejen Mahkamah.

Semakan Audit terhadap kaedah dalam enakmen ini mendapati Jabatan telah bercadang menambah sebanyak 20 borang untuk diguna pakai seperti borang saman kepada saksi, borang akuan pelupusan barang kes, borang izin mendakwa dan borang perintah bertulis kepada saksi. Bagaimanapun, borang tersebut belum diwartakan sejak tahun 2003. Mesyuarat Kaedah Tatacara Jenayah telah bersidang bagi membincangkan perkara ini pada 31 Jun 2003. Perkara ini masih di peringkat semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang. Kelewatan ini menyebabkan Jabatan tidak dapat melaksanakan undang-undang dengan berkesan.

*Maklum balas daripada Jabatan menjelaskan pihaknya belum menerima sebarang maklum balas daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan undang-undang tidak memuaskan kerana tambahan borang masih belum diwartakan melewati tujuh tahun.**

#### **7.4.2 Sistem Pautan e-Syariah Tidak Dilaksanakan Sepenuhnya**

e-Syariah ialah projek Kerajaan Elektronik yang ketujuh di bawah Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC). Ia merupakan satu sistem yang mengintegrasikan semua proses yang terlibat di dalam pengurusan pengendalian kes mahkamah. e-Syariah akan membawa perubahan dan pembaharuan kepada operasi di Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Pahang. e-Syariah juga akan mempermudahkan pengurusan kes di samping dapat menyeragamkan proses pengendalian pendaftaran kes di seluruh daerah di Negeri Pahang. Selain itu, sistem pautan ini boleh dihubungkan secara *on-line* dengan enam Agensi Kerajaan yang lain iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Akauntan Negara bagi mendapatkan maklumat terkini.

Semakan Audit terhadap pelaksanaan e-Syariah mendapati pada tahun 2003 Jabatan ini telah mengaplikasikan kesemua komponen di dalam e-Syariah iaitu Sistem Pengurusan Kes Mahkamah Syariah, Portal e-Syariah, Automasi Pejabat, Sistem Pendaftaran Peguam Syari'e dan Sistem Pengurusan Perpustakaan dengan teratur. Bagaimanapun, Jabatan ini hanya boleh menghubungkan e-Syariah dengan tiga daripada enam Agensi Kerajaan iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri. Keadaan ini menyukarkan Jabatan dalam mendapatkan maklumat terkini bagi mempercepatkan proses pengendalian kes di mahkamah.

*Maklum balas daripada Jabatan menjelaskan pautan e-Syariah dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia sedang dilaksanakan. Bagaimanapun, pautan e-Syariah dengan Jabatan Akauntan Negara tidak dapat dilakukan disebabkan keselamatan maklumat.*

**Pada pendapat Audit, pelaksanaan sistem pautan e-Syariah dengan Agensi Kerajaan tidak memuaskan kerana hanya tiga daripada enam Agensi Kerajaan yang boleh dihubungkan secara *on-line*.**

#### **7.4.3 Pengurusan Pendaftaran Kes Tidak Teratur**

Pendaftaran kes yang lengkap dan kemas kini membolehkan pengendalian kes berjalan dengan lancar. Permohonan yang lengkap akan didaftarkan secara manual di dalam Buku Daftar Kes. Selain itu, Jabatan juga mempunyai sistem pendaftaran secara e-Syariah yang dikenali sebagai e-Buku Kausa.

Semakan Audit di MRS Kuantan dan MRS Pekan mendapati permohonan kes Mal dan Jenayah telah didaftarkan dalam satu Buku Daftar. Manakala pendaftaran melalui e-Syariah iaitu e-Buku Kausa tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya. Mahkamah tidak memberi

perhatian yang khusus kepada pengurusan pendaftaran secara e-Syariah mengakibatkan bilangan pendaftaran kes tidak dapat ditentukan. Selain itu, ia boleh menjelaskan kecekapan pengurusan pengendalian kes dan laporan pendaftaran e-Buku Kausa daripada e-Syariah tidak dapat dijanakan.

*Jabatan menjelaskan tindakan untuk mempertingkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan pendaftaran kes telah dijalankan pada awal tahun 2010. Bagaimanapun, e-Buku Kausa tidak dapat digunakan sepenuhnya disebabkan masalah teknikal semasa sistem tersebut dibangunkan.*

**Pada pendapat Audit, pengurusan pendaftaran kes di Mahkamah tidak memuaskan kerana pengurusan pendaftaran kes tidak teratur dan kemas kini.**

#### **7.4.4 Sasaran Perancangan Tidak Disediakan**

Sasaran perancangan perlu dirangka bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang di dalam pengendalian kes di Mahkamah. Semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan sasaran perancangan bagi bilangan kes yang sepatutnya diselesaikan bagi meningkatkan sistem penyampaian Jabatan. Hal ini disebabkan Jabatan tidak memberi keutamaan terhadap sasaran perancangan mengakibatkan jumlah peratusan sebenar kes yang patut diselesaikan tidak dapat ditentukan.

*Maklum balas yang diperoleh daripada Jabatan menjelaskan bahawa pihaknya akan mengambil tindakan penyelarasan mengenai penyediaan sasaran perancangan bagi bilangan kes yang patut diselesaikan dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.*

**Pada pendapat Audit, sasaran perancangan tidak memuaskan kerana Jabatan tidak menyediakan perancangan untuk menentukan sasaran peratusan kes selesai yang sepatutnya dicapai bagi meningkatkan sistem penyampaianya.**

#### **7.4.5 Borang Permohonan Kes Mal Tidak Seragam**

Seksyen 13(1), permohonan kes Mal perlu dibuat melalui notis di dalam Borang MS 3 dan disokong dengan afidavit yang diangkat sumpah seperti di Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002. Semakan Audit terhadap 25 fail kes Wali Hakim di MRS Bentong dan MRS Kuantan mendapati Borang MS 3 telah disediakan dengan lengkap. Bagaimanapun, di MRS Pekan, semakan terhadap 25 fail kes yang sama mendapati dua borang yang sama diguna pakai tetapi menggunakan format yang berlainan. Semakan Audit juga mendapati salah satu borang tersebut tidak ditandatangani oleh plaintiff. Hal ini disebabkan tiada semakan dan pemantauan dijalankan terhadap fail berkenaan dan mengakibatkan pengurusan pengendalian kes menjadi tidak teratur.

*Maklum balas yang diterima daripada Jabatan menyatakan tindakan segera akan diambil berhubung perkara tersebut.*

**Pada pendapat Audit, penggunaan borang permohonan kes Mal di MRS Pekan tidak memuaskan kerana tiada pemantauan terhadap penggunaan borang tersebut.**

#### **7.4.6 Kes Yang Didaftarkan Lewat Disebut**

Mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan oleh Jabatan, sebutan kes perlu dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes didaftarkan termasuk cuti umum. Mahkamah akan memberi satu tarikh sebutan kes untuk dihadiri oleh plaintiff dan defendant. Manakala tarikh bicara/sebutan untuk defendant akan dikeluarkan melalui Saman. Semakan Audit terhadap kes yang didaftarkan mendapati MRS Kuantan mempunyai jumlah kes tertinggi yang lewat disebut berbanding MRS Bentong dan MRS Pekan iaitu sebanyak 712 kes Mal (21.5%) dan MRS Pekan mempunyai jumlah peratus kes Jenayah yang tertinggi lewat disebut berbanding MRS Kuantan dan MRS Bentong iaitu sebanyak 86 kes Jenayah (72.3%) seperti di **Jadual 7.3**.

**Jadual 7.3  
Kes Yang Didaftarkan Lewat Disebut Pada Tahun 2007 Hingga 2009**

Tempoh Kelewatan (Hari)	Kes Mal			Kes Jenayah			Jumlah Kes
	MRS Kuantan	MRS Bentong	MRS Pekan	MRS Kuantan	MRS Bentong	MRS Pekan	
22- 40	678	23	105	139	7	73	1,025
41-60	28	4	2	58	10	13	115
61-80	-	1	0	52	-	-	53
81-100	5	-	-	1	4	-	10
100 ke atas	1	-	-	1	-	-	2
<b>Jumlah Kes Yang Lewat</b>	<b>712</b>	<b>28</b>	<b>107</b>	<b>251</b>	<b>21</b>	<b>86</b>	<b>1,205</b>
<b>Jumlah Daftar Kes</b>	<b>3,316</b>	<b>586</b>	<b>870</b>	<b>629</b>	<b>74</b>	<b>119</b>	<b>5,594</b>
<b>Peratus Kes Yang Lewat (%)</b>	<b>21.5</b>	<b>4.8</b>	<b>12.3</b>	<b>39.9</b>	<b>28.4</b>	<b>72.3</b>	<b>21.5</b>

Sumber: e-Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

Kes yang didaftar lewat disebut disebabkan oleh kekurangan hakim mengakibatkan Jabatan tidak dapat mematuhi Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan.

*Jabatan memaklumkan punca utama kes lewat didaftarkan dalam tempoh 21 hari disebabkan masalah teknikal yang melibatkan sebutan kes sulu (prosiding pra-bicara).*

**Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap Piagam Pelanggan Jabatan tidak memuaskan kerana kekurangan hakim.**

#### **7.4.7 Rekod e-Syariah Dan Laporan Manual Berbeza**

Salah satu objektif utama e-Syariah adalah memartabatkan syiar Islam melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Melalui e-Syariah, Jabatan boleh menjana status laporan bilangan pendaftaran, baki kes selesai dan juga kes yang tertangguh. Semakan Audit terhadap Laporan Statistik Kes Mal bagi MRS Kuantan, MRS Bentong dan MRS Pekan bagi jumlah kes sehingga akhir tahun 2009 berbeza sebanyak 1,274 kes antara e-Syariah dengan laporan secara manual. Manakala bagi kes selesai antara e-Syariah dengan laporan

secara manual berbeza sebanyak 622 kes dan kes tertangguh sebanyak 652 kes seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Perbezaan Laporan Statistik Kes Mal Dalam e-Syariah Dengan Secara Manual**

Mahkamah	Bilangan Kes e-Syariah			Bilangan Kes Secara Manual		
	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kes Tangguh	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kes Tangguh
MRS Kuantan	2,677	1,842	835	1,435	1,210	225
MRS Bentong	420	308	112	366	296	70
MRS Pekan	237	159	78	259	181	78
<b>Jumlah</b>	<b>3,334</b>	<b>2,309</b>	<b>1,025</b>	<b>2,060</b>	<b>1,687</b>	<b>373</b>

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

Berdasarkan kepada Laporan Statistik Kes Jenayah bagi MRS Kuantan, MRS Bentong dan MRS Pekan bagi jumlah kes sehingga tahun 2009 antara e-Syariah dengan laporan secara manual berbeza sebanyak 368 kes. Manakala bagi kes selesai berbeza sebanyak 101 kes dan kes tertangguh sebanyak 267 kes seperti di **Jadual 7.5**.

**Jadual 7.5**  
**Perbezaan Laporan Statistik Kes Jenayah Dalam e-Syariah Dengan Secara Manual**

Mahkamah	Bilangan Kes e-Syariah			Bilangan Kes Secara Manual		
	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kes Tangguh	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kes Tangguh
MRS Kuantan	618	211	407	255	104	151
MRS Bentong	88	26	62	88	25	63
MRS Pekan	54	19	35	49	26	23
<b>Jumlah</b>	<b>760</b>	<b>256</b>	<b>504</b>	<b>392</b>	<b>155</b>	<b>237</b>

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

Perbezaan ini berlaku disebabkan tiada mekanisme pemantauan diwujudkan, kesilapan memasukkan data semasa sistem mula dibangunkan dan data kes tidak dikemaskinikan di dalam e-Syariah. Keadaan ini menyebabkan integriti data diragui, beban kerja bertambah dan berlaku pembaziran tenaga serta kos kerana sistem e-Syariah telah beroperasi pada tahun 2003.

*Jabatan memaklumkan perbezaan ini berlaku sejak e-Syariah dibangunkan dan sehingga kini ia masih tidak dapat diatasi. Bagaimanapun, Jabatan akan berbincang dengan ‘vendor’ bagi mengatasi masalah yang dihadapi.*

**Pada pendapat Audit, laporan kes pendaftaran dan kes tertangguh tidak memuaskan kerana bilangan kes berbeza di antara e-Syariah dan laporan manual.**

#### 7.4.8 Fi Perkhidmatan Tidak Seragam

Enakmen Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2005, menetapkan fi perkhidmatan yang boleh dikenakan kepada pemohon. Pemohon dikenakan fi perkhidmatan semasa penyerahan borang permohonan antara RM25 hingga RM50 bergantung kepada jenis permohonan yang didaftarkan. Semakan Audit terhadap Jadual Fi Perkhidmatan mendapati hanya MRS Kuantan yang mengenakan fi mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh enakmen. Manakala MRS Bentong dan MRS Pekan tidak mengenakan fi yang ditetapkan oleh enakmen seperti di **Jadual 7.6**.

**Jadual 7.6**  
**Fi Perkhidmatan Mahkamah**

Bil.	Perkara	Fi Perkhidmatan Mengikut Enakmen (RM)	Fi Dikenakan		
			MRS Kuantan (RM)	MRS Bentong (RM)	MRS Pekan (RM)
1.	Permohonan Cerai	50	50	32	50
2.	Permohonan Cerai Luar Mahkamah	50	50	3	50
3.	Permohonan Sijil Faraid	50	50	43	63
4.	Permohonan Wali Hakim	25	25	27	30
5.	Permohonan Nikah Bawah Umur	25	25	29	30
6.	Permohonan Luar Bidangkuasa	35	35	20	20

Sumber: MRS Kuantan, MRS Bentong Dan MRS Pekan

Perbezaan fi yang dikenakan oleh ketiga-tiga Mahkamah ini adalah disebabkan oleh tiada pemantauan di peringkat Ibu Pejabat mengakibatkan fi perkhidmatan yang dikenakan berbeza.

*Maklum balas daripada Jabatan menjelaskan mesyuarat akan diadakan bagi membincangkan dengan jelas mengenai fi perkhidmatan mengikut Enakmen Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) 2005.*

**Pada pendapat Audit, kutipan fi perkhidmatan mahkamah tidak memuaskan kerana tiada keseragaman fi yang dikenakan.**

#### 7.4.9 Kutipan Bayaran Bagi Kebenaran Berkahwin Tidak Teratur

Seksyen 18, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005, menetapkan sekiranya pemohon ingin berkahwin, di bawah umur, seorang janda atau tidak mempunyai wali, mahkamah boleh mengeluarkan kebenaran kepada pemohon tersebut. Mahkamah akan mengeluarkan Borang 4 iaitu Borang Kebenaran Berkahwin setelah diluluskan dengan bayaran RM10 dikenakan kepada pemohon. Semakan Audit mendapati MRS Bentong telah mengutip bayaran sejumlah RM10 bagi setiap borang permohonan sebelum diluluskan oleh wali hakim seperti di **Jadual 7.7**.

**Jadual 7.7**  
**Kutipan Bayaran Bagi Kebenaran Berkahwin Tidak Teratur**

Bil.	Rujukan Kes	No. Resit	Tarikh Resit	Tarikh Borang 4 Diluluskan	Perbezaan Hari
1.	06005-051-0101-2007	S177140	19.7.2007	2.8.2007	14
2.	06005-051-0144-2007	S177695	11.10.2007	7.11.2007	27
3.	06005-051-0109-2007	S177655. S177664	15.8.2007	28.8.2007	13
4.	06005-051-0008-2008	S177771	4.1.2008	Permohonan dibatalkan	
5.	06005-051-0053-2008	S177777	21.4.2008	Tarik balik kes	
6.	06005-051-0081-2008	S177779	6.6.2008	10.6.2008	3
7.	06005-051-0085-2008	S182963	23.6.2008	2.7.2008	8
8.	06005-051-0040-2009	S381437	19.3.2009	1.4.2009	13
9.	06005-051-0060-2009	S177780	28.4.2009	13.5.2009	15
10.	06005-051-0116-2009	S384316	10.7.2009	29.7.2009	19

Sumber: MRS Bentong

*Jabatan mengakui amalan ini adalah bertentangan dengan prosedur yang ditetapkan dan tindakan pembetulan telah diambil mulai tahun 2010.*

**Pada pendapat Audit, kawalan terhadap penggunaan borang tidak memuaskan kerana tiada pemeriksaan dan pemantauan yang dilakukan.**

#### **7.4.10 Pengurusan Wang Jaminan Tidak Teratur**

Seksyen 40, Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah 2002 menetapkan bagi kes yang melibatkan orang kena tuduh dihadapkan ke Mahkamah, sejumlah wang jaminan akan dikenakan oleh hakim bagi memastikan kehadirannya ke Mahkamah. Semakan Audit terhadap Daftar Wang Jaminan di MRS Kuantan mendapati daftar tersebut tidak kemas kini melibatkan 137 buku simpanan wang jaminan sejak tahun 2003. Keadaan ini menyebabkan status kes berkenaan tidak dapat ditentukan. Manakala di MRS Pekan, daftar tersebut mula disediakan pada tahun 2003. Keadaan ini menyebabkan dua fail kes bagi dua buku simpanan wang jaminan yang mengandungi baki wang berjumlah RM1,000 yang disimpan pada tahun 2002 tidak dapat dikesan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan wang jaminan adalah tidak memuaskan kerana wang jaminan tersebut tidak dapat ditentukan kedudukannya.**

#### **7.4.11 Kutipan Wang Lafaz Ta'liq Tidak Diakaunkan**

Surat Perakuan Nikah menyatakan lafaz ta'liq bermaksud apabila suami mengakui bahawa sekiranya dia meninggalkan isterinya selama empat bulan Hijrah berturut-turut atau lebih dengan sengaja atau paksaan dan tiada nafkah diberikan oleh suami atau wakilnya padahal isteri taat atau suami melakukan sebarang mudarat kepada tubuh badannya dan isteri mengadu kepada mahkamah dengan membayar RM1 maka pada itu tertalaq dia dengan secara Talaq Khul' (Tebus Talaq). Semakan Audit terhadap kutipan wang lafaz ta'liq di MRS Kuantan dan MRS Bentong mendapati wang kutipan tidak direkod di dalam satu daftar khusus dan wang tidak disimpan di dalam peti besi. Manakala di MRS Pekan, sejumlah RM70 telah disimpan di dalam peti besi sejak tahun 2003. Keadaan ini disebabkan Jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan dan ini boleh mengakibatkan wang kutipan disalahgunakan.

*Maklum balas daripada Jabatan menyatakan bahawa pihaknya telah memohon untuk mendapatkan Nombor Akaun Amanah daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi menyerahkan wang jaminan tersebut kepada Baitulmal setelah mendapat teguran Audit. Bagaimanapun, permohonan tersebut masih belum mendapat maklum balas daripada pihak MUIP. Di samping itu, perbincangan menyeluruh dari segi hukum dan pelaksanaan akan dibangkitkan semasa Mesyuarat Hakim-hakim yang akan diadakan.*

**Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan wang lafaz ta'liq tidak memuaskan kerana Jabatan tidak mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.**

#### **7.4.12 Beban Kerja Hakim**

Nisbah hakim perlu seimbang dengan bilangan mahkamah yang diwujudkan. Penyelesaian sesuatu kes memerlukan keputusan daripada hakim. Semakan Audit terhadap waran perjawatan mendapati sebanyak tujuh perjawatan hakim telah diluluskan. Bagaimanapun, hanya lima perjawatan hakim yang diisi untuk mengendalikan 12 Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Pahang. Seorang hakim terpaksa mengendalikan dua atau tiga mahkamah bagi perbicaraan kes.

*Maklum balas daripada Jabatan menyatakan bahawa pihaknya akan mengambil tindakan dengan membuat penyusunan semula perjawatan hakim di Mahkamah.*

**Pada pendapat Audit, bilangan hakim yang diisi tidak memuaskan kerana tidak mencukupi untuk mengendalikan kes Mahkamah di Negeri Pahang.**

#### **7.4.13 Kes Jenayah Tidak Dilaporkan**

Mengikut Peraturan 28 dan 29, di dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 apabila prosiding dimulakan terhadap seseorang pegawai awam yang disabitkan atas kesalahan jenayah, Pendaftar Mahkamah hendaklah melaporkan kes kepada Ketua Jabatan/Agensi. Semakan Audit terhadap fail kes jenayah yang melibatkan pegawai awam di MRS Kuantan dan MRS Pekan mendapati Pendaftar Mahkamah tidak melaporkan

kes jenayah kepada Ketua Jabatan/Agenzi berkenaan. Contoh kes jenayah yang tidak dilaporkan seperti di **Jadual 7.8**.

**Jadual 7.8**  
**Kes Jenayah Tidak Dilaporkan**

Bil.	No. Rujukan Kes	Tarikh Sebutan Kes	Kesalahan
1.	06001-164-0008-2008	19.2.2008	Kesalahan Berhubung Akad Nikah
2.	06001-164-0009-2008	19.2.2008	Kesalahan Berhubung Akad Nikah
3.	06001-143-0050-2008	10.6.2008	Khalwat
4.	06007-143-0051-2008	10.9.2008	Khalwat
5.	06007-143-0049-2008	10.9.2008	Khalwat
6.	06001-143-0029-2009	10.2.2009	Khalwat
7.	06001-143-0062-2009	17.2.2009	Khalwat
8.	06007-143-0001-2009	13.3.2009	Khalwat
9.	06007-143-0039-2009	27.10.2009	Khalwat
10.	06007-143-0040-2009	27.10.2009	Khalwat

Sumber: MRS Kuantan Dan MRS Pekan

*Maklum balas daripada Jabatan menjelaskan mulai tahun 2010 tindakan telah diambil dengan melaporkan kepada Ketua Jabatan pegawai yang terlibat.*

**Pada pendapat Audit, pelaporan kes jenayah yang melibatkan pegawai awam tidak memuaskan kerana tidak dilaporkan kepada Ketua Jabatan.**

## 7.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan pengendalian kes di Mahkamah Rendah Syariah Negeri Pahang adalah tidak memuaskan kerana wujud kelemahan yang perlu diambil tindakan segera seperti proses pewartaan bagi kaedah di dalam enakmen dan sasaran perancangan tidak disediakan untuk mencapai penyelesaian kes. Selain itu, sistem e-Syariah tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan pengendalian kes. Bagi memastikan pengurusan pengendalian kes dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, pihak Audit mengesyorkan supaya Jabatan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Menyediakan perancangan bagi mengatasi masalah kes-kes tertunggak pada setiap tahun.
- b) Mengambil tindakan proaktif dengan mewujudkan *task force* untuk menyelesaikan masalah rekod.
- c) Mengkaji dan membuat penstruktur semula perjawatan hakim di Mahkamah.
- d) Melaporkan kes jenayah syariah di kalangan penjawat awam kepada Ketua Jabatan.
- e) Mempertingkatkan pemantauan terhadap kawalan hasil dan penyeragaman prosedur di setiap Mahkamah.


## JABATAN BEKALAN AIR NEGERI PAHANG

### 8. PENGURUSAN AIR TIDAK BERHASIL (NRW)

#### 8.1 LATAR BELAKANG

8.1.1 Air merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan dan perlu diuruskan sebaik mungkin supaya mencukupi sepanjang masa. Kehilangan air di dalam sistem bekalan air merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap dan berkesan. Kehilangan air bukan sahaja merupakan pembaziran sumber semula jadi, malah dari segi ekonomi ia adalah kehilangan hasil kepada negara. Air tidak berhasil atau *Non Revenue Water* (NRW) adalah jumlah kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem bekalan air tetapi tidak memberi pulangan hasil kepada agensi yang menguruskan bekalan air. Oleh itu, peratusan NRW yang tinggi menggambarkan jumlah kuantiti yang banyak mengenai kehilangan air sama ada melalui kebocoran, limpahan atau pun tidak dibilang. Secara teknikal, NRW ialah jumlah pengeluaran air bersih (terawat) yang dibekalkan dan ditolak dengan jumlah penggunaan yang dibilang dengan meter serta penggunaan yang dibilang tanpa meter. **Gambar Rajah 8.1** menunjukkan skop NRW dalam sistem bekalan air.

**Gambar Rajah 8.1**  
Skop NRW Dalam Sistem Bekalan Air



Sumber: Manual Pengauditan NRW Jabatan Audit Negara

8.1.2 Mengikut Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air, kadar NRW di peringkat nasional pada tahun 2007 adalah 37.7% dan ia merupakan masalah yang perlu diatasi dengan cekap serta berkesan kerana dari segi ekonomi ia merupakan kerugian kepada negara. Negeri Pahang merupakan negeri yang keempat tertinggi NRW seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Kadar NRW Negeri Di Malaysia Pada Tahun 2007**

Bil.	Negeri	Kadar NRW (%)
1.	Sabah	55.0
2.	N. Sembilan	53.2
3.	Kelantan	48.5
<b>4.</b>	<b>Pahang</b>	<b>45.2</b>
5.	Kedah	45.2
6.	Selangor	34.8
7.	WP. Labuan	34.7
8.	Perlis	34.2
9.	Terengganu	31.6
10.	Sarawak	31.5
11.	Johor	31.1
12.	Perak	30.0
13.	Melaka	28.6
14.	Pulau Pinang	16.9
<b>Purata Nasional</b>		<b>37.7</b>

*Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air*

**8.1.3** Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (JBA Pahang) telah menetapkan sasaran bagi kadar NRW bermula pada tahun 2008. Pelaksanaan yang menyeluruh dan berterusan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian bagi mengurangkan NRW. Sasaran dan pencapaian NRW di Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 8.2**.

**Jadual 8.2**  
**Kadar NRW (%) Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009**

Tahun	2006	2007	2008	2009
Sasaran (%)	-	-	44.0	43.0
Kadar NRW (%)	53.6	45.2	52.9	52.6

*Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang*

Analisis Audit terhadap trend kadar NRW menunjukkan terdapat penurunan dan peningkatan bagi tempoh 2006 hingga 2009. Purata kadar NRW dalam tempoh berkenaan adalah 51.1%. Ini jelas menunjukkan kadar NRW bagi Negeri Pahang adalah tinggi.

**8.1.4** JBA Pahang diberi peruntukan sejumlah RM150.34 juta melalui Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) untuk melaksanakan program bagi mengurangkan NRW. Sehingga akhir tahun 2009, perbelanjaan bagi program NRW adalah berjumlah RM121.03 juta atau 80.5%. Sebahagian besar daripada program ini tertumpu kepada projek penggantian paip lama yang dianggarkan berusia melebihi 20 tahun.

## **8.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan kawalan NRW dilaksanakan dengan teratur, cekap, ekonomik dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **8.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Pengauditan yang dilaksanakan ini meliputi tempoh 2006 hingga 2009 bagi program NRW yang telah dilaksanakan oleh JBA Pahang. Pengauditan ini juga meliputi empat daerah yang dipilih iaitu JBA Daerah Kuantan, JBA Daerah Raub dan JBA Daerah Jerantut serta JBA Daerah Pekan.

Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen seperti kertas cadangan, minit mesyuarat, perjanjian, fail projek dan rekod kewangan. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai juga diadakan bagi mengesahkan maklumat serta mengadakan lawatan ke JBA daerah yang dipilih. Analisis juga dijalankan terhadap data-data yang diperoleh serta mengadakan lawatan fizikal ke tapak projek NRW.

## **8.4 PENEMUAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengauditan pengurusan NRW di JBA Pahang bagi tahun 2006 hingga 2009 adalah tidak memuaskan. Faktor utama yang menyumbang kepada kadar NRW yang tinggi adalah JBA Pahang kurang memberi penekanan khusus terhadap pengurusan NRW yang mengakibatkan Negeri kehilangan hasil yang dianggarkan berjumlah RM65.50 juta pada tahun 2008. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan adalah seperti perenggan berikut:

### **8.4.1 Jadual Imbangan Air Tahun 2008**

Tahap kehilangan air dapat ditentukan dengan melaksanakan pengauditan terhadap kuantiti air yang disalurkan ke dalam sistem agihan berpandukan kepada imbangan air. Imbangan air adalah sukatan atau anggaran air yang dihasilkan berdasarkan kuantiti air masuk, kuantiti air yang dibekalkan ke luar sempadan, kuantiti air yang digunakan dan kuantiti air yang hilang. Imbangan air menjelaskan komponen asas NRW yang dikira berdasarkan amalan terbaik (*best practice*) dan diguna pakai oleh *International Water Association*. Kuantiti air masuk adalah air terawat yang disalurkan ke dalam sistem agihan. Imbangan air ini boleh digunakan untuk membuat penilaian bagi zon, loji rawatan air, daerah atau negeri bagi sesuatu tempoh. Jadual Imbangan Air bagi setiap komponen bagi Negeri Pahang pada tahun 2008 adalah seperti di **Jadual 8.3**.

**Jadual 8.3**  
**Jadual Imbangan Air Tahun 2008 Bagi Negeri Pahang**

Kemasukan Isipadu Ke Dalam Sistem  334.94 Jm <sup>3</sup>	Penggunaan Sah  164.26 Jm <sup>3</sup> (49.0%)	Penggunaan Yang Dibilkan  157.89 Jm <sup>3</sup> (47.1%)	Penggunaan Bermeter Yang Dibilkan  156.89 Jm <sup>3</sup> (46.8%)	Air Berhasil  157.89 Jm <sup>3</sup> (47.1%)	
			Penggunaan Tanpa Meter Yang Dibilkan  1.00 JM <sup>3</sup> (0.3%)		
		Penggunaan Yang Tidak Dibilkan  6.36 Jm <sup>3</sup> (1.9%)	Penggunaan Bermeter Yang Tidak Dibilkan  1.00 Jm <sup>3</sup> (0.3%)		
	Kehilangan Air  170.68 Jm <sup>3</sup> (51.0 %)		Penggunaan Tanpa Meter Yang Tidak Dibilkan  5.36 Jm <sup>3</sup> (1.6%)	Air Tidak Berhasil (NRW)  177.05 Jm <sup>3</sup> (52.9%)	
			Penggunaan Tanpa Kebenaran  5.02 Jm <sup>3</sup> (1.5%)		
			Ketidaktepatan Meter Pelanggan dan Kesilapan Pengendalian Data  30.82 Jm <sup>3</sup> (9.2%)		
	Kehilangan Fizikal (Physical Losses)  134.85 Jm <sup>3</sup> (40.3%)	Kebocoran Sesalur Utama  38.32 Jm <sup>3</sup> (11.4%)			
		Kebocoran Paip Retikulasi  46.82 Jm <sup>3</sup> (14.0%)			
		Kebocoran Paip Perhubungan Hingga ke Meter Pelanggan  49.71 Jm <sup>3</sup> (14.9%)			

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Analisis Audit terhadap Jadual Imbangan Air tahun 2008 mendapat jumlah kehilangan air adalah sebanyak 170.68 juta meterpadu (51.0%) daripada kemasukan isipadu ke dalam sistem sebanyak 334.94 juta meterpadu. Kehilangan fizikal menyumbang sebanyak 134.85 juta meterpadu (40.3%), kehilangan komersial sebanyak 35.84 juta meterpadu (10.7%) dan penggunaan yang tidak dibilkan adalah sebanyak 6.36 juta meterpadu (1.9%). Manakala air yang mendapat pulangan hasil pula adalah sebanyak 157.89 juta meterpadu (47.1%). Punca peratus kehilangan air tidak berhasil (NRW) yang tinggi adalah disebabkan oleh kebocoran paip perhubungan sebanyak 49.71 juta meterpadu (14.9%), kebocoran paip retikulasi sebanyak 46.82 juta meterpadu (14.0%) dan kebocoran sesalur utama sebanyak 38.32 juta meterpadu (11.4%). Selain itu, ketidaktepatan meter pelanggan dan kesilapan pengendalian data juga menyumbang kepada peningkatan NRW sebanyak 30.82 juta meterpadu (9.2%). Ini adalah disebabkan JBA Pahang kurang memberi penumpuan terhadap komponen di Jadual Imbangan Air mengakibatkan sasaran kadar NRW tidak dapat dicapai dan kehilangan hasil Kerajaan Negeri.

**Pada pendapat Audit, JBA Pahang hendaklah memberi tumpuan kepada komponen yang menyumbang peratus kehilangan air yang tinggi dalam Jadual Imbangan Air.**

#### 8.4.2 Nilai Anggaran Kehilangan Hasil

Nilai anggaran kehilangan hasil Negeri berdasarkan Jadual Imbangan Air tahun 2008 mengambil kira tiga komponen iaitu penggunaan yang tidak dibilkan, kehilangan komersial dan kehilangan fizikal. Pengiraan dibuat berdasarkan mengambil kira nilai purata tarif dan unit kos pengeluaran seperti maklum balas JBA Pahang iaitu RM 0.37sen/meterpadu. Berdasarkan Imbangan Air tahun 2008, didapati air tidak berhasil (NRW) bagi Negeri

Pahang ialah sebanyak 177.05 juta meterpadu setahun iaitu 52.9% daripada jumlah kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan sebanyak 334.94 juta meterpadu setahun, atau anggaran kehilangan hasil berjumlah RM65.50 juta seperti di **Jadual 8.4**.

**Jadual 8.4**  
**Anggaran Kehilangan Hasil Negeri Pahang**

Kadar NRW (%)	Purata Tarif Dan Unit Kos Pengeluaran (Sen/m <sup>3</sup> )	Komponen Imbangan Air	Kuantiti Setahun (Juta m <sup>3</sup> )	Nilai Angkali (RM)	Anggaran Kehilangan Hasil (RM Juta)
52.9	0.37	Penggunaan Tidak Dibilikan	6.36	0.37	2.35
		Kehilangan Komersial	35.84	0.37	13.26
		Kehilangan Fizikal	134.85	0.37	49.89
<b>Jumlah</b>					<b>65.50</b>

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Pada pendapat Audit, anggaran kehilangan hasil sejumlah RM65.50 juta pada tahun 2008 adalah tinggi dan JBA Pahang wajarlah mengambil tindakan segera untuk mengurangkan nilai NRW.

#### 8.4.3 Kemasukan Isipadu Air Ke Dalam Sistem

Sistem Kemasukan Isipadu adalah jumlah pengeluaran air dari loji rawatan air atau sumber air yang masuk ke sistem agihan melalui meter pengeluaran. Meter pengeluaran berfungsi menyukat kuantiti pengeluaran air dengan tepat. Kesilapan dalam bacaan meter akan memberi kesan kepada pengiraan jumlah kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan. Antara jenis meter yang digunakan ialah elektromagnetik, ultrasonik dan mekanikal. Jenis yang lazim digunakan adalah elektromagnetik kerana ia mempunyai ketepatan yang lebih tinggi berbanding jenis yang lain. Semakan dan lawatan Audit ke daerah yang dipilih mendapati perkara seperti berikut:

##### a) Meter Pengeluaran Tidak Dipasang

Setiap meter yang dipasang perlu mampu menyukat setiap aliran air dengan tepat. Ketepatan bacaan meter pengeluaran adalah penting untuk pengiraan NRW. Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Sungai Tras, Raub dan Loji Rawatan Air Kuala Medang, Raub pada Oktober 2009 mendapati meter pengeluaran tidak dipasang. Selain itu, lawatan Audit pada November 2009 ke Loji Rawatan Air Semambu Fasa 1, Kuantan mendapati dua meter pengeluaran telah dibeli pada tahun 2003 tetapi tidak dipasang disebabkan kurang pemantauan oleh JBA Pahang dan mengakibatkan bacaan meter pengeluaran air terawat tidak dapat direkod dengan tepat dan terpaksa dibuat secara anggaran seperti di **Foto 8.1** dan **Foto 8.2**.

**Foto 8.1**

**Meter Yang Tidak Dipasang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Loji Air Semambu Kuantan Fasa 1  
Tarikh: 17 November 2009

**Foto 8.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Loji Air Semambu Kuantan Fasa 1  
Tarikh: 17 November 2009

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan tindakan telah diambil bagi pemasangan meter di Loji Rawatan Air Sungai Tras, Raub pada 4 Disember 2009. Manakala pemasangan meter di Loji Rawatan Air Kuala Medang, Raub masih dalam proses penyesuaian sistem paip sebelum meter dipasang. Selain itu, JBA Pahang juga memaklumkan pemasangan meter pengeluaran bagi Loji Rawatan Air Semambu Fasa 1 memerlukan perancangan yang rapi untuk memberhentikan operasi bekalan air kerana ia melibatkan sebahagian besar pengguna di Daerah Kuantan.*

**Pada pendapat Audit, pengiraan NRW adalah kurang tepat kerana jumlah pengeluaran air terawat tidak dapat ditentukan disebabkan meter pengeluaran tidak dipasang.**

#### b) Meter Pengeluaran Tidak Diverifikasi

Semua jenis meter perlu diverifikasi untuk memastikan ia berfungsi dan bacaan jumlah pengeluaran air terawat adalah tepat. Dalam jangka masa tertentu, meter menjadi kurang tepat disebabkan beberapa faktor seperti kualiti air, kekotoran yang memasuki meter dan sistem elektronik yang tidak berfungsi. Oleh itu pemeriksaan ke atas meter perlu dibuat bagi tempoh enam bulan atau mengikut tempoh yang ditetapkan oleh pengilang.

Semakan Audit mendapati semua meter pengeluaran yang dipasang di lapan loji rawatan air JBA Daerah Raub dan enam loji rawatan air JBA Daerah Pekan tidak pernah dibuat verifikasi. Manakala di JBA Daerah Kuantan dan JBA Daerah Jerantut, maklumat pemeriksaan ke atas meter pengeluaran tidak diperoleh. Meter pengeluaran yang tidak diverifikasi seperti di **Foto 8.3** dan **Foto 8.4** menunjukkan contoh meter yang telah dilaksanakan verifikasi dengan pelekat bertanda yang terdapat di bengkel uji Perbadanan Air Pulau Pinang.

**Foto 8.3**  
**Meter Pengeluaran Yang Tidak Diverifikasi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Loji Air Sg. Bilut Raub  
Tarikh: 7 Oktober 2009

**Foto 8.4**  
**Meter Pengeluaran Yang Telah Diverifikasi Dan Ditampal Perakuan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bengkel Uji Di Perbadanan Air Pulau Pinang  
Tarikh: 21 Januari 2010

JBA Pahang tidak menyediakan jadual pemeriksaan berkala dan pemantauan tidak dijalankan mengakibatkan kesahihan data serta tahap NRW sebenar tidak dapat dipastikan.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan pihaknya sedang dalam proses merangka tindakan verifikasi bagi semua meter pengeluaran.*

**Pada pendapat Audit, pengiraan NRW tidak memuaskan memandangkan pengiraan NRW boleh dipertikai ketepatannya kerana meter pengeluaran tidak diverifikasi.**

**c) Meter Pengeluaran Tidak Berfungsi, Sukar Dibaca Dan Tidak Beroperasi**

Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Sungai Klau, Raub pada Oktober 2009 mendapati satu daripada empat meter pengeluaran tidak berfungsi. Manakala, lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Bukit Goh, Kuantan pada November 2009 mendapati meter pengeluaran telah dipasang tetapi sukar dibaca seperti di **Foto 8.5**.

**Foto 8.5**  
**Meter Pengeluaran Yang Sukar Dibaca**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Loji Rawatan Air Bukit Goh, Kuantan  
Tarikh: 17 November 2009

Berdasarkan maklumat dari JBA Pahang mengenai status meter pengeluaran di 77 buah loji rawatan air di seluruh Negeri Pahang mendapati 17 unit daripada 104 unit meter pengeluaran tidak beroperasi seperti di **Jadual 8.5**.

**Jadual 8.5**  
**Status Meter Pengeluaran Di Loji Rawatan Air**

Bilangan Meter Pengeluaran	Status Meter (Bilangan)		Jenis Meter
	Beroperasi	Tidak Beroperasi	
104	87	17	1. Elektromagnetik 2. Insertion Probe 3. Meter Mekanikal

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Perkara ini adalah disebabkan kurang pemantauan yang dilakukan oleh JBA Pahang mengakibatkan kesahihan data pengeluaran air boleh dipertikaikan.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan pihaknya dalam proses tindakan pembaikan dan penyenggaraan bagi meter yang tidak berfungsi. Manakala bagi meter yang sukar dibaca, JBA Pahang dalam proses memasang ‘data logger’ bagi membolehkan bacaan meter dibuat melalui komputer.*

**Pada pendapat Audit, JBA Pahang kurang memberi tumpuan ke atas status meter pengeluaran di loji rawatan air bagi menyukat dengan tepat kuantiti air terawat yang disalurkan ke dalam sistem agihan.**

#### 8.4.4 Penggunaan Sah Yang Dibilkan

Nilai penggunaan sah yang dibilkan dalam Jadual Imbangan Air diperoleh setelah jumlah kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan ditolak dengan jumlah kehilangan fizikal dan komersial serta penggunaan sah yang tidak dibilkan. Pengebilan ke atas penggunaan sah merupakan aktiviti yang menjana hasil kepada JBA Pahang. Pengebilan melibatkan dua aspek utama iaitu pengeluaran bil air (*bill issued*) dan bil yang dikutip (*bill collected*). Pengeluaran bil yang teratur membolehkan pemegang akaun menerima bil dan memudahkan pembayaran dibuat.

Semakan Audit terhadap Jadual Imbangan Air mendapati peratus komponen penggunaan sah yang dibilkan pada tahun 2008 hanya 157.89 juta meterpadu setahun atau 47.1% daripada jumlah kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan. Pada tahun 2007, JBA Pahang mempunyai sebanyak 279,697 akaun pengguna, pada tahun 2008 sebanyak 289,914 akaun pengguna dan 299,897 akaun pengguna pada tahun 2009. Jumlah bil dikeluarkan dan bil kutipan bagi pengguna domestik dan industri bagi tempoh 2007 hingga 2009 seperti di **Jadual 8.6**.

**Jadual 8.6**  
**Jumlah Bil Dikeluarkan Dan Bil Kutipan Di Negeri Pahang**

Bil.	Butiran	2007		2008		2009	
		Domestik	Industri	Domestik	Industri	Domestik	Industri
1.	Bilangan Akaun	278,619	1,078	288,862	1,052	298,834	1,063
	Bilangan Bil Dikeluarkan	3,176,971	12,139	3,316,965	12,139	3,461,183	12,559
2.	Peratus Bilangan Bil Dikeluarkan (%)	95.0	93.8	95.7	96.2	96.5	98.5
	Bilangan Bil Kutipan	2,184,761	10,384	2,263,531	10,226	2,415,512	10,311
3.	Peratus Bilangan Bil Kutipan (%)	68.6	85.5	68.2	84.2	69.8	82.1

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Analisis Audit terhadap jumlah bil yang dikeluarkan mendapati pencapaian kutipan bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah di antara 68.2% hingga 69.8% bagi pengguna domestik dan 82.1% hingga 85.5% bagi pengguna industri.

Bil yang dikeluarkan tidak dapat dikutip keseluruhannya disebabkan bil tersebut tidak dijelaskan oleh pemegang akaun tepat pada masanya dan ini menjelaskan kutipan hasil JBA Pahang seperti di **Jadual 8.7**.

**Jadual 8.7**  
**Nilai Bil Yang Dikeluarkan Dan Dikutip Di Negeri Pahang**

Bil.	Jenis Penggunaan	Bil Dikeluarkan (RM Juta)			Bil Kutipan (RM Juta)		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009
1.	Domestik	56.94	57.62	58.58	50.54	53.15	51.07
2.	Industri	20.01	23.81	21.10	13.84	14.87	13.84

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Selain itu, bagi jumlah kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan yang tidak dapat dibilang akibat kehilangan air merupakan kehilangan hasil kepada JBA Pahang.

**Pada pendapat Audit, penggunaan sah yang dibilang adalah kurang memuaskan kerana hanya 47.1% daripada kemasukan isipadu air ke dalam sistem agihan dibilang manakala selebihnya adalah NRW.**

#### 8.4.5 Kehilangan Air

Kehilangan air terbahagi kepada dua iaitu kehilangan fizikal dan kehilangan komersial. Kehilangan fizikal berlaku pada sistem agihan sistem bekalan air iaitu daripada meter pengeluaran air terawat di loji rawatan air sehingga kepada meter pelanggan. Manakala kehilangan komersial melibatkan penggunaan air tanpa kebenaran seperti kecurian air, ketidakstetapan bacaan meter dan kesilapan pengendalian data pengebilan.

##### a) Kehilangan Fizikal

Kehilangan fizikal ialah kehilangan air dalam bentuk yang dapat dilihat, boleh dikesan dan juga kehilangan bawah tanah yang tidak dapat dikesan. Ia terbahagi kepada tiga iaitu kebocoran dan pecah pada sesalur utama, agihan dan retikulasi, kebocoran pada paip perhubungan hingga ke meter pelanggan dan kebocoran serta limpahan tangki simpanan. Bagi memastikan pengurusan pengawalan kehilangan fizikal yang efisien, tumpuan harus diberikan kepada empat komponen utama iaitu pengurusan tekanan air yang baik, tindakan pemberaan yang pantas dan berkualiti, pengurusan aset (saluran paip) serta pengawalan kebocoran. Semakan Audit terhadap kehilangan fizikal adalah seperti berikut:

##### i) Pemberaan Aduan Paip Pecah Dan Bocor

Berdasarkan piagam pelanggan JBA Pahang, tindakan aduan paip pecah dan bocor akan diambil dalam masa tidak melebihi satu hari untuk memperbaiki paip agihan bersaiz tidak melebihi 100 milimeter setelah aduan diterima. Oleh itu, daftar aduan yang teratur dan kemas kini hendaklah diselenggara bagi memastikan setiap aduan tersebut telah diambil tindakan. Ini bagi mengelakkan peratus kehilangan air semakin meningkat. Semakan Audit terhadap rekod aduan mendapati pada tahun 2007 dan 2008 tiada maklumat yang diperoleh daripada JBA Pahang mengenai bilangan sampel aduan paip pecah dan bocor untuk diambil tindakan pemberaan. Manakala pada tahun 2009, sebanyak 5,224 bilangan sampel aduan telah diambil

tindakan pembaikan bagi empat daerah yang dijalankan pengauditan seperti di **Jadual 8.8**.

**Jadual 8.8**  
**Tempoh Tindakan Pembaikan Diambil Terhadap  
Aduan Paip Pecah Dan Bocor Pada Tahun 2009**

Bil.	Daerah	Tindakan Pembaikan Diambil Dari Tarikh Aduan (Hari)	Aduan Diambil Tindakan (Bilangan)	Jumlah Sampel Aduan (Bilangan)
1.	Kuantan	1	4,000	4,078
		2 hingga 3	70	
		4 hingga 6	0	
		Lebih 6	8	
2.	Jerantut	1	400	483
		2 hingga 3	75	
		4 hingga 6	0	
		Lebih 6	8	
3.	Raub	1	300	337
		2 hingga 3	37	
		4 hingga 6	0	
		Lebih 6	0	
4.	Pekan	1	300	326
		2 hingga 3	26	
		4 hingga 6	0	
		Lebih 6	0	

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Berdasarkan kepada **Jadual 8.8**, didapati sebahagian besar aduan paip pecah dan bocor yang diterima telah diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini merupakan satu pencapaian yang amat menggalakkan dan kuantiti kehilangan fizikal sepatutnya rendah. Oleh itu, JBA Pahang perlu menyemak semula punca sebenar yang menyebabkan NRW yang begitu tinggi.

Lawatan Audit ke Taman Kampung Padang Jaya, Kuantan pada November 2009 mendapati pembaikan ke atas kebocoran saluran paip tidak dilakukan dengan sempurna menyebabkan kebocoran berulang seperti di **Foto 8.6**. Manakala lawatan kali kedua dilakukan pada Februari 2010 mendapati mutu kerja turapan jalan tidak memuaskan dan menjaskan keselesaan penduduk seperti di **Foto 8.7**.

**Foto 8.6**  
**Kebocoran Berulang**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kg. Padang Jaya, Kuantan  
Tarikh: 17 November 2009

**Foto 8.7**  
**Pembaikan Yang Tidak Sempurna**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Kg. Padang Jaya, Kuantan  
Tarikh: 18 Februari 2010

Selain itu, lawatan Audit ke di Taman Pelindung Jaya, Beserah Kuantan pada Disember 2009 menunjukkan pembaikan lewat diambil tindakan selama dua minggu walaupun aduan telah dibuat oleh orang awam seperti di **Foto 8.8**. Manakala lawatan kali kedua dijalankan pada Februari 2010 mendapati turapan jalan tidak dibuat seperti di **Foto 8.9**.

**Foto 8.8**  
**Kes Paip Pecah Lewat Diambil Tindakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pelindung Jaya, Beserah Kuantan  
Tarikh: 6 Disember 2009

**Foto 8.9**  
**Kes Paip Pecah Tidak Diambil Tindakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Pelindung Jaya, Beserah Kuantan  
Tarikh: 25 Februari 2010

Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan bahawa tindakan pembaikan terhadap kes kebocoran berulang dan pembaikan tidak sempurna di Taman Kampung Padang Jaya, Kuantan dan Taman Pelindung Jaya, Beserah Kuantan setelah mendapat teguran daripada pihak Audit. Bagi memantapkan program pembaikan paip, JBA Pahang telah mewujudkan sistem aduan secara 'online' dan mengadakan pusat aduan pelanggan (PULAPEL) yang beroperasi setiap hari mulai jam lapan pagi sehingga 11 malam. Manakala JBA Pahang juga

*telah melantik 60 orang kontraktor panel di seluruh Negeri Pahang untuk tindakan pembaikan paip pecah bagi mengurangkan kadar NRW.*

**Pada pendapat Audit, tindakan membaiki kebocoran paip adalah tidak memuaskan kerana kebocoran masih berulang dan pumbaikan lewat diambil tindakan.**

**b) Kehilangan Komersial**

Kehilangan komersial adalah kehilangan air yang melibatkan penggunaan air yang tidak dapat direkodkan. Terdapat dua kategori kehilangan komersial iaitu penggunaan tanpa kebenaran dan ketidakstesenian bacaan meter pelanggan serta kesilapan pengendalian data. Semakan Audit terhadap kehilangan komersial mendapati perkara berikut:

**i) Penggunaan Tanpa Kebenaran**

Penggunaan tanpa kebenaran ialah kes mencuri air. Ia dilakukan dengan membuat sambungan haram dari sesalur atau penggunaan pili bomba untuk kegunaan sendiri. Sambungan haram dilakukan secara pemasangan *short piece* pada tempat meter, *tapping* pada sesalur utama dan sambungan pintas (*by-pass*). Sambungan pintas adalah sambungan yang dipasang untuk memintas meter yang dilakukan dengan memasang saluran paip di dalam tanah yang sukar dikesan. Kuantiti air yang melalui meter hanya sedikit dan selebihnya melalui sambungan pintas.

Mengikut Seksyen 55(1) Akta 655 Industri Perkhidmatan Air 2006 menyatakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mempunyai kuasa penguatkuasaan. Selain itu, SPAN juga boleh mengarahkan agensi yang mengurus bekalan air supaya memotong bekalan air ke premis yang membuat penyambungan haram.

Pihak Audit mendapati tiada jadual secara berkala dilaksanakan bagi pemantauan penggunaan air tanpa kebenaran. JBA Pahang hanya mengawal penggunaan air tanpa kebenaran ini berdasarkan aduan awam dan aduan pembaca meter. Berdasarkan analisis terhadap Jadual Imbang Air pada tahun 2008 mendapati penggunaan tanpa kebenaran menyumbang sebanyak 5.02 juta meterpadu (1.5%). Manakala pada tahun 2009 jumlah penggunaan tanpa kebenaran terus meningkat sebanyak 9.35 juta meterpadu. Lawatan Audit ke Kampung Padang Jalan Sungai Lembing, Kuantan mendapati beberapa kes kecurian air telah berlaku di kawasan perumahan sahaja seperti di **Jadual 8.9**.

**Jadual 8.9**  
**Kes Kecurian Di Kampung Padang Sungai Lembing, Kuantan**

Bil.	Alamat Kejadian	Kes
1.	No. 13 Lorong Kg. Padang 56	Penggunaan air tanpa meter
2.	No. 32 Lorong Kg. Padang 52	Penggunaan air tanpa meter
3.	No. 53 Lorong Kg. Padang 60	Penggunaan air tanpa meter
4.	No. 62 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter
5.	No. 48 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter
6.	No. 6 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter
7.	No. 48 Lorong Kg. Padang 58	Penggunaan air tanpa meter
8.	No. 30 Lorong Kg. Padang 46	Penggunaan air tanpa meter
9.	No. 34 Lorong Kg. Padang 59	Pemasangan paip sebelum meter
10.	No. 8 Lorong Kg. Padang 52	Pemasangan paip sebelum meter

Sumber: Jabatan Audit Negara

Kes kecurian air yang melibatkan penggunaan air tanpa meter dan kes pemasangan paip sebelum meter adalah seperti di **Foto 8.10** hingga **Foto 8.13**.

**Foto 8.10**

**Penggunaan Air Tanpa Meter**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong 56 Kg. Padang Jalan Sg. Lembing  
 Tarikh: 17 November 2009

**Foto 8.11**




Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong 52 Kg. Padang Jalan Sg. Lembing  
 Tarikh: 18 Februari 2010

Foto 8.12

Pemasangan Paip Sebelum Meter



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong 52 Kg. Padang Jalan Sg. Lembing  
Tarikh: 18 Februari 2010

Foto 8.13



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Lorong 52 Kg. Padang, Jalan Sg. Lembing  
Tarikh: 18 Februari 2010

Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan pihaknya telah membuat lawatan pada Mei 2010 ke kawasan terlibat dengan kes kecurian air dan mendapati premis berkenaan masih mencuri air. Tindakan telah diambil bagi mengelak masalah kecurian berulang. JBA Pahang juga memaklumkan tiga premis yang terlibat dengan kecurian air telah didaftarkan dan dipasang meter. Tindakan yang diambil oleh JBA Pahang adalah seperti di **Jadual 8.10**.

**Jadual 8.10**  
**Kes Kecurian Air Yang Telah Diambil Tindakan**

Bil.	Alamat Kejadian	Kes	Tindakan
1.	No. 13 Lorong Kg. Padang 56	Penggunaan air tanpa meter	Tiada premis menggunakan alamat tersebut
2.	No. 32 Lorong Kg. Padang 52	Penggunaan air tanpa meter	Tiada premis menggunakan alamat tersebut
3.	No. 53 Lorong Kg. Padang 60	Penggunaan air tanpa meter	Buka stopkok dan plug
4.	No. 62 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter	Buka stopkok dan plug
5.	No. 48 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter	Telah dipasang meter
6.	No. 6 Lorong Kg. Padang 59	Penggunaan air tanpa meter	Buka stopkok dan plug
7.	No. 48 Lorong Kg. Padang 58	Penggunaan air tanpa meter	Kerat paip poly dan plug
8.	No. 30 Lorong Kg. Padang 46	Penggunaan air tanpa meter	Buka stopkok dan plug
9.	No. 34 Lorong Kg. Padang 59	Pemasangan paip sebelum meter	Telah dipasang meter
10.	No. 8 Lorong Kg. Padang 52	Pemasangan paip sebelum meter	Telah dipasang meter

Sumber: Jabatan Audit Negara Dan Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

**Pada pendapat Audit, pemantauan penggunaan air tanpa kebenaran adalah tidak memuaskan memandangkan kes kecurian air tidak diambil tindakan menyebabkan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri.**

**ii) Meter Di Bawah Bacaan**

Amalan JBA Pahang adalah menukar meter pelanggan yang berusia melebihi 10 tahun. Program penukaran meter secara berkala dilakukan bagi mengurangkan ketidaksetepatan bacaan meter yang menjadi punca kepada meter di bawah bacaan (*meter under registration*). Keadaan ini berlaku kerana meter air tersekat, berumur (aging) atau rosak. Kerosakan meter juga boleh berlaku disebabkan oleh kualiti air, vandalisme dan jangka hayat meter yang mempengaruhi bacaan meter tersebut.

Semakan Audit terhadap jadual penukaran meter mendapati JBA Pahang tidak menyediakan jadual bagi penggantian meter yang sistematik. Penukaran meter hanya dilakukan sekiranya terdapat aduan daripada pengguna atau pembaca meter. Pecahan pengumuran meter bagi empat daerah yang dipilih seperti di **Jadual 8.11**.

**Jadual 8.11**  
**Bilangan Pengumuran Meter Bagi Empat Daerah**

Tahun	Daerah			
	Kuantan	Pekan	Raub	Jerantut
2000	2,951	368	357	206
2001	3,003	717	456	515
2002	3,841	590	403	936
2003	3,581	544	380	575
2004	3,797	644	603	433
2005	3,953	546	809	794
2006	4,513	659	681	508
2007	7,394	2,155	2,504	1,661
2008	10,447	1,858	1,747	2,206
2009	17,137	3,429	3,366	3,736

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Berdasarkan kepada **Jadual 8.11** didapati sebahagian besar meter pelanggan bagi empat daerah yang dipilih berusia melebihi 10 tahun. JBA Pahang telah mensasarkan sebanyak 30,000 meter pelanggan untuk ditukarkan setiap tahun bagi seluruh Negeri Pahang dan pencapaian penukaran pada tahun 2006 hingga 2009 seperti di **Jadual 8.12**.

**Jadual 8.12**  
**Pencapaian Penukaran Meter Pelanggan Bagi Negeri Pahang**

Tahun	Bilangan Penukaran Meter Pelanggan		
	Sasaran	Pelaksanaan	Peratus (%)
2006	30,000	1,824	6.1
2007	30,000	11,512	38.4
2008	30,000	10,769	35.9
2009	30,000	22,272	74.2

*Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang*

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan program penukaran meter yang berusia melebihi 10 tahun telah dirangka. Bagaimanapun pihak JBA Pahang tidak dapat melaksanakannya kerana masalah kekurangan peruntukan, kakitangan dan kenderaan. Namun pada tahun 2010, JBA Pahang telah menubuhkan unit baru iaitu Unit Pengebilan, Penguatkuasa dan Kutipan bagi menumpukan kepada program penukaran meter.*

**Pada pendapat Audit, program penukaran meter pelanggan adalah kurang memuaskan kerana penukaran meter pelanggan tidak dicapai sepenuhnya.**

#### **8.4.6 Pengawalan NRW Secara Zon**

Pemasangan *District Meter Zone* (DMZ) bagi satu kawasan diperlukan bagi tujuan pengawalan pengurusan NRW dengan cara memecahkan kepada kawasan yang kecil dan dijadikan zon. NRW akan dipantau serta dikira bagi setiap zon yang diwujudkan. Teknik ini boleh berjaya dengan memantau rekod aliran dan tekanan air pada sistem agihan yang telah ditetapkan sempadannya.

Semakan Audit mendapati JBA Pahang masih di peringkat perancangan bagi menetapkan zon untuk setiap daerah. Selain itu, terdapat dua unit DMZ yang telah dipasang pada tahun 2001 di Taman Balok Pine, Kuantan dan Semambu, Kuantan tetapi tidak beroperasi dan terbiar yang melibatkan kos pemasangannya berjumlah RM42,000 setiap unit seperti di **Foto 8.14**.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan bahawa program pemasangan DMZ di Taman Balok Pine, Kuantan dan Semambu, Kuantan tidak diteruskan kerana kekurangan peruntukan. JBA Pahang juga telah melaksanakan program menetapkan zon melalui ‘Task Force Group’ yang telah ditubuhkan pada awal tahun 2010.*

**Foto 8.14**  
**DMZ Tidak Beroperasi Dan Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Taman Balok Pine, Kuantan  
Tarikh: 17 November 2009

Pada pendapat Audit, perancangan DMZ adalah tidak memuaskan memandangkan ia belum diperluaskan ke daerah lain dan DMZ yang sedia ada tidak beroperasi dan terbiar.

#### **8.4.7 Pengurusan Geographical Information System**

*Geographical Information System* (GIS) bertujuan untuk kemudahan simpanan dan rujukan maklumat di tapak. Ia merupakan perisian pemetaan berkomputer yang dibangunkan bagi menyimpan peta, pelan/lukisan sistem bekalan air yang dilengkappkan dengan maklumat seperti kedudukan kolam/tangki, rumah pam, saluran paip, jenis dan saiz paip, kedudukan injap, pili bomba, nombor premis serta meter dan jumlah sambungan ke premis pelanggan. Aplikasi GIS dapat dicapai dengan melengkapkan proses *geocoding* ke dalam sistem pemetaan. GIS juga dilengkapi dengan imej satelit. Selain itu, GIS digunakan untuk menanda kedudukan kebocoran ke atas pelan bagi tujuan pembaikan dan pemantauan kekerapan kebocoran. Sekiranya tiada data mengenai sistem bekalan air di dalam GIS, kerja mengukur dan memasukkan data perlu dilakukan bagi menghasilkan maklumat yang tepat.

Semakan Audit terhadap pengurusan GIS mendapati ia mula diperkenalkan pada tahun 2005 dengan kos pembangunan sejumlah RM0.90 juta. Bagaimanapun, pengurusan GIS telah diambil alih sepenuhnya oleh JBA Pahang pada tahun 2007. Selain itu, semakan Audit juga mendapati sebanyak 19,648 (90%) daripada 21,831 akaun pelanggan dikemaskinikan di JBA Daerah Pekan dan sebanyak 10,000 (40%) daripada 25,003 akaun pelanggan di JBA Daerah Raub. Manakala pengurusan GIS di JBA Daerah Kuantan dan JBA Daerah Jerantut pula adalah di peringkat cerapan paip iaitu dalam proses pengemaskinian secara dalaman (*in house*). Status pelaksanaan GIS secara keseluruhan di Negeri Pahang adalah seperti di **Jadual 8.13**.

**Jadual 8.13**  
**Pencapaian Dan Kemajuan Komponen GIS**

Bil.	Komponen GIS	Pencapaian
1.	Pengumpulan Data ( <i>Spatial</i> )	Berterusan
2.	Proses Mendigit Peta Asas Ke Dalam GIS	Berterusan
3.	Pengesahan Peta Dengan Semakan Ditapak	20%
4.	<i>Geocoding</i>	3%
5.	Penyatuan Ke Dalam Sistem Pengebilan	3%

Sumber: Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang

Lawatan Audit ke Taman Raub Jaya, Raub pada Oktober 2009 dan di Kampung Mengkasar, Pekan pada November 2009 mendapat maklumat nombor meter pelanggan tidak bersamaan dengan maklumat yang direkodkan di dalam GIS. Punca kelemahan ini ialah hanya dua orang pegawai sahaja yang bertanggungjawab memasukkan data ke sistem GIS bagi seluruh Negeri Pahang. Ini mengakibatkan kelewatan JBA Pahang untuk bertindak sekiranya terdapat aduan kebocoran.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan bahawa pengurusan GIS adalah di dalam proses pengemaskinian dan telah mengambil tindakan bagi pembetulan maklumat di Taman Raub Jaya, Raub dan di Kampung Mengkasar, Pekan.*

**Pada pendapat Audit, program GIS adalah kurang memuaskan kerana ia tidak dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan pengawalan NRW.**

#### **8.4.8 Peruntukan Rancangan Malaysia Ke Sembilan**

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9), siling yang ditetapkan bagi projek bekalan air bagi Negeri Pahang adalah berjumlah RM1.15 bilion. Ia dibiayai melalui sumber langsung Kerajaan Negeri sejumlah RM455.07 juta dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM698.61 juta. Projek di bawah Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Berhasil pula telah diperuntukkan sejumlah RM150.34 juta. Semakan Audit terhadap peruntukan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a) Peruntukan Kewangan Tidak Digunakan Sepenuhnya**

Peruntukan yang mencukupi amat penting bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan selaras dengan peruntukan diluluskan. Sejumlah RM121.03 juta atau 86.8% daripada RM139.46 juta peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan bagi tempoh 2006 hingga 2009 bagi melaksanakan program NRW di seluruh Negeri Pahang seperti di **Jadual 8.14**.

**Jadual 8.14**  
**Peruntukan Dan Perbelanjaan Program NRW Bagi Tempoh 2006 Hingga 2009**

Bil.	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki	
				Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
1.	2006	28.00	23.57	4.43	15.8
2.	2007	46.80	35.03	11.77	25.1
3.	2008	36.82	35.53	1.29	3.5
4.	2009	27.84	26.90	0.94	3.4
<b>Jumlah</b>		<b>139.46</b>	<b>121.03</b>	<b>18.43</b>	<b>13.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang

Semakan Audit terhadap perbelanjaan ke atas peruntukan yang diluluskan mendapati pada tahun 2007, JBA Pahang telah membuat pindahan peruntukan kepada projek lain yang berjumlah RM6.20 juta. Projek berkenaan adalah Bekalan Air Greater Kuantan Fasa 2 yang berjumlah RM5 juta dan Bekalan Air Kuala Rompin yang berjumlah RM1.20 juta. Selain itu, sejumlah RM11.77 juta atau 25.1% baki peruntukan tidak dibelanjakan daripada RM46.80 juta yang diperuntukkan pada tahun 2007.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan pindahan peruntukan bagi projek Bekalan Air Greater Kuantan dan Bekalan Air Kuala Rompin telah mendapat kelulusan daripada Pejabat Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Pahang. Manakala pada tahun 2007 baki peruntukan tidak dibelanjakan disebabkan beberapa pakej kontrak yang dilaksanakan mengalami kelewatan dan hanya siap pada tahun 2008.*

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan kurang memuaskan kerana sebahagian peruntukan di bawah NRW telah digunakan untuk membiayai program lain.**

#### **8.4.9 Unit NRW Baru Ditubuhkan**

Struktur organisasi yang jelas dan pegawai yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi adalah faktor utama penyumbang kepada pelaksanaan pengurusan program NRW yang berkesan. Struktur organisasi yang diwujudkan hendaklah lengkap dan jelas bagi menunjukkan fungsi bahagian/unit serta tanggungjawab pegawai. Semakan Audit terhadap struktur organisasi mendapati Unit NRW telah ditubuhkan pada April 2009. Kelewatan penubuhan Unit ini menyebabkan program NRW tidak dapat diberikan keutamaan walaupun peruntukan bagi program ini telah diluluskan sejak RMKe-7. Ini mengakibatkan kurang pemantauan bagi program NRW yang dilaksanakan.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan mulai tahun 2010, satu Jawatankuasa NRW Peringkat Tertinggi yang dipengerusikan oleh Pengarah JBA Pahang telah ditubuhkan dan mesyuarat kali pertama telah diadakan pada 26 Januari 2010. Antara fungsi Jawatankuasa tersebut adalah untuk merancang dan memantau program NRW dengan lebih efisien.*

**Pada pendapat Audit, JBA Pahang akan dapat memberi fokus kepada isu NRW dengan tertubuhnya Unit NRW.**

#### **8.4.10 Perancangan Strategik NRW**

Perancangan jangka panjang dan pendek perlu dirangka bagi memastikan pelaksanaan program NRW berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran peratus NRW yang ditetapkan selaras dengan jumlah peruntukan yang diluluskan.

Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, JBA Pahang tidak mempunyai satu perancangan yang menyeluruh berkaitan dengan program NRW. Manakala Manual Prosedur Kerja JBA Pahang bagi menjelaskan prosedur dan aktiviti yang berkaitan dengan NRW juga tidak dapat dikemukakan.

*Maklum balas dari JBA Pahang menjelaskan pihaknya telah membuat perancangan untuk program NRW dengan lebih sistematik dan dipantau oleh Jawatankuasa NRW yang dibentuk. Di samping itu, Manual Prosedur Kerja telah disediakan yang melibatkan program NRW.*

**Pada pendapat Audit, program perancangan strategik NRW perlu diberi keutamaan oleh Jawatankuasa NRW.**

## **8.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan terhadap NRW adalah kurang memuaskan kerana JBA Pahang tidak memberi penumpuan sepenuhnya terhadap komponen yang menyumbang kepada peningkatan peratus NRW. Selain itu, justifikasi projek NRW juga tidak jelas dan *Geographical Information System* yang dirangka tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Manakala jumlah pengeluaran air terawat daripada loji rawatan air tidak dapat ditentukan kerana meter pengeluaran tidak diverifikasi bagi memastikan ketepatan bacaan sebenar pengeluaran air terawat. Pihak JBA Pahang juga tidak menetapkan polisi bagi penukaran meter pelanggan yang lama. Pemantauan yang lemah menyebabkan berlakunya kehilangan fizikal seperti kebocoran paip yang berulang dan kehilangan komersial seperti penggunaan air tanpa kebenaran. Peruntukan kewangan yang diluluskan tidak digunakan sepenuhnya bagi projek berkaitan dengan NRW dan tahap pengawalan secara zon juga tidak diberi penumpuan oleh JBA Pahang. Bagi memastikan pengurusan NRW dapat dilaksanakan dengan lebih efisien, pihak Audit mengesyorkan supaya JBA Pahang mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Penyelenggaraan dokumentasi dan pelaporan yang teratur serta kemas kini perlu bagi memudahkan JBA Pahang menganalisis dan mengenal pasti sebab-sebab yang mempengaruhi setiap komponen di dalam Jadual Imbangan Air.
- b) Pendekatan yang komprehensif dan bersepadan perlu dirangka bagi mengawal dan mengurangkan NRW melalui pengurusan infrastruktur serta maklumat bekalan air, pengurusan tekanan air, pembaikan yang cepat dan berkualiti serta pengawalan kebocoran.
- c) Pemantauan yang berkesan perlu dilaksanakan sama ada melalui tenaga kerja yang mahir dan komited di samping penyelarasan penggunaan saluran komunikasi bagi menangani aduan yang diterima.

## MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

### **9. PENGURUSAN PREMIS PERNIAGAAN**

#### **9.1 LATAR BELAKANG**

Majlis Perbandaran Bentong (Majlis) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), untuk memberikan perkhidmatan perbandaran kepada penduduk Bandar Bentong. Majlis bermula dengan penubuhan Majlis Bandaran Bentong pada 5 Mei 1955 dan menjadi Majlis Daerah Bentong pada 1 Julai 1981, seterusnya telah diisytiharkan sebagai Majlis Perbandaran Bentong pada 16 Julai 2005. Keseluruhan kawasan pentadbiran adalah seluas 1,105 km persegi meliputi 867.69 km persegi kawasan operasi penuh dan 237.31 km persegi kawasan kawalan pembangunan. Majlis mempunyai 24,043 jumlah pegangan cukai. Majlis mempunyai beberapa bahagian pentadbiran yang diketuai oleh Ketua Bahagian. Pembinaan dan penyenggaraan premis perniagaan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Teknikal Dan Perancangan Pembangunan. Pengurusan ruang niaga dan bangunan perniagaan diletakkan di bawah Bahagian Penilaian Dan Pengurusan Harta. Majlis mempunyai 1,974 pegangan premis perniagaan yang terdiri daripada rumah kedai jenis teres, bangunan kedai sesebuah dan lot perniagaan dalam kompleks perniagaan. Pada tahun 2007 dan 2008, Majlis menganggarkan kutipan hasil sewa premis perniagaan berjumlah RM621,400 masing-masing. Manakala pada tahun 2009 anggarannya ialah RM649,000. Bagaimanapun, Majlis hanya berjaya mengutip RM461,260 pada tahun 2007, RM538,640 pada tahun 2008 dan RM500,285 pada tahun 2009. Kos pembiayaan premis perniagaan adalah melalui peruntukan Majlis, peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

#### **9.2 OBJKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah bagi menilai sama ada pengurusan premis perniagaan oleh Majlis adalah cekap dan berkesan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### **9.3 SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada aktiviti pengurusan premis perniagaan seperti pengurusan sewaan, penyenggaraan dan penguatkuasaan bagi tempoh 2007 hingga 2009. Pemeriksaan Audit dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang diselenggarakan oleh Bahagian Penilaian Dan Pengurusan Harta yang bertanggungjawab melaksanakan pengurusan premis perniagaan. Selain itu, semakan juga dibuat di Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Teknikal Dan Perancangan Pembangunan serta Bahagian Kewangan. Lawatan ke premis perniagaan dan temu bual dengan pegawai/kakitangan Majlis serta penyewa premis

turut dilakukan. Maklum balas daripada orang awam juga diperoleh melalui edaran 100 borang soal selidik.

## **9.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara November 2009 hingga Januari 2010 mendapati pada keseluruhannya pengurusan premis perniagaan Majlis Perbandaran Bentong adalah tidak memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui ialah ketidakpatuhan dalam kerja ubahsuai Rumah Rehat Bentong; harga bekalan yang tidak munasabah; pemborosan dalam perbelanjaan; kajian kemungkinan tidak dijalankan; penyenggaraan premis perniagaan tidak dilakukan secara berkala; semakan semula kadar sewa premis tidak dibuat; kaedah kutipan tunggakan sewa kurang berkesan dan promosi kurang dijalankan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

### **9.4.1 Peraturan Perolehan Tidak Dipatuhi Sepenuhnya Bagi Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Premis Perniagaan**

Bahagian Kejuruteraan dan Bahagian Perancangan Pembangunan adalah bahagian yang bertanggungjawab bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan premis perniagaan Majlis. Bagi tempoh 2007 hingga 2009, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.9 juta untuk melaksanakan 22 kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan premis perniagaan melalui rundingan terus, sebut harga dan tender. Semakan Audit terhadap kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan premis perniagaan mendapati semua ahli jawatankuasa yang dilantik untuk menguruskan perolehan secara sebut harga dan tender melalui rundingan terus atau pelawaan tidak dibuat secara bertulis. Selain itu, pada akhir tahun 2008, Majlis telah melaksanakan kerja ubahsuai Rumah Rehat Bentong menggunakan peruntukan Majlis berjumlah RM1,999,023 melalui perolehan secara tender terhad. Ia merangkumi kerja ubahsuai berjumlah RM886,700, kerja membuat perabot pasang siap dan membekalkan perabot berjumlah RM734,487 serta kerja mekanikal dan elektrikal berjumlah RM377,836. Pada 28 Januari 2009, Majlis telah membuat pindah peruntukan (viremen) sejumlah RM1,979,200 melibatkan 26 Objek Sebagai kerana perolehan kerja tersebut tidak diperuntukkan. Perolehan secara tender terhad dipilih atas alasan perlu dilaksanakan segera memandangkan ia akan dijadikan tempat rehat bagi ahli mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang bersidang pada 13 Januari 2009 dan akan dihadiri oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri Pertanian, YAB Menteri Besar Pahang, YAB Menteri Besar Terengganu, YAB Menteri Besar Kelantan dan YAB Menteri Besar Johor. Kerja ubahsuai tersebut telah disiapkan dalam tempoh dua minggu mengikut Surat Setuju Terima Tender (31.12.2008 hingga 12.01.2009). Pihak Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

#### **a) Ketidakpatuhan Kepada Peraturan**

- i) Jawatankuasa Spesifikasi tidak diwujudkan bagi menyediakan spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi perolehan yang hendak dibuat. Jawatankuasa tersebut hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang pegawai yang mahir

seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Kesannya anggaran kos Majlis tidak diambil kira sejumlah RM82,342 seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Anggaran Kos Majlis Yang Tidak Diambil Kira**

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Kerja Memecahkan Dinding Batu, Membekal Batu Batu Dan Membina Dinding Baru Termasuk Kerja <i>Plaster</i>	16,450
2.	Membekal Dan Memasang 6'0"X9'0" <i>Double Leaf Tempered Glass Door With VIP Door Hinger, Patch Fitting And 4'0" Handle-2 Set</i>	26,400
3.	Membekal Dan Memasang <i>G.I Door Frame-1 Set</i>	1,100
4.	Membekal Dan Memasang <i>Plaster Ceiling, Corridor And Reception</i> Serta Kerja Membuka <i>Cornice, Beading</i> Dan <i>Mirror</i> Yang Sedia Ada	10,950
5.	Kerja Membuka Tempat Menunggu, <i>Beading Ceiling</i> Dan <i>Touch Up Down Light Hole</i>	1,700
6.	Kerja Membuka Siling Sedia Ada Dan Membekal Serta Memasang <i>L Box Trap</i>	1,990
7.	Membekal Dan Memasang <i>Plaster Ceiling</i> Untuk Tandas Lelaki Dan Perempuan	6,800
8.	Kerja Mengikis Cat Lama, Sediakan Permukaan Membekal Dan Mengecat Bahagian Dalam <i>Corridor, Reception Area</i> Dan <i>Outdoor Seating</i> Serta Kerja Berkaitan Termasuk Mengadakan Barang Keperluan Serta Tenaga Buruh Yang Diperlukan	15,320
9.	Lengkapan Lampu Gantung Dan Dinding	1,632
<b>Jumlah</b>		<b>82,342</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

- ii) Urusan membuka peti tawaran bagi kerja berkenaan tidak dibuat sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 197.2(b).
- iii) Urusan pembuka tender dibuat oleh pegawai yang tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 197 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.
- iv) Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak dilantik bagi urusan tender tersebut seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Penilaian Tender yang dibuat tanpa melalui jawatankuasa tersebut menyebabkan harga kontrak tidak disemak, tidak berpatutan dan tidak menguntungkan Majlis. Kesannya harga kontrak yang ditawarkan sepatutnya berjumlah RM2,009,023 dan bukan berjumlah RM1,999,023 seperti yang direkodkan. Ia menyebabkan harga kontrak tersebut kurang nyata sejumlah RM10,000.

- v) Laporan Penilaian Tender ada disediakan. Bagaimanapun, tidak ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa seperti kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.
- vi) Lembaga Perolehan dan Jawatankuasa Tender tidak diwujudkan mengikut kehendak Arahan Perbendaharaan 192. Bagaimanapun, kertas kerja pelantikan kontraktor bagi cadangan ubahsuai Rumah Rehat Bentong telah dibentangkan untuk mendapatkan kelulusan seperti mana Minit Jawatankuasa Kewangan, Perkara-Perkara Am Dan Pelaburan Kali 3/2008 yang bersidang pada 31 Disember 2008.
- vii) Arahan Perbendaharaan 200.5 menghendaki bagi kerja melebihi RM200,000 tempoh kecacatan adalah sekurang-kurangnya 12 bulan. Bagaimanapun, Majlis telah menetapkan tempoh kecacatan selama enam bulan dan wang jaminan pelaksanaan telah dibayar awal empat bulan dari tempoh yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan.

*Maklum balas daripada Majlis menyatakan berlaku ketidakpatuhan kepada peraturan perolehan adalah disebabkan oleh kesuntukan masa.*

**Pada pendapat Audit, perolehan bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pemberian premis perniagaan adalah tidak memuaskan terutama bagi kerja ubahsuai Rumah Rehat Bentong kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.**

**b) Harga Bekalan Yang Tidak Munasabah**

Pihak Audit telah membuat perbandingan antara harga pasaran dengan harga yang ditetapkan oleh kontraktor bagi lapan jenis bekalan dan mendapati harga kontrak untuk bekalan berkenaan adalah RM80,594 lebih tinggi daripada harga pasaran. Antara contoh peralatan/bekalan yang dibeli dengan harga yang tidak munasabah adalah seperti berikut:

- i) Sebanyak 14 unit *Armchair Nyatoh Timber Leg* berjenama *Abitex* telah dibeli dengan harga RM49,420 atau RM3,530 setiap satu dan dua unit *3 Seater Sofa Nyatoh Timber Leg* berjenama *Abitex* berharga RM10,759 atau RM5,379 setiap satu. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada pembekal perabot *Abitex* mendapati harga pasaran perabot berkenaan ialah RM13,860 atau RM990 setiap satu (*Armchair*) dan RM4,080 atau RM2,040 setiap satu (*3 Seater Sofa*). Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh Majlis adalah RM42,239 lebih tinggi daripada harga pasaran. **Foto 9.1** dan **Foto 9.2** menunjukkan perabot yang dibeli.

**Foto 9.1**  
**Armchair Nyatoh Timber Leg**  
Harga Kontrak: RM3,530  
Harga Pasaran: RM990



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ruang Legar Utama Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.2**  
**3 Seater Sofa Nyatoh Timber Leg**  
Harga Kontrak: RM5,379  
Harga Pasaran: RM2,040



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ruang Legar Utama Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

- ii) Seunit *Spiral Pendant Light* telah dibeli dengan harga RM38,700 tidak termasuk harga pemasangan. Pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada empat pembekal lampu mendapati harga pasaran yang paling tinggi bagi lampu tersebut adalah berjumlah RM9,200. Ini bermakna jumlah yang dibayar oleh Majlis adalah RM29,500 lebih tinggi daripada harga pasaran. Gambar *spiral pendant light* yang telah dibeli oleh Majlis adalah seperti di **Foto 9.3**.

**Foto 9.3**  
**Spiral Pendant Light**  
Harga Kontrak: RM38,700  
Harga Minimum Pasaran: RM 1,500  
Harga Maksimum Pasaran: RM9,200



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ruang Legar Utama Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

- iii) Sebanyak lima peralatan lain iaitu *Toilet Male Sign*, *Toilet Female Sign*, *Surau Sign*, *Bedroom Sign* dan *Wall Light Type 3* telah dibeli dengan harga yang tidak


munasabah dan mengakibatkan lebihan perbelanjaan berjumlah RM8,859. Perbandingan harga bagi lima peralatan/bekalan yang dibekalkan berbanding dengan harga pasaran adalah seperti di **Jadual 9.2** serta **Foto 9.4** hingga **Foto 9.8**.

**Jadual 9.2**  
**Perbandingan Harga Bagi Lima Peralatan/Bekalan**  
**Yang Dibekalkan Dengan Harga Pasaran**

Bil.	Item	Harga Kontrak Seunit (RM)	Kuantiti Dibekalkan	Jumlah (RM)	Harga Pasaran Seunit (RM)	Nilai Harga Pasaran (RM)	Perbezaan Harga (RM)
1.	<i>Toilet Male Sign (5 inci x 5 inci) (Foto 9.4)</i>	871	1	871	65	65	806
2.	<i>Toilet Female Sign (5 inci x 5 inci) (Foto 9.5)</i>	871	1	871	65	65	806
3.	<i>Surau Sign (9 inci x 2.5 inci) (Foto 9.6)</i>	542	1	542	60	60	482
4.	<i>Bedroom Sign (5 inci x 2.5 inci) (Foto 9.7)</i>	542	9	4,878	38	342	4,536
5.	<i>Wall Light Type 3 (Foto 9.8)</i>	968	3	2,904	225	675	2,229
<b>Jumlah</b>							<b>8,859</b>


Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

**Foto 9.4**  
*Toilet Male Sign*  
Harga Kontrak: RM871  
Harga Pasaran: RM65




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.5**  
*Toilet Female Sign*  
Harga Kontrak: RM871  
Harga Pasaran: RM65




Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Tandas Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.6**  
**Surau Sign**  
Harga Kontrak: RM542  
Harga Pasaran: RM60



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Surau Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.7**  
**Bedroom Sign**  
Harga Kontrak: RM542  
Harga Pasaran: RM38



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Bilik Tetamu Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.8**  
**Wall Light Type 3**  
Harga Kontrak: RM968  
Harga Minimum Pasaran: RM165  
Harga Maksimum Pasaran: RM225



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ruang Makan VIP Di Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

Maklum balas daripada Majlis menyatakan bahawa harga bekalan yang tidak munasabah adalah disebabkan oleh pihak Majlis tidak mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk membuat perbandingan harga dengan tempoh pembekalan yang segera. Selain itu, kerja pembekalan dilakukan oleh pihak kontraktor dengan khidmat nasihat daripada perunding hiasan dalaman yang dilantik, maka harga pembekalan tidak boleh disamakan jika dibeli secara terus daripada pembekal.

**Pada pendapat Audit, harga bekalan tidak memuaskan kerana Majlis tidak membuat kajian pasaran dan menyebabkan berlakunya pemborosan wang kerajaan.**

**c) Pemeriksaan Fizikal**

Pihak Audit telah menjalankan pemeriksaan fizikal pada 8 Disember 2009 di Rumah Rehat Bentong dan mendapati perkara seperti berikut:

- i) Semua peralatan yang dibekalkan bagi tujuan ubahsuai tersebut dan peralatan lama tidak direkodkan serta tidak dilabelkan nombor siri pendaftaran seperti mana mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa pihaknya mengambil maklum dan proses perekodan serta pelabelan peralatan sedang dilaksanakan.*

- ii) Semakan Audit terhadap 39 item yang dibekalkan mendapati lima item berjumlah RM8,765 ada dinyatakan dalam *Bill Of Quantities* tetapi semasa pemeriksaan Audit dijalankan bekalan tersebut tidak dapat dikesan seperti di **Jadual 9.3**.

**Jadual 9.3**  
**Item Yang Tidak Dapat Dikesan**

Bil.	Item	Kod Item Dalam <i>Bill Of Quantities</i>	Kuantiti Yang Dibekalkan	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	<i>Reception Chair</i>	B6.17	1	1,258	1,258
2.	<i>Wall Light Type 1-Wall (Ruang Makan VIP)</i>	B7.01	1	968	968
3.	<i>Wall Light Type 1 (RRB Cafe)</i>	B7.02	1	968	968
4.	<i>Shower Curtain</i>	B8.04	9	232	2,088
5.	<i>Curtain Track</i>	B8.05	9	387	3,483
<b>Jumlah</b>					<b>8,765</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

- iii) Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti keseluruhan peralatan lama yang telah dikeluarkan. Bagaimanapun, Majlis ada menyenaraikan lima jenis peralatan di rumah rehat berkenaan untuk dilupuskan iaitu lapan unit tilam, tiga unit set sofa, lapan unit kepala katil, 28 unit pintu kayu dan lima unit pintu berkaca.

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa kesemua peralatan lama telah dikeluarkan dan direkodkan seperti di senarai pelupusan.*

- iv) Sebuah kabin telah dibeli melalui kontrak ini dengan kos RM14,448 termasuk kos penghantaran. Kabin tersebut diletakkan di kawasan rumah rehat berkenaan serta di dalamnya terdiri daripada lampu, kerusi plastik, perkakas kontrak dan sebagainya seperti di **Foto 9.9** dan **Foto 9.10**. Penggunaan kabin tersebut adalah untuk tempoh yang singkat iaitu selama dua minggu.

**Foto 9.9**  
**Kedudukan Kabin Dan Penggunaannya**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Rumah Rehat Bentong  
Tarikh: 8 Disember 2009

Pada pendapat Audit, pengurusan asset Majlis tidak memuaskan kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan menyebabkan kedudukan asset tidak dapat dikenal pasti dan berlakunya pembaziran.

#### 9.4.2 Kajian Kemungkinan Tidak Dijalankan

Kajian kemungkinan perlu dijalankan sebelum sesuatu pembangunan premis perniagaan dilaksanakan bagi memastikan Majlis mendapat manfaat. Majlis perlu menjalankan kajian secara menyeluruh mengenai keperluan premis perniagaan berdasarkan kepadatan penduduk, lokasi yang strategik termasuk kemudahan pengangkutan, permintaan terhadap ruang sewa, kesesuaian kadar sewa dan anggaran kos penyenggaraan premis. Analisis kewangan dan ekonomi juga perlu dijalankan bagi menganggar hasil yang akan diterima berbanding kos pembinaan sesuatu premis perniagaan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak pernah mengadakan kajian tersebut dan pembangunan premis perniagaan dibuat berdasarkan permohonan daripada penduduk setempat. Kesan daripada kajian kemungkinan tidak dijalankan, didapati berlakunya kekosongan ruang niaga. Sehingga akhir tahun 2009, sebanyak 170 daripada 639 ruang niaga atau 27% didapati masih kosong seperti di **Jadual 9.4**.

**Jadual 9.4**  
**Pengisian Ruang Premis Perniagaan**

Bil.	Premis Perniagaan	Bilangan Lokasi	Unit Premis	Unit Diisi	Unit Kosong
1.	Pasar	9	357	237	120
2.	Hentian Bas Dan Teksi	1	8	8	-
3.	Gerai	26	269	219	50
4.	Tandas	4	4	4	-
5.	Rumah Rehat	1	1	1	-
<b>Jumlah</b>		<b>41</b>	<b>639</b>	<b>469</b>	<b>170</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

Semasa lawatan Audit ke Pasar Besar Bentong dan Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew serta temu bual dengan penyewa mendapati keadaan pasar agak lengang kerana kurang sambutan daripada pelanggan seperti di **Foto 9.11** dan **Foto 9.12**.

**Foto 9.11**



**Ruang Niaga Kosong**

**Foto 9.12**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kompleks Perniagaan, Jalan Loke Yew

Tarikh: 8 Disember 2009

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Pasar Besar Bentong

Tarikh: 8 Disember 2009

Selain itu, kekurangan petak letak kereta di premis menyebabkan kesulitan kepada pelanggan. Kelulusan lesen perniagaan kepada pasar raya dan kedai runcit persendirian yang berdekatan dengan Pasar Besar Bentong juga merupakan saingan kepada penyewa kerana harga barang yang ditawarkan lebih rendah berbanding harga di Pasar Besar Bentong.

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa kajian kemungkinan akan dijalankan sekiranya terdapat perancangan pembangunan premis perniagaan pada masa akan datang.*

**Pada pendapat Audit, pembangunan premis perniagaan adalah kurang memuaskan kerana Majlis tidak menjalankan kajian kemungkinan menyebabkan masih terdapat ruang niaga yang kosong.**

#### 9.4.3 Keadaan Premis Perniagaan Yang Kotor

Kebersihan premis merupakan salah satu aspek yang perlu diambil kira bagi menarik minat penyewa dan pelanggan. Lawatan Audit ke premis perniagaan Pasar Bentong, Hentian Raya Bentong dan Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew mendapati kebersihan premis perniagaan kurang diberi perhatian. Penyenggaraan pembersihan secara berkala tidak disediakan kecuali Pasar Bentong dan Hentian Raya Bentong yang dibuat secara rutin dan mengikut aduan. Bagi Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew, penyenggaraan pembersihan dibuat apabila ada arahan daripada pihak atasan dan aduan yang diterima. Keadaan premis semasa lawatan Audit dijalankan seperti di **Foto 9.13** dan **Foto 9.14**.

**Foto 9.13**  
Keadaan Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew Yang Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew  
Tarikh: 8 Disember 2009

**Foto 9.14**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kompleks Perniagaan Jalan Loke Yew  
Tarikh: 8 Disember 2009

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa pihaknya mengambil maklum perkara ini dan akan menyediakan jadual penyenggaraan pembersihan secara berkala.*

**Pada pendapat Audit, kebersihan premis perniagaan milik Majlis tidak memuaskan kerana tiada jadual penyenggaraan kebersihan yang berkala disediakan.**

#### 9.4.4 Semakan Semula Kadar Sewa Tidak Dibuat

Majlis telah menyediakan proses kerja dalam menguruskan permohonan untuk penyewaan premis perniagaan bagi memastikan keberkesanan kaedah penyewaan. Proses ini meliputi penerimaan borang permohonan sehingga penyediaan surat perjanjian antara penyewa dengan Majlis. Semakan Audit mendapati kadar sewa yang dikenakan kepada penyewa premis perniagaan adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis. Sekiranya ada rayuan dibuat oleh penyewa, ia akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan untuk sebarang keputusan. Para 4(e), Surat Perjanjian Gerai/Bangunan/Ruang Pejabat Bahagian Penilaian Dan Pengurusan Harta menyatakan Majlis boleh menurun atau menaikkan kadar sewa bulanan premis dengan memberi notis bertulis kepada penyewa dalam tempoh 30 hari. Kadar sewa yang ditetapkan oleh Majlis adalah antara RM12 sehingga RM5,000 sebulan bergantung kepada jenis premis perniagaan dan lokasinya seperti di **Jadual 9.5**.

**Jadual 9.5**  
**Kadar Sewa Bulanan Premis Perniagaan**

Bil.	Premis Perniagaan	Kadar Sewa Minimum (RM)	Kadar Sewa Maksimum (RM)
1.	Pasar Dan Gerai	12	2,800
2.	Hentian Bas/Teksi	-	200
3.	Tandas	150	700
4.	Rumah Rehat	-	5,000

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

Kesan daripada kegagalan Majlis mengkaji atau membuat semakan kadar sewa menyebabkan kadar sewa yang dikenakan tidak bersesuaian dengan keadaan semasa. Selain itu, kadar sewa (pajakan) bagi Rumah Rehat Bentong telah dikurangkan daripada RM7,000 kepada RM5,000 sebulan berkuat kuasa pada 1 Mei 1994 melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bertarikh 19 April 2004. Memandangkan Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1,999,023 yang merangkumi kerja-kerja ubahsuai dalaman, pembelian perabot baru serta kerja-kerja mekanikal dan pendawaian bagi Rumah Rehat Bentong dan juga sambutan yang agak baik daripada pelanggan adalah lebih baik kadar sewa tersebut dikaji semula.

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa semakan semula kadar sewa telah dibincangkan dan mendapat persetujuan Ahli Majlis. Bagaimanapun, pemberian premis perlu dilakukan terlebih dahulu. Selain itu, bagi Rumah Rehat Bentong kadar baru akan dimasukkan dalam perjanjian penyambungan pajakan.*

**Pada pendapat Audit, Majlis perlu mengkaji semula kadar sewa premis perniagaan yang dikenakan agar bersesuaian dengan keadaan semasa bagi menambah hasil Majlis.**

#### 9.4.5 Peningkatan Tunggakan Sewa Premis Perniagaan

Majlis telah mewujudkan mekanisme tertentu bagi mengawal tunggakan sewa premis perniagaan. Tindakan yang telah diambil oleh Majlis bagi mendapatkan tunggakan tersebut adalah dengan menghantar surat peringatan sehingga ke peringatan terakhir kepada penyewa. Sekiranya masih tiada maklum balas, tindakan menamatkan perniagaan akan dikenakan dan jumlah tunggakan tersebut akan dikontra dengan deposit yang dikenakan. Jika jumlah tunggakan tersebut tidak mencukupi, notis akan diberi kepada penyewa bagi menyelesaikan baki berkenaan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tindakan yang diambil oleh Majlis belum cukup berkesan memandangkan tunggakan sewa meningkat setiap tahun seperti di **Jadual 9.6**.

**Jadual 9.6**  
**Tunggakan Sewa Premis Perniagaan Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	Butiran	Tunggakan (RM)		
		2007	2008	2009
1.	Pasar/Gerai	129,419	151,659	200,065
2.	Laluan Bas/Teksi	2,220	700	580
3.	Tandas	5,210	5,000	2,270
4.	Rumah Rehat	65,000	61,000	58,000
<b>Jumlah</b>		<b>201,849</b>	<b>218,359</b>	<b>260,915</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa pihaknya mengambil maklum dan tindakan lebih tegas serta penamatan sewaan bagi tunggakan yang melebihi tiga bulan akan dilakukan.*

Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan tunggakan sewa premis Majlis kurang memuaskan kerana tunggakan sewa telah meningkat setiap tahun walaupun ada tindakan diambil.

#### 9.4.6 Promosi Yang Tidak Menyeluruh

Promosi secara besar-besaran perlu dibuat bagi menarik penyewa untuk mengurangkan bilangan ruang niaga yang kosong. Semakan Audit mendapati 170 ruang niaga di premis perniagaan masih kosong terutamanya bagi ruang niaga pasar dan gerai. Majlis telah mengiklankan kekosongan ruang niaga bagi premis perniagaan yang sedia ada dan promosi hanya dibuat di papan kenyataan Majlis dan di kawasan gerai yang kosong. Jumlah hasil yang tidak dapat diperoleh akibat kekosongan premis perniagaan sehingga tahun 2009 adalah berjumlah RM79,916 seperti di **Jadual 9.7**.

**Jadual 9.7**

**Kekosongan Premis Perniagaan Dan Jumlah Hasil Yang Tidak Dapat Diperoleh  
Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	Premis Perniagaan	Bil. Unit	2007		2008		2009	
			Unit Kosong	Nilai (RM)	Unit Kosong	Nilai (RM)	Unit Kosong	Nilai (RM)
1.	Pasar	357	96	17,543	120	31,104	120	34,904
2.	Gerai	269	48	37,526	49	44,164	50	45,012
<b>Jumlah</b>		<b>626</b>	<b>144</b>	<b>55,069</b>	<b>169</b>	<b>75,268</b>	<b>170</b>	<b>79,916</b>

Sumber: Majlis Perbandaran Bentong

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa alternatif promosi yang lebih berkesan akan dilaksanakan pada masa akan datang.*

Pada pendapat Audit, promosi premis perniagaan kurang memuaskan kerana tidak mendapat sambutan penyewa.

#### 9.4.7 Kepuasan Pengguna

Bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap pengurusan premis perniagaan yang dilaksanakan oleh Majlis, pihak Audit telah mengedarkan 100 borang soal selidik kepada orang awam di sekitar bandar Bentong. Analisis Audit terhadap 100 borang soal selidik yang telah diterima adalah seperti di **Jadual 9.8**.

**Jadual 9.8**

**Respons Borang Soal Selidik Tahap Kepuasan Orang Awam  
Terhadap Pengurusan Premis Perniagaan**

Bil.	Perkara	Ya	Tidak	Jumlah
1.	Lokasi premis perniagaan strategik	42	58	100
2.	Penyenggaraan dan kebersihan	32	68	100
3.	Tempat letak kenderaan	26	74	100
4.	Kemudahan asas	82	18	100
5.	Maklum balas terhadap aduan awam	35	65	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

Analisis Audit terhadap lima aspek seperti di atas mendapati majoriti responden menyatakan pengurusan premis perniagaan adalah tidak memuaskan kecuali kemudahan asas yang disediakan di premis tersebut. Sebanyak 58% responden tidak berpuas hati dengan lokasi

premis perniagaan, 68% tidak berpuas hati dengan penyenggaraan dan kebersihan, 74% tidak berpuas hati dengan kemudahan tempat letak kereta dan sebanyak 65% responden tidak berpuas hati dengan maklum balas terhadap aduan awam. Bagaimanapun, sebanyak 82% responden berpuas hati dengan kemudahan asas yang disediakan di premis perniagaan.

*Maklum balas daripada Majlis menjelaskan bahawa lokasi premis perniagaan bergantung kepada pemilikan tanah oleh Majlis. Selain itu, Majlis dalam proses menyediakan jadual bagi penyenggaraan dan kebersihan premis. Majlis dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatannya bagi tempat letak kenderaan. Majlis akan mengambil tindakan segera dan berkesan terhadap aduan awam.*

**Pada pendapat Audit, tahap kepuasan orang awam terhadap pengurusan premis perniagaan kurang memuaskan kerana majoriti responden tidak berpuas hati dengan penyenggaraan dan kebersihan, kemudahan tempat letak kereta serta maklum balas terhadap aduan awam.**

## 9.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan premis perniagaan Majlis adalah tidak memuaskan disebabkan oleh kegagalan Majlis mematuhi peraturan yang ditetapkan. Akibatnya Majlis menanggung kerugian yang disebabkan oleh pemborosan dalam proses pembelian aset dan inventori, di samping mengalami kekurangan hasil kutipan tahunan disebabkan oleh ruang niaga yang kosong dan peningkatan tunggakan hasil. Bagi memperbaiki kelemahan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Majlis Perbandaran Bentong memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- a) Mematuhi prosedur perolehan tender yang telah ditetapkan.
- b) Menjalankan kajian kemungkinan apabila premis perniagaan hendak dibina.
- c) Menyediakan jadual penyenggaraan premis perniagaan.
- d) Mengkaji kadar sewa memandangkan kadar sedia ada telah lama dan tidak bersesuaian dengan keadaan semasa.
- e) Mempertingkatkan usaha mengutip tunggakan hasil sewa premis perniagaan.
- f) Mengadakan promosi bagi menarik penyewa untuk mengurangkan bilangan ruang niaga yang kosong dan menambah pendapatan Majlis.
- g) Mengambil tindakan surcaj/tindakan tatatertib terhadap pegawai sekiranya didapati melanggar peraturan.



BAHAGIAN II  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

#### **10. PENDAHULUAN**

Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, yang mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Bagaimanapun, pengauditan syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan setelah mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Perintah Audit (Akaun Syarikat) Pindaan 2009 telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat Kerajaan/Agensi Kerajaan Negeri. Pada tahun 2009 Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit syarikat LKPP Corporation Sdn. Bhd., LKPP Padi Sdn. Bhd. dan PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd.

#### **LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

#### **11. LKPP CORPORATION SDN. BHD.**

##### **11.1 LATAR BELAKANG**

LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB) telah memulakan operasinya pada 1 Mac 1994 dengan modal saham dibenarkan berjumlah RM50 juta dan modal saham berbayarnya setakat ini berjumlah RM49.46 juta. LCSB merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) dengan 100% modal saham berbayarnya adalah dimiliki oleh LKPP. Visi syarikat adalah sebagai peneraju utama dalam pembangunan industri pertanian dan industri pemprosesan yang berkaitan seperti pengurusan ladang, pemprosesan minyak sawit, pelancongan tani dan ternakan. Manakala misi syarikat pula adalah menjadi warga korporat yang terulung dan bertanggungjawab di Negeri Pahang dalam bidang pertanian dan bidang yang berdasarkan pertanian, mengembangkan perniagaan sedia ada dan meneroka bidang baru yang berdasarkan pertanian termasuk bioteknologi, e-Pertanian dan akuakultur serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi perladangan dengan memaksimumkan hasil dan keuntungan pada kos yang minimum. Ahli Lembaga Pengarah LCSB adalah seramai enam orang.

##### **11.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan telah dijaga dan sumber tersebut telah

diurus oleh syarikat dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan fungsi yang ditetapkan.

### **11.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi penilaian terhadap prestasi kewangan, prestasi aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan seperti Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat, dokumen-dokumen kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, sumber pembiayaan Kerajaan, aktiviti utama syarikat dan sebagainya. Manakala analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh tiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 hingga 2008. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

### **11.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga November 2009, mendapati LCSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM101.10 juta pada tahun 2008 berbanding RM91.39 juta pada tahun 2007 dan RM39.22 juta pada tahun 2006. Prestasi kewangan syarikat adalah memberangsangkan berikutan harga produk sawit yang tinggi. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu perladangan kelapa sawit, kilang pemprosesan minyak sawit dan penternakan lembu adalah memuaskan. Namun aktiviti pelancongan tani di Agro Resort Semuji kurang memuaskan kerana aktiviti ini telah mengalami kerugian bagi tahun kewangan 2007 hingga 2009. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan dua aktiviti utama serta tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

#### **11.4.1 Prestasi Kewangan**

##### **a) Analisis Trend**

Analisis Audit mendapati trend keuntungan sebelum cukai, pendapatan dan perbelanjaan LCSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah menunjukkan trend yang menaik. Keuntungan sebelum cukai LCSB pada tahun 2006 adalah sejumlah RM39.22 juta meningkat kepada RM91.39 juta pada tahun 2007 dan seterusnya meningkat kepada RM101.10 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2007, LCSB mencatatkan peningkatan yang ketara iaitu sejumlah RM52.17 juta atau 133%, manakala pada tahun 2008 peningkatannya adalah sejumlah RM9.71 juta atau 10.6%. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan dalam jumlah pendapatan yang diperoleh sejumlah RM95.27 juta pada tahun 2007 dan RM42.47 juta pada tahun 2008 berbanding pertambahan dalam perbelanjaan yang lebih rendah iaitu sejumlah RM43.10 juta pada tahun 2007 dan RM32.76 juta pada tahun 2008. Ia menjadikan nisbah pertambahan pendapatan berbanding pertambahan perbelanjaan pada tahun 2007 dan 2008 adalah 2.21:1 dan 1.30:1 masing-masing. Peningkatan keuntungan yang

memberangsangkan ini menunjukkan syarikat mampu untuk beroperasi tanpa memerlukan pembiayaan luar. Pendapatan utama LCSB adalah terdiri daripada jualan buah tandan segar kelapa sawit, minyak sawit mentah, isirong kelapa sawit dan pembahagian keuntungan daripada pengurusan ladang. Analisis Audit mendapati pendapatan LCSB pada tahun 2006 hingga 2008 adalah meningkat daripada RM125.28 juta pada tahun 2006 kepada RM220.55 juta pada tahun 2007 dan seterusnya meningkat kepada RM263.02 juta pada tahun 2008. Analisis Audit selanjutnya mendapati jualan minyak sawit mentah dan isirong sawit merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat iaitu melebihi 50% daripada pendapatan keseluruhan syarikat. Bagi tempoh 2006 hingga 2008, hasil jualan minyak sawit mentah dan isirong sawit mencatatkan sejumlah 66.1%, 58.3% dan 58.6% masing-masing daripada keseluruhan pendapatan syarikat. Faktor yang membawa kepada peningkatan hasil jualan ini adalah kenaikan mendadak harga pasaran minyak sawit mentah, isirong kelapa sawit dan buah tandan segar pada tahun 2007 dan 2008. **Jadual 11.1** menunjukkan purata harga tahunan produk kelapa sawit pada tahun 2006 hingga 2008 oleh Lembaga Perindustrian Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang telah mempengaruhi pendapatan LCSB.

**Jadual 11.1**  
**Purata Harga Tahunan Produk Kelapa Sawit**  
**Pada Tahun 2006 Hingga 2008**

Tahun	Minyak Sawit Mentah (RM/Tan)	Isirong Kelapa Sawit (RM/Tan)	Buah Tandan Segar (RM/Tan)
2006	1,510.50	892.00	15.40
2007	2,530.50	1,461.50	26.07
2008	2,777.50	1,647.00	30.16

Sumber: MPOB

Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan LCSB juga meningkat daripada RM86.06 juta pada tahun 2006, menjadi RM129.16 juta pada tahun 2007 dan seterusnya meningkat kepada RM161.92 juta pada tahun 2008. Peningkatan sejumlah RM43.10 juta atau 50.1% pada tahun 2007 dan RM32.76 juta atau 25.4% pada tahun 2008 adalah disebabkan peningkatan yang ketara bagi kos jualan iaitu sejumlah RM39.35 juta dan RM24.70 juta masing-masing berbanding perbelanjaan yang lain. Peningkatan kos jualan ini adalah disebabkan peningkatan kos bahan mentah, bahan bakar dan baja bagi pemprosesan kelapa sawit serta pengurusan ladang sawit. Kos pengedaran pula terdiri daripada belanja penghantaran serta bayaran ses dan cukai. Pada tahun 2007, kos pengedaran menurun sejumlah RM0.04 juta tetapi meningkat semula pada tahun 2008 sejumlah RM0.77 juta. Kos pentadbiran dan operasi juga menunjukkan peningkatan iaitu sejumlah RM3.79 juta pada tahun 2007 dan RM7.29 juta pada tahun 2008. Tanggungan utama syarikat bagi kos pentadbiran dan operasi ialah bayaran gaji dan elauan pekerja.

**b) Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/(Kerugian) Syarikat**

Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/(kerugian) LCSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 11.2, Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

**Jadual 11.2**


**Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Sebelum Cukai LCSB  
Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	123.34	215.47	257.39
Perbelanjaan Operasi	(62.83)	(102.14)	(127.61)
<b>Untung Kasar</b>	<b>60.51</b>	<b>113.33</b>	<b>129.78</b>
Pendapatan Lain	1.46	3.69	3.43
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(23.23)	(27.02)	(34.31)
<b>Untung/(Rugi) Operasi</b>	<b>38.74</b>	<b>90.00</b>	<b>98.90</b>
Kos Kewangan	0.48	1.39	2.20
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>39.22</b>	<b>91.39</b>	<b>101.10</b>
Cukai	(14.91)	(25.12)	(24.59)
<b>Untung/(Rugi) Bersih</b>	<b>24.31</b>	<b>66.27</b>	<b>76.51</b>

Sumber: Penyata Kewangan LCSB

**Carta 11.1**


**Trend Keuntungan Sebelum Cukai  
LCSB Bagi Tahun Kewangan  
2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan LCSB

**Carta 11.2**

**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan  
LCSB Bagi Tahun Kewangan  
2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan LCSB

**c) Analisis Nisbah**

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbalan dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 11.3**.

**Jadual 11.3**  
**Analisis Nisbah Kewangan LCSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	3.07:1	2.39:1	3.29:1
Margin Keuntungan	0.20:1	0.31:1	0.30:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.10:1	0.18:1	0.18:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.40:1	1.09:1	1.26:1

Sumber: Penyata Kewangan LCSB

- i) **Nisbah Semasa** - Analisis Audit mendapati kadar kecairan LCSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah antara 2.39 hingga 3.29 kali. Berdasarkan Nisbah Semasa ini, kedudukan kewangan LCSB adalah baik dan berupaya untuk menanggung keseluruhan liabiliti semasanya tanpa memerlukan pembiayaan luar atau Agensi Induk.
- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati margin keuntungan LCSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah antara 20 sen hingga 31 sen. Walaupun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2008 namun margin keuntungan LCSB adalah masih baik.
- iii) **Pulangan Ke Atas Aset** - Analisis Audit mendapati pulangan yang diterima adalah semakin meningkat daripada 10 sen pada tahun 2006 menjadi 18 sen pada tahun 2007 dan 2008. Nisbah ini menunjukkan LCSB cekap menguruskan asetnya bagi menjana keuntungan.
- iv) **Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Analisis Audit menunjukkan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti LCSB meningkat daripada 40 sen pada tahun 2006 kepada RM1.09 pada tahun 2007 dan seterusnya kepada RM1.26 pada tahun 2008. Keadaan ini disebabkan berlakunya peningkatan ketara pada keuntungan syarikat. Nisbah ini menunjukkan LCSB adalah cekap dalam menguruskan ekuitinya bagi menjana keuntungan kepada syarikat.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan LCSB berada pada kedudukan yang baik. Analisis nisbah menunjukkan syarikat berupaya untuk membiayai liabilitinya dan cekap dalam menguruskan aset dan ekuiti. Keuntungan syarikat juga semakin meningkat.**

#### **11.4.2 Pengurusan Aktiviti**

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama LCSB adalah perladangan kelapa sawit, kilang pemprosesan minyak sawit, pelancongan tani dan penternakan lembu secara

integrasi. Pengauditan yang dijalankan terhadap dua aktiviti utama syarikat mendapati perkara seperti berikut:

**a) Pengurusan Ladang Kelapa Sawit**

Perladangan kelapa sawit merupakan aktiviti utama LCSB di mana lebih 50% pendapatan LCSB adalah disumbangkan oleh aktiviti ini. Ladang kelapa sawit di bawah pengurusan LCSB terbahagi kepada enam kategori iaitu Ladang LCSB sendiri, Ladang Usaha Sama, Ladang LKPP Komersial, Ladang LKPP Sosial, Lot Peserta dan Ladang Koperasi. Ladang Usaha Sama merupakan ladang yang diusahakan oleh LCSB dengan syarikat subsidiari lain seperti LKPP Padi Sdn. Bhd. dan LKPP Goldkist Sdn. Bhd.. Ladang LKPP Komersial, LKPP Sosial dan Lot Peserta adalah ladang hak milik Syarikat LKPP Negeri Pahang yang diuruskan oleh LCSB. Manakala Ladang Koperasi adalah ladang yang dimiliki oleh Koperasi LKPP Negeri Pahang yang juga diuruskan oleh LCSB. Keseluruhan ladang-ladang ini seluas 43,484 hektar dengan keluasan tanaman berhasil seluas 35,274 hektar seperti di **Jadual 11.4**.

**Jadual 11.4**  
**Kategori Ladang, Keluasan Dan Keluasan**  
**Tanaman Berhasil Yang Diuruskan Oleh LCSB**

Bil.	Kategori Ladang	Keluasan (Hektar)	Keluasan Tanaman Berhasil (Hektar)
1.	Ladang LCSB	9,860	8,851
2.	Ladang Usahasama	539	539
3.	Ladang LKPP Komersial	23,890	21,668
4.	Ladang LKPP Sosial	6,290	3,117
5.	Lot Peserta	2,434	628
6.	Ladang Koperasi	471	471
<b>Jumlah</b>		<b>43,484</b>	<b>35,274</b>

Sumber: Rekod LCSB

Ladang-ladang yang diuruskan oleh LCSB ini terletak di beberapa daerah seperti di daerah Pekan, Kuantan, Rompin dan Jerantut. Oleh itu, bagi memudahkan kerja-kerja pengurusan, LCSB telah menubuhkan 18 Pusat Pengurusan Ladang (PPL). PPL ini pula telah dibahagikan kepada tiga kawasan. Lima daripada 18 PPL ini adalah ladang yang dipunyai oleh LCSB sendiri iaitu Ladang Lepar Besar, Ladang Lepar Baru, Ladang T1T2, Ladang Chini dan Ladang Nenasi. Selain itu, LCSB juga mempunyai dua ladang lain iaitu Ladang Sri Meranti dan Ladang Sungai Semuji. Oleh itu, LCSB memiliki sepenuhnya tujuh ladang dengan keluasan 9,860 hektar dan 9,551 hektar daripadanya sudah ditanam dengan kelapa sawit. Manakala 8,851 hektar adalah kawasan yang telah mengeluarkan hasil. Bakinya merupakan kawasan yang belum matang atau disediakan bagi kemudahan lain di ladang.

- i) Pengeluaran Buah Tandan Segar Kelapa Sawit (BTS)** - Bagi mendapatkan hasil yang tinggi dan berkualiti semakan Audit mendapati LCSB ada menetapkan sasaran

tahunan untuk mencapai pengeluaran BTS iaitu sebanyak 35 tan per hektar. Pada tahun 2009, LCSB mengeluarkan BTS secara purata sebanyak 20.57 tan per hektar. Walaupun jauh lebih rendah daripada sasaran iaitu hanya 58.7% yang dicapai, namun 6.2% lebih tinggi daripada purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 19.36 tan per hektar. Kedudukan purata pengeluaran BTS oleh LCSB berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia oleh Laporan MPOB pada tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.5**.

**Jadual 11.5**

**Purata Pengeluaran BTS Oleh LCSB Berbanding Purata Pengeluaran  
BTS Semenanjung Malaysia Oleh MPOB Pada Tahun 2007 Hingga 2009**

Bil.	Ladang LCSB	Pengeluaran BTS (Tan/Hektar)		
		Tahun		
		2007	2008	2009
1.	Lepar Besar	24.11	25.13	22.90
2.	Lepar Baru	24.62	22.65	19.98
3.	T1T2	22.50	22.73	20.28
4.	Chini	17.70	21.68	21.38
5.	Sri Meranti	19.82	20.53	20.09
6.	Nenasi	11.22	13.15	11.91
7.	Sungai Semuji	11.11	8.44	9.76
<b>Purata Pengeluaran LCSB</b>		<b>21.27</b>	<b>22.25</b>	<b>20.57</b>
<b>Purata Pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia (Laporan MPOB)</b>		<b>17.59</b>	<b>19.63</b>	<b>19.36</b>
<b>Peratus Melebihi Purata Pengeluaran MPOB (%)</b>		<b>17.30</b>	<b>11.78</b>	<b>5.88</b>

Sumber: Rekod LCSB

- ii) **Kadar Perahan Minyak Sawit** - Kadar Perahan Minyak Sawit (KPM) adalah bergantung kepada biji benih yang berkualiti dan pengurusan operasi yang baik termasuk proses pembajaan dan penjagaan pokok kelapa sawit yang sempurna. LCSB telah menetapkan sasaran KPM syarikat sebanyak 25%. Purata KPM bagi LCSB pada tahun 2007 hingga 2009 adalah antara 19.1% hingga 19.5%. Perbandingan yang dibuat dengan data MPOB, mendapati purata KPM syarikat pada tahun 2007 hingga 2009 adalah tidak jauh berbeza berbanding purata KPM Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB walaupun masih jauh daripada sasaran syarikat. Kedudukan KPM syarikat berbanding purata KPM untuk Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh MPOB bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.6**.

**Jadual 11.6**  
**Kadar Perahan Minyak Sawit Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	Ladang LCSB	Peratus (%)		
		2007	2008	2009
1.	Lepar Besar	19.3	19.2	19.5
2.	Lepar Baru (Sg.Sema)	17.8	19.3	19.7
3.	T1T2	19.1	18.8	19.3
4.	Chini	19.0	19.0	19.4
5.	Sri Meranti	20.1	19.6	20.1
6.	Nenasi	18.1	18.4	18.7
<b>Purata Kadar Perahan Minyak LCSB</b>		<b>19.1</b>	<b>19.1</b>	<b>19.5</b>
<b>Purata Kadar Perahan Minyak Semenanjung Malaysia (Laporan MPOB)</b>		<b>19.3</b>	<b>19.6</b>	<b>19.9</b>
<b>Perbandingan Kadar Perahan Minyak LCSB Dan MPOB</b>		<b>-1.0</b>	<b>-2.6</b>	<b>-2.1</b>

Sumber: Rekod LCSB Dan MPOB

- iii) **Prestasi Kewangan Ladang** - Setiap Pengurus Ladang bertanggungjawab menyediakan laporan kedudukan pendapatan dan perbelanjaan ladang bagi tujuan pemantauan dan kawalan. Semakan Audit mendapati kedudukan kewangan ladang LCSB bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 11.7**.

**Jadual 11.7**  
**Kedudukan Prestasi Kewangan Keseluruhan Ladang LCSB**  
**Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Butiran	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
<b>Pendapatan:</b>			
Minyak Sawit	88.76	95.88	78.88
Isirong	14.16	14.92	10.06
Pelbagai Pendapatan	0.01	0.01	0.00
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>102.93</b>	<b>110.81</b>	<b>88.94</b>
<b>Jumlah Perbelanjaan Ladang</b>	<b>31.17</b>	<b>41.89</b>	<b>40.65</b>
<b>Keuntungan Operasi Ladang</b>	<b>71.76</b>	<b>68.92</b>	<b>48.29</b>

Sumber: Rekod Kewangan LCSB

Semakan Audit mendapati kadar keuntungan daripada operasi ladang adalah bergantung penuh kepada harga pasaran sawit. Pada tahun 2007 dan 2008 keuntungan syarikat adalah tinggi daripada operasi ini disebabkan harga pasaran sawit yang tinggi pada waktu itu. Keuntungan ini mula menurun pada tahun 2009 disebabkan kejatuhan harga sawit di pasaran. Selain itu, faktor peningkatan dalam perbelanjaan ladang dan pembukaan ladang baru juga telah menyebabkan penurunan dalam keuntungan syarikat daripada operasi ini. Analisis Audit

seterusnya terhadap pendapatan per hektar bagi ladang-ladang milik LCSB adalah seperti di **Jadual 11.8**.

**Jadual 11.8**  
**Pendapatan Bersih Per Hektar Ladang LCSB**  
**Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	Ladang	Tahun		
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)
1.	Lepar Besar	8,732	8,738	6,028
2.	Lepar Baru	8,317	7,334	4,434
3.	T1T2	7,620	6,040	4,535
4.	Chini	5,276	6,036	5,021
5.	Sri Meranti	5,984	5,701	4,283
6.	Nenasi	2,288	2,418	532
<b>Jumlah</b>		<b>38,217</b>	<b>36,266</b>	<b>24,833</b>

Sumber: Rekod LCSB

Analisis Audit mendapati pendapatan per hektar ladang LCSB adalah bergantung kepada saiz ladang dan usia pokok. Ladang Lepar Besar dan Ladang Lepar Baru merupakan ladang yang terbesar dan pokoknya juga telah berusia melebihi 15 tahun berbanding Ladang Nenasi yang saiznya lebih kecil serta pokoknya berusia kurang dari 10 tahun. Analisis Audit selanjutnya mendapati faktor lain yang menyumbang kepada pendapatan per hektar ini juga adalah disebabkan oleh jenis tanah di Ladang Nenasi yang berpasir adalah kurang subur bagi pokok kelapa sawit. Selain itu, analisis Audit juga mendapati harga pasaran sawit yang tinggi pada tahun 2007 dan 2008 telah mempengaruhi pendapatan per hektar setiap ladang berbanding tahun 2009.

iv) **Lawatan Di Ladang** - Lawatan Audit ke ladang milik LCSB iaitu Ladang Lepar Besar dan Ladang Lepar Baru mendapati perkara seperti berikut:

- **Kebersihan Ladang** - Pihak Audit mendapati ladang-ladang milik LCSB ini telah dijaga dengan baik, ladang berada dalam keadaan bersih dan tiada semak samun. Kerja-kerja pemangkasan pelepah kelapa sawit sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Kerja pemangkasan hanya melibatkan pelepah kering pada tahun ke tiga usia pokok dan pelepah-pelepah ini disusun di lorong yang disediakan supaya kerja-kerja pembajaan dan penuaian menjadi lebih mudah seperti di **Foto 11.1** dan **Foto 11.2**.

**Foto 11.1**  
**Kerja Pemangkasan Sedang Dilakukan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 11.2**  
**Pelepah Disusun Di Lorong Yang Disediakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

- **Proses Penuaian** - Bagi menjaga kualiti buah dan mendapatkan hasil minyak sawit yang terbaik, pemeriksaan di setiap pokok kelapa sawit sentiasa dilakukan oleh pekerja ladang untuk melihat tanda-tanda masak yang perlu dituai. Proses penuaian akan dilakukan segera. Buah kelapa sawit yang telah dituai akan dihantar ke kilang sawit milik LCSB dalam tempoh 24 jam selepas ia dituai bagi mengelakkan buah tersebut menjadi kering dan hasil minyak akan berkurangan. Buah lerai daripada tandan juga dikutip dengan segera oleh pekerja semasa kerja penuaian dan akan diasingkan daripada bendasing sebelum dihantar ke kilang. Selain itu, pihak Audit juga mendapati proses penuaian masih lagi menggunakan kaedah lama iaitu galah pengait buah kerana kaedah baru untuk mengait buah kelapa sawit masih belum ditemui. **Foto 11.3** hingga **Foto 11.6** menunjukkan proses penuaian dan pengangkutan buah kelapa sawit ke kilang.

**Foto 11.3**  
**Kerja Mengutip Buah Lerai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 11.4**  
**BTS Yang Baru Dituai**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 11.5**  
**Pengumpulan BTS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

**Foto 11.6**  
**Kerja Pengangkutan BTS**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Lepar Besar  
Tarikh: 28 Oktober 2009

Pada pendapat Audit, pengurusan ladang kelapa sawit LCSB adalah baik. Purata pengeluaran BTS syarikat didapati lebih tinggi daripada purata pengeluaran Semenanjung Malaysia. Manakala, purata KPM syarikat juga didapati hampir menyamai purata KPM Semenanjung Malaysia.

**b) Pelancongan Tani Di Agro Resort Semuji**

Dalam mempelbagaikan aktivitinya, LCSB juga turut melibatkan diri dalam industri pelancongan tani di Agro Resort Semuji bertempat di KM 42, Jalan Kuantan - Kuala Lumpur dengan keluasan 85 hektar. Agro Resort Semuji berkonsepkan pakej pelancongan dalam dusun dengan suasana alam semulajadi. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menyediakan kemudahan tempat penginapan berbentuk calet/asrama, kemudahan bagi aktiviti latihan/kursus, perladangan kelapa sawit, dusun buah-buahan tempatan dan kolam ikan air tawar. Pada awalnya, Agro Resort Semuji yang ditubuhkan pada tahun 1999 adalah merupakan syarikat subsidiari LCSB, namun disebabkan syarikat subsidiari ini mengalami kerugian yang berpanjangan dan ingin menaikkan semula taraf resort ini, LCSB telah membubarkan syarikat subsidiari tersebut dan mengambil alih semula aktivitinya.

**i) Pengurusan Resort - Pengurusan aktiviti pelancongan tani di Agro Resort Semuji**  
diketuai seorang Pengurus, seorang Pegawai Resort, tiga orang kerani, seorang penyelia ladang dibantu oleh 19 orang pekerja. Agro Resort Semuji mempunyai empat bahagian iaitu Bahagian Teknikal, Bahagian Food & Beverages Dan Bankuet, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Ladang/Dusun/Landskap/Rekreasi Dan Keselamatan.

## ii) Aktiviti Yang Dijalankan

- **Kemudahan Tempat Penginapan** - Aktiviti utama Agro Resort Semuji adalah sewaan tempat penginapan berbentuk calet dan asrama yang berkonsepkan penginapan dalam dusun. Calet/asrama ini dibina dalam dusun dengan dikelilingi pokok buah-buahan tempatan serta tanaman warisan lain bagi menarik minat pengunjung untuk menikmati buah-buahan tempatan dan mengenali lebih dekat dengan tanaman warisan Negeri Pahang yang semakin pupus. Harga yang ditawarkan adalah berpatutan terutama bagi pakej latihan atau kursus yang melibatkan pelajar sekolah. Jenis kemudahan penginapan serta harga yang ditawarkan adalah seperti di **Jadual 11.9**.

**Jadual 11.9**  
**Kemudahan Penginapan Yang Disediakan Di Agro Resort Semuji**

Jenis Bilik	Unit	Kapasiti (Orang)	Kadar Yang Ditetapkan (RM)
Calet Banglo	4	2–3	109
Calet Berkembar	22	2–3	86
Asrama	4	160	29

Sumber: Rekod Agro Resort Semuji

Pihak Audit mendapati kemudahan penginapan yang disediakan adalah dalam keadaan baik dan selesa serta berpatutan dengan harga yang ditawarkan seperti di **Foto 11.7** dan **Foto 11.8**.

**Foto 11.7**

**Calet Berkembar Agro Resort Semuji**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Calet Berkembar Agro Resort Semuji

Tarikh: 18 Ogos 2009

**Foto 11.8**

**Keadaan Bilik Calet Banglo Yang Selesa**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Calet Banglo Agro Resort Semuji

Tarikh: 18 Ogos 2009

### • Penyewaan Kemudahan Untuk Kursus/Latihan

Selain menyediakan kemudahan penginapan, Agro Resort Semuji juga turut menyediakan kemudahan seperti dewan seminar, bilik mesyuarat dan peralatan sukan yang dikenakan caj bagi setiap penggunaan. Lawatan Audit pada Ogos 2009 mendapati kemudahan yang disediakan seperti Dewan Sri Berkelah, Dewan

Sri Semuji, asrama dan dewan makan adalah dalam keadaan baik, teratur serta selesa seperti di **Foto 11.9** dan **Foto 11.10**.

**Foto 11.9**  
Asrama Yang Disediakan  
Untuk Para Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Asrama Agro Resort Semuji  
Tarikh: 18 Ogos 2009

**Foto 11.10**  
Dewan Makan Yang Disediakan  
Untuk Para Peserta



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Dewan Makan Agro Resort Semuji  
Tarikh: 18 Ogos 2009

- **Perlادangan Kelapa Sawit Dan Dusun Buah-Buahan** - Selain menyediakan kemudahan tempat penginapan dan kemudahan kursus, Agro Resort Semuji juga ada mengusahakan tanaman kelapa sawit serta tanaman buah-buahan seperti durian dan rambutan di sekeliling kawasan resort dengan keluasan 52.12 hektar bagi menjana pendapatan resort. Semakan Audit mendapati tanaman ini dibahagikan kepada lima kawasan seperti di **Jadual 11.10**.

**Jadual 11.10**  
Keluasan Dan Jenis Tanaman Yang Diusahaakan Oleh Agro Resort Semuji

Kawasan	Keluasan (Hektar)	Jenis Tanaman		
		Kelapa Sawit (Hektar)	Durian (Pokok)	Rambutan (Pokok)
A	18.53	17	126	-
B	21.65	10	605	25
C	8.06	-	250	643
D	3.84	-	95	12
E	4.04	3	259	-
<b>Jumlah</b>	<b>56.12</b>	<b>30</b>	<b>1,335</b>	<b>680</b>

Sumber: Rekod Agro Resort Semuji

- **Aktiviti Sampingan** - Pihak Audit mendapati beberapa aktiviti sampingan juga disediakan sebagai daya tarikan pelancong serta pendapatan tambahan kepada resort seperti ternakan ikan tilapia, ikan patin, rusa dan burung unta. Ikan-ikan yang diternak akan dijadikan sajian kepada pengunjung yang datang ke Restoran Agro Resort Semuji dengan masakan tradisional Negeri Pahang serta turut menerima tempahan daripada hotel-hotel di sekitar Kuantan. **Foto 11.11** hingga **Foto 11.13** menunjukkan aktiviti sampingan di resort ini.

**Foto 11.11**  
**Ternakan Rusa**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kandang Rusa Agro Resort Semuji  
Tarikh: 18 Ogos 2009

**Foto 11.12**  
**Ternakan Burung Unta**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kandang Burung Unta Agro Resort Semuji  
Tarikh: 18 Ogos 2009

**Foto 11.13**  
**Ternakan Ikan Air Tawar**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kolam Ikan, Agro Resort Semuji  
Tarikh: 18 Ogos 2009

- iii) **Prestasi Keuntungan** - Semakan Audit mendapati pendapatan Agro Resort Semuji bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah berjumlah RM1.12 juta, RM0.96 juta dan RM1.21 juta masing-masing seperti di **Jadual 11.11**.

**Jadual 11.11**  
**Sumber Pendapatan Agro Resort Semuji**  
**Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**

Jenis Pendapatan	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Jualan Buah-Buahan	0.03	0.02	0.03
Latihan dan Seminar	0.89	0.76	0.90
Sewaan Tempat/Calet	0.05	0.01	0.08
Isirong	0.01	0.02	0.01
Minyak Sawit	0.08	0.11	0.12
Pelbagai Pendapatan	0.06	0.04	0.07
<b>Jumlah</b>	<b>1.12</b>	<b>0.96</b>	<b>1.21</b>

Sumber: Rekod Kewangan LCSB

Analisis Audit mendapati pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti pelancongan tani di Agro Resort Semuji ini tidak mencapai sasaran seperti yang diharapkan. Pendapatan sebenar yang diperoleh pada tahun 2007 hingga 2009 adalah tidak sampai 60% daripada jumlah pendapatan yang disasarkan. Selain itu, semakan Audit juga mendapati aktiviti ini telah mengalami kerugian seperti di **Jadual 11.12**.

**Jadual 11.12**  
**Jumlah Kerugian Agro Resort Semuji**  
**Bagi Tahun Kewangan 2007 Hingga 2009**

Perihal	Tahun		
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)
Sasaran Pendapatan	2.27	2.24	2.15
Pendapatan Sebenar	1.12	0.96	1.21
<b>% Pencapaian</b>	<b>49.3%</b>	<b>42.9%</b>	<b>56.3%</b>
Perbelanjaan	1.70	1.84	1.70
<b>Jumlah Kerugian</b>	<b>0.58</b>	<b>0.88</b>	<b>0.49</b>

Sumber: Rekod Kewangan LCSB

Antara faktor yang menyumbang kepada kerugian ini adalah peningkatan perbelanjaan operasi bagi pentadbiran, kos latihan, penyenggaraan ladang, pemeliharaan ternakan dan belanja susut nilai. Pada tahun 2008, perbelanjaan operasi lebih tinggi berbanding tahun 2007 iaitu sejumlah RM1.84 juta. Peningkatan dalam perbelanjaan ini antaranya adalah disebabkan oleh kos membaik pulih calet dan kandang ternakan yang rosak.

*Maklum balas yang diterima daripada LCSB menjelaskan jumlah pendapatan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2007 dan 2008 adalah kerana keadaan ekonomi yang muram menyebabkan banyak tempahan daripada Agensi/Jabatan yang dibatalkan. Dengan promosi yang berterusan, pada tahun 2009 dan 2010 pendapatan Agro Resort Semuji telah menunjukkan peningkatan walaupun masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan.*

*Selain itu, Agro Resort Semuji juga adalah dijadikan sebagai pusat latihan dalaman bagi kakitangan syarikat yang secara tidak langsung telah mengurangkan kos latihan bagi LCSB.*

**Pada pendapat Audit, aktiviti pelancongan tani Agro Resort Semuji adalah kurang memuaskan. Walaupun aktiviti ini pada konsepnya adalah amat baik bagi mempromosikan Negeri Pahang, namun pelaksanaan aktiviti ini melibatkan kos yang tinggi berbanding pendapatan yang diperoleh. Syarikat akan menanggung kerugian yang semakin meningkat dari semasa ke semasa jika tiada sebarang tindakan diambil bagi menarik lebih ramai pengunjung ke sini atau mengurangkan kos operasi.**

#### **11.4.3 Tadbir Urus Korporat**

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, LCSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaianya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah, penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, pembayaran dividen, pembayaran bonus dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat LCSB mendapatkan perkara seperti berikut:

##### **a) Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan. Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini mestilah terdiri daripada pihak pengurusan dan ahli luar. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2009, jawatankuasa ini belum ditubuhkan. Peranan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 antara lain adalah termasuk menyemak aktiviti audit dalam.

*Maklum balas yang diterima daripada LCSB menjelaskan pada masa ini syarikat merasakan belum perlu ditubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan kerana saiz syarikat yang masih kecil dan tidak kompleks. Namun syarikat akan membawa syor penubuhan jawatankuasa ini kepada Lembaga Pengarah.*

##### **b) Pengurusan Kewangan**

Pengurusan kewangan adalah meliputi kawalan bajet, kawalan pendapatan, kawalan perbelanjaan, pengurusan sumber manusia, pengurusan aset/inventori dan pengurusan pinjaman. Pengurusan kewangan yang cekap akan memantapkan lagi pengurusan syarikat. Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan syarikat mendapatkan perkara seperti kawalan bajet, kawalan pendapatan, kawalan perbelanjaan, pengurusan

pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan sumber manusia secara keseluruhannya telah dilaksanakan dengan memuaskan, kecuali perkara berikut:

- i) **Pembayaran Dividen** - Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan masing-masing dan akan diisyiharkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah sesebuah syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 (Dasar dan garis panduan pembayaran dividen oleh syarikat Kerajaan) ada menetapkan mengenai pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kepada Kerajaan/Agenzi Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Semakan Audit mendapati pada tahun kewangan 2007 dan 2008, LCSB ada membuat pembayaran dividen kepada LKPP berjumlah RM6.1 juta dan RM9.3 juta masing-masing daripada keuntungan yang diperoleh sebagai pulangan kepada pelaburan. Namun dividen yang dibayar bagi tahun kewangan 2007 adalah kurang daripada 10% atas keuntungan selepas cukai syarikat. Dividen yang sepatutnya dibayar bagi tahun kewangan 2007 adalah sekurang-kurangnya sejumlah RM6.6 juta iaitu 10% daripada keuntungan syarikat, tetapi dividen yang dibayar adalah sejumlah RM6.1 juta. Dividen terkurang bayar adalah sejumlah RM0.5 juta. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 11.13**.

**Jadual 11.13**  
**Pembayaran Dividen Oleh LCSB**

Butiran	Tahun Kewangan
	2007
Modal Saham Berbayar LCSB (RM)	32,973,797
Pembayaran Dividen/Unit Saham	25 sen
Tolak Cukai Pendapatan (%)	26
<b>Jumlah Dividen Yang Dibayar (RM)</b>	<b>6,100,152</b>
Keuntungan Selepas Cukai LCSB (RM)	66,274,658
<b>Dividen Patut Di Bayar (10% Atas Keuntungan) (RM)</b>	<b>6,627,465</b>
<b>Perbezaan (RM)</b>	<b>527,313</b>

Sumber: Rekod Kewangan LCSB

*Maklum balas yang diterima daripada LCSB menjelaskan syarikat akan mematuhi pekeliling berkaitan apabila mencadangkan pembayaran dividen pada masa akan datang.*

- ii) **Pembayaran Bonus** - Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta untuk mematuhi pekeliling selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993. Bagi syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkusa Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri

Besar/Ketua Menteri berkenaan merangkumi bayaran bonus kepada semua pegawai dan kakitangan syarikat induk dan syarikat subsidiari berasaskan kepada prestasi setiap syarikat yang diperakukan untuk bayaran bonus. Selain itu, pekeliling ini menetapkan bayaran bonus seharusnya tidak melebihi dua bulan gaji kecuali secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang yang mana ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berasaskan kepada keuntungan operasi tiga tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa. Semakan Audit mendapati sebagai langkah untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat, LCSB telah memberikan insentif kewangan berbentuk bonus kepada pegawai dan kakitangannya berasaskan prestasi kewangan syarikat dan penilaian prestasi tahunan pegawai dan kakitangan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Pemberian Bonus LCSB. Semakan Audit terhadap bayaran bonus LCSB bagi tempoh 2006 hingga 2008 mendapati pembayaran bonus interim adalah pada kadar dua bulan gaji. Manakala, bonus tambahan adalah antara satu hingga lapan bulan gaji mengikut prestasi pegawai. Jumlah ini adalah melebihi kadar dua bulan gaji seperti yang ditetapkan pekeliling berkaitan. Bayaran bonus LCSB bagi tempoh 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 11.14.**

**Jadual 11.14**  
**Jumlah Pembayaran Bonus LCSB Bagi Tempoh 2006 Hingga 2008**

Tahun	Keuntungan Sebelum Cukai		Bayaran Bonus		
	Keuntungan (RM Juta)	Peratus Peningkatan (%)	Bonus Interim (RM Juta)	Bonus Tambahan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
2006	39.22	1.9	0.25	1.47	1.72
2007	91.39	133	0.64	1.95	2.59
2008	101.10	10.6	0.66	1.98	2.64

Sumber: Rekod Kewangan LCSB

Analisis Audit mendapati trend bayaran bonus LCSB adalah tidak selari dengan trend keuntungan sebelum cukai syarikat. Analisis Audit juga mendapati peningkatan keuntungan syarikat adalah disebabkan kenaikan mendadak harga pasaran sawit pada tahun 2007 dan 2008. Keadaan harga pasaran sawit ini adalah tidak menentu dan tertakluk kepada perubahan. Selain itu, cadangan bayaran bonus LCSB adalah diusulkan melalui *board paper* yang disediakan oleh Pengurus Kewangan Dan Pentadbiran dan dipersetujui oleh Pengurus Besar serta diluluskan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah. Pihak Audit mendapati pembayaran bonus LCSB tidak dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkusa Negeri untuk kelulusan Menteri Besar seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan berkenaan.

*Maklum balas yang diterima daripada LCSB menjelaskan pembayaran bonus sebanyak dua bulan gaji adalah dibayar kepada semua kakitangan dan pembayaran selebihnya adalah berdasarkan prestasi kakitangan dan keuntungan syarikat. Pembayaran bonus ditentukan*

sepenuhnya oleh Ahli Lembaga Pengarah. Saranan Audit akan diberi perhatian dan pada masa akan datang pembayaran bonus akan dibawa untuk tindakan Pihak Berkuasa Negeri.

- iii) **Jumlah Terhutang Oleh Syarikat Milikan** - Semakan Audit mendapati LCSB ada memberi pinjaman atau pendahuluan kepada syarikat milikan, syarikat berkaitan dan para pekerjanya sebagai kemudahan. Baki pendahuluan yang diberi kepada empat syarikat milikannya yang terdiri daripada LKPP-QI Resorts Sdn. Bhd., Dominion Media Sdn. Bhd., Makmur Dairy Sdn. Bhd. dan Dominion Square Sdn. Bhd. pada tahun 2007 dan 2008 adalah sejumlah RM21.30 juta dan RM24.30 juta masing-masing. Pendahuluan ini diberi adalah bertujuan supaya syarikat-syarikat tersebut dapat meneruskan operasi masing-masing. Namun pihak Audit mendapati pendahuluan yang diberikan ini tidak diikat dengan sebarang perjanjian. Oleh yang demikian, jumlah pendahuluan ini tidak dikenakan sebarang faedah, tidak dijamin dan tidak mempunyai tempoh bayaran balik.

*Maklum balas yang diterima daripada LCSB menjelaskan perjanjian pinjaman tidak dibuat kerana syarikat milikan berkenaan merupakan pengembangan perniagaan syarikat yang memerlukan dana yang mudah dan tidak dibebankan dengan perbelanjaan faedah supaya berdaya maju. Pendahuluan yang diberi adalah bagi mengurangkan bebanan kewangan syarikat milikan di samping mengharapkan keuntungan yang dijana sebagai pulangan kepada pelaburan.*

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat LCSB adalah kurang memuaskan terutama berkaitan kawalan perbelanjaan. Perbelanjaan yang tidak terkawal boleh menjelaskan prestasi kewangan syarikat pada masa akan datang. Selain itu, peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan perlulah dipatuhi sewajarnya.**

#### 11.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan syarikat LCSB adalah baik. Prestasi kewangan syarikat berada pada kedudukan yang kukuh dan prestasi aktiviti juga adalah baik. Namun pengurusan tadbir urus korporat syarikat berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan, kawalan perbelanjaan, bayaran dividen dan pemberian bonus perlulah diberi perhatian dan penekanan bagi memantapkan lagi pengurusan syarikat dan menjadikan LCSB sebagai syarikat yang berdaya saing. Selain itu, walaupun kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap kukuh, keuntungan syarikat adalah bergantung pada harga pasaran sawit. Kejatuhan harga pasaran sawit boleh menjelaskan prestasi keuntungan syarikat. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

- b)** Menyediakan pelan pengurusan risiko kewangan bagi menjamin kedudukan syarikat jika berlaku kejatuhan pada harga pasaran sawit.
- c)** Mempertingkatkan pengurusan kewangan syarikat terutama dalam mengawal perbelanjaan dengan melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemat dalam semua aspek.
- d)** Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat serta menyumbang kepada peningkatan sosio ekonomi Negeri Pahang.
- e)** Mempertingkatkan pemantauan di peringkat Lembaga Pengarah serta menjalankan tindakan susulan bagi memastikan peraturan dan panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap syarikat berkaitan Kerajaan dipatuhi.

## **LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

### **12. LKPP PADI SDN. BHD.**

#### **12.1 LATAR BELAKANG**

LKPP Padi Sdn. Bhd. (LPSB) merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri Pahang iaitu Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (LKPP) dengan 100% modal berbayarnya adalah dimiliki oleh LKPP. LPSB telah ditubuhkan pada 28 Jun 1995 dengan modal dibenarkan berjumlah RM10 juta dan modal berbayarnya setakat ini sejumlah RM5 juta. Penubuhan LPSB adalah bertujuan untuk membangunkan sawah komersial di kawasan tanah terbiar terutama di Daerah Rompin. Sawah komersial merupakan satu pendekatan dalam mewujudkan industri tanaman padi yang berdaya maju dan menguntungkan. Misi korporat LPSB adalah membangunkan sektor pengeluaran makanan yang moden, cekap dan mapan serta mewujudkan program yang seimbang antara perkembangan perniagaan dan sosial. Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah seramai lima orang. Aktiviti utama LPSB adalah mengeluarkan padi secara komersial. Dalam mempelbagaikan aktivitinya LPSB juga menjalankan ternakan ikan air tawar dan perladangan kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat LKPP Corporation Sdn. Bhd. (LCSB).

#### **12.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan telah dijaga dan sumber tersebut telah diurus oleh syarikat dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan fungsi yang ditetapkan.

#### **12.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi penilaian terhadap prestasi kewangan, prestasi aktiviti dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan seperti Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat, dokumen-dokumen kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, sumber pembiayaan Kerajaan, aktiviti utama syarikat dan sebagainya. Manakala analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh tiga tahun berakhir 31 Disember 2008. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan turut dibuat terhadap aset, kemudahan yang disediakan dan aktiviti utama syarikat.

## **12.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada November hingga Disember 2009 mendapati LPSB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.40 juta pada tahun 2008 berbanding RM0.61 juta pada tahun 2007 dan RM0.12 juta pada tahun 2006. Pengurusan aktiviti utama syarikat iaitu penanaman padi adalah memuaskan. Walaupun pengurusan tanaman padi memerlukan kepakaran dan terdedah kepada pelbagai risiko, namun syarikat mampu memperoleh keuntungan pada tahun 2008 dan seterusnya mengurangkan kerugian terkumpul syarikat. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

### **12.4.1 Prestasi Kewangan**

#### **a) Analisis Trend**

Analisis trend mendapati berlakunya peningkatan dan penurunan pada keuntungan sebelum cukai LPSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Keuntungan sebelum cukai LPSB pada tahun 2006 adalah berjumlah RM0.12 juta meningkat kepada RM0.61 juta pada tahun 2007 dan menurun kepada RM0.40 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2007, LPSB mencatatkan peningkatan keuntungan yang ketara iaitu sejumlah RM0.49 juta atau 408%. Manakala pada tahun 2008 berlaku penurunan dalam keuntungan sejumlah RM0.21 juta atau 34.4%. Peningkatan yang berlaku pada tahun 2007 adalah disebabkan pertambahan dalam jumlah pendapatan yang diperoleh berbanding tahun 2006 iaitu sejumlah RM0.57 juta. Manakala penurunan pada tahun 2008 adalah berpunca daripada penurunan pendapatan sejumlah RM0.14 juta. Jumlah perbelanjaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun juga menjadi faktor kepada penurunan semula keuntungan sebelum cukai LPSB.

Pendapatan utama LPSB adalah daripada hasil jualan padi, pembahagian keuntungan ladang kelapa sawit, sewa sawah padi, insentif membajak dan insentif banjir. Jumlah pendapatan LPSB meningkat daripada RM1.48 juta pada tahun 2006 menjadi RM2.05 juta pada tahun 2007 dan menurun kepada RM1.91 juta pada tahun 2008. Peningkatan pendapatan sejumlah RM0.57 juta atau 38.5% pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh peningkatan yang ketara daripada pembahagian keuntungan pengurusan ladang kelapa sawit milik LPSB iaitu sejumlah RM0.61 juta atau 338.9%. Keuntungan yang diperoleh pada tahun 2006 adalah berjumlah RM0.18 juta, meningkat menjadi RM0.79 juta pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah kesan daripada perubahan kadar perkongsian keuntungan kendalian terhadap ladang kelapa sawit LPSB pada 25 Januari 2007 iaitu daripada 70:30 (70% LCSB dan 30% LPSB) kepada 65:35 (65% LCSB dan 35% LPSB). Bagaimanapun, pada tahun 2008 pendapatan LPSB menurun kepada RM1.91 juta kesan daripada kejatuhan harga pasaran sawit pada tahun tersebut. Selain itu, pendapatan utama LPSB iaitu hasil jualan padi telah menunjukkan penurunan sejumlah RM0.12 juta pada tahun 2007 berbanding hasil jualan yang dicatat pada tahun 2006 iaitu sejumlah RM1.10 juta. Punca penurunan adalah disebabkan banjir besar yang

melanda pada penghujung tahun 2006 dan awal tahun 2007 serta serangan Bena Perang dan penyakit karah/reput tangkai yang menyebabkan hasil padi terjejas teruk. Pada tahun 2008, hasil jualan padi meningkat kepada RM1.10 juta kerana harga pasaran padi yang tinggi iaitu mencecah RM1,050/metrikk tan. Namun peningkatan hasil ini tidak dapat mengatasi jumlah pendapatan pada tahun sebelumnya.

Perbelanjaan LPSB pula terbahagi kepada dua kategori iaitu kos projek dan perbelanjaan kendalian lain. Kos projek merangkumi semua perbelanjaan berkaitan ladang, manakala perbelanjaan kendalian lain merupakan perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran. Analisis Audit mendapati jumlah perbelanjaan LPSB meningkat pada tahun 2007 dan 2008 daripada RM1.36 juta pada tahun 2006 meningkat kepada RM1.44 juta pada tahun 2007 dan seterusnya meningkat kepada RM1.51 juta pada tahun 2008. Peningkatan sejumlah RM0.08 juta atau 5.9% pada tahun 2007 dan RM0.07 juta atau 4.9% pada tahun 2008 adalah disebabkan peningkatan ketara perbelanjaan kendalian lain seperti bayaran bonus, elauan pengarah, ganjaran pengarah dan peruntukan rosot nilai pelaburan.

**b) Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Syarikat**


Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 12.1, Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

**Jadual 12.1**  
**Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Sebelum Cukai LPSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	1.43	1.99	1.82
Perbelanjaan Operasi	1.02	0.91	0.90
<b>Untung Kasar</b>	<b>0.41</b>	<b>1.08</b>	<b>0.92</b>
Pendapatan Lain	0.05	0.06	0.09
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	0.34	0.53	0.61
<b>Untung Operasi</b>	<b>0.12</b>	<b>0.61</b>	<b>0.40</b>
Kos Kewangan	-	-	-
<b>Untung Sebelum Cukai</b>	<b>0.12</b>	<b>0.61</b>	<b>0.40</b>
Cukai	-	0.01	-
<b>Untung Bersih</b>	<b>0.12</b>	<b>0.60</b>	<b>0.40</b>


Sumber: Penyata Kewangan LPSB

**Carta 12.1**  
**Trend Keuntungan Sebelum Cukai LPSB**  
**Bagi Tahun Kewangan**  
**2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan LPSB

**Carta 12.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan LPSB**  
**Bagi Tahun Kewangan**  
**2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan LPSB

### c) Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbalan dan Penyata Pendapatan syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan tersebut adalah seperti di **Jadual 12.2**.

**Jadual 12.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan LPSB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	5.89:1	6.43:1	4.82:1
Margin Keuntungan	0.08:1	0.30:1	0.22:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.04:1	0.16:1	0.10:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.02:1	0.12:1	0.08:1

Sumber: Penyata Kewangan LPSB

- i) **Nisbah Semasa** - Analisis Audit mendapati kadar kecairan LPSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah antara 4.82 hingga 6.43 kali. Berdasarkan nisbah semasa ini kedudukan kewangan LPSB adalah kukuh dan berupaya untuk menanggung keseluruhan liabiliti semasanya pada bila-bila masa tanpa memerlukan pembiayaan luar atau Agensi Induk.
- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati Margin Keuntungan LPSB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah antara lapan sen hingga 30 sen. Walaupun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2008 namun margin keuntungan LPSB adalah masih baik.

- iii) **Pulangan Ke Atas Aset** - Analisis Audit mendapati pulangan yang diterima adalah semakin meningkat daripada empat sen pada tahun 2006 menjadi 16 sen pada tahun 2007 dan menurun kepada 10 sen pada tahun 2008. Nisbah ini menunjukkan LPSB cekap menguruskan asetnya bagi menjana keuntungan.
- iv) **Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Analisis Audit menunjukkan Nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti LPSB meningkat daripada dua sen pada tahun 2006 kepada 12 sen pada tahun 2007 dan menurun kepada lapan sen pada tahun 2008. Walaupun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2008 namun LPSB masih memperoleh keuntungan daripada ekuiti yang dilaburkan.

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan pelbagai usaha telah dilakukan untuk memastikan syarikat tidak terus mengalami kerugian. Sejak mula beroperasi pada tahun 1995 hingga 2004 syarikat telah mengalami kerugian berpanjangan dan hanya pada tahun 2005 sahaja syarikat baru memperoleh keuntungan dan dijangka terus stabil dengan penglibatan syarikat dalam tanaman sawit. Operasi tanaman padi akan terus dipertingkatkan agar aktiviti utama ini mampu memberi keuntungan operasi kepada syarikat.*

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan LPSB adalah berada pada kedudukan yang baik. Analisis nisbah menunjukkan syarikat adalah berupaya bagi membiayai liabilitinya dan cekap dalam menguruskan aset dan ekuitinya. Walaupun berlaku sedikit penurunan dalam keuntungan syarikat pada tahun 2008, namun kedudukan kewangan syarikat adalah masih baik.

#### 12.4.2 Prestasi Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap dan berkesan akan memastikan kelancaran perjalanan syarikat dan seterusnya menjamin pencapaian objektif. Aktiviti utama LPSB adalah pengeluaran padi secara komersial. Dalam mempelbagaikan aktivitinya LPSB juga ada menjalankan aktiviti penternakan ikan air tawar dan perladangan kelapa sawit yang diuruskan oleh LCSB. Semakan Audit terhadap aktiviti LPSB mendapati perkara seperti berikut:

##### a) Pengeluaran Padi Secara Komersial

LPSB telah ditubuhkan pada awalnya bagi membangunkan sawah-sawah terbiar terutamanya di Daerah Rompin. Sehubungan itu, LKPP telah menyerahkan sebidang tanah seluas 892 hektar di Mukim Pontian Daerah Rompin secara pajakan kepada LPSB untuk dimajukan sebagai kawasan pertanian terutamanya bagi membangunkan semula sawah padi terbiar dan aktiviti pertanian yang lain. Satu perjanjian pajakan telah ditandatangani antara LKPP dengan LPSB pada 25 Mac 2004. Antara syarat yang terkandung dalam perjanjian pajakan ini adalah:

- Tanah tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan pertanian.
- Sewa tahunan pada kadar RM10 seekar bagi kawasan yang dibangunkan.
- Tempoh pajakan adalah selama 10 tahun berakhir pada tahun 2008.

- Sumbangan hendaklah diberi kepada LKPP sekiranya pengeluaran padi adalah melebihi lima tan metrik sehektar semusim.
- Tanah tersebut adalah dilarang daripada dicagar dan digadai.

Semakan Audit mendapati tempoh pajakan ini telah dilulus untuk disambung selama 10 tahun lagi iaitu sehingga 2018 dengan syarat kadar sewa tahunan dinaikkan daripada RM10 kepada RM20. Pihak Audit juga mendapati sewa pajakan ini telah dibayar mengikut kadar yang ditetapkan.

- i) **Pembangunan Sawah Padi LPSB** - Semakan Audit mendapati sawah padi yang diusahakan oleh LPSB dibahagikan kepada dua sawah utama seperti di **Jadual 12.3**.

**Jadual 12.3**  
**Sawah Padi Yang Diusahakan Oleh LPSB**

Bil.	Nama Sawah	Keluasan (hektar)	Hak Milik Tanah	Catatan
1.	Paya Kerpai	348	Tanah yang dipajak daripada LKPP	303 hektar daripada sawah ini disewakan kepada Mesra Borong Sdn. Bhd.
2.	Paya Laka	388	Lot peserta diusahakan oleh LPSB	Kawasan bertanam seluas 315 hektar. Peserta menerima subsidi harga padi sahaja.

Sumber: Rekod LPSB

Sistem pengurusan padi LPSB adalah secara komersial sama ada bagi ladangnya sendiri atau lot-lot tanah peserta yang diuruskan. Semakan Audit mendapati 303 hektar daripada sawah padi Sungai Kerpai telah disewakan kepada syarikat Mesra Borong Sdn. Bhd.. Hanya 45 hektar daripada sawah ini yang diusahakannya. Semakan Audit juga mendapati mulai tahun 2008, LPSB telah melantik kontraktor bagi membekal dan kawalan tenaga pekerja bagi kerja-kerja di sawah Paya Laka. Antara kerja yang perlu dilakukan oleh kontraktor yang dilantik dan kadar harga yang diberi adalah seperti di **Jadual 12.4**.

**Jadual 12.4**  
**Kontrak Kerja Dan Kadar Harga Yang Ditawarkan**

Bil.	Kontrak Kerja	Kadar Harga/Ha (RM)
1.	Menabur Benih	38.00
2.	Meracun Rumpai/Serangga/Penyakit	38.00
3.	Membaja 1 (Urea-100kg/ha)	20.60
4.	Membaja 2 (Sebatian – 200kg/ha)	41.40
5.	Membaja 3 (Sebatian – 125kg/ha)	26.70
6.	Meracun Batas	14.50

Sumber: Rekod LPSB

Selain itu, kontraktor juga akan diberi insentif berbentuk komisen bagi setiap peningkatan hasil padi yang diusahakan berdasarkan kepada formula yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati komisen telah dibayar kepada kontraktor yang telah mencapai peningkatan hasil mengikut formula yang ditetapkan tersebut.

**Foto 12.1 hingga Foto 12.4** menunjukkan sebahagian daripada kerja-kerja di sawah padi berkenaan.

**Foto 12.1**  
**Kerja Membajak Sawah Sedang Dijalankan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sawah Paya Laka, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

**Foto 12.3**  
**Proses Semburhan Biji Benih Padi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sawah Padi Paya Laka, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

**Foto 12.2**  
**Biji Benih Padi Sebelum Proses Penyemburan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sawah Paya Laka, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

**Foto 12.4**  
**Saliran Yang Digunakan Bagi Mengairi Sawah Padi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Sawah Padi Paya Laka, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

- ii) **Sewaan Sawah Paya Kerpai** - LPSB telah menyewakan sebahagian sawah padi Paya Kerpai seluas 303 hektar (748 ekar) kepada Syarikat Mesra Borong Sdn. Bhd. kerana kekurangan pekerja dan kepakaran serta penanaman padi yang memerlukan perhatian yang lebih dan terdedah kepada pelbagai risiko. Syarikat Mesra Borong Sdn. Bhd. telah dipilih kerana berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam penanaman padi. Semakan Audit mendapati satu perjanjian telah ditandatangani di antara LPSB dan Syarikat Mesra Borong Sdn. Bhd. pada 1 Jun 2004. Sewaan sawah ini adalah bagi tempoh tiga tahun bermula 1 Jun 2004 dengan kadar sewa tahunan RM200 seekar. Perjanjian sewaan ini telah dilanjutkan selama

dua tahun lagi mengikut syarat yang dipersetujui. Bayaran sewaan 50% hendaklah dibuat pada minggu pertama Januari, manakala 50% berikutnya dibayar pada Jun setiap tahun. Semakan Audit mendapati sewa sawah ini telah dibayar mengikut jadual dan kadar yang ditetapkan iaitu sejumlah RM149,600 setahun.

- iii) **Pengurusan Lot Peserta** - Selain menguruskan sawah padi miliknya, LPSB juga menguruskan sawah padi milik peserta iaitu sawah padi Paya Laka yang berkeluasan 388 hektar dengan kawasan bertanam seluas 270.34 hektar. Sawah ini merupakan sawah terbiar yang pada awalnya diusahakan oleh orang perseorangan dan tanah ini masih berstatus tanah TOL. LPSB telah membangunkan semula sawah ini dan peserta telah diberi subsidi harga padi yang diperoleh bagi setiap jualan padi pada kadar RM0.2481 bagi setiap kilogram padi yang dijual. Semakan Audit mendapati sumbangan subsidi harga padi yang diperoleh oleh setiap peserta adalah semakin meningkat berikutan pengeluaran hasil padi yang semakin meningkat dan kadar subsidi juga semakin tinggi seperti di **Jadual 12.5**.

**Jadual 12.5**  
**Subsidi Harga Padi Bagi Setiap Peserta**  
**Bagi Tempoh 1998 Hingga 2008**

Tahun	Pendapatan Subsidi (RM)	Jumlah Dibayar (RM)	Bilangan Peserta (Orang)	Pendapatan Setiap Peserta (RM)
1998	-	78,600	262	300
1999	-	68,700	229	300
2000	89,672	89,669	263	340
2001	250,793	250,794	263	953
2002	420,751	420,752	263	1,599
2003	274,743	274,745	263	1,044
2004	350,546	350,550	263	1,332
2005	309,751	309,751	263	1,177
2006	416,691	416,691	267	1,560
2007	422,620	422,620	267	1,582
2008	465,336	465,336	267	1,742
<b>Jumlah</b>	<b>3,000,902</b>	<b>3,148,212</b>	<b>267</b>	<b>11,936</b>

Sumber: Rekod LPSB

- iv) **Prestasi Pengeluaran Hasil Padi Dan Keuntungan LPSB** - Semakan Audit mendapati purata hasil bersih setakat ini hanyalah 3.5 metrik tan/hektar dan masih jauh daripada sasaran Kerajaan iaitu 10 metrik tan/hektar. Aspek pengurusan tanaman secara estet masih sukar diterapkan bagi tanaman padi kerana faktor tenaga buruh, cuaca, sistem pengairan dan infrastruktur sawah. Kawalan kos masih perlu diberi perhatian kerana risiko penghasilan yang tidak terjamin dalam tanaman jangka pendek ini. Sasaran purata hasil padi bagi kawasan ini adalah enam metrik tan/hektar dan perlu dicapai sekurang-kurangnya untuk dua musim berturut-turut sebelum dianggap berjaya. Memandangkan Rompin masih berada di luar kawasan Jelapang, maka tidak banyak peruntukan Kerajaan disalurkan berbanding kawasan Jelapang yang sering mendapat bantuan Agensi Kerajaan yang lain. Bagi sawah padi LPSB yang diusahakan secara komersial, seluas 348 hektar masih tidak dibekalkan subsidi baja atau subsidi harga padi dan ini agak menyukarkan kerana

kos baja yang semakin meningkat sedangkan hasil padi adalah tidak menentu. Pewartaan sebagai Mini Jelapang sangat diperlukan agar permohonan subsidi dan peruntukan Kerajaan dapat disalurkan dengan mudah. Ia dapat menggalakkan lebih ramai petani terlibat membuka kawasan baru dengan lebih luas lagi. Pertambahan dalam keluasan kawasan tanaman dijangka dapat membantu mengurangkan serangan penyakit dan serangga perosak. Rekod pengeluaran hasil padi LPSB mengikut sawah bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 12.6** dan **Jadual 12.7**.

**Jadual 12.6**  
**Rekod Pengeluaran Hasil Padi Sawah Paya Kerpai**  
**Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Musim	Hasil Pengeluaran			Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Keuntungan (RM)
	Berat Kasar (Kg)	Purata Potongan (%)	Berat Bersih (Kg)			
Musim 1/2007 (Okt. 06-Apr. 07)	119,450	18	97,949	65,625	54,522	11,103
Musim 2/2007 (Mei 07-Sep. 07)	124,930	18	102,442	74,070	70,138	3,932
Musim 1/2008 (Okt. 07-Mac 08)	120,040	18	98,432	71,836	65,164	6,671
Musim 2/2008 (Apr. 08- Sept. 08)	108,450	18	88,929	93,375	76,684	16,691
Musim 1/2009 (Okt. 08-Mac 09)	144,300	18	118,330	136,074	90,128	45,946

Sumber: Rekod LPSB

**Jadual 12.7**  
**Rekod Pengeluaran Hasil Padi Sawah Paya Laka**  
**Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Musim	Hasil Pengeluaran			Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Keuntungan (RM)
	Berat Kasar (Kg)	Purata Potongan (%)	Berat Bersih (Kg)			
Musim 1/2007 (Okt. 06-Apr. 07)	761,480	18	624,200	436,570	386,047	50,523
Musim 2/2007 (Mei 07-Okt. 07)	768,480	18	630,153	454,768	408,333	46,434
Musim 1/2008 (Okt. 07-Mac 08)	793,346	18	650,543	471,950	389,956	81,993
Musim 2/2008 (Apr. 08-Sep. 08)	572,000	18	469,040	492,492	388,785	103,706
Musim 1/2009 (Okt. 08-Mac 09)	898,260	18	736,570	794,972	631,578	163,393
Musim 2/2009 (Apr. 09-Sep. 09)	974,310	18	798,934	862,848	503,593	359,255

Sumber: Rekod LPSB

**Jadual 12.8** pula menunjukkan prestasi keuntungan/(kerugian) operasi penanaman padi syarikat secara keseluruhannya sejak mula ditubuhkan.

**Jadual 12.8**  
**Prestasi Keuntungan/(Kerugian) Tanaman Padi Dan LPSB Secara Keseluruhan**

Tahun	Jualan Padi (RM)	Perbelanjaan Operasi Ladang (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) Jualan Padi (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) LPSB (RM)	Dividen Dibayar (RM)	Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul LPSB (RM)
1995	47,428	162,725	(115,297)	(185,655)	0	(185,655)
1996	636,595	794,863	(158,268)	(557,085)	0	(742,740)
1997	828,694	981,707	(153,013)	(324,404)	0	(1,067,144)
1998	615,336	1,098,360	(483,024)	(826,736)	0	(1,893,880)
1999	902,555	1,644,276	(741,721)	(851,522)	0	(2,745,402)
2000	579,879	1,256,328	(676,449)	(881,159)	0	(3,626,561)
2001	499,316	756,948	(257,632)	75,434	0	(3,551,127)
2002	1,831,264	1,903,804	(72,540)	(501,441)	0	(4,052,568)
2003	1,406,238	1,550,024	(143,786)	(538,478)	0	(4,718,684)
2004	1,032,060	938,072	93,988	(65,030)	0	(4,304,454)
2005	928,886	968,898	(40,012)	2,127	0	(4,302,327)
2006	1,103,212	1,020,692	82,520	119,392	0	(4,182,935)
2007	1,045,735	906,056	139,679	591,814	36,500	(3,627,621)
2008	1,128,379	898,315	230,064	400,202	50,000	(3,277,419)

Sumber: Rekod LPSB

Prestasi keuntungan syarikat secara keseluruhannya setakat ini tidak begitu memberangsangkan kerana hasil padi yang rendah. Bagaimanapun, pada tiga tahun terakhir syarikat mula menunjukkan keuntungan semasa dan pada tahun 2008 syarikat telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpulnya kepada RM3.28 juta.

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh syarikat adalah sesuai dengan keadaan semasa dan tidak lagi banyak terdedah kepada risiko.*

**Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti tanaman padi secara komersial oleh LPSB adalah memuaskan. Usaha yang dijalankan oleh syarikat dengan melantik kontraktor yang mempunyai pengalaman dan kepakaran bagi menjalankan kerja-kerja di sawah padi adalah suatu tindakan yang tepat kerana ini telah meningkatkan pengeluaran hasil padi dan seterusnya keuntungan kepada LPSB.**

#### b) Pengeluaran Ikan Air Tawar

Selain menjalankan pengeluaran padi secara komersial, LPSB juga ada menjalankan pengeluaran ikan air tawar. LPSB mempunyai 19 kolam ikan yang dibahagi kepada 11 kolam besar dan lapan kolam kecil. Projek ini telah dijalankan secara usaha sama kerana LPSB kekurangan kepakaran dan sukar mendapat pasaran bagi ikan-ikan yang dikeluarkan. Satu perjanjian penyewaan telah ditandatangani pada 31 Mei 2007 antara LPSB dan penyewa mengenai operasi ternakan ikan air tawar dalam 19 buah kolam milik LPSB di Rompin. Perjanjian ini adalah untuk tempoh tiga tahun mulai 1 Mei 2007 sehingga 30 April 2010. Penyewa akan diberi peluang untuk meneruskan tempoh

sewaan ini selama tiga tahun lagi mengikut syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui dan perlu memberi notis bertulis tiga bulan sebelum berakhir tarikh perjanjian. Antara syarat utama perjanjian tersebut adalah penyewa akan menggunakan kolam tersebut bagi tujuan ternak air yang dibenarkan dan bertanggungjawab terhadap semua kos operasi dan lain-lain kos yang berkaitan. Sebagai balasan penyewa perlu memberi pulangan tetap pada kadar 4% daripada nilai pengeluaran kasar tangkapan setiap kolam kepada LPSB dan jumlah tersebut mestilah tidak kurang daripada RM2,000 sebulan. Selain itu, pihak Audit mendapati setakat ini hanya ikan toman saja yang diternak di sini kerana permintaannya yang agak tinggi dan penjagaannya yang lebih mudah. Harga jualan ikan toman telah ditetapkan pada kadar purata RM7 sekilogram. Semakan Audit mendapati syarat-syarat perjanjian di atas telah dipatuhi oleh penyewa. Bagaimanapun, hanya 12 buah kolam sahaja yang beroperasi. Laporan hasil jualan ikan LPSB bagi tempoh 2007 hingga 2009 adalah seperti di **Jadual 12.9**.

**Jadual 12.9**

**Laporan Hasil Jualan Ikan LPSB Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	No. Kolam	Tahun					
		2007		2008		2009	
		Kg	(RM)	Kg	(RM)	Kg	(RM)
1.	G1	8,130	56,910	2,957	20,699	23,938	167,566
2.	G2	22,965	160,755	-	-	17,329	121,303
3.	G3	-	-	17,558	122,906	-	-
4.	G4	5,314	37,198	15,103	105,721	-	-
5.	G5	4,068	28,476	-	-	9,349	65,443
6.	G6	-	-	6,465	45,255	-	-
7.	G7	-	-	18,516	129,612	-	-
8.	G8	8,664	60,648	1,229	8,603	16,228	113,596
9.	G9	33,461	234,227	-	-	16,952	118,664
10.	G10	21,528	150,696	20,463	143,241	6,906	48,342
11.	G11	24,709	172,963	18,753	131,271	-	-
12.	G12	-	-	-	-	6,906	48,342
<b>Jumlah</b>		<b>128,839</b>	<b>901,873</b>	<b>101,044</b>	<b>707,308</b>	<b>97,608</b>	<b>683,256</b>
<b>4% kepada LPSB (RM)</b>		<b>36,075</b>		<b>28,292</b>		<b>27,330</b>	
<b>Perbezaan (%)</b>		<b>(21.6)</b>				<b>(3.4)</b>	

Sumber: Rekod LPSB

Nota: (-) - Kolam adalah tidak beroperasi bagi tahun-tahun tersebut.

Hasil jualan ikan LPSB pada tahun 2008 adalah semakin menurun iaitu sejumlah RM0.71 juta berbanding RM0.90 juta pada tahun 2007. Perbezaan sejumlah RM0.19 juta ini telah menyebabkan penurunan pulangan kepada LPSB iaitu sebanyak 21.6% dan jualan ikan ini terus menurun kepada RM0.68 juta pada tahun 2009 dengan kekurangan hasil sebanyak 3.4%. **Foto 12.5** dan **Foto 12.6** menunjukkan kolam ikan milik LPSB yang disewakan.

**Foto 12.5**

**Kawasan Kolam Ikan Milik LPSB Yang Disewakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kolam Ikan LPSB, Rompin

Tarikh: 2 Disember 2009

**Foto 12.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kolam Ikan LPSB, Rompin

Tarikh: 2 Disember 2009

Pada pendapat Audit, pengeluaran ikan air tawar LPSB secara sewaan kolam dengan komisen atas jualan pada harga purata kepada LPSB adalah memuaskan. Ia telah membantu dalam peningkatan keuntungan syarikat dan mengurangkan risiko kerugian.

**c) Pengurusan Ladang Kelapa Sawit**

LPSB juga ada memperoleh hasil daripada perladangan kelapa sawit yang diuruskan oleh LCSB yang juga merupakan syarikat subsidiari LKPP. LPSB telah melantik LCSB sebagai agen tunggalnya untuk penyelenggaraan dan pengurusan ladang melalui perjanjian pengurusan ladang yang ditandatangani pada 25 Januari 2007. Pelantikan ini akan berkuat kuasa selama 25 tahun bermula dari 1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2026. Ia melibatkan persetujuan bersama melalui keputusan Lembaga Pengarah LKPP, LCSB dan LPSB. LCSB akan membangunkan kawasan ladang kelapa sawit tersebut dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan kakitangan di ladang terbabit. Ladang kelapa sawit milik LPSB ini yang diuruskan oleh LCSB adalah seluas 519 hektar terletak di Ladang Kerpai Rompin berhampiran sawah padi Paya Kerpai seperti di **Foto 12.7** dan **Foto 12.8**.

**Foto 12.7**  
**Kawasan Ladang Kelapa Sawit LPSB**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit LPSB, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

**Foto 12.8**  
**Ladang Kelapa Sawit Yang Terletak Bersebelahan Dengan Sawah Padi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Ladang Kelapa Sawit LPSB, Rompin  
Tarikh: 2 Disember 2009

LCSB juga akan menanggung semua kos pembangunan modal dan kos operasi dari mula sehingga pokok berusia lima tahun iaitu tempoh masa belum matang. Yuran pengurusan sebanyak RM50 per hektar setahun dikenakan oleh LCSB bermula pada tahun 2004. Ia dikira sebagai sebahagian daripada bayaran kos operasi sebelum pembahagian keuntungan. Pembahagian keuntungan antara kedua-dua syarikat adalah berdasarkan prinsip Islam Al-Mudharabah iaitu pembahagian 65:35 (65% LCSB dan 35% LPSB). LCSB akan membuat pembayaran kepada LPSB sebanyak empat kali setahun iaitu pada April (hasil Januari-Mac), Julai (hasil April-Jun), Oktober (hasil Julai-September) dan Januari (hasil Oktober-Disember). Semakan Audit mendapati LPSB dan LCSB telah mematuhi semua syarat dalam perjanjian ini. Pembahagian keuntungan yang diperoleh oleh LPSB bagi tempoh 2007 hingga 2008 adalah sejumlah RM0.79 juta dan RM0.54 juta masing-masing.

**Pada pendapat Audit, pengurusan ladang kelapa sawit secara usaha sama dengan LCSB telah membawa keuntungan kepada LPSB dan membantu syarikat menampung perbelanjaan apabila hasil padi tidak mencapai sasaran.**

#### **12.4.3 Tadbir Urus Korporat**

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, LPSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Syarikat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbadanan Malaysia (pemakaianya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke 69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat, peranan wakil-wakil Kerajaan, pembayaran dividen

kepada Kerajaan, pembayaran bonus dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat LPSB mendapati perkara seperti berikut:

**a) Lembaga Pengarah**

- i) **Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah** - Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah seramai lima orang, terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat orang ahli. Semakan Audit mendapati keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah menepati kehendak Seksyen 122, Akta Syarikat 1965 dan di bawah perenggan Pelantikan Pengarah, Memorandum Dan Artikel penubuhan LPSB. Bagaimanapun, merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Subsidiari yang mewakili Badan Berkanun, sebahagian daripada ahli perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu. Semakan Audit mendapati semua Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah terdiri daripada pihak pengurusan LKPP.

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan sebelum ini syarikat ada melantik Ahli Lembaga Pengarah daripada pelbagai latar belakang termasuk bukan pihak pengurusan. Penstrukturkan semula syarikat telah dibuat apabila syarikat gagal beroperasi dengan jayanya dan keputusan diambil bagi melantik Ahli Lembaga Pengarah di kalangan ahli-ahli pengurusan LKPP sendiri sahaja (Keputusan Lembaga Pengarah LKPP Negeri Pahang Bil. 228 bertarikh 23 November 2002). Ternyata keputusan ini tepat kerana syarikat terus menunjukkan prestasi yang baik selepas pelantikan Ahli Lembaga Pengarah di kalangan ahli pengurusan sendiri yang mempunyai pengalaman melebihi 30 tahun, namun penyertaan kepakaran luar akan dikaji jika bersesuaian dengan aktiviti syarikat dari semasa ke semasa.*

- ii) **Manfaat Lembaga Pengarah** - Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993 adalah mengenai bayaran elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun, Kuasa-kuasa Tempatan dan Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan. Antara kandungan pekeliling tersebut adalah mengenai had bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai Kerajaan yang dilantik adalah mengikut kategori gred jawatan pegawai. Pegawai Kerajaan yang menerima bayaran yang melebihi had maksimum yang ditetapkan adalah dikehendaki memulangkan jumlah lebihan tersebut kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah terdiri daripada pelbagai gred jawatan daripada gred G41 hingga Jusa C. Elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah LPSB adalah terdiri daripada yuran Pengarah, elaun mesyuarat dan elaun Pengarah Eksekutif. Namun elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah selain Pengerusi adalah tidak mengikut kadar yang ditetapkan oleh Pekeliling tersebut. Jumlah Elaun yang diterima adalah seperti di **Jadual 12.10**.

**Jadual 12.10**  
**Manfaat Ahli Lembaga Pengarah LPSB Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Bil.	Gred Jawatan Pengarah	Elaun Yang Diterima			Elaun Yang Layak Disimpan Mengikut Kategori Jawatan (RM)	
		Tahun				
		2007 (RM)	2008 (RM)	2009 (RM)		
1.	Gred 48	15,600	15,650	16,200	14,000	
2.	Gred 44	-	-	15,800	9,000	
3.	Gred 41	32,100	47,150	52,200	9,000	

Sumber: Rekod LPSB

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan penentuan ganjaran pengarah seperti elauan, yuran dan pelbagai manfaat adalah dibuat diperingkat Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham syarikat berdasarkan keupayaan syarikat dan sumbangan bakti setiap ahli. Prestasi syarikat yang semakin meningkat hasil daripada usaha gigih setiap anggota syarikat daripada pekerja bawahan hingga ke peringkat Ahli Lembaga Pengarah akan dinilai dan diberi ganjaran sesuai dan berpatutan sebagai galakan.*

**b) Pembayaran Dividen**

Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan masing-masing dan akan diisyitiharkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah sesebuah syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 (Dasar dan garis panduan pembayaran dividen oleh syarikat Kerajaan) ada menetapkan mengenai pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat kepada Kerajaan/Agensi Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Semakan Audit mendapati, pada tahun kewangan 2007 dan 2008 apabila syarikat memperoleh keuntungan, LPSB ada membuat pembayaran dividen kepada LKPP berjumlah RM36,500 dan RM50,000 masing-masing sebagai pulangan kepada pelaburan. Namun dividen yang dibayar bagi tahun kewangan 2007 adalah kurang daripada 10% atas keuntungan selepas cukai syarikat. Dividen yang sepatutnya dibayar bagi tahun kewangan 2007 adalah sekurang-kurangnya sejumlah RM59,181 iaitu 10% daripada keuntungan syarikat, tetapi jumlah yang dibayar adalah sejumlah RM36,500. Dividen terkurang bayar adalah sejumlah RM22,681 seperti di **Jadual 12.11**.

**Jadual 12.11**  
**Pembayaran Dividen Oleh LPSB Bagi Tahun Kewangan 2007**

Butiran	Tahun Kewangan 2007
Modal Saham Berbayar LPSB (RM)	5,000,000
Pembayaran Dividen/Unit Saham (%)	1
Tolak Cukai Pendapatan (%)	27
Jumlah Dividen Yang Dibayar (RM)	36,500
Keuntungan Selepas Cukai LPSB (RM)	591,814
Jumlah Dividen Patut Bayar (10% Atas Keuntungan) (RM)	59,181
<b>Perbezaan (RM)</b>	<b>22,681</b>

Sumber: Rekod Kewangan LPSB

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan syarikat mengalami kerugian tahunan sejak mula ditubuhkan pada tahun 1995 hingga 2004 sehingga menjadikan kerugian terkumpul RM4.3 juta pada masa itu. Keuntungan tahun semasa hanya diperoleh pada tahun 2005 pada kadar RM0.3 juta setahun. Dividen dibayar pada tahun 2006 sebagai sumbangan syarikat kepada pemegang saham walaupun kerugian terkumpul masih ditanggung. Kadar dividen tahunan 10% daripada keuntungan dicadang untuk dikeluarkan pada tahun-tahun berikutnya seperti mana cadangan Audit. Namun syarikat juga perlu mengambil kira peraturan pembayaran dividen berdasarkan ekuiti. Sebelum kadar dividen tahunan diisyiharkan, syarikat perlu memperuntukkan sejumlah amaun daripada keuntungan untuk perkara seperti modal operasi, rizab, simpanan, pelaburan, kontingensi dan sebagainya. Malah berhak untuk tidak mengisyiharkan dividen demi keuntungan syarikat.*

### c) Pembayaran Bonus

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, bayaran bonus kepada pegawai dan kakitangan syarikat boleh dilaksanakan apabila syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah. Pekeliling ini juga menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri adalah diminta untuk mematuhi pekeliling selaras dengan keputusan Persidangan Menteri-Menteri Besar Dan Ketua-Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993. Bagi syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri, cadangan bagi bayaran bonus hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan Y.A.B. Menteri Besar/Ketua Menteri berkenaan merangkumi bayaran bonus kepada semua pegawai dan kakitangan syarikat induk dan syarikat subsidiari berasaskan kepada prestasi setiap syarikat yang diperakukan untuk bayaran bonus. Selain itu, pekeliling ini menetapkan bayaran bonus seharusnya tidak melebihi dua bulan gaji kecuali secara keseluruhannya syarikat memperoleh keuntungan cemerlang yang mana ditakrifkan sebagai pertambahan peratusan keuntungan yang besar berasaskan kepada keuntungan operasi tiga tahun yang lalu, iaitu tidak termasuk keuntungan luar biasa.

Semakan Audit mendapati sebagai langkah untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi kakitangan syarikat, LPSB telah memberi insentif kewangan berbentuk bonus

kepada pegawai dan kakitangannya berasaskan prestasi kewangan syarikat dan penilaian prestasi tahunan pegawai dan kakitangan selaras dengan peraturan pemberian bonus kepada kakitangan syarikat. Semakan Audit terhadap bayaran bonus LPSB bagi tempoh 2006 hingga 2009 mendapati pembayaran bonus adalah dibahagi kepada dua, iaitu bonus interim bersamaan dua bulan gaji dan bonus tambahan/bantuan pendidikan pada kadar dua hingga empat bulan gaji. Analisis Audit mendapati kadar pemberian bonus ini adalah tidak selari dengan keuntungan syarikat yang tidak menentu. Tambahan pula sehingga kini LPSB masih belum dapat mengatasi kerugian terkumpulnya yang berjumlah RM2.67 juta seperti pada 31 Disember 2009. **Jadual 12.12** adalah menunjukkan bayaran bonus LPSB bagi tempoh 2007 hingga 2009.

**Jadual 12.12**  
**Bayaran Bonus LPSB Bagi Tempoh 2007 Hingga 2009**

Tahun	Maklumat Bonus Yang Diterima			Jumlah Bayaran (RM)
	Bonus Interim	Bonus Tambahan	Catatan	
2007	Bersamaan dua bulan gaji	Bersamaan dua bulan gaji mengikut prestasi	Bonus dibayar berdasarkan gaji semasa April 2008	50,040
2008	Bersamaan dua bulan gaji atau minimum RM2,000	Bersamaan tiga bulan gaji mengikut prestasi	Bonus dibayar dua peringkat Bonus Interim RM27,590 Bonus Tambahan RM40,305	67,895
2009	Cadangan Bonus Interim bersamaan dua bulan gaji	-	Meluluskan bayaran bantuan pendidikan bersamaan empat bulan gaji (RM62,260)	31,130

Sumber: Rekod LPSB

Selain itu, semakan Audit juga mendapati pembayaran bonus LPSB adalah berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat dan tidak dibawa untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri untuk kelulusan Menteri Besar seperti kehendak pekeliling tersebut.

*Maklum balas yang diterima daripada LPSB menjelaskan syarikat tidak pernah membayar bonus kepada kakitangan sejak mula ditubuhkan sehingga tahun 2005 kerana syarikat mengalami kerugian. Bayaran bonus mula dibayar pada tahun 2006 setelah syarikat mendapat keuntungan. Sepertimana termaktub dalam Skim Perkhidmatan syarikat bayaran bonus adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah. Memandangkan padi merupakan tanaman yang berisiko dan memerlukan komitmen serta pengawasan yang berterusan maka difikirkan wajar pemberian bonus yang berpatutan dikeluarkan kepada semua kakitangan yang terlibat agar tidak berlaku sebaliknya iaitu syarikat mengalami kerugian akibat sikap sambil lewa pekerja.*

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat LPSB adalah kurang memuaskan. Pekeliling berkaitan syarikat Kerajaan tidak dipatuhi dan perbelanjaan syarikat juga adalah semakin tinggi dan tidak dilaksanakan secara berhemat.**

## **12.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya pengurusan syarikat LPSB adalah memuaskan, prestasi kewangan syarikat adalah kukuh dan prestasi aktiviti juga adalah semakin meningkat dan membawa keuntungan kepada syarikat. Bagaimanapun, pengurusan tadbir urus korporat syarikat seperti keanggotaan/elaun Ahli Lembaga Pengarah, pembayaran bonus dan pembayaran dividen hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan Kerajaan dan secara lebih berhemat. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan LPSB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a)** Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.
- b)** Menyediakan pelan pengurusan risiko kewangan bagi menjamin kedudukan syarikat jika berlaku kejatuhan pada harga pasaran padi dan kelapa sawit.
- c)** Mempertingkatkan pengurusan kewangan syarikat terutama dalam mengawal perbelanjaan dengan melaksanakan perbelanjaan secara lebih berhemat dalam semua aspek.
- d)** Mempertingkatkan prestasi aktiviti syarikat dengan memberi tumpuan kepada aktiviti yang berdaya saing dan membawa keuntungan yang tinggi kepada syarikat serta menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi Negeri Pahang.
- e)** Mempertingkatkan pemantauan di peringkat Lembaga Pengarah serta menjalankan tindakan susulan bagi memastikan peraturan dan panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap syarikat berkaitan Kerajaan dipatuhi.

## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

### **13. PKNP MINERAL INDUSTRIES SDN. BHD.**

#### **13.1 LATAR BELAKANG**

PKNP Mineral Industries Sdn. Bhd. (PMISB) merupakan syarikat subsidiari kepada Agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM100,000 dan modal berbayarnya setakat ini sejumlah RM2 dimiliki sepenuhnya oleh PKNP. Pada awalnya PMISB dikenali sebagai BIM Land Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 13 Januari 1999 bagi memegang harta tanah yang dimiliki oleh PKNP di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pada 27 April 2007 nama syarikat telah ditukar kepada PMISB setelah melibatkan diri dalam industri perlombongan bijih besi bagi pihak PKNP. Aktiviti utama PMISB adalah jualan harta tanah dan perlombongan bijih besi dalam bentuk usaha sama bagi pihak PKNP dengan beberapa syarikat yang diberi hak untuk melombong di tanah milik PKNP. PMISB tidak menjalankan aktiviti perlombongan secara sendiri tetapi hanya memegang ekuiti dalam syarikat usaha sama yang ditubuhkan. PMISB merupakan syarikat yang tidak aktif dan masih bergantung kepada PKNP bagi membantu dalam operasinya. PMISB diterajui oleh empat orang Ahli Lembaga Pengarah.

#### **13.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan telah dijaga dan sumber tersebut telah diurus oleh syarikat dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan fungsi yang ditetapkan.

#### **13.3 SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan meliputi penilaian terhadap prestasi kewangan, prestasi aktiviti dan pengurusan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan seperti Memorandum Dan Artikel Penubuhan Syarikat, dokumen-dokumen kewangan, minit mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, sumber pembiayaan Kerajaan, aktiviti utama syarikat dan sebagainya. Manakala, analisis kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh tiga tahun berakhir 31 Disember 2008. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan lawatan turut dibuat terhadap aset, kemudahan yang disediakan dan aktiviti syarikat.

## **13.4 PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara Ogos hingga September 2009 mendapati PMISB memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.79 juta pada tahun kewangan 2008 berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.02 juta pada tahun kewangan 2007 dan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.93 juta pada tahun kewangan 2006. Pengurusan aktiviti syarikat bagi aktiviti hartanah adalah kurang memuaskan kerana ia membawa kerugian kepada syarikat. Manakala, aktiviti perlombongan bijih besi adalah diuruskan oleh syarikat usaha sama yang ditubuhkan dan PMISB hanya memperoleh dividen daripada pelaburan yang dibuat. Pada tahun 2008, PMISB telah memperoleh dividennya yang pertama daripada aktiviti ini sejumlah RM0.8 juta. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti serta tadbir urus korporat syarikat adalah seperti berikut:

### **13.4.1 Prestasi Kewangan**

#### **a) Analisis Trend**

Analisis trend terhadap Penyata Kewangan PMISB bagi tempoh 2006 hingga 2008 mendapati berlakunya peningkatan dan penurunan yang tidak menentu terhadap item pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan sebelum cukai syarikat. Analisis Audit terhadap trend keuntungan syarikat menunjukkan keadaan yang tidak menentu bagi tempoh tiga tahun kerana pada tahun 2006, syarikat memperoleh keuntungan sejumlah RM0.93 juta daripada jualan tanah pegang pajak. Manakala, pada tahun 2007 tiada pendapatan yang dijana dan penyata kewangan syarikat menunjukkan angka kerugian sejumlah RM24,011. Pada tahun 2008, syarikat telah mula menerima dividen interim daripada dua syarikat usahasamanya dalam bidang perlombongan bijih besi dan keuntungan syarikat telah melonjak naik kepada RM0.79 juta. Trend pendapatan pula menunjukkan pada tahun 2007, pendapatan syarikat menurun daripada RM14.03 juta pada tahun 2006 kepada RM0.01 juta berikutan tiada jualan tanah yang dibuat dan syarikat pula baru melibatkan diri dalam aktiviti perlombongan. Trend ini meningkat naik pada tahun 2008 apabila syarikat memperoleh pendapatan dividen daripada aktiviti perlombongan bijih besi sejumlah RM0.8 juta. Manakala, trend perbelanjaan pula adalah semakin menurun daripada RM13.10 juta pada tahun 2006 kepada RM0.03 juta pada tahun 2007 kerana syarikat tidak lagi mempunyai kos pembangunan harta tanah berbanding tahun sebelumnya. Trend ini semakin menurun pada tahun 2008 kerana aktiviti perlombongan adalah diuruskan oleh syarikat usaha sama dan perbelanjaan yang terlibat hanyalah perbelanjaan pengurusan sahaja sejumlah RM11,736.

#### **b) Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/(Kerugian) Syarikat**


Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan/(kerugian) PMISB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 13.1, Carta 13.1** dan **Carta 13.2**.

**Jadual 13.1**  
**Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/(Kerugian)**  
**Sebelum Cukai PMISB Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
Pendapatan	14.03	-	-
Perbelanjaan Operasi	13.10	-	-
<b>Untung Kasar</b>	<b>0.93</b>	-	-
Pendapatan Lain	0.00	0.01	0.80
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	0.00	0.03	0.01
<b>Untung/(Rugi) Operasi</b>	<b>0.93</b>	<b>0.02</b>	<b>0.79</b>
Kos Kewangan	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Sebelum Cukai</b>	<b>0.93</b>	<b>(0.02)</b>	<b>0.79</b>
Cukai	-	-	-
<b>Untung/(Rugi) Bersih</b>	<b>0.93</b>	<b>(0.02)</b>	<b>0.79</b>

Sumber: Penyata Kewangan PMISB

**Carta 13.1**  
**Trend Keuntungan Sebelum Cukai**  
**PMISB Bagi Tahun Kewangan**  
**2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan PMISB

**Carta 13.2**  
**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan**  
**PMISB Bagi Tahun Kewangan**  
**2006 Hingga 2008**



Sumber: Penyata Kewangan PMISB

### c) Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008. Hasil analisis nisbah kewangan tersebut adalah seperti di **Jadual 13.2**.

**Jadual 13.2**  
**Analisis Nisbah Kewangan PMISB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2006 Hingga 2008**

Butiran	Tahun		
	2006	2007	2008
Nisbah Semasa	0.87:1	0.89:1	0.90:1
Margin Keuntungan	0.07:1	(5.25):1	0.98:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.02:1	(0.00):1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	464,050:1	(12,005):1	394,132:1

Sumber: Penyata Kewangan PMISB

- i) **Nisbah Semasa** - Analisis Audit mendapati kadar kecairan PMISB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah kurang daripada satu. Berdasarkan Nisbah Semasa ini menunjukkan PMISB kurang upaya untuk menanggung keseluruhan liabiliti semasanya.
- ii) **Margin Keuntungan** - Analisis Audit mendapati margin keuntungan PMISB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 menunjukkan keadaan yang tidak menentu. Bagi setiap ringgit pendapatan yang diterima syarikat memperoleh keuntungan sejumlah tujuh sen pada tahun 2006. Manakala, pada tahun 2007 syarikat mengalami kerugian sejumlah RM5.25 dan seterusnya memperoleh keuntungan semula sejumlah 98 sen pada tahun 2008.
- iii) **Pulangan Ke Atas Aset** - Nisbah Pulangan Ke atas Aset PMISB menunjukkan keadaan yang kurang memuaskan. Pada tahun kewangan 2006 dan 2008 walaupun syarikat memperoleh keuntungan, namun hasil yang diterima bagi setiap ringgit aset yang digunakan adalah terlalu rendah iaitu hanya dua sen dan satu sen sahaja. Manakala, pada tahun 2007 tiada hasil yang diperoleh kerana syarikat mengalami kerugian.
- iv) **Pulangan Ke Atas Ekuiti** - Analisis Audit menunjukkan nisbah Pulangan Ke atas Ekuiti PMISB adalah terlalu tinggi iaitu RM464,050 pada tahun 2006, kerugian sejumlah RM12,005 pada tahun 2007 dan pulangan sejumlah RM394,132 pada tahun 2008. Nisbah ini menunjukkan pulangan dan kerugian yang diperoleh adalah terlalu tinggi disebabkan modal berbayar syarikat adalah RM2 sahaja.

*Maklum balas yang diterima daripada PMISB menjelaskan perolehan syarikat bergantung kepada pulangan pelaburan daripada syarikat usaha sama yang terlibat dalam aktiviti perlombongan bijih besi. Kedua-dua syarikat usaha sama tersebut masih di peringkat awal menyediakan infrastruktur di tapak projek dan masih belum beroperasi sepenuhnya.*

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan PMISB bagi tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah kurang memuaskan. Peralihan aktiviti telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan syarikat. Aktiviti syarikat dalam bidang**

hartanah telah menyumbang kepada kerugian syarikat. Selepas aktiviti syarikat beralih kepada perlombongan bijih besi, syarikat juga adalah bergantung kepada prestasi syarikat bersekutunya untuk menjana pendapatan dan sekiranya prestasi syarikat tersebut tidak memberangsangkan ia juga akan memberi kesan kepada PMISB. Kedudukan kewangan syarikat menunjukkan syarikat masih belum mampu untuk mengatasi kerugian terkumpulnya yang berjumlah RM7.23 juta pada tahun 2008 kesan daripada penyelarasan hutangnya dengan Agensi Induk.

#### **13.4.2 Prestasi Aktiviti**

Syarikat ditubuhkan pada awalnya adalah bagi tujuan memegang harta tanah yang dimiliki oleh PKNP di Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Syarikat pada masa itu dikenali sebagai BIM Land Sdn. Bhd.. Namun aktiviti ini tidak membawa keuntungan kepada syarikat sebaliknya menyebabkan syarikat mengalami kerugian. Pada 27 April 2007, nama syarikat telah ditukar kepada PMISB setelah melibatkan diri dalam industri perlombongan bijih besi bagi pihak PKNP bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan. Semakan Audit terhadap aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

##### **a) Aktiviti Hartanah**

Selepas syarikat ditubuhkan, PKNP telah menjual tanah di Sektor 2, Bandar Indera Mahkota seluas 109.49 ekar (4,769,384.40 kaki persegi) kepada BIM Land Sdn. Bhd. (nama syarikat pada ketika itu) dengan harga RM28 bagi setiap kaki persegi melalui perjanjian jual beli di antara PKNP dan BIM Land Sdn. Bhd. bertarikh 23 November 1999. Mengikut syarat perjanjian, jumlah harga belian keseluruhannya adalah RM133.54 juta dan bayaran 10% atau RM13.35 juta perlu dibayar semasa perjanjian ditandatangani. Baki selebihnya iaitu 90% atau RM120.19 juta akan dibayar secara ansuran seperti di **Jadual 13.3**.

**Jadual 13.3**  
**Syarat Penjelasan Hutang Di Antara PKNP Dan BIM Land Sdn. Bhd.**

Bil.	Syarat	Peratus (%)	Jumlah (RM Juta)
1.	Selepas enam (6) bulan daripada tarikh menandatangani perjanjian.	20	26.71
2.	Selepas dua belas (12) bulan daripada tarikh menandatangani perjanjian.	20	26.71
3.	Selepas lapan belas (18) bulan daripada tarikh menandatangani perjanjian.	20	26.71
4.	Selepas dua puluh satu (21) bulan daripada tarikh menandatangani perjanjian.	15	20.03
5.	Selepas dua puluh empat (24) bulan daripada tarikh menandatangani perjanjian.	15	20.03
<b>Jumlah</b>		<b>90</b>	<b>120.19</b>

*Sumber: Rekod PMISB*

Semakan Audit seterusnya mendapati BIM Land Sdn. Bhd. tidak menjelaskan baki hutang seperti mana yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagi menyelesaikan perkara tersebut PKNP telah mengadakan beberapa cadangan penyelesaian hutang antara PKNP dan BIM Land Sdn. Bhd.. Semakan Audit terhadap cabutan Minit Mesyuarat Bil.

8/2005 Jawatankuasa Penyelesaian Hutang PKNP Kali Ke-50 pada 14 Oktober 2005 perenggan 6.6 dan Perjanjian Penyelesaian Hutang Antara PKNP Dan BIM Land Sdn. Bhd. yang ditandatangani pada tahun 2006 mendapati beberapa pelarasan telah dibuat bagi menyelesaikan jumlah tunggakan prinsipal tersebut. Namun semakan Audit mendapati pelarasan perakaunan yang dibuat menunjukkan harga jualan yang dikenakan terhadap tanah tersebut adalah lebih murah atau sama dengan harga perolehan. Akibatnya penyata kewangan BIM Land Sdn. Bhd. telah menunjukkan angka kerugian. Semua urusan jual beli dilaksanakan oleh PKNP yang dilantik sebagai wakil BIM Land Sdn. Bhd. untuk bertindak, menjalankan dan mengendalikan segala perkara yang berkaitan dengan tanah-tanah tersebut tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kuasa Wakil bertarikh 25 Oktober 2004. Analisis Audit terhadap pelarasan penyelesaian hutang yang dibuat pada tahun 2005 mendapati perkara seperti di **Jadual 13.4**.

**Jadual 13.4**  
**Jualan Tanah Pegang Pajak PMISB Bagi Pelarasan Penyelesaian Hutang**  
**Antara PKNP Dan BIM Land Sdn. Bhd. Pada Tahun 2005**

Bil.	Pembeli	Keluasan (k.p)	Harga Jualan/ k.p (RM)	Harga Jualan (RM Juta)	Kos Perolehan (RM Juta)	Keuntungan/ Kerugian (RMJuta)
1.	Astana Golf Resort Bhd.	366,339.60	28.00	10.26	10.26	-
2.	PKNP (Item kontra bagi penyelesaian hutang PKNP dengan Far East Holding Berhad)	1,684,029.60	23.87	40.20	47.15	(6.95)
3.	PKNP (Item kontra bagi penyelesaian hutang PKNP dengan Verde Mount Sdn. Bhd.)	130,680	26.50	3.46	3.66	(0.20)
4.	PKNP (Item kontra bagi penyelesaian hutang tapak projek Kota Dagangan)	171,190.80	23.87	3.80	4.79	(0.99)
5.	PKNP (Item kontra bagi penyelesaian hutang PKNP dengan Mayang Vest Construction And Developement Sdn. Bhd.)	307,664.28	25.50	7.85	8.62	(0.77)
<b>Jumlah</b>		<b>2,659,904.28</b>	-	<b>65.57</b>	<b>74.48</b>	<b>(8.91)</b>

Sumber: Rekod PMISB

Cadangan penyelesaian ini telah menyebabkan penyata kewangan syarikat menunjukkan angka kerugian sejumlah RM8.91 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2006 syarikat juga ada menjual tanah seluas 10.735 ekar (467,616.60 kaki persegi) kepada Kumpulan Syarikat Tunas Manja dan harga jualan

yang ditawarkan adalah RM30 bagi setiap kaki persegi. Penjualan ini telah mencatatkan keuntungan sejumlah RM0.94 juta seperti yang ditunjukkan di **Jadual 13.5**.

**Jadual 13.5**  
**Jualan Tanah Pegang Pajak BIM Land Sdn. Bhd. Pada Tahun 2006**

Bil.	Pembeli	Lot	Keluasan		Harga Jualan (RM Juta)	Kos Pembangunan (RM Juta)	Keuntungan (RM Juta)
			(Ekar)	(k.p)			
1.	TMDC Property Sdn. Bhd.	8.2	4,073	177,420	5.32	4.97	0.35
2.	Tunas Manja Properties Sdn. Bhd.	9.2C	2,666	116,131	3.48	3.25	0.23
3.	Tunas Manja Supermarket (Indera Mahkota) Sdn. Bhd.	8.2A	3,996	174,066	5.23	4.87	0.36
<b>Jumlah</b>			<b>10,735</b>	<b>467,617</b>	<b>14.03</b>	<b>13.09</b>	<b>0.94</b>

Sumber: Rekod PMISB

Pada pendapat Audit, cadangan penyelesaian tunggakan prinsipal hutang oleh PKNP kepada BIM Land. Sdn. Bhd. pada harga sama dan lebih rendah daripada harga perolehan telah menyebabkan penyata kewangan syarikat menunjukkan angka kerugian. Kerugian ini terpaksa ditanggung oleh syarikat dari setahun ke setahun dan membawa gambaran negatif kepada kedudukan kewangan syarikat.

### b) Perlombongan Bijih Besi

Sebelum ini aktiviti perlombongan bijih besi adalah di bawah PKNP yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Agensi pelaksana untuk mengesan, menyelaras dan menyelia pelaksanaan projek di peringkat cari gali dan perlombongan bagi menjaga kepentingan Kerajaan Negeri. Sebagai Agensi pelaksana, PKNP tidak terlibat secara langsung dalam operasi aktiviti perlombongan. PKNP telah mengenal pasti dan menceburi secara aktif dalam bidang perlombongan sebagai sumber baru yang boleh membantu menjana kewangan PKNP melalui syarikat subsidiarinya iaitu PMISB. Pada peringkat awal syarikat akan menjalankan projek perlombongan secara usaha sama dengan rakan kongsi yang dilantik oleh PKNP. Segala kos operasi melombong ditanggung oleh syarikat usaha sama termasuk bayaran pajakan melombong. Syarikat usaha sama juga akan membayar ufti/sumbangan daripada hasil pengeluaran bijih/logam kepada PKNP. Setakat ini segala pengesanan, penyelarasan, penyeliaan dan pelaksanaan projek perlombongan syarikat dipantau oleh kakitangan PKNP sendiri.

Sehingga akhir tahun 2009, dua kawasan projek telah dilaksanakan iaitu di Sungai Temau, Daerah Lipis dan di Mukim Penyor, Daerah Pekan. Bagi melaksanakan projek tersebut dua syarikat usaha sama telah ditubuhkan iaitu Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. bagi menjalankan projek perlombongan di Sungai Temau dan Pekan Mining Industries Sdn. Bhd. bagi projek perlombongan di Mukim Penyor, Daerah Pekan. Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat usaha sama bersama KSG

Resources (M) Sdn. Bhd. dengan pegangan saham 40% syarikat dan 60% KSG Resources (M) Sdn. Bhd.. Manakala Pekan Mining Industries Sdn. Bhd. pula adalah syarikat usaha sama bersama Wealthy Mission Sdn. Bhd. dengan pegangan saham 20% syarikat dan 80% Wealthy Mission Sdn. Bhd.. Sehingga akhir tahun 2008, syarikat telah memperoleh dividen interim yang pertama daripada syarikat usahasamanya seperti di **Jadual 13.6**.

**Jadual 13.6**  
**Dividen Interim Yang Diterima Oleh Syarikat Pada Tahun 2008**

Bil.	Syarikat Usaha Sama	Jumlah Pegangan Saham (Unit)	Peratus Pegangan Saham (%)	Dividen Diterima (RM)
1.	Sungai Temau Mining (M) Sdn.Bhd.	400,000	40	400,000
2.	Pekan Mining Industries Sdn.Bhd.	200,000	20	400,000
<b>Jumlah</b>				<b>800,000</b>

Sumber: Rekod PMISB

**Foto 13.1** hingga **Foto 13.4** adalah menunjukkan proses perlombongan bijih besi dan jentera yang digunakan dalam perlombongan bijih besi di Sungai Temau, Kuala Lipis.

**Foto 13.1**  
**Jentera Yang Digunakan Bagi Melombong Bijih Besi**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perlombongan Bijih Besi Sungai Temau, Kuala Lipis  
Tarikh: 25 Februari 2010

**Foto 13.2**  
**Bongkah Bijih Besi Dikumpul Sebelum Dipecahkan Kepada Saiz Yang Lebih Kecil**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Kawasan Perlombongan Bijih Besi Sungai Temau, Kuala Lipis  
Tarikh: 25 Februari 2010

**Foto 13.3**

Jentera Yang Digunakan Bagi Memecahkan Bongkah Bijih Besi Kepada Saiz Yang Lebih Kecil



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kawasan Perlombongan Bijih Besi Sungai Temau, Kuala Lipis

Tarikh: 25 Februari 2010

**Foto 13.4**

Alat Yang Digunakan Sebagai Penapis Bagi Mengasingkan Bijih Besi Yang Bercampur Dengan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kawasan Perlombongan Bijih Besi Sungai Temau, Kuala Lipis

Tarikh: 25 Februari 2010

Untuk menjaga kepentingan Kerajaan, syarikat usaha sama disyaratkan membayar ufti/sumbangan daripada hasil pengeluaran bijih/logam kepada PKNP dengan kadar 8% daripada jualan kasar atau RM5 bagi setiap metrik tan terhadap Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. dan 7% bagi Pekan Mining Industries Sdn. Bhd. seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap pembayaran ufti/sumbangan ini mendapati pada September 2008 Pekan Mining Industries Sdn. Bhd. telah membayar sejumlah RM653,393 kepada PKNP yang merupakan 7% daripada jualan logam yang dibuat. Namun, pihak Audit mendapati Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. masih belum membayar apa-apa sumbangan walaupun ada membuat jualan sebanyak 21,785 metrik tan bijih besi dan sumbangan yang perlu dibayar adalah dianggarkan berjumlah RM108,936. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak PKNP telah mengarahkan Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. supaya membuat pembayaran melalui dua surat peringatan bertarikh 23 Disember 2008 dan 16 Januari 2009. Selain itu, PKNP juga ada mengeluarkan satu surat kepada Pengarah Urusan Sungai Temau Mining (M) Sdn. Bhd. bertarikh 29 Mei 2009 mengenai perkara ini dan sehingga tarikh pengauditan pembayaran masih juga belum dijelaskan.

*Maklum balas yang diterima daripada PMISB menjelaskan, PMISB adalah anak syarikat milik penuh PKNP yang bertindak sebagai pelaksana aktiviti perlombongan mineral. Rakan kongsi PMISB adalah dipilih di peringkat PKNP melalui atau tertakluk kepada kelulusan Ahli Perbadanan. Kedua-dua syarikat usaha sama masih belum beroperasi sepenuhnya bagi membolehkan PMISB menyelaras apa-apa juga tuntutan ufti/sumbangan daripada pengeluaran/jualan bijih besi.*

Pada pendapat Audit, usaha PMISB mempelbagaikan aktivitinya kepada perlombongan bijih besi secara usaha sama adalah sesuatu yang baik bagi meningkatkan pendapatan syarikat. Namun, PMISB perlu memastikan rakan kongsi yang dilantik mempunyai kemampuan kewangan bagi menjana pendapatan syarikat di samping menjaga kepentingan Kerajaan.

#### **13.4.3 Tadbir Urus Korporat**

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, PMISB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Syarikat Malaysia, pekeliling mengenai pengurusan syarikat berkaitan Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaianya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri Ke-69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah serta tanggungjawab mereka terhadap pengurusan syarikat, mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, pembayaran dividen, peranan wakil-wakil Kerajaan dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus PMISB mendapatkan perkara seperti berikut:

##### **a) Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur. Semakan Audit mendapati PMISB tidak pernah mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah sebaliknya hanya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang dihadiri oleh semua Ahli Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat. Pihak Audit mendapati agenda yang dibincangkan hanya meliputi perkara berkaitan penyata kewangan, laporan Juruaudit dan pelantikan semula Ahli Lembaga Pengarah. Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan dan agenda yang dibincangkan adalah seperti di **Jadual 13.7**.

**Jadual 13.7**  
**Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Dan Agenda Yang Dibincangkan**

<b>Tahun</b>	<b>Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan</b>	<b>Agenda Yang Dibincangkan</b>
2006	30.6.2006	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan Penyata Kewangan</li> <li>Pelantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah</li> <li>Laporan Juruaudit</li> </ul>
2007	30.6.2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan Penyata Kewangan</li> <li>Pelantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah</li> <li>Laporan Juruaudit</li> </ul>
2008	30.6.2008	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan Penyata Kewangan</li> <li>Pelantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah</li> <li>Laporan Juruaudit</li> </ul>
2009	27.4.2009	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pembentangan Penyata Kewangan</li> <li>Pelantikan Semula Ahli Lembaga Pengarah</li> <li>Laporan Juruaudit</li> </ul>

Sumber: Rekod PMISB

*Maklum balas yang diterima daripada PMISB menjelaskan Ahli Lembaga Pengarah bersetuju mengadakan mesyuarat secara berkala iaitu setiap suku tahun bagi membincangkan prestasi operasi dan kewangan.*

**b) Pengurusan Kewangan**

Semakan Audit terhadap pengurusan kewangan syarikat mendapati perkara seperti berikut:

- i) **Kawalan Pendapatan** - Pada tahun 2007, pendapatan syarikat adalah daripada lain-lain pendapatan sejumlah RM4,570 yang merupakan pendahuluan daripada Agensi Induk. Manakala pada tahun 2008, syarikat memperoleh pendapatan daripada dividen interim hasil daripada pelaburannya dalam dua syarikat usaha sama sejumlah RM800,000. Sehingga akhir Jun 2009, PMISB masih belum memperoleh sebarang pendapatan. Semakan Audit terhadap sistem terimaan PMISB mendapati ia kurang memuaskan kerana PMISB tidak mengeluarkan resit sebagai tanda akuan penerimaan bagi cek-cek yang diterima. Sebaliknya cek-cek yang diterima terus dimasukkan ke akaun bank PMISB kerana syarikat tidak mempunyai pejabat operasi dan sistem perakaunannya sendiri.
- ii) **Kawalan Perbelanjaan** - Perbelanjaan PMISB pada tahun 2007 dan 2008 masing-masing berjumlah RM28,581 dan RM11,736. Manakala sehingga Jun 2009, PMISB telah membelanjakan sejumlah RM400 bagi perbelanjaan kendalian lain. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan PMISB mendapati PMISB tidak menetapkan kuasa untuk meluluskan pembayaran kerana perbelanjaan syarikat kebanyakannya diselesaikan oleh Agensi Induk terlebih dahulu memandangkan PMISB tidak mempunyai tunai di bank bagi menjelaskan pembayaran. Semakan Audit terhadap baucar bayaran syarikat pada tahun 2009 mendapati ruangan pegawai yang meluluskan sahaja yang ada pada baucar bayaran. Manakala ruangan untuk pegawai yang menyediakan dan menyemak baucar tidak disediakan. Selain itu, invois yang dilampirkan bersama-sama baucar juga tidak dicap jelas atau telah dibayar sebagai satu langkah kawalan.

**c) Pengurusan Sumber Manusia**

Struktur organisasi sesebuah syarikat adalah amat penting bagi menentukan setiap aktivitinya disusun dengan teratur untuk mencapai matlamat dan objektif syarikat. Walaupun PMISB telah ditubuhkan pada tahun 1999 tetapi belum mempunyai struktur organisasi yang lengkap. Struktur organisasinya hanya diterajui oleh empat orang Ahli Lembaga Pengarah dan dibantu oleh Pengurus Pelaburan PKNP bagi urusan berkaitan pelaburan dan kewangan, manakala urusan lain adalah diuruskan oleh Setiausaha Syarikat. Disebabkan status syarikat yang tidak aktif dan aktivitinya yang tidak menentu, syarikat belum mengambil pekerja dan tiada pejabat operasi.

*Maklum balas yang diterima daripada PMISB menjelaskan pengurusan kewangan dan pelaburan masih dipantau secara terus oleh Bahagian Kawalan Pelaburan PKNP kerana PMISB tidak mempunyai kakitangan khusus yang dilantik sebagai langkah penjimatan kos.*

**d) Pembayaran Dividen**

Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan masing-masing dan akan diisyiharkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah sesebuah syarikat. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 (Dasar Dan Garis Panduan Pembayaran Dividen Oleh Syarikat Kerajaan) ada menetapkan mengenai pembayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan kepada Kerajaan/Agensi Kerajaan sebagai pulangan kepada pelaburan. Walaupun syarikat memperoleh keuntungan pada tahun 2006 dan 2008, sejumlah RM928,100 dan RM788,264 masing-masing namun tiada pembayaran dividen yang dibuat kepada Agensi Induk bagi tahun-tahun tersebut.

*Maklum balas yang diterima daripada PMISB menjelaskan pembayaran dividen tidak diisyihar kerana kedudukan kewangan PMISB masih belum stabil.*

**Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat PMISB adalah kurang memuaskan kerana mesyuarat Lembaga Pengarah tidak dibuat secara berkala bagi memantapkan pengurusan syarikat dan pembayaran dividen kepada Agensi Induk tidak dibuat mengikut kehendak peraturan yang ditetapkan. Selain itu, PMISB juga belum mewujudkan struktur organisasinya sendiri bagi mengawal dan memantau perjalanan syarikat. Beberapa kelemahan dalam pengurusan kewangan adalah disebabkan mekanisme berkaitan pengurusan kewangan yang masih belum diwujudkan.**

### **13.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya pengurusan syarikat PMISB adalah kurang memuaskan. Status syarikat adalah dorman, namun pihak Audit mendapati syarikat ada menjalankan aktiviti walaupun tidak secara aktif. Syarikat diwujudkan pada asalnya adalah bagi menjalankan aktiviti perniagaan harta tanah, namun apa yang berlaku adalah syarikat mengalami kerugian daripada aktiviti ini, kemudian syarikat beralih pula kepada aktiviti perlombongan bijih besi secara usaha sama dengan syarikat bersekutu. Dalam tempoh setahun syarikat telah memperoleh dividen yang agak tinggi hasil daripada pelaburannya dalam aktiviti perlombongan ini. Namun, ufti/sumbangan yang sepatutnya dibayar kepada Kerajaan Negeri daripada hasil pengeluaran bijih besi tidak dibayar oleh salah satu syarikat usaha sama yang ditubuhkan. Sebagai Agensi pelaksana bagi pihak Kerajaan kepentingan Kerajaan perlulah dijaga selain menjana keuntungan kepada syarikat. Pihak Audit mengesyorkan PMISB mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Syarikat perlu mempunyai visi, misi dan objektif yang jelas bagi menentukan hala tuju syarikat.
- b) Mewujudkan tadbir urus korporat sendiri bagi memudahkan pemantauan terhadap perjalanan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat serta mengurangkan kebergantungan kepada Agensi Induk.
- c) Kepentingan Kerajaan dan agensi Kerajaan hendaklah dipelihara dalam menjalankan projek usaha sama dengan syarikat bersekutu.
- d) Mempertingkatkan pemantauan di peringkat Lembaga Pengarah serta menjalankan tindakan susulan bagi memastikan peraturan dan panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan terhadap syarikat berkaitan Kerajaan dipatuhi.



## BAHAGIAN III PERKARA AM

### BAHAGIAN III PERKARA AM

#### 14. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi terhadap perkara yang dibangkitkan melalui Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Berdasarkan maklumat semasa mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang kebanyakan perkara yang dibangkitkan telah berjaya diselesaikan oleh Ketua-Ketua Jabatan. Tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 adalah seperti berikut:

#### 15. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

##### 15.1 JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG -

##### *PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARUDU AIN (KAFA)*

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.1(a)	<b>Syarat Penubuhan KAFA Tidak Dipatuhi</b> Permohonan penubuhan KAFA adalah tidak memuaskan kerana pemohon tidak mengemukakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA peringkat sekolah semasa permohonan dibuat.	Mulai tahun 2009, JAIP telah meminta semua permohonan penubuhan KAFA menggunakan borang yang telah disediakan oleh pihak JAKIM (KAFA JAKIM 1.1.06 BORANG A).	Pihak Audit berpuas hati kerana syarat penubuhan telah dipatuhi.
2.5.1(b)	<b>Tiada Peruntukan Penubuhan Kelas Baru</b> Tiada peruntukan tambahan kelas sejak tahun 2002.	Pada tahun 2006, JAIP telah mengemukakan permohonan tambahan kelas tetapi tidak diluluskan.	Pihak Audit berpendapat pihak JAKIM perlu mempertimbangkan peruntukan tambahan kelas baru memandangkan keperluan tambahan kelas baru amat diperlukan seajar dengan peningkatan jumlah pelajar sekolah rendah.
2.5.2 (a)	<b>Penyelia Tidak Dapat Menjalankan Tugas Penyeliaan Sepenuhnya</b> Peranan dan tanggungjawab Penyelia tidak memuaskan kerana tidak dapat menumpukan sepenuhnya kepada tugas utama.	Tiada peruntukan khas bagi perjawatan kerani pentadbiran dan kewangan, maka Penyelia dilantik perlu melaksanakan tugas berkenaan.	Pihak Audit berpendapat kelulusan perjawatan kerani pentadbiran dan kewangan adalah penting bagi membolehkan Penyelia dapat menjalankan tugas penyeliaan dengan baik

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.2 (b)(i)	<b>Jadual Lawatan Penyelia Tidak Disediakan</b> Pengurusan penyeliaan adalah tidak memuaskan kerana jadual lawatan tidak disediakan oleh Penyelia.	Mulai tahun 2009, JAIP telah menyelaras jadual pemantauan di seluruh negeri dengan mengadakan pemantauan berkelompok yang diselaraskan oleh Penyelia Negeri dan Penyelia Daerah.	Pihak Audit berpuas hati kerana JAIP telah mengambil langkah yang positif bagi memastikan program penyeliaan berjalan dengan baik.
2.5.2 (b)(ii)	<b>Rekod Lawatan Tidak Diselenggarakan</b> Pengurusan penyeliaan adalah tidak memuaskan kerana rekod lawatan tidak disediakan oleh Penyelia.	Dokumen yang digunakan dalam pemantauan akan mengikut format yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM.	Pihak Audit berpuas hati dengan langkah yang telah diambil oleh pihak JAIP.
2.5.2 (c)	<b>Peruntukan Kursus/Latihan Penyelia</b> Tiada peruntukan khusus disediakan bagi tujuan kursus/latihan Penyelia.	Pada tahun 2009, JAKIM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM144,000 bagi tujuan kursus Penyelia dan Guru bagi seluruh Negeri Pahang yang disalurkan melalui Akauntan Negara.	Pihak Audit berpuas hati kerana JAKIM telah mengambil tindakan dengan menyalurkan peruntukan bagi tujuan kursus/latihan.
2.5.2 (d)	<b>Peruntukan Elaun Perjalanan Penyelia Tidak Mencukupi</b> Peruntukan elaun perjalanan sejumlah RM3,000 setahun yang diperuntukkan kepada setiap Penyelia adalah tidak memuaskan kerana jumlah tersebut tidak mencukupi bagi membolehkan tugas penyeliaan dijalankan dengan sempurna dan menyeluruh.	Peruntukan sejumlah RM250 sebulan atau RM3,000 setahun memang tidak mencukupi memandangkan faktor geografi kawasan seliaan yang jauh.	Pihak Audit berpendapat tambahan peruntukan elaun perjalanan perlu dipertimbangkan memandangkan faktor geografi kawasan penyeliaan yang jauh dan luas.
2.5.2 (e)	<b>Kekerapan Peletakan Jawatan Penyelia</b> Kekerapan peletakan jawatan Penyelia adalah tinggi di mana pada tahun 2008 seramai 13 daripada 24 Penyelia telah meletakkan jawatan. Keadaan ini adalah disebabkan taraf jawatan Penyelia yang tidak tetap dan elaun yang rendah.	Mulai Oktober 2009, Penyelia KAFA Gred S17 telah dilantik secara kontrak.	Pihak Audit berpuas hati kerana lantikan Penyelia telah dibuat secara kontrak bagi mengatasi masalah kekerapan peletakan jawatan.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.3 (a)	<b>Syarat Pelantikan Guru Tidak Dipatuhi</b> Proses pelantikan Guru KAFA adalah tidak memuaskan kerana syarat pelantikan Guru tidak dipatuhi sepenuhnya dan terdapat Guru yang dilantik tidak melepas syarat yang ditetapkan.	Mulai tahun 2010, JAIP telah melaksanakan syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAKIM. Pada masa yang sama, JAIP juga merancang untuk mengemukakan cadangan kepada JAKIM bagi syarat-syarat lantikan dipinda kepada Sijil Menengah Agama (SMA) 4 Thanawi setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).	Pihak Audit berpuas hati kerana syarat pelantikan Guru telah dipatuhi.
2.5.3 (b)	<b>Perjanjian Pelantikan Guru KAFA Tidak Disediakan</b> Surat perjanjian pelantikan Guru tidak disediakan sebagaimana ditetapkan oleh JAKIM.	Mulai tahun 2010, perjanjian pelantikan telah dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh pihak JAKIM, manakala yang sedang berkhidmat akan disediakan semula.	Pihak Audit berpuas hati kerana perjanjian pelantikan Guru telah dibuat.
2.5.3 (d)	<b>Peruntukan Kursus/Latihan Guru</b> Tiada peruntukan khusus disediakan bagi tujuan kursus/latihan Guru.	Pada tahun 2009, JAKIM telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM144,000 bagi tujuan kursus Penyelia dan Guru bagi seluruh Negeri Pahang yang disalurkan melalui Akauntan Negara.	Pihak Audit berpuas hati kerana JAKIM telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan kursus/latihan.
2.5.4 (a)	<b>Bilangan Murid Bagi Setiap Kelas Kurang Daripada 15 Orang</b> Terdapat lapan kelas KAFA di Daerah Kuantan mempunyai bilangan murid kurang daripada 15 orang.	Semasa penubuhan kelas, bilangan murid yang berdaftar adalah mencukupi. Bagaimanapun, terdapat pelajar yang berhenti dari menghadiri kelas menyebabkan bilangan pelajar kurang daripada 15 orang. Pihak sekolah tidak dapat menutup kelas berkenaan memandangkan pelajaran agama masih perlu diteruskan kepada pelajar yang masih berminat.	Pada pendapat Audit, kelas yang terlibat wajar diteruskan bagi membolehkan pelajar mendapat pelajaran Agama Islam.
2.5.4 (b)	<b>Pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas KAFA Belum Menyeluruh</b> Penilaian KAFA adalah tidak memuaskan kerana	Mulai tahun 2010, semua pelajar diwajibkan	Pihak Audit berpuas hati kerana JAIP telah mengambil

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	UPKK tidak diwajibkan kepada semua murid untuk mengukur tahap pencapaian setiap murid dan keberkesanannya program KAFA.	mengambil peperiksaan UPKK sama ada dengan membuka pusat-pusat peperiksaan sendiri atau menumpang di premis-premis yang ditetapkan oleh JAIP.	langkah positif dengan mewajibkan pelajar untuk menduduki peperiksaan UPKK.
2.5.5	<b>Infrastruktur Dan Kemudahan Asas</b> Kemudahan yang disediakan adalah tidak memuaskan kerana tidak sempurna dan selesa.	Keadaan infrastruktur dan kemudahan yang disediakan masih berada dalam keadaan yang tidak memuaskan kerana pihak sekolah tidak mempunyai peruntukan bagi memperbaiki kemudahan yang disediakan.	Pada pendapat Audit, pihak sekolah perlu mengambil peluang terhadap peruntukan yang disalurkan melalui Kementerian Pelajaran bagi tujuan pemberian dan pembangunan Sekolah Agama Rakyat untuk memperbaiki kemudahan dan infrastruktur yang disediakan.
2.5.6	<b>Fail Peribadi Penyelia Dan Guru Tidak Lengkap</b> Pengurusan fail peribadi Penyelia dan Guru tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	Mulai tahun 2009, JAIP telah membuat penyesuaian dengan semua Penyelia Daerah bagi tujuan mengemas kini dokumen dengan menetapkan supaya fail peribadi Penyelia disimpan oleh Bahagian Pendidikan, JAIP dan fail peribadi Guru disimpan di Pejabat Agama Islam Daerah.  JAIP masih dalam proses mengemaskinikan dan menyelaras dokumen antara JAIP dan Pejabat Agama Islam Daerah.	Pihak Audit berpuas hati kerana JAIP telah mengambil langkah positif bagi memastikan semua rekod dan dokumen diselenggara dengan baik.
2.5.8 (a)	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri Tidak Diadakan</b> Pada tahun 2006 dan 2007, mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana KAFA Peringkat Negeri tidak pernah diadakan.  Manakala, pada tahun 2008 Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja.	Jawatankuasa akan memastikan mesyuarat akan diadakan pada setiap tahun.	JAIP perlu memastikan mesyuarat Jawatankuasa diadakan seperti mana yang ditetapkan.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
2.5.8 (b)	<p><b>Jawatankuasa Pelaksana KAFA Di Peringkat Sekolah</b></p> <p>Lawatan ke 15 buah sekolah/kelas mendapati dua buah sekolah/kelas tidak mempunyai Jawatankuasa Pelaksana KAFA, Penubuhan Jawatankuasa Pelaksana KAFA di dua buah sekolah tidak mematuhi garis panduan JAKIM dan Jawatankuasa Pelaksana KAFA bagi tujuh buah sekolah/kelas tidak mengadakan mesyuarat.</p>	<p>JAIP akan memastikan Jawatankuasa Pelaksana KAFA peringkat sekolah ditubuhkan dan berfungsi dengan baik.</p>	<p>JAIP perlu memastikan Jawatankuasa Pelaksana KAFA hendaklah ditubuhkan dan berfungsi dengan baik.</p>

## 15.2 JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG – PENGURUSAN HUTAN DAN KEPENTINGANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.1	<p><b>Kerosakan/Kepupusan Flora Dan Fauna Akibat Penubuhan Ladang Hutan Di Negeri Pahang</b></p> <p>Cadangan untuk melaksanakan Projek Ladang Hutan adalah tidak memuaskan kerana Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) tidak menyediakan perancangan yang khusus dan komprehensif dengan mengambil kira impak kepada alam sekitar sebelum ia dilaksanakan.</p>	<p>JPNP berpendapat bahawa pemilihan kawasan telah mengambil kira keadaan tanah, lokasi dan bentuk muka bumi/topografi. Selain itu, kerosakan/kepupusan kepada flora dan fauna merupakan sesuatu yang subjektif. Usaha memelihara flora dan fauna dititikberatkan melalui amalan pengurusan hutan. Penebangan pokok getah diikuti dengan penanaman semula pokok baru. Manakala penggunaan racun kimia yang lebih mesra alam (<i>eco-friendly</i>). JPNP juga memastikan aktiviti rondaan dan sekatan jalan raya diadakan dari semasa ke semasa bagi mengelak pencerobohan kawasan.</p>	<p>Proses pengeluaran hasil hutan di kawasan cadangan Projek Ladang Hutan di H.S Lesong masih berjalan sebelum Projek tersebut diteruskan.</p>

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
3.5.2	<p><b>Kepupusan Flora Dan Fauna Akibat Perlombongan Bijih Besi</b></p> <p>a) <b>Perlombongan Haram Di Taman Negeri Tasik Chini</b></p> <p>Berlaku aktiviti perlombongan bijih besi dan penebangan pokok secara haram di dalam kawasan Taman Negeri Tasik Chini. Kegiatan ini telah menyebabkan kemusnahan flora dan fauna di dalamnya.</p>	<p>JPNP akan bekerjasama dengan agensi lain untuk menjalankan usaha bersepadu dalam membendung kegiatan pencerobohan di kawasan ini di masa akan datang.</p>	Pihak Audit berpuas hati dengan cadangan JPNP.
	<p>b) <b>Perlombongan Bijih Besi Oleh Ibam Mining Sdn. Bhd.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Wujud aktiviti perlombongan bijih besi oleh Syarikat Ibam Mining Sdn. Bhd. yang menceroboh kawasan Tanah Kerajaan dan H.S Ibam sebagaimana yang dilaporkan oleh Unit Penguat kuasa PTG Negeri Pahang.</li> <li>Lumpur dan kelodak yang dikeluarkan daripada kawasan lombong bijih besi telah menyebabkan sebahagian H.S Ibam yang terletak bersebelahan musnah.</li> </ul>	<p>JPNP memaklumkan bahawa aktiviti perlombongan bijih besi termasuk dalam kawasan Tanah Kerajaan. JPNP juga tidak ada menerima laporan berhubung aktiviti pencerobohan yang berlaku.</p> <p>Pejabat Hutan Daerah Rompin mengesahkan berlakunya kemusnahan sebahagian kawasan H.S Ibam.</p>	<p>JPNP perlu mewujudkan koordinasi maklumat dari semasa ke semasa dengan PTG berhubung pencerobohan di dalam kawasan HSK.</p> <p>Tindakan sewajarnya perlu dikenakan terhadap pelesen akibat kemusnahan kawasan H.S Ibam tersebut.</p>

### 15.3 PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI PAHANG - PENGURUSAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.1	<p><b>Dua Modul Masih Belum Dilaksanakan Sepenuhnya</b></p> <p>Dua modul masih belum dilaksanakan sepenuhnya iaitu Modul Pinjaman dan Modul Pelaburan.</p>	<p>Modul Pinjaman dan Modul Pelaburan telah dilaksanakan mulai 1 Februari 2010.</p>	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.2	<b>Tiada Makluman Melalui Sistem Terhadap Bil Yang Masih Belum Dibayar</b> Daftar Bil yang dijana melalui sistem SPEKS tidak memberikan sebarang peringatan secara automatik terhadap bil - bil yang masih belum dibayar.	Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan surat kepada Jabatan Akauntan Negara pada 24 November 2009 berkenaan status pelaksanaan perkara ini dan telah dibincangkan semasa Persidangan Pengguna SPEKS.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
4.5.3	<b>Tiada Makluman Di Dalam Sistem Terhadap Kelewatan Bayaran Bil</b> Tiada kemudahan yang disediakan oleh sistem untuk memberi makluman secara automatik kepada pengguna SPEKS berkaitan bil yang masih belum dibayar atau lewat dibayar dan melebihi dari tarikh yang ditetapkan.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah mengambil maklum cadangan penambahbaikan Modul PTJ Kewangan iaitu mewujudkan Laporan Pembayaran Bil Melebihi 14 Hari. Kajian terperinci akan dibuat dan dijangka penambahbaikan ini dapat digunakan dalam tahun 2010.	Penambahbaikan modul hendaklah dilakukan dengan segera.
4.5.4	<b>Tiada Perubahan Tarikh Penyerahan Penyata Kewangan</b> Tarikh penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri sebelum atau selepas pelaksanaan SPEKS masih lagi antara April hingga Mei.	Pada masa ini, Sistem SPEKS tidak dapat menjana Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai serta Penyata F dan G. Oleh itu penyata tersebut perlu disediakan secara manual. Penyediaan Penyata Kewangan juga mengambil masa kerana melibatkan kertas kerja sokongan daripada PTJ.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
4.5.5	<b>Peruntukan Penyenggaraan Rangkaian Kurang Dibelanjakan</b> Hanya sejumlah RM0.38 juta Akaun Amanah Pengurusan SPEKS telah dibelanjakan bagi membiayai aktiviti pelaksanaan sehingga akhir Januari 2009.	Penyenggaraan rangkaian adalah di bawah seliaan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK). Selain itu, wang amanah SPEKS juga ada memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk tujuan penyenggaraan rangkaian. Pihak SUK memaklumkan akan	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
		menggunakan peruntukan amanah SPEKS tersebut bagi tujuan peningkatan rangkaian di PTJ pada tahun ini.	
4.5.6	<b>Mekanisme Mengesan Pencerobohan Tidak Digunakan</b> Pihak Audit mendapati Akauntan Negeri tidak menggunakan Log Audit bagi tujuan pengesahan pencerobohan.	Pihak JANM memaklumkan perkara ini diambil tindakan melalui pelaksanaan <i>Public Key Infrastructure</i> (PKI) pada tahun ini. Dengan pelaksanaan PKI, pengguna perlu menggunakan kad pintar yang dilengkapi dengan cip dan nombor pin untuk memasuki sistem SPEKS.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
4.5.7	<b>Post Implementation Review (PIR) Tidak Pernah Dilaksanakan</b> PIR tidak pernah dilakukan semenjak SPEKS dilaksanakan.	Sistem SPEKS dikawal selia oleh pihak JANM dan PIR telah dilaksanakan di peringkat JANM.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
4.5.8	<b>Disaster Recovery Centre (DRC) Belum Dibangunkan</b> Latihan pengujian dan pengaktifan masih belum dijalankan memandangkan ia belum siap dibangunkan dan peralatan serta kemudahan masih belum lengkap.	DRC bagi sistem SPEKS adalah bersekali dengan DRC Negeri Pahang yang diselia oleh SUK. Pihak SUK memaklumkan rancangan pembangunannya tertangguh akibat kos penyediaan infrastruktur yang tinggi sehingga mencecah RM1 juta.	Pihak Audit berpendapat DRC perlu dibangunkan dengan segera supaya <i>backup storage</i> dapat dilindungi.
4.5.9	<b>Firewall Activity Log Tidak Digunakan</b> <i>Firewall Activity Log</i> tidak digunakan dan disemak secara berkala.	Penggantian server sistem SPEKS telah selesai pada Julai 2009. Bagaimanapun, <i>Firewall</i> SPEKS serta fungsi <i>Activity Log</i> masih belum diaktifkan. Perbendaharaan Negeri akan memastikan pihak Pembekal mengaktifkan fungsi tersebut semasa pemasangan <i>Firewall</i> yang dijadual pada hujung Februari 2010.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
4.5.10	<b>Jumlah Perisian Yang Terlibat Dengan SPEKS Tidak Diketahui</b> Tiada satu daftar atau senarai lesen perisian sistem khusus disediakan bagi mengenal pasti jumlah perisian yang diguna pakai.	Perisian berlesen yang terlibat dengan SPEKS ialah Oracle.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
4.5.11	<b>Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS Peringkat Negeri Pahang Tidak Aktif</b> Jawatankuasa ini telah diwujudkan tetapi tidak pernah mengadakan mesyuarat semenjak tahun 2006.	Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan mengaktifkan jawatankuasa ini dengan bermesyuarat dua kali setahun dan telah diadakan pada Mac dan Oktober 2009.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

#### 5.4 JABATAN BEKALAN AIR NEGERI PAHANG -

##### **PENGURUSAN KUALITI AIR MINUM**

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.1 (b)	<b>Status Kawalan Keselamatan Di Kawasan Tadahan</b> Kawalan dan pemantauan tidak memuaskan kerana Badan Kawal Selia Air Negeri Pahang (BKSA) belum melaksana penguatkuasaan ke semua kawasan tadahan.	BKSA telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu bersama dengan Jabatan Perhutanan Negeri bermula pada Jun 2009.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan.
5.5.1 (d)	<b>Caj Royalti Air Mentah</b> Pengurusan air mentah tidak memuaskan kerana tiada penekanan terhadap kutipan royalti air mentah.	Tiada caj royalti air mentah dikenakan kepada Jabatan Bekalan Air Negeri Pahang (JBA Pahang).	Pihak Audit berpendapat, caj air perlu dikenakan apabila JBA Pahang dikorporatkan.
5.5.2 (a)	<b>Loji Rawatan Air (LRA) - Kategori Makmal</b> Makmal berpusat di JBA Pahang tidak memuaskan kerana belum beroperasi sepenuhnya. Manakala, Makmal LRA Kuala Terla belum dilengkapkan dengan peralatan bagi menguji air terawat.	Makmal berpusat telah beroperasi sepenuhnya dengan penempatan Pegawai Sains (C41) dan seorang Juruteknik (J17). Manakala, Makmal LRA Terla telah dilengkapi dengan peralatan pengujian kualiti air dan telah diaudit oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada April 2009.	Pihak Audit berpuas hati dengan status makmal berpusat dan peralatan pengujian kualiti air di LRA Terla.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.2 (c)	<b>Loji Rawatan Air-Kakitangan Di LRA</b> Kakitangan berkelayakan dan kompeten Gred C22 dan C17 belum diisi bagi menjalankan ujian kualiti air bagi membantu Pegawai Sains (C41).	Kekosongan perjawatan telah diisikan. JBA Pahang menjalankan latihan dalam bagi mempertingkatkan kompetensi semua pegawai yang terlibat.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh JBA Pahang.
5.5.2 (e)	<b>Loji Rawatan Air - Komponen Yang Digunakan</b> i. Peralatan di LRA Kuala Terla tidak dilengkapi sepenuhnya.  ii. Instrumen <i>On-line Analyzers Monitoring System</i> di LRA Semambu tidak berfungsi. <i>pH Analyser</i> di LRA Kuala Terla dan Nenasi juga tidak berfungsi.	Peralatan pengujian telah dilengkapskan sepenuhnya.  Kerosakan Instrumen telah dikenal pasti dan penyenggaraan telah dibuat.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil dan pengauditan telah dilakukan oleh SPAN pada April 2009.
5.5.2 (h)	<b>Loji Rawatan Air-Penggunaan Fluorida</b> LRA Semambu, Kuala Terla dan Sungai Burung tidak menggunakan Fluorida dalam air terawat.	Pada tahun 2009, penggunaan fluorida di LRA berkenaan telah dibuat dari kontrak pembekalan yang baru dilantik.	Pihak Audit berpendapat, JBA Pahang perlu memastikan fluorida digunakan bagi air yang dirawat bagi semua LRA.
5.5.2 (i)	<b>Pelanggaran Parameter Kualiti Air Bersih</b> Terdapat pelanggaran pH di LRA Semambu dan kekeruhan di LRA Nenasi.	JBA bertindak dengan melakukan pendosan kapur disalur terus ke tangki simpanan air bersih. Manakala di LRA Nenasi pula satu kajian dibuat bagi mengenal pasti faktor kandungan <i>iron</i> yang tinggi dalam air bumi yang menyebabkan berlaku pelanggaran kekeruhan. Bagi perancangan jangka panjang, beberapa komponen LRA akan dinaittaraf bagi mempertingkatkan keberkesanan proses rawatan air bumi.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak JBA Pahang.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
5.5.3 (a)	<b>Tangki/Kolam Imbangan Dan Perkhidmatan - Pemeriksaan Dan Cucian Tangki</b> Jadual pencucian tidak disediakan dan kerja pencucian tangki dibuat secara menyeluruh.	Bermula tahun 2009, JBA Pahang telah melaksanakan Prosedur Operasi Standard bagi penyenggaraan sistem agihan berjadual yang melibatkan aktiviti perancangan, pemeriksaan, pelaporan dan pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan merangkumi komponen tangki air, sistem injap, kerja-kerja scouring, rondaan sistem agihan, pembersihan kawasan tangki, pencucian tangki dan lain-lain secara menyeluruh.	Pihak Audit berharap JBA Pahang sentiasa mematuhi dan melaksana sebagaimana Prosedur Operasi Standard bagi penyenggaraan sistem agihan berjadual.
5.5.3 (b)	<b>Tangki/Kolam Imbangan Dan Perkhidmatan - Keselamatan Kawasan Dan Tangki Air</b> Pagar tidak berkunci, pintu pagar rosak, tiada papan larangan dan tiada pemantauan oleh JBA Pahang.	JBA telah mengambil tindakan penyenggaraan peralatan injap kawalan, kebersihan kawasan tangki, membaiki kerosakan pagar dan memasang kunci dan papan tanda larangan dan melakukan pemantauan secara berkala.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang diambil oleh pihak JBA Pahang bagi memastikan keselamatan di semua kawasan dan tangki air.
5.5.4 (b)	<b>Stesen Pensampelan Air - Reka Bentuk Stesen Pensampelan Air</b> Reka bentuk SPA tidak mengikut spesifikasi tender JKR.	JBA Pahang telah menggunakan reka bentuk piawaian yang terkini dan merangka kerja-kerja naiktaraf stesen pensampelan sedia ada bermula tahun 2009.	Pihak Audit berharap supaya JBA sentiasa mematuhi reka bentuk sebagaimana spesifikasi JKR bagi Stesen Pensampelan Air.
5.5.5	<b>Paip Agihan</b> Tiada jadual program pencucian paip dan program dibuat secara Ad-Hoc apabila aduan diterima.	JBA Pahang telah memperbaiki kelemahan Prosedur Operasi Standard bagi penyenggaraan sistem agihan berjadual dan melaksanakannya mulai tahun 2009.	Pihak Audit berharap JBA Pahang sentiasa mematuhi dan melaksanakan Prosedur Operasi Standard bagi penyenggaraan sistem agihan berjadual.

**15.5 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG, JABATAN KERJA RAYA  
CAWANGAN MEKANIKAL NEGERI PAHANG DAN PEJABAT DAERAH DAN  
TANAH PEKAN - PENGURUSAN KENDERAAN**

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.1	<b>Pengisian Bahan Api Sebanyak Dua Kali Dalam Tempoh Masa Yang Singkat</b>  Sebanyak 24 kes pengisian bahan api dalam tempoh masa kurang dari lima minit melibatkan lima buah kenderaan Pejabat SUK.	Pemeriksaan terperinci telah dilakukan oleh Pegawai kenderaan ke atas bil pembelian bahan api daripada pembekal Smartpay dan Shellcard setiap bulan bagi mengesan pembelian bahan api yang tidak mengikut peraturan atau tidak munasabah.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.
6.5.2	<b>Perolehan Bahan Api Yang Meragukan</b>  Jumlah perolehan bahan api dengan kuantiti yang diisi adalah meragukan kerana kuantiti pengisian adalah satu liter sahaja berbanding jumlah yang dibayar.	Berlaku kesilapan teknikal di pihak pembekal, Superkad Services Sdn. Bhd., yang mana pembelian bahan api sebenarnya dilakukan secara sah pada tarikh dan masa yang dinyatakan.	Pihak Audit berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan.
6.5.3	<b>Perolehan Bahan Api Melebihi Kapasiti Tangki Kenderaan</b>  Sejumlah 112 kes perolehan bahan api bagi tiga kenderaan Proton Perdana V6 Pejabat SUK telah melebihi kapasiti penuh tangki kenderaan tersebut.	Pemeriksaan yang lebih terperinci dilakukan oleh Pegawai Kenderaan ke atas bil pembelian bahan api daripada pembekal Smartpay dan Shellcard setiap bulan bagi mengesan pembelian bahan api yang tidak mengikut peraturan atau tidak munasabah.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.
6.5.4	<b>Penggunaan Bahan Api Jenis V-Power Racing</b>  Tambah kos perolehan bahan api yang ditanggung oleh Pejabat SUK akibat penggunaan Petrol V-Power Racing pada tahun 2008 adalah berjumlah RM2,615 memandangkan harga seliter Petrol V-Power Racing lebih tinggi berbanding kadar harga seliter Petrol Super Unleaded Gas.	Pejabat bersetuju penggunaan bahan api adalah dari jenis Petrol Unleaded Gas sahaja dan Petrol V-Power Racing Shell diberhentikan penggunaannya serta-merta. Pejabat juga telah menghantar surat kepada pembekal supaya kemudahan bekalan bahan api jenis V-Power Racing dihentikan serta-merta.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
6.5.6	<b>Kehilangan Kad Touch N Go</b> Sekeping kad <i>Touch N Go</i> untuk kegunaan di PDT Pekan telah hilang daripada simpanan.	Kad <i>Touch N Go</i> yang dimaksudkan sebenarnya tidak hilang sebaliknya telah digunakan oleh Pegawai Daerah. Ini dapat dibuktikan melalui semakan terhadap pergerakan rasmi Pegawai Daerah Pekan berdasarkan Buku Log Kenderaan rasmi, laporan terperinci daripada Rangkaian Segar dan Buku Pergerakan Harian Pegawai Daerah Pekan.	Jabatan perlulah menyelenggara daftar pergerakan kad dengan lengkap dan kemas kini bagi memastikan pergerakan kad dapat dipantau dengan baik pada masa hadapan.
6.5.7	<b>Kos Penyenggaraan Kenderaan Yang Tinggi</b> Kos penyenggaraan kenderaan bagi empat buah Proton Perdana V6 <i>Executive</i> di Pejabat SUK bagi tahun 2004 hingga 2008 adalah tinggi berbanding dengan kos perolehan kenderaan tersebut.	Beberapa buah kenderaan <i>pool</i> Jabatan telah dihantar untuk disenggara oleh Pusat Servis Proton Edar, Semambu, Kuantan. Namun begitu proses penyenggaraan yang melibatkan penukaran alat ganti adalah agak panjang sehingga mengambil masa selama lima hari. Keadaan ini kurang menepati keperluan penyenggaraan kenderaan terutamanya kenderaan rasmi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang sering memerlukan pemberian segera.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.
6.5.8	<b>Kenderaan Didafarkan Atas Nama Pejabat</b> Dua buah kenderaan PDT Pekan telah didaftarkan atas nama Pejabat.	Tindakan pembetulan butir-butir kenderaan pemunya berdaftar kenderaan di PDT Pekan telah diambil tindakan pada 10 September 2009.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.
6.5.9	<b>Pegawai Kenderaan Tidak Dilantik</b> Pegawai kenderaan tidak dilantik di PDT Pekan untuk menguruskan kenderaan Pejabat.	Pejabat telah melantik Penolong Pegawai Tadbir N27 sebagai Pegawai Kenderaan mulai 3 Mei 2009.	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.
6.5.10	<b>Daftar Pergerakan Kad Inden Tidak Diselenggarakan</b> Lima daripada 29 Kad Inden tidak didaftarkan, manakala sembilan daripada 24 kad yang	Buku Daftar Pergerakan Kad Inden telah diselenggarakan dengan lengkap mengikut	Pihak Audit berpuas hati terhadap tindakan yang telah diambil.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	didaftarkan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	peraturan dan pekeliling yang ditetapkan.	

**15.6 MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN -  
PENGURUSAN TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON**

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
7.5.1	<b>Pewartaan Tempat Letak Kereta Berkupon</b> Tempoh yang begitu lama untuk memohon peletakan hak kuasa dan pewartaan kawasan baru.	Pihak Majlis sedang dalam proses mewartakan tempat letak kereta di kawasan yang belum diwartakan. Proses pewartaan dijangka selesai pada akhir Jun 2010.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil oleh Majlis. Tindakan seterusnya adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.
7.5.4	<b>Pembelian Stok Kupon Jam Bergores</b> Pembelian stok yang berlebihan akan mengakibatkan pembaziran dan penggunaan stor yang luas.	Majlis telah menetapkan paras pesanan minima 50,000 sebulan.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
7.5.6	<b>Sistem Pengurusan Dan Penjualan Kupon Letak Kereta</b> Kelemahan sistem dan kakitangan yang kurang mahir dalam menggunakan sistem tersebut.	Masalah ini timbul disebabkan oleh:  i. Laporan yang tidak tepat dengan rekod manual. ii. Kemahiran/kefahaman kakitangan yang kurang. iii. Hanya satu komputer untuk kegunaan unit stok.	Pihak Audit berpendapat, Majlis perlu berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem yang digunakan.
7.5.8	<b>Prestasi Kutipan Jualan</b> Melalui Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 4 Tahun 2006 kadar sepatutnya sama dengan kadar yang diwartakan iaitu 60 sen. Bagaimanapun, Majlis bersetuju mengenakan caj 45 sen sekeping sehingga penghujung tahun 2006. Sehingga lawatan Audit pada awal Oktober 2008 kadar 45 sen masih diterima pakai.	Mesyuarat Pengurusan Majlis Bil. 8 bertarikh 1 September 2009 telah membuat keputusan bersetuju penjualan kupon dengan diskain 25% iaitu dengan harga 45 sen sekeping diteruskan sehingga tahun 2012.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.
7.5.10	<b>Kompaun</b> Sehingga akhir tahun 2008, sejumlah 8,958 kompaun bernilai RM62,135 telah dibatalkan semenjak ia	Antara sebab kompaun dibatalkan:  i. Kenderaan diguna oleh pemilik baru tanpa ditukar penama asal.	Pihak Audit berpuas hati dengan tindakan yang telah diambil.

	beroperasi mulai Jun 2006.	ii.Kenderaan menggunakan nombor pendaftaran palsu. iii.Membeli kupon bulan/pakej pada hari sama dikompaunkan. iv.Pengguna luar daerah.	
--	----------------------------	--	--

**15.7 AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD -  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.1(d)	<b>Tadbir Urus Korporat - Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan/Audit Dalaman</b> Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993. Audit dalaman juga tidak dilaksanakan.	ASPA berpendapat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan tidak perlu ditubuhkan kerana saiz syarikat yang kecil. Audit Dalaman telah dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan.	Pihak Audit berpuas hati kerana audit dalaman telah dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan yang berperanan sebagai audit dalaman. Namun penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan juga perlulah diberi perhatian.
9.5.2 (a)	<b>Perancangan Strategik - Rancangan Korporat</b> Tiada rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993.	Rancangan korporat telah disediakan namun tidak mengikut tatacara yang dikehendaki oleh Pekeliling berkaitan. ASPA akan menyedia rancangan korporat mengikut kehendak Pekeliling tersebut.	Tindakan perlu diambil dengan segera.
9.5.4	<b>Garis Panduan Dan Prosedur Kerja</b> Garis panduan dan prosedur kerja tidak disediakan bagi memastikan pengurusan operasi dijalankan dengan cekap dan berkesan.	Enam garis panduan telah disediakan iaitu garis panduan berkaitan perlادangan, perhutanan, kesihatan/keselamatan pekerja, pentadbiran dan kewangan.	Pihak Audit berpuas hati kerana ASPA telah menyediakan semua garis panduan yang berkaitan.
9.5.5 (c)(i)	<b>Pembayaran Bonus</b> Bayaran bonus bagi tahun 2005 hingga 2007 pada kadar 5 bulan gaji. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993, mengehadkan hanya kepada dua bulan gaji sahaja kecuali syarikat mencapai keuntungan cemerlang bagi tempoh 3 tahun.	Pemberian bonus adalah merupakan satu insentif kepada kakitangan bergantung kepada prestasi kewangan kerana ada tahun tertentu tiada kenaikan gaji yang diberi.	Pihak Audit berpendapat, pembayaran bonus perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan mengenainya.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
9.5.5 (c)(ii)	<b>Pembayaran Dividen</b> Sejak penubuhannya pada tahun 1974, ASPA tidak pernah membayar dividen kepada Kerajaan Negeri sebagai pulangan kepada pelaburan walaupun ada mencatatkan keuntungan seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993.	Dividen masih belum dibayar kepada Kerajaan Negeri kerana syarikat mahu menjelaskan hutang Kerajaan Negeri terlebih dahulu.	Pihak Audit berpendapat, dividen perlu dibayar mengikut peraturan yang telah ditetapkan mengenainya.
9.5.5 (c)(iii)	<b>Pengurusan Pelaburan</b> Pelaburan dalam syarikat subsidiari telah diperuntukkan rosot nilai berjumlah RM55.93 juta. Selain itu tiada laporan khas bagi menyimpan maklumat dan rekod secara terperinci berkaitan dengan tahun penubuhan syarikat, bilangan pegangan saham, dana dibenarkan dan nombor sijil saham serta prestasi pelaburan dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan pelaburan-pelaburan lain.	Rekod berkaitan pelaburan telah dikemas kini melalui sistem perakaunan.	Pihak Audit berpuas hati kerana rekod pelaburan telah disedia dan dikemas kini melalui sistem perakaunan yang digunakan.
9.5.5 (c)(iv)	<b>Pengurusan Pinjaman</b> Pinjaman daripada Kerajaan Negeri tidak dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.	Pembayaran hutang kepada Kerajaan Negeri telah dibuat pada tahun 2009 dan 2010 mengikut prestasi kewangan syarikat.	Pihak Audit berpuas hati kerana pada tahun 2009 dan 2010 ASPA telah mengambil tindakan bagi menyelesaikan baki pinjamannya.
9.5.6 (b)	<b>Pengurusan Aktiviti - Jualan Rumah Banglo</b> ASPA mengalami kerugian sejumlah RM13,060 bagi jualan lima unit rumah banglo di Sungai Isap dan sejumlah RM0.13 juta bagi jualan tiga unit rumah di ASPA Cottage bagi tempoh 2006 hingga 2008.	Baki rumah banglo yang belum dijual telah ditawarkan kepada kakitangan secara sewa beli dan penjualan kepada pihak luar.	Pihak Audit berpuas hati kerana ASPA telah berusaha memasarkan baki rumah banglo yang masih belum dijual dengan menawarkan kepada kakitangan secara sewa beli.
9.5.8	<b>Analisis Kewangan</b> Secara keseluruhannya prestasi kewangan ASPA adalah tidak memuaskan. Walaupun ASPA mencatatkan keuntungan pada tahun 2003 hingga 2007 namun kerugian terkumpul ASPA hanya dapat diatasi pada tahun 2007. Keuntungan	Syarikat akan cuba mempelbagaikan sumber pendapatan, daripada sebuah syarikat pembalakan ASPA telah melibatkan diri dalam pelaburan saham dan perladangan yang merupakan langkah untuk menambah sumber	Pihak Audit berpuas hati kerana ASPA telah berusaha untuk meningkatkan pendapatannya melalui pelbagai punca sehingga syarikat memperoleh keuntungan sejumlah RM7.5 juta pada tahun 2009.

No. Perenggan	Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa Kini Sehingga 31 Mei 2010	Ulasan Audit
	syarikat adalah bergantung kepada harga komoditi utama dan harga pasaran saham yang tidak menentu.	pendapatan syarikat. Pada tahun 2009 syarikat telah berjaya menjana keuntungan sebelum cukai sejumlah RM7.5 juta.	

## 16. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pada tahun 2008 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 20 November 2009.

## 17. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sehingga 31 Mei 2010, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang (Jawatankuasa) telah membincangkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang. Bagi maksud tersebut Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak tiga kali dan telah meminta Pegawai Pengawal hadir bagi memberi penjelasan kepada Jawatankuasa mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi yang dibangkitkan dalam Laporan berkenaan. Bagaimanapun, Laporan mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan belum lagi dibincangkan oleh Jawatankuasa. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam, selain daripada membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Jawatankuasa juga perlu membuat lawatan ke tapak projek dan juga boleh membuat semakan terhadap perkara-perkara lain yang penting selain dari Laporan Ketua Audit Negara. Di samping itu, Jawatankuasa juga perlu memastikan syor-syor Jawatankuasa diambil tindakan sewajarnya oleh Ketua Jabatan/Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri. Kedudukan perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat sehingga 31 Mei 2010 adalah seperti di **Jadual 17.1**.

**Jadual 17.1**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri**  
**Sehingga 31 Mei 2010 Terhadap Laporan Ketua Audit Negara**  
**Bagi Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2008**

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
1.	25.1.2010	-	<b>Mesyuarat Jawatankuasa/Taklimat Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008</b>
2.	23.2.2010	i. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang ii. Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Pahang iii. Jabatan Agama Islam Pahang	<b>Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008</b> i. Pengurusan Hutan Dan Kepentingannya Kepada Alam Sekitar ii. Pengurusan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) iii. Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)
3.	2.4.2010	i. Majlis Perbandaran Kuantan ii. Jabatan Bekalan Air iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan	<b>Mesyuarat Siasatan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008</b> i. Pengurusan Tempat Letak Kereta Berkupon ii. Pengurusan Kualiti Air Minum iii. Pengurusan Kenderaan

Sumber: Fail Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Pahang, Jabatan Audit Negara



## PENUTUP

## PENUTUP

Secara keseluruhannya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti oleh Jabatan/Agensi. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang tidak diperbetulkan boleh menjaskas pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurang latihan diberi kepada pegawai terlibat, tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor/pengusaha serta tidak mematuhi spesifikasi kerja/bekalan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjaskas pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjaskas imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan berkaitan syarikat, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**25 Jun 2010**